

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 24**

**Selasa**

**8 Mei 2007**

---

**K A N D U N G A N**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006	(Halaman	1)
Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2007	(Halaman	82)
Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2007	(Halaman	97)
Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007	(Halaman	109)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	64)
---	----------	-----

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
Selasa, 8 Mei 2007**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]  
***mempengerusikan Mesyuarat***]

---

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN BELIA  
DAN PEMBANGUNAN BELIA 2006**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semua perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [7 Mei 2007]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya menjemput Yang Berhormat bagi Pasir Puteh untuk menyambung ucapan.

**10.4 pagi**

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya rasa bangga dan bertuah kerana 50 tahun kita akan mencapai kemerdekaan, saya rasa semangat pada pagi ini untuk membincangkan soal belia kerana rang undang-undang yang dinamakan akta ini ialah untuk penubuhan dan juga untuk membangunkan belia di negara kita Malaysia dari aspek pendidikan, penyelidikan dan juga pembangunan sumber manusia, modal insan untuk menubuhkan suatu Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melaksanakan rang undang-undang atau akta pertubuhan belia dan pembangunan belia ini, bagi saya tidak berkemampuan untuk saya membincangkannya. Oleh kerana saya lihat semuanya yang tercatat dalam ini adalah baik. Bagi saya, saya hendak menekankan bahawa dari segi *implementation* dengan izin, di peringkat pelaksanaan, mestilah kita menjalankan dengan adil dan ada kuasa-kuasa yang diberi kepada pihak pengadilan tadi.

Saya rasa perlu saya sarankan empat prinsip yang kita kebetulan pula dalam prinsip yang kedua, prinsip *hadhari* ialah “*Kerajaan Adil dan Beramanah*”. Adil dan beramanah, adil itu ialah meletakkan pada tempatnya. Bagi saya kalau kita beli kasut, walau pun harga RM300, *Clark* misalnya letak di kaki, itu adil. Beli songkok hanya RM50 letak di kepala. Sebab itu saya pakai songkok pagi ini.

Saya hendak menyatakan adil, tidak bermakna mahal murah itu adil. Begitu juga membazir, apa yang kerajaan buat. Kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Kabinet kerana naikkan gaji kakitangan kerajaan. Naik gaji pegawai-pegawai kerajaan bukan kerana ljok, minta maaf rakan sebelah kerana kerajaan memikirkan perlu untuk memberi insentif..., insentif kah apa kita katakan itu, kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang merupakan jentera yang terpenting dalam negara.

Sebab itu sesiapa yang mencabar jentera kerajaan, ertinya dia mencabar diri dia sendiri. Kita Ahli Parlimen sebagai pembuat dasar, yang pelaksanaialah yang sebelah kita. Maka pelaksana ini saya hendak tekankan bahawa ada empat prinsip... *[Bercakap dalam bahasa Arab]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini rang undang-undang belia ataupun .....

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Undang-undang belia. Saya tidak lupa, saya masih ingat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah lari dah itu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Kita hendak supaya tidak membebankan dalam undang-undang yang kita buat ini, tidak lari Tuan Yang di-Pertua sebab saya balik kepada 38 ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hah! Apabila sudah balik okey lah.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Seksyen 38 ini menyebut, kita hendak supaya Majlis ini boleh mengundang mana-mana ahli untuk menghadiri mana-mana persidangan untuk memberi idea. Kenapa kita tidak boleh jemput Ahli-Ahli Parlimen yang ada idea. Bukan sahaja terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang bertanggungjawab dengan belia sahaja, kita hendak supaya Ahli-Ahli Parlimen seperti Yang Berhormat bagi Jasin yang kuat bercakap, banyak idea tentang belia, seperti Yang Berhormat bagi Mambong, seperti .....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tidak, tidak. Saya..., saya lupa tadi, Abang Mat saya, Aziz. Ini semua ini orang yang mempunyai .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, kawasan Dewan.....

- Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** .....Idealisme yang baik.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kawasan Dewan.
- Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ya.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kawasan Sri Gading.
- Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Sri Gading, minta maaf. Yang lain sebelah kita.....
- Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tengok, tengok.
- Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tengok, tengok sahaja... [*Dewan riuh*]
- Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tengok, tengok.
- Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Hadhari, hadhari.
- Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya tengok sahaja.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Batu Gajah .....
- Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Juga yang rakan saya Yang Berhormat bagi Pasir Mas hari ini tidak ada Yang Berhormat. Saya sayanglah.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Batu Gajah itu masih belia Yang Berhormat.
- Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ya, masih belia. Saya akui dia belia, tetapi saya tengok-tengok dahulu, jadi yang Pasir Mas pun hari ini tidak ada...
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [*Bangun*]
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading bangun Yang Berhormat.
- Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Oh! Baru hendak *start* enjin, bolehlah. Terpaksa kena bagi.
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Sebelum saya mencelah ucapan kakanda saya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh al-Hadhari, ini tokoh al-Hadhari yang sangat membanggakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ahli Parlimen bagi Pasir Puteh, saya hendak mengalu-alukan kehadiran, kedatangan tetamu kita daripada kawasan Jasin pada pagi ini...[*Tepuk*]
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sepatutnya Yang Berhormat bagi Jasin yang cakap, bukan Sri Gading.
- Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...Tetapi oleh sebab saya dapat mencelah terlebih dahulu, jadi pagi yang hening ini, yang aman tenteram dan bahagia ini Tuan Yang di-Pertua, jadi kita alu-alukan. Kita bangga sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia berdedai-dedai datang ke Parlimen untuk menyaksikan persidangan, satu Dewan yang paling tinggi di negara ini. Mudah-mudahan mereka dapat semangat .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat, panjang sangat itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** .....Terus memberikan sokongan kepada kerajaan. Itu sebabnya kita di Ijok menang besar. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, dasar pendidikan kita..., dasar pendidikan kita boleh dikatakan berjaya dan tak usah kata boleh, memang berjaya dari soal memberikan pendidikan kepada rakyat.

Dari soal memberikan pendidikan kepada rakyat dan rata-rata, Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara kita ini menjadi rakyat yang berpendidikan, sekurang-kurangnya pandai membaca, menulis dan mengira tetapi nampaknya pendidikan yang kita telah jayakan kepada rakyat, mereka ini ada satu kekosongan, kekosongan jiwa, lemah jati diri, tidak mempunyai daya tahan yang kukuh. Di mana silapnya? Di mana silapnya, bahawa kebanyakan anak muda kita, lelaki dan perempuan terdedah kepada perkara-perkara yang sebenarnya amat menakutkan kita kerana generasi hari ini ialah generasi yang insya-Allah akan meneruskan perjuangan kita.

Jadi, bagaimana jiwa kosong, jati diri dan tidak ada daya tahan ini, setelah mereka mempunyai pendidikan tetapi semangat batiniah, kalau boleh saya sebut semangat batiniah sebagai seorang tokoh agama Islam Hadhari, bagaimana agaknya nasihat Yang Berhormat bagi Pasir Puteh? Terima kasih.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih, Yang Berhormat abang saya. Dia panggil saya abang, saya rasa muda lagi.... [Ketawa] [Disampuk] Saya masih belia. Sepuluh orang diberi belia yang berjiwa luhur, nescaya dunia dapat goncang, bukan Malaysia. Hendak jawab yang tadi, pelajaran. Pelajaran, pendidikan, ada dua beza. Apabila Yang Amat Berhormat tengok pendidikan dan pelajaran, dua-dua penting bagi satu menteri lagi, Menteri Pengajian Tinggi, bijak, bijaksana. Yang Amat Berhormat bijaksana, yang dulu bijak-bijak tetapi ini bijaksana, sini dan sana.... [Ketawa]

Pelajaran ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahir sangat sebab saya ambil *Syariah Law*, saya tidak ambil *Civil Law*. Barangkali Ketua Pembangkang tidak ada hari ini, kalau ada dia bangun. Pelajaran ada kurikulum, ia ada kokurikulum tetapi kena tambah satu lagi pembinaan sahsiah, batiniah *because, sorry* Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa] Saya baru balik luar negara itu hari dok bercakap Orang Putih.

Sebenarnya pembinaan sahsiah inilah yang paling penting. Sebab itu kalau kita tengok hari ini, saya tidak berapa bangga walaupun kita harus bangga *exam oriented*. Kita harus bangga tetapi tidak seberapa bangga kalau yang dikatakan oleh Yang Berhormat abang saya tadi, bagaimana batiniahnya? Itulah personaliti hendak membina sahsiah tadi ialah pembangunan fizikal, pembangunan spiritual. Kalau dua ini tidak seimbang, pincang sebab itu *science without religion*, dengan izin, *is blind*. *Religion without science is blind*.

Betul kah itu?... [Ketawa] Betul kot. Kalau Tengku Perlis kata betul, adik bekas Agong dulu kalau kata betul, betul lah... [Ketawa] Walaupun bekas Agong sebab dia sama masuk

politik dengan saya selepas makan sup ekor. Jadi, *clear* itu. Kita hendak biarlah kita menekankan soal *exam oriented*, tetapi kita mesti menekankan soal pelajarannya, pembinaan sahsiah ini. Pakar-pakar kita ada, tidak perlu pakar dari luar. Bagi saya untuk *ethics* ini tidak perlu kita ambil daripada negara luar. Orang kita ada kepakaran.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pendidikan. Pendidikan ini saya kena tengok teks sedikit ialah implikasi pendidikan yang amat besar ia lahir empat perkara, tadi pelajaran. Pertamanya ialah fizikal, intelektual, sosial dan emosi. Di mana kita *slack* hari ini? Sosial! Ini kerana tidak beri penekanan. Di mana kita *slack* lagi? Emosi. Logikal *mai*, emosional *mai*, dengan izin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jasin.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Sila.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh yang berasal dari Kelantan. Kelantan pada hari ini diperintah oleh Kerajaan Pas yang kononnya menegakkan Islam. Ia juga ada juga Exco belia yang menjaga belia-belia dekat Kelantan. Yang kita cakap tadi tentang sahsiah, tentang sosial tetapi saya lihat dalam surat khabar dan kita lihat di mana-mana masalah sosial juga berlaku berleluasa di Kelantan. Apa ini? Bagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi? Apa pendapat, Yang Berhormat? Betul atau tidak cakap saya ini?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih. Satu lagi abang saya, Yang Berhormat bagi Jasin sebab dia sudah putih, saya belum putih lagi... [Ketawa] Saya tidak menentang, malah saya menyokong hendak membangun bersama Islam. Ini kena dengar, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, tidak ada tengok *hansard* esoklah. Saya tidak menentang hendak menjadikan Perbandaran Kota Bharu, Bandar Raya Islam. KJ kita ada, Yang Berhormat Kamarudin kita. Tumpat, wakil tumpat ada.

Kita tidak menentang hendak jadi semua ini, benda molek. Membangun ialah untuk Islam, comel tetapi bab *implementation*, dengan izin. Ini yang kita hendak tengok. Sejauh mana pelaksanaan tadi, sebab itu ia kata Islam ini maju, Islam ini kuat kalau masyarakat Islam kuat. Sebab itu Pak Lah kata, kita hendak bangun masyarakat Islam Hadhari, bukan hendak bangun Islam. Islam sudah kuat, Tuan Yang di-Pertua. Dari dulu, zaman Rasulullah, Khulafa' Ar-Rasyidin, Abassiyah, Umaiyah. Apa lagi hendak sebut?

Ini sudah kuat tetapi masyarakat Islam empat ratus tahun lebih dijajah, diputar belit oleh penjajah, lima penjajah raksasa yang besar, kita jadi pening, jadi Islam Kristian, Islam Hindu dari segi budaya hidup.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** [Bangun]

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat bagi Ketereh, saya tidak boleh hendak buat apalah fasal dia Ketua Penerangan Kelantan... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Sebelum Pasir Puteh naik ke langit, pergi ke laut dan mengembara lebih jauh, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ada menyebut mengenai pembinaan sahsiah.

Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, dalam akta belia hari ini di antara perkara yang boleh dirangkumkan, menepati kehendak yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh iaitu membina sahsiah dan membina akhlak belia ialah dengan termaktubnya bahagian tujuh iaitu penubuhan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia yang mana fungsi-fungsi dan tujuannya ada dinyatakan dalam pelbagai perkara termasuklah dalam menjalankan program bercorak pendidikan dan kesedaran untuk menggalakkan pembangunan belia tetapi apa yang saya perhatikan dalam fungsi institut ini tidak disebut secara khusus mengenai pembinaan akhlak atau pembinaan sahsiah yang sebenar dalam pembentukan Institut Penyelidikan Belia ini, yang disebut hanyalah mengenai pembangunan fizikal biasa dan kursus-kursus biasa.

Apabila Yang Berhormat bagi Pasir Puteh menyebut perkara yang sedemikian, maka apakah cadangan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh untuk kita memperkasakan lagi Institut Penyelidikan Pembangunan Belia ini menjadi pasukan belia yang benar-benar faham tentang akhlak dan adabnya apabila menjadi pemimpin di masa akan datang. Pohon penjelasan.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih sahabat seperjuangan saya, Yang Berhormat bagi Ketereh. Polis, pun saya bela dia, sebab umur empat belas tahun, *train* untuk memandu, beri lesen kerana pergi sekolah naik motor tidak ada lesen. Saya sokong dia. Saya tidak marah pada polis, saya tidak marah pada dia, tetapi itu Hadhari. Jadi, saya hendak menyatakan bahawa kalau kementerian, pihak kementerian berfikir, kalaulah kita kata akta ni tidak boleh di ubah, esok bawa balik kita buat ceraian pindaan. Kalau boleh pun hendak segera kita buat cara pengurusan pentadbiran.

Di dalam negara ini ada dua sahaja, undang-undang akta ia punya *circular*, pekeliling, yang keduanya ia boleh dibuat secara bentuk *circular*, pekeliling ataupun arahan pentadbiran. Kita masukkan lagi salah satu *method*, *manhaj*, dalam bahasa Arab, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *method* ialah hendak supaya sahsiah ini perlu diberi dalam bentuk akhlak. Bagi saya hendak mengajar belia niaga saya sudah lancar dengan menteri pergi Pasir Puteh. Bagi geran begitu banyak, berpuluh ribu, belia niaga. Ini adalah *physical development*, tetapi bagaimana pula *spiritual development*? Kena beri dalam bentuk akhlak tadi. Nilai-nilai personaliti sahsiah tadi.

Oleh sebab itu saya kata dalam pendidikan, mesti bermula dengan bukan dia diberi pelajaran di Tadika tetapi dia dididik bagaimana menghormati orang tua, menghormati guru dan menghormati pemimpin. Ini apabila pergi ke peringkat universiti, kurang menghormati pemimpin

sebab kita tidak mendidik dia daripada rebung. Ramai Yang Berhormat semalam menyebut, jangan sudah menjadi aur baru kita hendak bentuk, mesti bentuk daripada rebung. Bagi saya rebung ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak payah bentuk pun. Kita buat sayur gulai kuning dengan ikan masin pun sedap tetapi kalau sudah tua, jadi aur potong pun tidak ada orang hendak makan.

Inilah maknanya saya hendak kita mendidik mula daripada kecil. Kurikulum prasekolah mesti harus balik kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi iaitu pembinaan sahsiah. Mesti ada dalam *method* itu, dalam kurikulum itu pembinaan sahsiah.

Baiklah, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua suruh saya berhenti...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat, boleh saya sambung sedikit lagi?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Allah, saya ingat sudah hendak *landing*. Silakan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih, sebenarnya bukan sahaja pembinaan sahsiah, tetapi saya daripada semalam memerhatikan pembinaan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia ini tidak sedikit pun menekankan soal pembangunan rohani, soal pembangunan, membina atau menceritakan mengenai sejarah perjuangan bangsa atau sejarah kemerdekaan negara sehingga menyebabkan belia kita pada hari ini tidak tahu asal usul mereka, tidak tahu sejarah perjuangan kemerdekaan bangsa kita. Kemudian dalam akta ini kita hendak menubuhkan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia. Bagaimana kita hendak membangunkan belia sekiranya mereka sendiri tidak diberitahu tentang sejarah hidup mereka, masa depan mereka, masa silam mereka?

Kalau ini tidak ditekan dalam institut penyelidikan seperti ini, saya yakin kita hanya sekadar membuat akta, kita membuat satu lagi institut, kita melantik satu lagi lembaga pengarah, kita melantik satu lagi pengarah dan akhirnya ia menjadi seperti institut-institut lain yang ada, tanpa memberi kesan impak yang benar untuk membentuk belia yang kental jiwanya. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Nampaknya bertambah berat hendak menjawab. Saya rasa semangat patriotik di kalangan belia ini kita perlu heatkan. Jangan kata kita hendak tahu bab Cheng Ho masuk ke Melaka, yang puteri China masuk ke Melaka mengislamkan kita ini, siapa namanya?...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Hang Li Po.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Hang Li Po. Yang Berhormat bagi Tangga Batu ada. *Correct me, right or wrong*, dengan izin.... [Disorak] Puteri Hang Li Po datang, berkahwin dengan Parameswara, berubah jadi Sultan Mahmud, masuk Islam, Islam Kelantan. Kalau tidak Yang Berhormat bagi Tumpat, abang saya, saya panggil abang juga, kita di Kelantan pun tidak merasai Islam kalau tidak takdir Tuhan membawa Hang Li Po itu, atau bagaimana? Sudah tidak ingat lagi bab itu tetapi yang hendak jawab tadi, bagaimana kita hendak

mempertingkatkan *spiritual* dalam pembangunan belia ini, saya minta Rakan Muda pun, Yang Berhormat bagi Ketereh, tengok balik kurikulum Rakan Muda. Saya dulu pun duduk dalam itu semasa di JAKIM tetapi saya rasa ada nilai-nilai sahsiah tetapi tidak diberi penekanan. Banyak seronok daripada yang tidak seronok. Jadi kita beri juga yang tidak seronok ini, atau bagaimana supaya belia-belia kita menjadi baik...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya bagi Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sila.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. *I cannot 'korek' you, if you're right...[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menyebut tentang penglibatan pembangunan sahsiah belia. Apa komen Yang Berhormat atau saya minta penjelasan Yang Berhormat, kalau hari ini kita menetapkan partisipasi orang muda ataupun belia di dalam proses kerajaan membuat keputusan. Apa kata kalau Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada kementerian, buat kerjasama dengan mana-mana kementerian supaya di peringkat kerajaan tempatan, ada wakil belia, wakil pemuda mewakili ataupun dilantik sebagai ahli-ahli Majlis secara tetap setiap sesi bagi menampakkan penglibatan orang muda di dalam membuat keputusan di peringkat Majlis Perbandaran, Dewan Bandar Raya dan juga Majlis Tempatan yang lain, apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya tengok dalam keanggotaan perundingan Belia Negara ini yang akhir sekali ini tidak lebih daripada 20 orang yang pada pendapat Yang Berhormat Menteri boleh menyumbang secara berkesan kepada pembangunan belia yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri. Menteri kena tengok. 25 orang ini kita pilih yang benar-benar, jangan pilih yang duduk dalam itu macam perfileman. Kita hendak menapis filem, ambil yang tua-tua, kemudian tidur, Tuan Yang di-Pertua. Selepas 10 minit, yang hebat-hebat itu terlepas. Bila dia sedar, lulus. Ini saya tidak perlu filem ini. Minta maaf, jangan marahlah. Ia di bawah Hal Ehwal Dalam Negeri kah? Jangan marahkan saya. Saya hadhari, saya terpaksa komen. Bagilah yang muda-muda. Yang ini pun anggota-anggotanya bagi yang layak, yang ada *knowledge* tentang belia ini dan juga yang boleh membantu melaksanakan akta ini.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya minta izin, dia sudah dua kali bangun, nanti dia marah saya.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya sangat bersetuju supaya perhatian yang khusus diberikan kepada aspek sahsiah itu kerana cabaran yang sangat besar kepada belia-belia kita pada masa ini. Sebenarnya saya hendak menyentuh tadi satu fasal yang penting dalam akta-akta ini, Fasal 38, di mana peluang dan ruang diberikan oleh individu yang mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam aspek belia ini harus juga dilibatkan.

Saya hendak tahu pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, individu yang macam manakah, umpamanya sekarang ini kita perlu ada satu kesinambungan antara golongan belia yang bawah umur 40 tahun ini dengan yang di atas. Wajar kah Majlis ini digunakan kesempatan untuk itu dan kalau dilihat di situ, 20 orang sahaja yang akan diberi peluang. Itu satu.

Keduanya, nanti di peringkat negeri nanti, apakah ini juga harus dikembangkan. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh? Terima kasih.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih. Saya tidak dapat memberi yang baik itu macam mana, tetapi saya hendak supaya yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas. Kita tidak hendak hanya boleh baca ayat Quran, baca hadis tetapi hendak *elaborate* tidak boleh dan pelaksana pun susah. Kita hendak adunkan antara intelektual yang mempunyai akademik Islam dengan pelbagai bidang akademik ini supaya kita dapat adunkan fitrah ini. Kita hendak cari orang yang macam inilah. Kalau kita hendak cari orang yang macam Rasulullah, *sorry* lah rakan sebelah. Contohnya Rasulullah ulama umarak. Hari ini ada ulama tidak berstatus umarak, ada umarak tidak berstatus ulama tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini, kita boleh gelar dia umarak bercirikan ulama, khalifah, sebab dia tahu Quran, tahu hadis tetapi tidak zaman Rasulullah dulu. Rasulullahlah ulama, umarak satu *body* hanya berciri. Hari ini kalau kita tengok di Kelantan pun ulama, pemimpin ulama tetapi umarak tidak berapa hebat sebab yang mentadbir dan mengurus itu adalah umarak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Jadi, ikut sunah. Nabi umur 40 dilantik menjadi nabi tetapi tidak dilantik umur 30 kerana kematangan. Maka apabila kita ikut sunah kita akan berjaya. Bagaimana dididik hebat waktu remaja, waktu belia Rasulullah sehingga dia menjadi seorang jaguh, panglima dan pemimpin dunia? Tiga suku dunia dia dapat takluk kerana adalah dididik daripada belia yang menjiwai keceriaan, daya tahan, jati diri, soleh. Ha, itu dia! Kita ini banyaknya toleh. Minta maaf, yang bukan Islam pun tahu, baik dan jahat. Soleh baik, toleh jahat. Dia pun tidak suka yang jahat.

Kenapa berlaku jahat? Kerana belia-belia hari ini, pertubuhan-pertubuhan belia hari ini ialah wujud, ada seperti tidak ada, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ada seperti tidak ada di sesetengah tempatnya tidak berkesan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Larut bangun...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh bertanya sikit Yang Berhormat, sebelum penutup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya terpaksa bagi kerana ini Pemangku Presiden BBNBC, terpaksa.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya cukup tertarik dengan pandangan-pandangan Islam, orang yang pernah duduk dalam JAKIM, saya tidak mempertikaikanlah sebab pengalaman Yang Berhormat begitu luas.

Tadi mungkin Yang Berhormat terlalu asyik dengan semangat menyebut soal belia dari sudut Islam sehingga Yang Berhormat memberi satu pandangan yang baik dari sudut junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w. tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat cuba menggambarkan bahawa kematangan belia itu selepas 40 tahun kerana tadi Yang Berhormat ada sebut.

Jadi, apakah Yang Berhormat melihat dari sudut Islam bahawa umur 40 tahun ke bawah ini tidak diambil kira daripada sudut pandangan Islam? Ini perlu diperjelaskan. Kalau itu yang perlu diperbetulkan, kita perlu perbetulkan, kita kena perbetulkan. Kerana pandangan-pandangan fatwa daripada alim ulama kita, mufti sendiri dia terpaksa menegur, kalau baru-baru inilah Mufti Perak sebagai contoh, dia menegur *Jom Heboh*, bahawa *Jom Heboh* itu kalau mengikut tafsiran dia haram. Tidak boleh dilaksanakan kerana percampuran. Sudah tentu apabila disebut perkara ini, ia mendedahkan kepada remaja, mereka yang bawah umur. Apa pandangan Yang Berhormat, yang ada pengalaman. Walaupun Yang Berhormat telah meninggalkan JAKIM, saya percaya pandangan-pandangan Yang Berhormat perlu juga diambil kira. Terima kasih.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Yang ini Tuan Yang di-Pertua berat saya hendak jawab. Saya ambilkan sebahagian ucapan saya, supaya kementerian ambil perhatian sebab *Sure Heboh* nya, *Akademi Fantasia* nya, ada mesej, tetapi mesejnya memberi kesan tidak membina lebih banyak. Ini yang saya bagi, kena ubah suai balik, *realignment* balik, *re-engineering* balik, *restructuring* balik, terima kasih. Kita kena bagi Yang Berhormat bagi Santubong abang saya.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasihlah adik saya bagi peluang kepada abang bercakap pada pagi ini. Saya amat tertarik sekali apa yang disebut oleh Yang Berhormat dua perkara. Satu, soalan bimbingan belia. Sebagai contoh Yang Berhormat sebutkan Nabi Muhammad s.a.w. tetapi ada segelintir penulis menyebut bahawa Nabi Muhammad bukan mendapat bimbingan daripada manusia, bahkan mendapat bimbingan daripada Tuhan dan menerusi malaikatnya.

Itulah kenapa Nabi Muhammad tidak mempunyai pengaruh daripada luar lain dalam membimbing Nabi Muhammad menjadi seorang Nabi yang unggul kerana ayahnya meninggal sebelum Nabi dilahirkan dan ibunya meninggal selepas itu dan dia dibimbing dan dibawa ke padang pasir di mana pengaruh manusia tidak banyak mengena Nabi Muhammad s.a.w. Jadi dalam keadaan sedemikian, Allah telah membimbing Nabi Muhammad menjadi seorang hamba yang kamil, yang tidak ada tolok bandingnya dari segi keperibadiannya, dari segi spiritualnya, daripada apa sahaja segi. Jadi, Baginda seorang yang tidak ada dapat dibandingkan oleh manusia.

Jadi, amat berlainan dengan bimbingan manusia. Jadi, dalam konteks itu juga ada seorang imam, apabila sampai ke... imam ini melawat ke dua negara, yang melawat ke Perancis dan selepas itu dia melawat ke Egypt. Sebab Egypt dan Perancis ini berlainan tempat, satu negara Kristian dan satu lagi negara Islam. Apabila dia sampai, dia kata, di Perancis, saya nampak Islam tetapi saya tidak nampak Muslim. Apabila saya sampai ke Egypt, ke Kaherah, kata dia, / nampak Islam tetapi / *don't see* Muslim. Sebabnya mengatakan ini ialah keperibadian orang Egypt dipandang oleh imam ini ialah kurang keislaman di antara orang Egypt, tetapi lebih keperibadian, keislaman dipandang di negara Kristian iaitu di negara Perancis. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Saya baca nas, Tuan Yang di-Pertua dengan izin... [*Membaca pepatah Arab*] makna mudah sahaja, Yang Berhormat bagi Batu Gajah faham Bahasa Arab, dia kata, 'Aku tengok Islam tanpa orang Islam di Perancis, di London di mana, aku tengok orang Islam tetapi tanpa Islam di 'Sharkei', itu fahamlah Timur Tengah apa semua ini, kita tahu bahawa amalan Islam ini bukan sahaja kita amal, saya tengok ramai orang bukan Islam mengamalkan ajaran Islam, tetapi dia tidak *declare* dia *convert* kepada Islam, sebab nilai-nilai murni, nilai-nilai sejagat. Contohnya masa, waktu dia jaga, *never put after tomorrow* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *but you can do today*.

Jangan tunggu sampai esok, hendak buat, buat hari ini. Jangan tutup fail buat besok, kalau boleh selesai hari ini, itu masa. Kita ada *time management*, kita ada buat, tetapi kita masih lagi tidak mengamalkan *time management*. Kalau kita mesyuarat, saya mesyuarat tetapi tidak boleh sebut cerita partilah, masa saya mesyuarat dalam kerajaan dahulu. Kalau kata pukul 10.00, mesti *start* 10.30. Paling-paling cepat 10.15. Kalau orang putih, kalau hendak mesyuarat pukul 10.00, *10 minutes before, not after* dengan izin. Ini ertinya dikatakan nilai-nilai murni dalam masa diamalkan oleh bukan Islam. Orang Cina, minta maaf dengan izin, suku kaum Cina, saya duduk Sarawak 12 tahun, sebelah rumah saya Cina semua, saya seorang duk tengah Datuk Wan tahu, di Jalan Pisang, *Pisang Road*.

Sebelum subuh dia sudah bangun, keting!... [*Membuat bunyi pintu dibuka*] Dengar pintu dia buka, saya belum sembahyang subuh, dia sudah bangun, dia *exercise*, maka dia panjang umur kerana bangun pagi, bukan Islam tetapi dia mengamalkan riadah waktu pagi belum saya

sembahyang subuh, dia sudah berjalan, baru balik selepas saya sembahyang subuh, sebab waktu dia sembahyang subuh, dia boleh bila-bila. Dia sembahyang subuh. Saya sembahyang subuh, dia berjalan *round*, sihat sebab itu kalau kita tengok, mana-mana yang rumah panjang kerana dia jaga waktu dia jaga kesihatan. Saya hendak gulung Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Kita minta ... tanya, cukuplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Jadi, saya hendak supaya pembinaan dalam kurikulum institut ini mesti ada prinsip-prinsip Rukun Negara, mesti ada nilai-nilai murni yang telah diterapkan melalui perkhidmatan awam, Tunggak 12 apa lagi, dasar kualiti ini kena pasang betul-betul, kalau kita hendak membina sahsiah yang baik.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, sedikit, yang hujung-hujung. Saya hendak.... minta penjelasan dengan Yang Berhormat. Tadi saya bangkitkan apabila Yang Berhormat kata berat, ini kira masalah berat, masalah haram halal yang membabitkan dari segi modal insan, bina insan belia kita. Contoh-contoh yang baik, saya minta Yang Berhormat tadi dari sudut Islam.

Kalau tadi, pandangan ulama kita yang kita letak di peringkat atas, selama ini fatwa, haram, kita kena ikut. Kalau hari itu adakan pameran hantu ke, pameran jin ke, Kerajaan Negeri Sembilan, turut kerana itu adalah merupakan pandangan fatwa. Jadi, pandangan ini sebagai contoh *Jom Heboh* tadi yang dibuat oleh TV3 sebagai contoh, barangkali mungkin ada lagi yang dianjurkan oleh stesen-stesen media, TV, elektronik dan sebagainya. Jadi inilah yang kita hendak. Kalau dikatakan haram, apa pandangan Yang Berhormat perlu kah mereka ikut, patuhi dengan apa yang telah diberikan oleh ulama kita, terutama sekali yang berkaitan dengan pembentukan nilai-nilai akhlak belia kita. Terima kasih.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih, itu baru saya faham. Tadi tidak berapa faham soalan tadi, tinggi, ini ada rendah sedikit. Dia mengatakan fatwa ini, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim tidak ada hari ini, SUP tidak ada hari ini, dia patut jawab, tetapi saya jawab. Fatwa ialah Jemaah Fatwa Negeri dilantik oleh sultan, Jemaah Fatwa Negeri hendak putuskan sesuatu. Di peringkat kebangsaan, ada Pengerusi Majlis Fatwa dilantik oleh Agong, direstui oleh Raja-Raja. Ada kaedah kita buat kerja, bukan dalam gelap. Maka apabila mufti beri pendapat dia, itu pendapat mufti, bukan fatwa.

Kena faham itu, apabila hendak jadi fatwa mufti, dia pengerusi kepada fatwa negeri, dia kena bawa kepada Majlis Fatwa bersidang, bincang, *report* balik kepada kitab-kitab muktabar, kitab-kitab yang besar. Tengok apa berlaku di London, apa berlaku di Mesir, apa berlaku zaman Rasulullah, bawa fatwa. Ini baru jadi fatwa tetapi, kalau pendapat mufti, itu ialah pendapat mufti, tidak semestinya kita boleh pakai seluruh Malaysia. Ini kena faham, tetapi apabila mufti pun

keluarkan pendapat mengatakan benda ini salah, kita kena ambil iktibar, ambillah perhatian, sebab jangan kita lawan pendapat ulama.

Maka sebab itu agensi-agensi kementerian yang ada 28 ini, kena ikut apa yang dibuat oleh *lead agency* JAKIM, sebab itu saya katakan JAKIM merupakan *lead agency*, yang pembuat dasar tentang Islam bawa kepada Majlis Kebangsaan, bawa Majlis Fatwa apabila diajukan oleh negeri-negeri baru kita laksanakan mengikut dasar-dasarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah cakap dekat 50 minit.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ya, jadi saya minta izin gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Berapa kali gulung Yang Berhormat, cukuplah.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tadi hendak gulung Yang Berhormat bagi Larut bangun, sebab itu saya hendak tahu, siapa yang bertanggungjawab di negeri, kuasa agama negeri ialah Raja.

Kita kena akur, kita tidak boleh lawan negeri-negeri yang membuat fatwa, kita kena akur. Peringkat kebangsaan ialah JAKIM *lead agency*, ia ada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, direstui oleh raja-raja supaya melihat perkembangan akidah umat Islam, sosial umat Islam dan makanan halal umat Islam. Ini semuanya adalah di bawah tanggungjawab JAKIM. Maka JAKIM kena proaktif dan kena lebih hebat lagi.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya hendak supaya prinsip Rukun Negara ini juga masuk dalam kokurikulum institut ini kerana kepercayaan kepada Tuhan. Semua agama ada Tuhan, kalau yang tidak ada Tuhan dalam Malaysia ialah komunis. Semua ada Tuhan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Ya, yang keduanya ialah kesetiaan kepada Raja kita dan negara, keluruhan Perlembagaan, kedaulatan undang-undang, kesopanan dan kesusilaan. Cukup, kalau kita dapat terapkan sudah menjadikan belia remaja yang mempunyai semangat patriotik, sayang tanah air, sayangkan bangsanya kerana kita bangsa Malaysia adalah *multi-religious, multicultural, multi-society*, dengan izin. Saya menyokong penuh Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Maran.

**10.41 pagi**

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006.

Tuan Yang di-Pertua, belia adalah merupakan aset negara dan di negara kita daripada jumlah penduduk sebanyak 26 juta orang, 41% lebih adalah terdiri daripada belia. Ini bermakna

lebih daripada 11 juta penduduk adalah anak-anak kita yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun. Saya Tuan Yang di-Pertua, umur ini adalah umur paling berharga dalam hidup kita dan negara kita.

Sebenarnya belia bukan sekadar kita berbicara tentang orang muda, remaja dan sebagainya. Belia adalah masa depan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Belum habis lagi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Sikit sahaja. Terima kasih. Saya tertarik dengan Yang Berhormat bagi Maran ini kerana dia duduk dalam belia, bekas pegawai belia, orang mahir tentang belia dan tahu tentang masalah belia. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Maran, persepsi Yang Berhormat bagi Maran terhadap belia semasa Yang Berhormat berada dalam pentadbiran kerajaan khusus tentang belia dengan belia yang ada pada hari ini, apa bezanya?

Apakah dilihat bahawa belia perlu menjurus kepada bimbingan yang begitu terperinci sehinggakan kita terpaksa mengubah had umur, kita kena menjaga mereka supaya mereka ini tidak bebas, sebagaimana akta yang ada ke atas belia pada hari ini. Itu saya minta dari segi pengalaman Yang Berhormat seorang yang pernah terlibat secara langsung dalam mentadbir belia pada hari ini. Apakah pada zaman Yang Berhormat itu, belia-belia tidak ada masalah barangkali. Mungkin pada hari ini kerana kita terjurus kepada banyak sangat pendedahan, maka apa yang timbul kepada akta ini yang terpaksa kita pinda.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Larut. Sebenarnya perbezaan antara kepimpinan belia dahulu dan sekarang adalah berbeza. Untuk kita terlibat dalam persatuan belia kita mestilah ada tiga sifat utama. Yang pertama ialah pengorbanan, yang kedua ialah keikhlasan dan yang ketiga ialah amanah. Sifat ini penting. Sebab itulah kalau kita hendak terlibat dengan persatuan belia, kita mesti mempunyai sifat-sifat ini.

Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tua tetapi bukanlah belia purba maknanya yang seperti yang disebutkan oleh kakanda Ketereh dan sahabat-sahabat yang lain. Saya hanya berumur lebih kurang 50 tahun, tetapi saya masih lagi memegang kepimpinan belia di peringkat kebangsaan, negeri dan juga daerah kerana sebenarnya saya sayang kepada belia-belia ini. Saya sudah sebutkan tadi bahawa 40% hampir separuh daripada rakyat negara kita ialah orang belia, remaja. Pada saya, kita bukan hanya meletakkan pada umur sahaja. Sebenarnya masa depan sama ada kecewa, cemerlang dan sebagainya negara kita adalah tetap kepada belia. Masa depan pada masa belia bukan sekadar harapan. Saya tidak meletakkan sebarang...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Sikit sahaja Yang Berhormat, *last*. Terima kasih Yang Berhormat. Bermakna kesimpulannya Yang Berhormat, bahawa kelumpuhan dan kelemahan belia pada hari ini bukanlah semata-mata kerana umur tetapi adalah kerana kedudukan kewangan untuk mentadbir belia itu sendiri. Bererti kalau boleh macam saya katakan semalam, belia biasanya berumur 40 tahun ke bawah tetapi dari sudut kepimpinan kita mesti melihat semula kepimpinan belia itu sepertimana Yang Berhormat sebutkan tadi kerana kita masih lagi memerlukan mereka yang ada pengaruh untuk mendapatkan penaja dan untuk mendapatkan sesuatu sumber pendapatan yang membolehkan pertubuhan belia ini bergerak lebih jauh ke hadapan. Apakah itu dipersetujui oleh Yang Berhormat?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya baru hendak *intro* ini Tuan Yang di-Pertua. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Larut semalam memang betul. Sebenarnya kita tidak boleh salahkan kepada umur dan tidak boleh salahkan kepada persatuan, tetapi kekuatan yang perlu ada pada persatuan ini.

Sebab itulah saya hendak menarik balik dari segi falsafah belia. Oleh kerana saya sudah sebutkan tadi bahawa belia mesti ada kekuatan. Kekuatan dari fizikal mereka, kekuatan dari mental dan spiritual mereka dan kekuatan dari segi kebendaan dan kewangan. Apabila adanya ketiga-tiga kekuatan ini, sudah tentu saya yakin bahawa belia akan kuat.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya risau, saya bimbang kalau kementerian tidak betul-betul serius memastikan akta ini dapat dilaksanakan, saya bimbang sama ada belia dalam dua keadaan. Yang pertama ialah semua persatuan belia akan lumpuh segala-galanya dan yang kedua ataupun sebaliknya sebab ini pengalaman kita, saya sudah 30 tahun dalam belia sampai sekarang dan ini pengalaman yang ada. Kita sebagai orang tua, saya sebenarnya Yang Berhormat bagi Jasin, saya *anytime* boleh keluar sebab bila kita keluar, beban kerja tidak ada.

Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kementerian kerana mengadakan akta ini kerana boleh memberikan peluang kepada pemimpin-pemimpin yang lama supaya undur dengan ikhlas dan jujur dan memberi peluang kepada pemimpin muda untuk mengambil tempat, tetapi apakah mereka telah bersedia? Dengan sebab itulah kita mahukan bimbingan dari pemimpin-pemimpin lama dan juga pihak kerajaan dan sebagainya mesti ada supaya kita memastikan akta ini nanti, kita akan berjaya memberikan peluang kepada pemimpin muda untuk memimpin dan dalam masa yang sama mereka akan menentukan masa depan bangsa, agama dan negara kita.

Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya meletakkan tadi bukan sekadar harapan kepada belia tetapi sebenarnya masa depan negara kita. Mahu atau tidak mahu, belia akan mengambil alih. Kita semua akan pergi. Ahli-Ahli Parlimen yang ada dalam Dewan ini, Ahli-Ahli

Dewan Negeri yang berada di negeri-negeri yang telah berumur ini akan pergi. Belialah yang akan mengambil alih. Kalau kita tidak menyediakan mereka dengan satu...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran dan terima kasih jugalah kepada Yang Berhormat bagi Setiu. Yang Berhormat bagi Maran, saya fikir apa Yang Berhormat sebutkan tadi ada kesahihannya iaitu apabila pemimpin-pemimpin lama atau berusia ini meninggalkan belia, pemimpin-pemimpin muda ini akan hilang tenggelam punca dan akan berlaku kepupusan pertubuhan belia selepas ini tetapi Yang Berhormat, bagi mengimbangkan apa Yang Berhormat nyatakan tadi, bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya barangkali dengan adanya kita pemimpin-pemimpin belia berusia di dalam kelompok belia ini menyebabkan mereka kumpulan-kumpulan muda atau remaja yang benar-benar belia ini tadi meminggirkan diri.

Ini kerana apabila duduk bersama kita, hendak panggil Yang Berhormatlah, hendak panggil Datuklah dan hendak panggil Tan Srilah. Jadi mereka rasa kita ini bukan kumpulan mereka. Jadi lebih baik mereka meminggirkan diri. Maka sebab itulah pada hari ini kita dapati 4.5 juta belia tidak berpersatuan. Mungkin kerana kita yang menjadi... Saya tidak keterlaluanlah kalau barangkali kerana kita menjadi batu penghalangnya. Apa pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Tangga Batu, mungkin ada benar dan tidak kebenarannya. Sebab itu pada saya pengalaman kita dan pendekatan perlu betul. Bermakna kita sebagai pemimpin belia yang benar-benar ikhlas, benar-benar jujur dan bersedia secara sukarela berkhidmat untuk belia, saya rasa tidak ada sebab kenapa belia-belia boleh lari dengan kita tetapi kita sebagai pemimpin belia, masuk menjadi pemimpin belia, menunjukkan ego kita, kitalah Yang Berhormat, kitalah pemimpin, kita ada jawatan tinggi, sudah tentu belia akan lari. Oleh sebab itu, bagaimana kita boleh melahirkan *caring society* ataupun rasa kasih sayang kepada belia ini supaya mereka kenal kita. Sebab saya tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua.

Saya bersetuju kalau betul ia silap. Sebab itulah sekarang ini saya hendak bercerita dan hendak sentuh tentang tadi, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Ada sebahagian yang daripada pemimpin sekarang... Minta maaf saya tidak mahu sebut. Ada sebahagian yang apabila menceburkan diri dalam politik, apabila habis umur kita untuk politik, maka mereka akan melihat persatuan belia pula. Sedangkan sebelum itu mereka tidak pernah menyentuh tentang belia. Kemudian apabila mereka masuk, tidak diterima oleh belia, dia terus tinggal. Walaupun sebaliknya bila mereka dalam ini mereka sudah senang sikit, mereka akan tinggal belia. Walaupun duit

banyak, tidak menyentuh ataupun menyokong pun belia yang perlukan sokongan daripada mereka. Sebahagian sahaja, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Bukan semua, hanya sebahagian. Ini perlu kita berikan perhatian. Sila Yang Berhormat bagi Setiu.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini persoalan kita melihat suasana belia hari ini yang dikatakan lesu dan sebagainya.

Kalau kita buat perbandingan Yang Berhormat bagi Maran, belia-belia dahulu, belia zaman Yang Berhormat dahulu, mungkin belia-belia pada masa itu mempunyai arah tuju dan mempunyai matlamat perjuangan. Mereka-mereka ini ada arah tuju dan ada matlamat. Bila ada persatuan belia, masuk persatuan belia. Ada matlamat dan dia dapat matlamat tersebut. Mungkin pada hari ini saya rasa belia-belia ini tidak ada arah tuju. Masuk persatuan belia tidak dapat apa-apa tetapi kalau melibatkan diri dalam benda-benda yang lain, dapat benda, pengaruh material dalam pemikiran mereka.

Oleh sebab itu saya rasa mungkin kerana belia-belia pada hari ini sudah tidak ada arah tuju. Kalau dulu mereka memperjuangkan kemerdekaan dan mereka menubuhkan Majlis Belia Malaysia. Selepas memperjuangkan kemerdekaan dan sudah dapat kemerdekaan, mereka mempunyai arah tuju mengisi kemerdekaan, adanya pusat di Dusun Tua. Dusun Tua itu telah mendapatkan hasil dan hari ini mungkin sudah tidak ada arah tuju, sebab itu saya rasa mungkin belia menjadi lesu. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Maran?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Saya setuju sebenarnya dan sebab itu saya nak sebut dalam ucapan lanjutan daripada saya untuk yang berikutnya.

Tentang kepimpinan, kita tengok dulu pemimpin-pemimpin lama dulu lahir menjadi ahli politik dan sebagainya semuanya berasal daripada belia tetapi semasa mereka masuk belia, mereka tidak fikir pun tentang politik. Saya rasa ramai di kalangan kita ini sebenarnya menjadi pemimpin hasil daripada perkhidmatannya dalam belia. Mereka masuk dalam persatuan belia secara sukarela. Mereka tidak fikir pun nak jadi Yang Berhormat, mereka tidak fikir pun nak jadi Ahli Parlimen, mereka tidak fikir pun nak jadi ADUN dan sebagainya tetapi dengan semangat, dengan kejujuran, dengan keikhlasan dan dengan pengorbanan yang mereka buat, akhirnya dinilai oleh masyarakat dan dinilai oleh kepimpinan negara bahawa mereka boleh memimpin dan akhirnya mereka dilantik sebagai pemimpin.

Saya takut Tuan Yang di-Pertua, saya takut memang ada sebahagian daripada kita memikirkan bila saya hendak masuk belia kerana saya hendak menjadi Menteri Besar umpamanya, saya hendak masuk belia kerana saya hendak menjadi Perdana Menteri, saya hendak masuk belia kerana saya hendak menjadi Yang Berhormat. Jadi bermulalah kerja yang tidak senonoh. Tidak ada keikhlasan, tidak ada perjuangan, tidak ada pengorbanan dan akhirnya pada masa itu kualiti kepimpinan tidak akan berlaku.

Saya nak sebut kepada Yang Berhormat satu perkara yang berlaku baru-baru ini. Baru-baru ini kita ada buat penilaian Anugerah Belia Negara. Saya salah satu daripada panel peringkat negeri dan dimaklumkan kepada saya sekarang ini masalah yang kita dapati adalah, kita tidak boleh mencari pemimpin belia yang mempunyai kelayakan untuk diberikan anugerah kerana mereka baru nak masuk belia pada umur 40 tahun. Kalau dulu Yang Berhormat bagi Jasin ini berpuluh-puluh tahun jadi belia, baru dia ada kualiti, ada pengalaman, ada kepimpinan, melalui kursus yang berpuluh-puluh, melalui lawatan dan melalui program-program yang dianjurkan. Baru mereka menjadi kepimpinan yang tulen.

Sekarang apakah kita nak salahkan belia? Kerana mereka baru dipilih dan kita ambillah umur yang 40 tahun ke bawah, 20 tahun baru habis pengajian tinggi. Mana dia pengalaman yang mereka ada?..

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Apatah lagi sekarang ini sebahagian pelajar IPTA, IPTS atau sebagainya tidak berminat menceburkan diri dalam badan-badan sukarela dan sebagainya. Ini kita akan menghadapi masalah kekurangan kepimpinan yang betul-betul tulen. Bukan tidak ada, tapi yang tulen Tuan Yang di-Pertua. Sila Yang Berhormat bagi Padang Terap.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat bagi Maran. Sebagai pemimpin belia yang masih aktif memegang jawatan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah, apakah pendapat Yang Berhormat dari segi pengamatannya kita dapati bahawa 4 juta belia masih belum menganggotai mana-mana persatuan belia? Masih banyak masalah belia di peringkat kampung, kilang, bandar dan sebagainya.

Adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa bersetuju Kementerian Belia dan Sukan perlu merombak secara menyeluruh aktiviti yang sedang dibuat ketika ini? Belia lesu, beliau tidak bermaya dan tidak melahirkan pemimpin. Adakah mungkin Rakan Muda yang dibuat tidak berjaya? Yang ada sembilan perkara di dalamnya? Adakah Yang Berhormat setuju supaya bukan sahaja sekadar untuk membuat akta baru ini tetapi meminta kementerian supaya merubah, mengkaji dan menghalusi agar setiap program yang dibuat itu bersesuaian dengan kehendak belia pada masa kini? Belia tahun 2007 hatta sampai ke 2010 yang akan datang ini, adakah Yang Berhormat setuju? Atau mungkin adakah program yang kita buat itu tidak berjaya dan tidak menepati kehendak-kehendak belia masa kini. Apakah pendapat Yang Berhormat selaku pemimpin belia di peringkat nasional? Terima kasih.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Saya sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua. Selepas menjawab Yang Berhormat bagi Padang Terap, Yang Berhormat boleh

sambung kerana Yang Berhormat menyebut tentang ketandusan tokoh-tokoh belia dan mengambil contoh Yang Berhormat bagi Jasin sebentar tadi, saya berminat.

Mengapa kementerian menghadapi masalah untuk memilih tokoh-tokoh belia? Pertama, pihak kementerian perlu melihat ruang lingkup untuk kita memilih. Mengapa perlu dijadikan pemimpin pertubuhan belia sebagai salah satu daripada syarat atau prasyarat untuk menjadi tokoh belia.

Cuba kita bukakan padang ini seluas-luasnya kepada pemimpin-pemimpin muda yang mungkin tidak menganggotai pertubuhan belia tetapi mereka ada ketokohan. Sebut saja nama, semua tahu. Di dalam lingkungan umur 22-35 tahun, saya rasa ada tapi oleh kerana kita menghadkan ruang lingkup kita, maka kita ketandusan pemimpin-pemimpin yang dikatakan sebagai tokoh belia. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya bersetuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Padang Terap. Sebenarnya saya ingin cadangkan supaya apabila kita meluluskan akta ini, maka mahu atau tidak mahu seluruh struktur dan seluruh *approach* atau pendekatan yang kita bawa, mesti kita ubah. Kalau tidak, kalau hari ini kita gagal dengan kita luluskan akta yang baru ini, bermakna kita akan gagal dua kali kalau kita memperbetulkannya sebab itu saya nak minta supaya akta ini diperhatikan balik pada seksyen 7(3) dan 7(4)...

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [Bangun]

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** [Bangun]

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Semalam kita berbicara dengan panjang tentang perkara ini dan saya nampak kelonggaran ada di sini. Kalaulah pendaftar belia ini ada persatuan belia memohon mendaftar untuk menjadi persatuan belia dan apabila belum diproses, maka persatuan berkenaan boleh masuk di bawah pendaftar pertubuhan. Saya nak tanya sampai bila nak benarkan ini berlaku? Sebab bagi persatuan belia yang kepimpinannya ramai orang lama, sudah tentulah mereka buat tidak tahu sahaja. Dia kata buat apa susah-susah? Kita buat persatuan belia kita, biar lantaklah Kementerian Belia dan Sukan beria-ria sangat nak tukar-tukar umur dan sebagainya.

Maka ketika ini, sudah tentulah akan berlaku penggeseran yang semalam kita bincangkan dengan hebat. Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, apabila benda ini kita biarkan, sekarang ini ada 4 juta ahli belia tidak mendaftar. Mungkin apabila kita luluskan akta ini, lebih dari 4 juta ahli belia akan keluar dari persatuan belia. Ini yang kita bimbang, sebab itu saya nak kalau boleh gugurkan ini. Kalau kita nak daftarkan persatuan belia, daftarkan terus. Maknanya beri tempoh kalau di sini 12 bulan atau satu tahun.

Saya nak bertanya kepada kementerian, apakah kementerian mempunyai kemampuan memastikan dalam masa 12 bulan ini, semua persatuan belia akan didaftarkan? Saya belum

pasti. Kalau tidak kita akan mengalami masalah yang lebih besar. Kalau sekarang ada beribu-ribu mat rempit, maka mungkin ketika itu berjuta-juta pula mat rempit akan berada dalam negara kita. Sila Yang Berhormat bagi Muar.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Saya ada satu persoalan sebab saya melihat kepada cadangan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia.

Saya agak kluatir apabila kita bercakap tentang tokoh. Ia boleh menjejaskan hasrat untuk kita menarik minat orang muda. Sebab pada saya kalau kita memberi penekanan kepada tokoh belia yang hendak dilahirkan, kita akan ada masalah sebab jangka masa untuk melahirkan tokoh itu panjang tetapi kalau kita boleh tumpukan kepelbagaian aktiviti belia. Ada perkara hari ini yang tidak dapat dilaksanakan oleh kita orang-orang dewasa kerana usia kita zaman ini tidak sama dengan anak-anak muda.

Dengan cara kita membuka dan memberi ruang untuk mereka menjadi pelaksana kepada dasar atau aktiviti yang mereka minat, kita alihkan sedikit soal tokoh yang bakal dilahirkan tetapi lebih menjurus kepada aktiviti yang hendak mereka laksanakan. Saya rasa ini dapat membantu akta ini dan berjaya menarik orang muda untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti sihat yang bakal dianjurkan oleh kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat kalau dapat kita alihkan sedikit tumpuan, melahirkan tokoh, melahirkan pemimpin berbanding dengan mengadakan aktiviti yang sesuai kepada para belia?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Yang Berhormat, ada kaitan. Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh izinkan kerana ada kaitan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat itu sebenarnya kita hendak kembalikan belia kepada orang muda, kepada belia dengan hasrat bahawa kita meyakini bahawa mereka boleh memimpin, itu satu. Yang keduanya, saya sebenarnya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Muar bahawa masalah belia kita sekarang ini yang banyak tidak ada hala tuju ini ialah kerana mereka tidak terlibat dalam banyak aktiviti. Kalau dalam konteks masalah penagih dadah, kalau saya ambil dalam konteks ini, ramai di antara mereka ini terjebak dalam gejala negatif kerana tidak ada pencelahan, tidak ada *intervention* dalam masa kekosongan mereka selepas SPM itu. Mungkin tiga, empat atau lima tahun tidak ada program dan aktiviti.

Oleh kerana itulah, maka dengan adanya pindaan akta ini kita sangat berharap supaya belia yang dikembalikan kepada belia ini akan lebih banyak aktiviti yang bertanggungjawab. Itu satu. Yang keduanya ialah kita kembali kepada Fasal 38. Saya ingat Fasal 38 ini Yang Berhormat bagi Maran, sangat penting. Ini akan mewujudkan satu kesinambungan antara belia sekarang ini dengan pemimpin belia yang mempunyai pengalaman. Kita tidak boleh membeli

pengalaman. Oleh kerana itu, perkara ini harus diberikan perhatian. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Maran?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beri ulasan kepada ketiga-tiga sekali sahabat saya ini iaitu Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Yang Berhormat bagi Muar dan juga Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang disebutkan tadi iaitu kepimpinan belia, tokoh belia. Ini realiti yang berlaku dalam masyarakat kita dalam kepimpinan belia sekarang. Yang pertama, saya tidak mempersoalkan kita berubah umur ini. Memang kita setuju. Kalau kita hendak menyelamatkan belia kita, yang saya kata tadi masa depan negara kita maka 41% iaitu 11 juta orang muda ini perlu kita jaga. Kita berikan ruang kepada mereka tetapi apabila kita buat pemilihan tokoh kepimpinan belia, maka umur dihadkan.

Yang kedua, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu mestilah mereka berdaftar dengan persatuan belia. Saya bersetuju, kalau boleh pemilihan calon-calon tokoh kepimpinan belia dan sebagainya ini dibukakan kepada multidisiplin pelbagai aktiviti. Pelbagai aktiviti. Mungkin menjual burger, dari segi persatuan di kampungnya, *home stay* dan sebagainya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Muar tadi.

Maka dengan cara ini, berbagai-bagai remaja boleh kita masukkan dalam belia. Sebab itulah saya hendakkan akta ini pastikan umur 14, 15 hingga 40 tahun pastikan mereka menjadi ahli belia, automatik jadi ahli belia. Bukan setakat kita daftar sahaja. Maknanya dengan sendirinya, apabila golongan remaja dan belia yang berada dalam umur 40 tahun ini mereka boleh masuk dalam pertandingan tokoh-tokoh belia ini. Maka sudah tentulah kita dapat melahirkan belia-belia yang berjaya yang mempunyai ketokohan, yang mempunyai kebolehan sama ada dalam kepimpinan dan juga dalam *business* ataupun korporat dan sebagainya.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat, minta maaf Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Berhormat menyebut tentang itu saya kira Yang Berhormat boleh teruskan juga sebut, maknanya pertubuhan-pertubuhan belia ini dibenarkan bergiat aktif di sekolah-sekolah termasuk di universiti-universiti bagi menggabungkan kegiatan persatuan di sekolah, di universiti dan juga dengan pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat negeri dan daerah. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sebenarnya memang kita telah berkempen. Kita telah pergi ke sekolah-sekolah dan banyak program yang kita libatkan pelajar-pelajar sekolah kerana kita takut mereka yang keluar lepas SPM dan mereka yang keluar lepas STPM. Bagi mereka yang berada di kalangan

yang berjaya itu, alhamdulillah mereka pergi ke pusat-pusat pengajian tinggi dan sebagainya, tetapi yang ketinggalan ini? Sebab itu kita di persatuan belia kita panggil mereka bersama dengan kita melaksanakan program dan ambil perhatian supaya mereka tidak terlibat seperti yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi. Inilah Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itu saya sekali lagi saya nak sebutkan supaya *please* tolong dengan izin. Tolonglah Kementerian Belia dan Sukan dan berikan perhatian yang bersungguh-sungguh. Kalau kita mahu lihat masa depan negara kita, masa depan mereka belia, masa depan keluarga mereka, masa depan bangsa, agama dan negara boleh kita selamatkan. Kalau tidak, jangan mimpi Tuan Yang di-Pertua. Kita akan menghadapi masalah dan kita akan menghadapi kekecewaan apabila kita tidak boleh membangunkan belia ini. Tuan Yang di-Pertua, berikan saya peluang sedikit untuk beberapa perkara...

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Sebenarnya saya hendak....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Setiu, hendak bagi jalan? Yang Berhormat bagi Setiu.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Silakan.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Saya hendak sambung daripada Yang Berhormat bagi Muar sebentar tadi. Kalau kita buat program belia secara memberikan peruntukan kemudian dianjurkan dengan begitu, saya rasa mungkin tidak begitu kesampaian. Kalau kita lihat pada hari ini sudah banyak sedemikian tetapi saya percaya mungkin satu kaedah perlu dibuat supaya mengenal pasti untuk kita lahirkan pemimpin belia ini, mengenal pasti, membimbing, melatih dan akhirnya melahirkan pemimpin. Kalau tidak sampai sekarang pun kita tandus pemimpin belia. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Maran?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kalau kita baca akta ini sebenarnya kalau betul sudah dilaksanakan dengan baik, ia sudah merangkumi termasuklah kita ada Majlis Perundingan Belia dan sebagainya yang kalau betul-betul kita laksanakan saya yakin bahawa kita boleh melahirkan kepimpinan belia yang berjaya dan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hendak pergi khusus sedikit kepada beberapa perkara. Yang pertama ialah sekarang ini dalam persatuan belia kita tahu kita berada dalam badan-badan sukarela dan sekarang ini kalau kita tengok saya banyak cebur dalam badan sukarela. Ramai daripada badan-badan sukarela ini sekarang dikontrol oleh orang tua-tua. PERKIM, PEMADAM dan banyak lagi persatuan NGO yang lain adalah dibimbing ataupun dipimpin oleh orang-orang yang umurnya sudah tua. Belia 4B umpamanya, MAYC dan banyak lagi sebab itu saya menyeru kepada belia-belia orang muda supaya cebur walaupun persatuan itu bukan persatuan belia umpamanya dalam PERKIM.

Tuan Yang di-Pertua boleh lihat berapa orang yang muda yang berumur 40 tahun ke bawah dan sebagainya. Sepatut mereka inilah. Ini satu persatuan yang membimbing peribadi, membimbing masyarakat, membawa pembangunan kepada masyarakat dan sebagainya tapi tidak ada orang muda. Adakah ini bermakna bahawa mereka tidak mempunyai semangat untuk sama-sama.....

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Hendak bagi jalan? Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat bagi Kuala Krai? Silakan.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Saya terpanggil hendak tahu pasal Yang Berhormat bagi Maran banyak pengalaman mengenai dengan belia ini. Bilamana kita panggil belia-belie ini, sambutannya begitu dingin dan kita mengharapkan belia adalah pelopor negara.

Saya tertarik tadi bagaimanakah pandangan Yang Berhormat bagi Maran ini supaya perkara ini kita cakap sahaja, tapi dari segi pelaksanaan bila kita panggil belia di mana-mana begitu tidak ada langsung sehingga sampai kadang-kadang majlis itu terpaksa ditangguhkan dan sebagainya. Di manakah salahnya ini dan inilah yang patut kita perbetulkan kerana kita hendak belia yang boleh menjadi tumpuan ataupun contoh kepada yang lain-lain. Selesaikan masalah ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih abang saya Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Sebenarnya inilah isu-isu yang saya hendak bawa, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini masalah ketandusan semangat *voluntarism* dengan izin, sukarela di kalangan masyarakat telah menurun. Masalah semangat sukarela di kalangan masyarakat kita sama ada pemimpin belia dan sebagainya telah menurun dan kita telah pernah membahaskan perkara ini sebab saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian Belia dan Sukan berikan perhatian serius kerana persatuan belia bukan persatuan dibayar. Mereka terpaksa *sacrifice* dengan izin, mengorbankan duit mereka, keluarga mereka, masa mereka, anak-anak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya kadang-kadang anak saya terbiar tapi saya berdoa kepada Allah, saya beritahu belia-belie saya wahai kaum belia ketahuilah oleh kamu bahawa Allah akan meletakkan kita di suatu tempat kalau kita bekerja dengan ikhlas. Sebab itulah kalau kita berdoa pada Allah seperti yang disebut dalam Islam *hadhari* tadi, kita bekerja sukarela dan Allah akan letakkan kita di satu tempat di mana ada kantung-kantung. Kantung orang jahat ada, kantung orang baik ada, kantung orang kerja sukarela ada sebab itu ramai daripada pemimpin lama kita masih bekerja kerana mereka sedar bahawa semangat sukarela ini perlu dan mereka sedar

bahawa Allah akan memberikan balasan kepada kita esok. Kalau tak beri duit pun, mungkin Allah berikan keselesaan kepada kita...

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Sila Yang Berhormat bagi Muar.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Saya suka hendak bagi pandangan yang sedikit berbeza dari segi semangat sukarela ini. Pada saya sukarela ini subjektif. Kalau kita hendak mereka bersukarela dengan apa yang kita suruh buat, mungkin dia tak hendak tapi saya hendak beri contoh katakan kita hendak gerakan 1,000 biji motor untuk satu-satu majlis. Sudah tentu kita kena sediakan perbelanjaan, tetapi kalau kita dekati persatuan belia bermotor, dia akan seronok datang sebab dia hendakkan aktiviti. Semangat kesukarelaan belia ini sebenarnya ada dalam diri masing-masing tapi dengan kehendak minat dia tetapi pada saya yang paling baik hari ini dan di tingkat ini, kita bantu mereka untuk mereka daftarkan minat yang sama yang telah wujud di kalangan mereka dalam satu panduan undang-undang yang baik.

Di situ kita dapat kenal pasti di mana belia-belia ini sebab itu saya masih lagi beranggapan bukan tokoh itu hendak kita pilih di kalangan belia tapi kita pandu secara tersusun semangat sukarela yang sedia ada. Di situ kalau lahir tokoh-tokoh yang baik, maka kita dapatlah perkara-perkara yang kita hendak tonjolkan tetapi apabila kita gambarkan kepada belia hari ini pemimpin muda belia sudah kurang, mereka akan jadi takut kerana yang penting pada mereka hari ini adalah minat untuk melakukan sesuatu aktiviti dan bukan untuk menjadi pemimpin di kalangan masyarakat. Jadi pada saya *voluntarism* atau kesukarelaan ini ada, tapi bagaimana kita hendak mengenal pasti apa minat belia sebenarnya.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Muar.

Saya bersetuju apa yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Muar, cuma saya hendak menjawab apa yang disebutkan oleh saudara saya iaitu Yang Berhormat bagi Kuala Krai tadi. Beliau mengatakan bahawa, respons daripada belia untuk program-program ini adalah kurang baik. Inilah antara faktornya kerana semangat sukarela telah berkurangan. Saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat bagi Muar kata supaya kita bina mereka balik. Kita tanamkan semangat sukarela di kalangan belia-belia ini supaya mereka akhirnya mempunyai semangat-semangat seperti ini dan bersedia untuk berkhidmat secara ikhlas kepada masyarakat...

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bera Yang Berhormat hendak bagi jalan?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Ini tentang belia, golongan muda minat masuk pertubuhan belia dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat, kalau kita lihat persepsi golongan muda kepada ahli persatuan belia ini, dia punya

anggapan dan persepsi dia bahawa menjadi ahli itu seolah-olah di *associate* kan sebagai golongan yang tidak maju, tidak moden. Misalnya kata, "Ah! belialah kau bila pakai baju yang *color* tidak berapa bagus ataupun fesyen yang tidak moden." "Ah! Macam belialah kau." So, semua perkara-perkara yang tidak moden di *associate* kan dengan belia. Jadi itu menyebabkan golongan muda kata, "Malulah hendak masuk pertubuhan belia sebab takut orang kata belialah kau." Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bera. Memang Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya minta supaya Kementerian Belia dan Sukan pastikan perkara ini. Sebab itu dari segi pecahan-pecahan dan seksyen-seksyen yang berada dalam kita hendak membina semangat personaliti belia ini, perlu kukuh. Ini kerana apabila kita telah melahirkan belia yang bersemangat, belia yang mempunyai jiwa yang sehati, ikhlas dan sukarela, saya ingat walau apa-apa persepsi yang teruk datang daripada belakang, mereka tidak risau.

Ini saya minta supaya kementerian betulkan. Ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat kita. Sebab itulah kadang-kadang ramai daripada belia kita kecewa apabila masuk sahaja belia, "Ala, belia buat apa? Bukan ada duit, bukan ada elaun dan bukan ada gaji." Cuba bagi elaun kepada belia, berebut mereka ini. Ini Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang bukan sahaja masalah belia akan berlaku dan ketandusan pemimpin belia tetapi semangat yang saya bawakan iaitu semangat sukarela tidak akan wujud lagi. Ini betul apa yang disebutkan oleh saudara saya Yang Berhormat bagi Bera, memang betul. Kadangkala masalahnya belialah apabila berlakunya jenayah...

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** ...Jenayah berlaku, kita serah kepada belia. Kita kata belia yang melakukan jenayah. Sebenarnya ramai belia yang baik, tidak adil Tuan Yang di-Pertua. Saya bimbang, sebab itu saya minta Kementerian Belia dan Sukan memastikan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** ... Supaya nanti satu ketika selepas akta ini diluluskan, kita tidak lagi menempelak kepada belia bahawa apa sahaja jenayah berlaku maka belia yang lakukan. Apa juga standard yang rendah, belialah yang pegang menyebabkan mungkin ketika itu, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Muar tadi, belia-belia tidak akan berminat lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, hendak bagi jalan, Yang Berhormat bagi Pasir Mas?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Silakan Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Maran.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Maran sekejap tadi tentang kepimpinan. Pada pandangannya mengatakan bahawa kepimpinan ini mesti orang muda. Saya tidak faham muda itu 20 tahun kah, 30 tahun kah atau 40 tahun kah kerana pada pandangan saya, pemimpin ini sebenarnya mesti orang yang berpengalaman. Bagaimana belia hendak memimpin kalau dia tidak berpengalaman, tidak mempunyai ilmu, tidak mempunyai pengalaman dan tidak mempunyai dedikasi diri atau jati diri.

Pasti orang-orang muda benda-benda seperti ini barangkali tidak terwujud kepada orang muda. Ia ada pada orang yang memimpin sekarang ini kerana pasti Tuan Yang di-Pertua, orang buta tidak boleh bawa orang buta. Bagaimana orang buta boleh memimpin orang buta? Saya tidak nampak. Kalau dia memimpin, sudah tentu dia *accident* dengan orang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukan Yang Berhormat tidak nampak tetapi yang buta tidak nampak. Yang Berhormat nampak...

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Jadi sekarang ini, pemimpin yang ada misalnya, Menteri Luar kita misalnya ataupun orang lain, orang yang mempunyai kemampuan dan orang yang mempunyai kewibawaan yang tinggi. Mengapa mereka kita ketepikan ataupun kita kurang bersetuju dengan pimpinan mereka? Saya rasa saya menolak hujah ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Pasir Mas, saya menuju persepsi yang berbeza dan pandangan yang berbeza. Tidak adil Yang Berhormat mengatakan bahawa orang buta tidak boleh memimpin orang buta. Tempat saya ada orang buta tetapi dia boleh pimpin orang buta. Bahkan kalau Yang Berhormat melihatkan, ada orang buta yang lebih baik daripada orang tidak buta. Ini ada berlaku, Gusdur, walaupun dia mara pun tidak boleh, apatah undur. Maknanya tidak betul. Sebab itu saya melihat kepimpinan dua keadaan iaitu yang pertama positif dan yang kedua negatif.

Kita hendak berbicara tentang kepimpinan belia. Tidak semestinya orang berpengalaman. Kalau kita cari orang yang tidak berpengalaman menjadi pemimpin sudah tentulah kepimpinan dibawa dalam bentuk yang tidak sempurna. Kalau kita beri orang yang berpengalaman memimpin, sudah tentulah pengalaman yang digunakan itu akan menjadi kepimpinan yang terbaik dan organisasi negara baik. Dalam konteks yang negatif, kita ada pemimpin perompak. Apakah perompak itu menjadi pemimpin maka dia baik? Kerja dia tidak baik tetapi dia pandai memimpin pasukannya. Bagaimana hendak merompak bank, bagaimana hendak laksanakan perancangan dan sebagainya. Dia pandai, tetapi apakah itu baik? Tidak baik.

Sebab itu dalam konteks ini, saya melihat dua keadaan. Selepas itu dalam konteks ini Yang Berhormat bagi Pasir Mas, memang kita membincangkan belia. Kalau kita berbicara tentang kepimpinan sahaja tidak berbicara tentang belia, umur 40, 15, 40 maka ketika itu kita perlu melihat bahawa peribadi... Sebab itu saya melihat harta yang paling mahal kepada manusia ada dua. Yang pertama modal yang ada pada seseorang manusia mestilah modal daripada segi fizikalnya. Fizikalnya sihat dan sebagainya. Yang kedua ialah modal spiritual ataupun rohani, mental dan jasmani...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit sahaja lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskan.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang berikutnya ialah dari segi Majlis Perundingan Belia. Saya juga terlibat dengan Majlis Perundingan Belia ini Tuan Yang di-Pertua. Walaupun dalam akta ini kita sebutkan Majlis Perundingan Belia Negara, dalam konteks Persekutuan oleh sebab akta ini adalah Akta Persekutuan. Saya harap dan saya minta supaya kementerian supaya memastikan pelaksanaan ini akan terus turun ke peringkat negeri dan juga daerah. Saya difahamkan ada perancangan untuk mengadakan Majlis Perundingan Belia di peringkat daerah. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dan Timbalan Menteri, bahawa masalah belia, belialah kebanyakan besarnya berada di kawasan luar bandar, di kampung-kampung dan di *grass roots*. Maka ketika itu, kepimpinan Majlis Perundingan Belia ini hendaklah kita pastikan supaya berada di peringkat kebangsaan, peringkat negeri dan juga peringkat daerah. Yang kedua tentang Majlis Perunding ini saya minta supaya dari segi keahliannya..., saya perhatikan bahawa setakat ini Majlis Perundingan Belia Negeri umpamanya, ramai daripada orang-orang yang terdiri daripada mereka yang bukan daripada umur 40 ke bawah.

Walaupun kita perlukan orang-orang yang berpengalaman, kita ambil daripada polis, kita ambil daripada jabatan agama, kita ambil daripada institut pengajian tinggi, kita ambil daripada badan-badan yang lain, agensi-agensi yang lain dan sebagainya. Kita hendak kalau boleh saya mahukan supaya dari segi komposisinya atau dari segi bilangannya, kita ambil lebih daripada mereka yang berumur 15 hingga 40 tahun dalam golongan belia supaya mereka ini boleh dibimbing oleh Majlis Perundingan Belia ini dan menjadi pemimpin yang berjaya pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak sebut ialah dari segi peruntukan. Apa sahaja akta dibuat, apa sahaja peruntukan disediakan dan apa juga peraturan yang disediakan kalaulah kita tidak susuli dengan peruntukan yang cukup, sudah tentulah apa perancangan yang kita buat tidak akan berjaya. Ini pengalaman yang kita lihat Tuan Yang di-Pertua. Persatuan belia adalah persatuan sukarela dan mereka hanya kaya dengan sukarela, hanya kaya dengan pengorbanan,

dengan keikhlasan tetapi kekayaan mereka tidak boleh membuat apa-apa kerana tidak mempunyai wang ringgit yang cukup untuk mereka melaksanakan program-program.

Sebab itulah saya minta supaya apabila kita luluskan akta ini, saya hendak kementerian memberikan komitmen yang bersungguh-sungguh. Saya bersetuju cadangan daripada sahabat kita semalam supaya asingkan terus. Jangan sekarang ini sukan kita lebihkan. Sukan kita belanjakan berjuta-juta ringgit tetapi belia yang merupakan masa depan dan harapan kita, kita berikan duit yang sebegitu kecil. Maka ketika itu nanti apabila negara musnah akibat kita melahirkan belia-belia yang rosak maka ketika itu kita akan kecewa. Duit hari ini yang kita ada tidak akan berguna lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mohon dengan itu saya minta supaya kementerian memberikan perhatian atas teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-Ahli Parlimen. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas teruskan.

#### **11.19 pagi**

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya pada pagi ini untuk sama-sama saya bahaskan tentang Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia. Pertama sekali saya sebagai asas perbincangan pada pagi ini, saya ...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, sebutan ...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Saya bercakap sekejap.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Belum bercakap lagi.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat bagi peluang pada saya. Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada buat satu kenyataan yang mengatakan Sayidina Ali mengumpamakan orang muda ini sebagai orang yang berfikiran tidak waras, tetapi sebenarnya bila saya rujuk balik sebenarnya Imam Al-Ghazali Rahimahullah yang menyatakan, orang muda ini berfikiran tidak waras dan berfikiran seperti orang tidak normal apabila memotong seluar yang baik, mewarnakan rambut yang hitam dan memakai tindik di mana-mana...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi bukan Sayidina Ali lah?..

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Imam Al-Ghazali. Jadi saya hendak betulkan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas, tidak pernah mendengar. Jadi saya hendak perbetulkan balik. Boleh Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Boleh, boleh. Terima kasih.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu yang telah memperbetulkan kerana kelmarin silap, saya perbetulkan. Hari ini diperbetulkan lagi. Jadi betul yang saya kata kelmarin... *[Ketawa]*

Sebelum daripada itu saya mengalu-alukan kedatangan daripada Unit Dakwah Halaqat Negeri Kelantan yang berada di Parlimen pada pagi ini. *Ahlan wa sahan bi kum... [Tepuk]* Saya dasarkan ucapan saya ini kepada ayat Al-Quran al-Karim di dalam Surah al-Kahfi, hingga akhir ayat... *[Membaca potongan ayat al-Quran]* Surat al-Kahfi memaparkan kepada kita tentang pemuda-pemuda, belia-belia dan belia inilah sebenarnya yang menjadi contoh kepada belia yang kita mahu wujudkan di negara kita ini. Mereka adalah pemuda-pemuda, belia-belia yang beriman kepada Allah, beriman kepada Tuhan, bukan belia-belia yang kosong fikirannya.

Kedua, Nabi S.A.W menyebut... *[Membaca sepotong hadis Rasullullah]* "Saya diutus dengan agama yang begini mulia. Pasti saya akan dibangkang oleh golongan-golongan kaya, golongan-golongan elit, tetapi saya disokong golongan-golongan muda".

Yang ketiga, Rasulullah S.A.W di waktu Baginda berucap, menanya siapa di kalangan pemuda-pemuda yang akan menolong saya di waktu saya dihalau dari Mekah ke Madinah. Maka di waktu itu, bangkit Sayidina Ali yang baru berumur 10 tahun dengan mengatakan, "Saya, ya Rasullullah." Saya ertinya pemuda, ya Rasullullah, sebagaimana Sayidina Ali. Jadi tidak munasabahlah Sayidina Ali yang mengatakan bahawa pemuda-pemuda ini gila sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu kelmarin tetapi sudah tarik balik, habis selesai.

Jadi ketiga-tiga hujah yang saya bawa ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya belia dalam sebuah negara. Kerana itulah, semua persatuan-persatuan, masing-masing merebut belia ini. Komunis mencari belia, kapitalis mencari belia, sosialis mencari belia, apa lagi dalam agama Islam, memang belialah menjadi tumpuan kepada Islam dan kepada mana-mana gerakan Islam. Kerana itulah kita meletakkan pemuda pada satu tahap yang kita usahakan supaya lahir orang-orang muda ini sebagai pengganti kepada golongan yang telah berumur.

Yang kedua, mesti kita faham bahawa belia ini adalah aset yang paling mahal kepada sesebuah negara. Sama ada di negara kita ataupun mana-mana negara. Syeikh Yusof Qardhawi pernah ditanya dalam satu seminar besar tentang pemimpin negara, "Bagaimana pemimpin negara?" Syeikh Yusof Qardhawi, ulama besar sekarang ini berada di Malaysia satu ketika dahulu, dia ditanya dalam satu seminar, "Apakah bentuk pemimpin masyarakat negara masa hadapan?" Syeikh Yusof Qardhawi menyebut bahawa kalau kita hendak melihat kepada pimpinan negara masa hadapan, lihatlah kepada pemuda yang ada pada hari ini.

Ini satu falsafah yang tinggi maknanya dan boleh mengambil sesuatu kefahaman dan satu pengajian kepada kita dan merumus kepada satu tindakan yang lebih normal, ada kewajaran. Mahu lihat kepada pimpinan masa hadapan, lihatlah kepada pemuda-pemuda hari ini. Apa yang saya ingin menarik pandangan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para hadirin,

bagaimana pemuda yang ada di negara kita sekarang ini? Bagaimana dengan Mat Rempit yang sudah ratusan ribu? Itu secara tidak tersusun. Mereka tidak mempunyai persatuan, tidak ada pemimpin, tidak ada program. Secara kebetulan mereka dapat menghimpun ratusan ribu, seluruh negara.

Sedangkan kita kementerian, bagaimana kita, kementerian dengan kewangan, dengan pakar-pakarnya, dengan cerdas pandainya, dengan segala intelektualnya, tetapi kita gagal sebenarnya, sesudah 50 tahun secara insafnya. Tidak tahu Yang Berhormat menteri ada kah hari ini... *[Disampuk]* Menteri tidak ada. Timbalan ada. Secara insaf kita menyebut bahawa sudah 50 tahun negara kita merdeka, sepatutnya sudah lama kita bincang dan sudah lama kita menyelesaikan masalah ini. Kalau negara ini dipimpin oleh PAS, saya yakin dan saya percaya bahawa selesai masalah orang muda... *[Disampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukan makin teruk lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak apa Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya rasa dan saya yakin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** PAS perintah Kelantan, Yang Berhormat boleh buat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Sekarang ini betul, di Kelantan tidak timbul masalah sebagaimana di sini. Mat Rempit di Kelantan tidak sebanyak Mat Rempit sini.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh, Pasir Puteh.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya bagi, saya bagi.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas, bakal Mursyidul Am... *[Disampuk][Ketawa]* Dia mengaji tinggi, ilmu banyak, bercakap pun terlampau tinggi. Saya hendak tanya, apakah kita puas hati dengan kepimpinan PAS hari ini? Itu sahaja, tidak hendak panjang. Apakah gejala-gejala sosial tidak berlaku? Kurang kah, bertambah kah? Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya berpuas hati dengan pimpinan Dato' Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat kerana saya tengok banyak perubahan dari kes jenayah yang begitu tinggi pada zaman UMNO memerintah dan bukan setakat kes jenayah. Di waktu UMNO memerintah, UMNO berhutang dengan Kerajaan Kelantan di bawah kepimpinan UMNO di waktu itu berhutang dengan Kerajaan Pusat sebanyak RM750 juta dan Kerajaan Negeri Kelantan di bawah kepimpinan Tok Guru Nik Aziz dapat membayar mengikut jadualnya.

Saya rasa kalau berbanding dengan negeri-negeri lain, Kelantan lebih baik dari segi pembayaran. Ini merupakan akhlak yang paling baik yang ditunjuk melalui teladan. Di sinilah hilangnya kepimpinan belia kita dan saya akan sebut dalam ucapan saya, insya-Allah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila, jangan panjang-panjang sudah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Sebenarnya Yang Berhormat membuat perbandingan yang sebenarnya tidak benar. Kalau kita baca berita-berita di akhbar dan apa yang kita lihat, pemuda di Kelantan minum arak walaupun tidak dalam tin, arak dalam plastik. Soal sumbang mahram, soal sakit AIDS, soal dadah, soal berbagai-bagailah, antaranya penceraian yang tinggi dan sebagainya. Jadi saya rasa perbandingan itu tidak berapa kena. Kalau hendak banding dengan UMNO dengan PAS, secara keseluruhan UMNO lebih baiklah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima Kasih. Saya tunggu tadi, saya rasa soalan yang baik tetapi soalan yang tidak baik... *[Ketawa]* Cerita ini, Tuan Yang di-Pertua, ada satu cerita. Di waktu ulama-ulama besar Iraq hendak pergi ke Madinah, jadi orang Madinah ini tunggulah kedatangan ulama besar ini dengan segala persiapannya, dengan segala ulamanya. Tiba-tiba bila dia datang dan dia menanya ulama dari Madinah. Dia kata apakah hukum darah kutu? Terkejut ulama Madinah, sedangkan mereka datang dari Iraq, menanyakan apakah hukum darah kutu apabila kena kain sembahyang. Kecil sahaja yang ditanya.

Sepatutnya dia tanya, apakah hukum orang yang bunuh cucu Rasulullah? Begitu juga Yang Berhormat bagi Sri Gading tanya saya sekejap tadi. Saya ingatkan soalan besar-besar, soalan hebat-hebat. Yang minum arak itu sebenarnya di kalangan pemuda-pemuda UMNO, Yang Berhormat bagi Sri Gading... *[Ketawa]* Daripada kalangan pemuda-pemuda UMNO yang masih ada lagi. Yang berjudi pun saya tahu. Yang pergi beli Toto itu, bukan pemuda PAS. Saya boleh bagi nama orang, saya boleh pergi kawasan, pergi ke Pahang, pergi ke Terengganu, bukan terdiri daripada kalangan Pemuda PAS. Kita didik dia, kita bimbing dia. Dia tahu *hazal* halal, *haza*/haram. Ini halal, ini haram. Bagaimana Yang Berhormat bagi Sri Gading?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Belia adalah aset negara yang paling penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Soalan kecil itu yang nak diperjelaskan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, soalan kecil. Saya tunggu soalan hebat-hebat. Bukan itu soalnya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ha, hebatlah ini!

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Soalan ini tidak kecil sangat, tidak besar sangat, tapi padanlah dengan UMNO itu, boleh tahanlah soalan ini.

Saya nak tanya Yang Berhormat ini, dibandingkan antara pimpinan belia kita zaman dahulu dengan zaman sekarang, zaman MAYC dipimpin oleh Sanusi Junid dan Belia 4B dipimpin oleh Haji Suhaimi Kamaruddin. Adakah Yang Berhormat setuju kalau saya mengatakan pemimpin belia waktu dahulu, ia betul-betul untuk mengajak belia ini supaya hidup berdikari, membuat kerja dengan konsep sukarela, kerja sukarela dan sebagainya ataupun siapa dia, tapi di akhir-akhir ini, pemimpin belia ini kalau dipimpin oleh orang UMNO, dia bekerja siang malam untuk mengajak belia-belia ke arah menyokong UMNO. Itu otak dia, dia *set* dah *mindset* dia. Kalau pemimpin dipegang oleh seorang korporat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Siapa yang berucap?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ini bukan berucap, soalan ini. Soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan tak payah begitu panjanglah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** *Leading question, leading question.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payah, tak payah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Soalan nak tanya, setuju kah tak ini. Ini untuk ulasan. Kalau seorang korporat memegang persatuan belia ini, dia suka membawa belia ini ke arah kebendaan. Otak dia mengajak kalau adik-adik masuk pertubuhan belia, adik-adik akan mendapat itu dan ini dan kerajaan akan memberi bantuan. Itu dia guna fikiran seperti itu. Kalau pemimpin belia itu seorang yang sosial, dia mengajak adik-adik ini mengajar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas fahamlah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Nanti, ada lagi. Dia serupa kita baca ayat Quran juga. Kalau kita baca ayat Quran tak habis, payah orang nak terjemah. Lebih kuranglah perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau nak bangkit perkara sebegini pergi masjidlah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Tak, kalau pemimpin belia ini seorang sosial, dia ajak belia-belia ini ke arah pergi belajar berjoget, belajar menari, belajar menyanyi, karaoke. Itulah. Maknanya rosak belia-belia kita ini oleh kerana pemimpin. Bukan kerana belia itu sendiri, belia ini dia boleh dibawa ke mana sahaja. Sebab kalau orang PAS memimpin belia ini, dia mengajak belia-belia ini ke arah yang lebih mengukuhkan iman dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Cukup. Yang Berhormat bagi Pasir Mas memang bijak. Dia faham apa maksud.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ya, ya itulah. Saya nak panjang sedikit sebab dia bijak, sebab itu saya nak bagi panjang sikit, bagi dia ulas panjang sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau nak panjang lagi boleh keluar bincang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Jadi kesimpulannya saya nak tanya Yang Berhormat bagi Pasir Mas ini, rosaknya persatuan-persatuan pertubuhan belia sekarang ini adalah hasil daripada pimpinan-pimpinan UMNO. Adakah Yang Berhormat setuju?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya ingat soalan kecil jugalah...  
[Ketawa]

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya bukan sekadar setuju, saya mahu masukkan ucapan ataupun celahan tadi dalam ucapan saya... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau semua nak ambil apa yang dikatakan sebahagian ucapan Yang Berhormat, jadi saya tidak akan benarkan sesiapa minta penjelasan mulai sekarang. Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Satu sahaja, satu sahaja.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pasir Mas membuat tuduhan, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang membuat tuduhan. Kalau saya tanya dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, apakah pemimpin-pemimpin UMNO membawa pendidikan yang baik, Yang Berhormat bagi Kinabatangan akan jawab bahawa UMNO itu baik. Jadi, ini persoalan...

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, ini *floor* saya ini. Saya bercakap sekarang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Buang masa lah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Dia satu kandanglah Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Dia ada penyokong belakang itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini perkara subjektif punya. Jadi saya sudah cabarlah UMNO, PAS lah. Kita bahas pasal belia lah, belia.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ya, nak bertanding Ketua Bahagian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah. Cukup. Yang Berhormat bagi Sri Gading, cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau tanya Yang Berhormat bagi Pasir Mas, dia kata PAS yang terbaik. Itu biasalah Tuan Yang di-Pertua kan. Kalau tanya Yang Berhormat bagi Kepong, DAP yang terbaiklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup. Sekarang bukan Perhimpunan UMNO dan bukan Mesyuarat Agung PAS. Cukup! Kita bincangkan Akta ini. Cukup.... [Ketawa]

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, ya betul. Saya setuju, saya setuju Tuan Yang di-Pertua.

Saya kembali kepada ucapan saya sekejap tadi. Belia ini adalah sebagai satu aset negara yang paling mahal yang mesti kita nilaikan dengan nilai yang wajar supaya kita dapat mewarnakan masa depan mereka dan masa depan kepimpinan negara. Sebagaimana saya sebutkan bahawa Doktor Yusuf Qardhawi mengatakan bahawa kalau mahu melihat kepada pimpinan negara di masa hadapan, maka lihatlah kepada pemuda-pemuda dan belia-belia, beliawanis kita di negara kita sekarang ini.

Soalan yang sama ditimbulkan Yang Berhormat, apakah konsepsi yang kita dapat lihat daripada pemuda-pemuda kita ini untuk dapat memimpin negara kita masa hadapan. Belia yang terlibat dengan berbagai-bagai penyakit, tadi disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading, Kelantan terlibat dengan arak, terlibat dengan itu, terlibat dengan ini. Sebenarnya kalau kita lihat kepada statistik, dia merupakan kes-kes terpencil. Bukan kes besar baik dari segi jenayahnya, jenayah syariah dan jenayah-jenayah lain, dia merupakan kes-kes terpencil...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Jadi saya masuk yang tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ini perkara banyak telah kita bangkitkan. Ramai telah diberikan peluang berucap. Jadi bolehkah Yang Berhormat berikan sedikit pandangan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, ya. Saya pergi lagi. Tak apa, tak apa terima kasih. Ya, pandangan. Ini pandanganlah, ini pandanganlah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sejarah dan perkara lain tak payah sebutlah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, ini pandangan untuk masa depan belia kita dan kepimpinan belia. Sebagai yang saya sebutkan tadi bahawa mereka adalah aset yang paling penting kepada sebuah negara. Maka negara mesti merancang. Dan adalah tidak munasabah sesudah 50 tahun kita merdeka, kita masih lagi berpanjangan tentang perkara-perkara sedemikian. Banyak perkara yang tak selesai. Saya rasa lebih baik kalau kita bincang satu case by case. Satu fasal kepada satu fasal misalnya Mat Rempit. Kita ambil Mat Rempit, kita bincang bagaimana nak mengatasi Mat Rempit di negara kita.

So, dah ratusan ribu, berapa banyak kemalangan-kemalangan jalan raya disebabkan oleh Mat Rempit. Berapa banyak kehilangan nyawa dan sebagainya disebabkan oleh kelakuan-kelakuan yang tak baik. Kalau kita bincangkan secara spesifik perkara-perkara sedemikian dan kita butirkan kemudian, bagaimana hendak kita ambil tindakan kepada mereka dari segi

psikologinya, dari segi ilmunya, dari segi tarbiahnya, dari segi kepimpinannya dan banyak lagi perkara-perkara lain mesti kita terangkan dan kita mengambil keputusan, kemudian kita selesaikan benda-benda yang berlaku sehingga tidak berlarutan sekarang ini.

Saya datang, saya balik daripada Parlimen, bagaimana saya hampir-hampir dilanggar Tuan Yang di-Pertua. Dilanggar daripada belakang oleh beberapa buah motosikal yang saya kira bahawa ini adalah juga kes-kes Mat Rempit, saya kira. Jadi kalau ini kita gagal, bagaimana dengan kegagalan-kegagalan. Rupa-rupanya di negara kita ini Tuan Yang di-Pertua, belum selesai satu kes, mari satu kes lain, belum selesai satu kes, mari kes lain.

Kelmarin kita bincang masalah PTPTN. Bagaimana gagalnya kita sehingga ada cadangan-cadangan supaya menangkap orang ini, supaya orang ini ditarik pasport, supaya orang ini dihalang daripada keluar negara. Ini kerana kita tidak istiqamah di atas suatu peraturan yang kita keluarkan. Rang undang-undang selalu kita bincang di sini tetapi tinggal rang undang-undang. Kita tidak selesaikan satu persatu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Beri Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, terima kasih. Saya berminat apabila Yang Berhormat menyebut tentang penyelesaian masalah secara menyeluruh, secara komprehensif. Dan Yang Berhormat juga menyebut tentang *continuity*, keterusan dan juga konsistensi, istiqamah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya pun bersetuju sebenarnya, tetapi bolehkan Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa, tindakan kementerian, tindakan kerajaan menggubal rang undang-undang ini, membawa rang undang-undang ini ke Parlimen adalah tindakan yang paling besar pernah dilakukan.

Apabila Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia ini dibentangkan di Parlimen ini, inilah peluang kita untuk melihat apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat tadi berlaku. Melihat pemuda, belia hari ini sebagai masa depan negara kita. Setuju tak Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih. Ini pandangan baik. Pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu ialah pandangan yang baik. Tidak sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading sekejap tadi. Saya kalau Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangun dua kali lagi saya bagi lagi dekat dia. Bukan sekali, dua kali saya bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kadangkala Speaker ada kuasa tak benarkan itu... [Ketawa]

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, saya hormati Speaker. Saya hormati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulunglah... [Ketawa]

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Yang keduanya..

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ha, Yang Berhormat bagi Ketereh nak? Saya bagi satu.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya gembira bila mendengar Yang Berhormat bagi Pasir Mas menyebut dalam menangani masalah kita mesti ambil *approach* yang menyeluruh. Dan itulah sebabnya akta demi akta diperkenalkan daripada..., PTPTN ada masalah, kita betulkan, belia ada masalah, kita betulkan. Dan tidakkah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan bahawa sebenarnya zaman berubah, masalah berubah.

Zaman Nabi Muhammad s.a.w, semasa dia ada, semua akidah bagus. Kemudian sebaik-baik sahaja Nabi Muhammad s.a.w, wafat, ada golongan Riddah. Padahal Nabi Muhammad s.a.w dah mengajar akidah Islam itu begitu kuat, tapi golongan Riddah yang tidak percaya dengan Islam kembali ada. Zaman Abu Bakar ada masalah, zaman Othman ada masalah sehingga ada pemberontakan. Zaman Ali, sahabat-sahabat Nabi yang rapat berperang sesama sendiri. Jadi masalah ini adalah masalah fenomena dunia manusia yang perlu kita hadapi dan kita tangani bersama. Boleh Yang Berhormat bersetuju?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya bersetuju apa yang disebut secara *basic* nya oleh saudara kita dari Ketereh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Tidak, saya kena terang yang ini. Jelaskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payah, tak payah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Tak payah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, boleh gulunglah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, tak payahlah... *[Ketawa]* Saya ambil yang kedua Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua iaitu tujuan kita bagi melahirkan belia-belia sebagai pewaris. Pewaris, bukan sahaja belia hanya ikutan. "Ikutan" dengan "Pewaris" ini lain Tuan Yang di-Pertua. Pewaris, pewaris ini ertinya ia mesti menerima pusaka dari ayahnya, itu pewaris. Akhlak yang baik diwarisi oleh anaknya. Budaya yang baik diwarisi oleh anaknya. Kita mahu belia-belia kita mewarisi apa yang telah dilakukan oleh orang tua. Dari segi akhlaknya, dari segi budayanya, dari segi intelektualnya, kita tak mahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini semua faham.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi sekarang masalahnya adakah Yang Berhormat hendak berikan pandangan terhadap cadangan rang undang-undang ini.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, ke arah itu ini. Saya sekarang sedang membincangkan ke arah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, tolong masuklah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** ..Untuk mengemaskan cadangan rang undang-undang ini. Kerana itulah, bagi melahirkan belia menjadi pewaris ini, pertama sekali kita memerlukan kepada pimpinan Tuan Yang di-Pertua... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Di dalam Al-Quran Al-Karim menyebutkan bahawa di waktu anak Nabi Syu'aib memberi pandangan kepada ayahnya, Nabi Syu'aib dengan mengatakan sebaik-baik yang kita mahu menjadi pemimpin iaitu *al-qawiyul amin*. Orang-orang yang kuat dari segi fizikal, orang yang kuat dari segi fikiran dan orang yang amanah. Orang amanah yang kita penting. Bukan sekadar cerdik Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita hendak cerdik dan amanah. Kalau cerdik sahaja, banyak tipu.

Sekarang ini, kita tengok wang negara kita RM130 bilion negara kita mempunyai wang yang begitu banyak. Rezeki amanah daripada Allah S.W.T. Tetapi ke mana wang kita pergi? Sehingga ada di kalangan Yang Berhormat-Yang Berhormat dan menteri sendiri mengakui bahawa ada ketirisan. Kerana kita hanya mengambil *al-qawiy* sahaja, yang kuat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Tetapi kita tidak mengambil perkataan *al-amin*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh gulung.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Dan yang ketiga, satu lagi, yang terakhir sekali, iaitu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** ..Memperkemaskan belia kita. Pemimpin satu, kerana pemimpin ini mesti teladan yang baik... [*Bercakap dalam Bahasa Arab*] Bagi kamu, pada Rasul Allah, panduan yang paling baik. Kita mahu panduan yang paling baik. Jesus Christ misalnya, panduan yang baik. Nabi Musa, panduan yang baik. Nabi Ibrahim panduan yang baik. Mengapa kita mencari panduan-panduan yang lain?

Dalam Islam meletakkan Jesus Christ adalah panduan yang baik. Kita baca Jesus Christ, kita beriman kepada Jesus Christ. Jesus, Nabi Isa a.s. Kita beriman kepadanya. Kita beriman kepada seluruh nabi. Mereka adalah contoh yang terbaik yang ada di hadapan kita. Mengapa kita mengemukakan contoh-contoh lain? Saya rasa pendekatan agama ini perlu kita kemukakan dalam membimbing belia-belia kita dan sekali gus kepada pemimpin-pemimpin belia. Jangan sekadar hanya mahu menjadi pemimpin, tetapi ke mana dia bawa, kita tak tahu? Kita hendak bawa belia kita ini hanya sekadar di sini sahaja ataupun di sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah masa cukup.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Dan yang terakhir sekali iaitu hendaklah memperkemaskan belia-belia kita dengan ilmu bukan hanya dengan budaya-budaya karut Tuan Yang di-Pertua. Memperkemaskan dengan ilmu, memperkemaskan dengan akhlak dan

memperkemarkan dengan jati diri iaitu mampu berdikari untuk menghadapi masa-masa muda mereka dengan tidak sia-sia. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, ramai lagi. Saya beri Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Semalam dia sudah tunggu. Ya, cuba ringkaskan Yang Berhormat.

**11.43 pagi.**

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ribuan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita di sini Ahli-Ahli dalam Dewan diminta untuk luluskan Rang Undang-Undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia ini, tetapi yang saya rasa paling penting sebagai pemimpin hari ini, dua perkara yang patut kita lakukan. Satu, ialah kita mesti hapuskan AUKU atau Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Kedua, kita patut kikis, pandangan, persepsi bahawa belia adalah pemimpin masa hadapan. Kita mesti melihat belia adalah pemimpin hari ini, baru kita ada perubahan. Sebab belia-belia hari ini, mereka adalah juga akan terjejas oleh segala polisi, dasar undang-undang yang dibuat hari ini. Kita mesti libatkan mereka bersama dan mengambil mereka sebagai pemimpin hari ini. Baru kita boleh berjaya melahirkan belia yang berminda kelas pertama...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Belia, belia...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ..Yang mempunyai daya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Belia pemimpin hari ini.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Belia adalah juga pemimpin hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, jadi...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Mereka adalah pemimpin bersama kita hari ini, sebab mereka akan terjejas. Walau apa pun, segala polisi undang-undang yang dibuat...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan Yang Berhormat..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Boleh?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Maaf ya, saya diminta ringkas.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Sekejap sahaja, sekejap sahaja. Saya tertarik itu, belia adalah pemimpin masa kini. Cuma saya hendak tambah, kalau boleh kalau Yang Berhormat bersetuju, belia adalah pemimpin masa kini dan akan datang. Orang tua pemimpin masa kini, akan datang belum tahu. Terima kasih... *[Ketawa]*.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ha, itu bagus juga. Pemimpin hari ini dan masa hadapan, tetapi masalahnya yang kita selalu tengok, belia adalah pemimpin. Kita lihat belia pemimpin masa hadapan dan mengetepikan mereka dalam proses pembangunan, menggariskan dasar pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan terus kepada rang undang-undang ini. Tadi saya kata kita perlu hapuskan AUKU. Bebaskan mereka, bagi mereka melibatkan dalam aktiviti-aktiviti yang mereka gemari termasuk membenarkan mereka menyertai parti-parti politik.

Jadi, walaupun akta ini ada menggalakkan, salah satu tujuan menggalakkan mereka mengadakan pertubuhan belia. Saya hendak tanya, apakah pelajar-pelajar universiti boleh melibatkan diri dalam pertubuhan-pertubuhan belia ini? Sebab kalau kita tengok AUKU, di seksyen 15, ia melarang pelajar terlibat, bersekutu dengan mana-mana pertubuhan kecuali dengan kelulusan Naib Canselor, tetapi kalau belia-belia melibatkan diri dalam pertubuhan ini, apakah ia akan dibenarkan? Kita hendak lahirkan belia yang maju, berdaya saing. Yang asas, hapuskan AUKU. Saya ingin ulangi lagi, hapuskan AUKU.

Perkara kedua ialah, ini kata hendak buat pendaftaran. Pendaftaran pertubuhan belia. Hendak kumpulkan semua belia, hendak daftarkan mereka agar senang untuk kerajaan menyampaikan mesej-mesej, menjalankan program-program sebab kita ada Majlis, ada badan induk yang akan ditubuhkan ini, tetapi saya hendak tanya, mengapakah dalam rang undang-undang ini tidak ada dinyatakan tempoh di mana pendaftar harus menjawab sama ada lulus atau tolak berkenaan permohonan mereka. Kita tengok dalam rang undang-undang ini hanya ada hukuman-hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi contoh dua contoh. Satu, kalau mereka hendak pinda, pinda lambang kah, pinda tempat atau tempat urusan, itu seksyen 17 mengubah nama, tempat urusan atau keadaan lain. Mereka ada 60 hari, kena maklumkan pihak Pendaftar. Kalau tidak, akan ada hukuman denda tidak melebihi RM5,000, tetapi bagaimana pula dengan pihak Pendaftar? Kalau permohonan telah dikemukakan, apakah tempoh di mana pihak Pendaftar patut menjawab bagi meluluskan atau menolak permohonan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, saya amat risau kerana kita tengok Persatuan Bahasa Tionghoa Universiti Putra Malaysia. Mereka yang ingin memohon untuk mendaftar persatuan mereka, tidak ada jawapan. Menteri enggan jumpa, Timbalan Naib Canselor mengelak. Jadi saya risau, kalau tidak ada tempoh ini diberikan kepada pendaftaran mereka akan mengambil masa selamanya tidak ada jawapan. Jadi, saya pohon satu penjelasan dalam aspek ini.

Juga perkara kedua berkenaan rang undang-undang ini ialah, apakah tarikan ataupun galakan yang akan dibekalkan kepada belia-belia kita sekarang? Tidak ada melibatkan diri dalam pertubuhan agar mereka akan berkumpul dan mendaftarkan diri atau menubuhkan pertubuhan belia bersama. Apakah galakan atau insentif akan diberikan kepada mereka? Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tengok rang undang-undang ini, saya rela lebih suka atau gembira memilih untuk berkumpul dengan geng-geng saya daripada mendaftar sebab terlalu banyak syarat-syarat yang dikenakan. Terlalu banyak syarat.

Jadi saya risau ini akan menjauhi mereka untuk menubuhkan pertubuhan. Terlalu banyak syarat dan juga hukumannya, penjara, RM3,000 denda atau tidak lebih RM5,000. Saya ada risau

dalam aspek ini. Mungkin akan menjauhi mereka. Mereka *prefer to set up gang's* daripada pertubuhan belia.

Perkara yang seterusnya ialah kawalan. Saya nampak ini terlalu banyak kawalan ke atas mereka, Kalau mereka tubuhkan Pertubuhan belia ini. Tengok sahaja menteri sendiri dalam kuasa yang diberi dalam rang undang-undang ini. Menteri yang akan melantik, menteri yang akan menjadi pengerusi Majlis Perundingan Belia Negeri, menteri yang akan melantik anggotanya, menteri yang juga akan melantik anggota Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan.

Dan yang hairan Tuan Yang di-Pertua, seksyen ini memperuntukkan di mana seksyen 37, menteri boleh melantik anggota-anggota tertentu dalam menduduki Majlis ini. Menteri boleh membatalkan keanggotaan tanpa memberi apa-apa sebab dan bila-bila masa. Ini terlibat juga bagi seksyen 37.1(i) di bawah perenggan tanpa memberikan apa-apa sebab tentang pembatalan itu. Seksyen 37.1(i) iaitu mengenai Keanggotaan Majlis iaitu tidak lebih daripada 20 orang yang pada pendapat menteri boleh menyumbang secara berkesan kepada pembangunan belia yang dilantik oleh menteri.

Ini meletakkan keanggotaan yang dilantik kalau mereka memberi pandangan berbeza atau tidak sependapat dengan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri boleh bila-bila masa, tanpa perlu memberi apa-apa alasan membatalkan keanggotaannya. Ini kuasa terlalu luas. Bukan sahaja itu bagi anggota Majlis begitu juga anggota lembaga, Lembaga Pengarah, seksyen 60.

Seksyen 60 juga anggota Lembaga adalah dilantik oleh Yang Berhormat Menteri. Dan menteri juga diberi kuasa untuk di bawah seksyen 63 juga untuk membatalkan, menteri boleh pada bila-bila membatalkan pelantikan mana-mana anggota institut. Selain anggota-anggota di bawah perenggan tertentu tanpa memberi apa-apa sebab bagi pembatalan itu. Jadi ini meletakkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak beri laluan?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ..Saya risau anggota yang dilantik tidak berani untuk menyuarakan pandangan. Maaf ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh telah ucap tadi.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Hendak sokong.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Maaf ya, maaf ya, lain kali sokong. Jadi saya ingin tahu, mengapa? Mengapa ada klausa-klausa yang sedemikian? Apa *check and balance* terhadap penggunaan kuasa menteri ini pada masa kelak ini?...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** [Bangun]

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Maaf ya Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lain kalilah Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Dan juga seksyen 33. Seksyen 33, kuasa menteri mengisytiharkan Pertubuhan Belia sebagai menyalahi undang-undang. Seksyen 33 saya cuba

mencari ruangan rayuan kalau menteri menggunakan seksyen ini untuk mengisytiharkan Pertubuhan Belia sebagai menyalahi undang-undang. Saya tidak dapat cari ruangan rayuan bagi kategori seksyen ini. Ini macam saya takut, *absolute power*.

Nanti ada pertubuhan pelajar, pertubuhan belia yang membantah kenaikan petrol atau pertubuhan pelajar, pertubuhan belia membantah penswastaan air, mereka hentam memorandum, anti-Israel, mereka protes, mereka mungkin akan dilihat atau dianggap pada pendapat menteri ia akan bertentangan dengan ketenteraman awam dan batalkan, isytiharkan mereka menyalahi undang-undang. Kita sudah ada undang-undang. Undang-undang yang sedia ada boleh ambil tindakan kalau mereka membuat pertubuhan belia kalau mereka buat aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang. Mengapa beri kuasa kepada menteri seorang, untuk menentukan aktiviti itu sah atau tidak sah. Saya rasa ini sangat bahaya, *dangerous precedence...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat gulung.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua saya ada dua, tiga perkara. Saya berucap tepat kepada rang undang-undang. Jadi saya tidak cakap hal lain, bukan saya minta kasihanlah. Saya hanya suarakan pandangan saya dan juga ini tanggungjawab saya. Saya wakil rakyat, belia juga.

Seterusnya saya Tuan Yang di-Pertua, seksyen 55, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Ia ada nyatakan fungsinya tapi saya agak keliru, mungkin Timbalan Menteri boleh beri penjelasan.

Seksyen 57, bertindak sebagai Pusat Penyelidikan Pembangunan menghubungkan, mengurus semua data-data. Dia juga diberi kuasa Tuan Yang di-Pertua untuk menjalankan aktiviti perniagaan. *It so commercialize* dan juga boleh melabur.

Bawah seksyen 58.(2)(e) dia boleh caj fi dan caj perkhidmatan yang diberikan oleh Institut ini. Jadi apakah tujuan institut ini? Apakah ia sepatutnya membantu kementerian dalam aspek penyelidikan, pembangunan, polisi bagi belia tapi ini macam untuk perniagaan. Dia boleh jalankan, tubuhkan syarikat. Aktiviti perniagaan dinyatakan boleh, boleh kutip bayaran untuk perkhidmatan yang diberi.

Jadi saya pohon, mengapa sedemikian dan juga institut ini ada diberi peruntukkan. Ada seksyen 74, betulkan saya kalau saya silap. Dia boleh minta peruntukan perbelanjaan daripada kementerian. Betulkan saya kalau saya silap dalam aspek interpretasi rang undang-undang ini. Jadi mengapa tidak boleh institut ini *fully focus* dan tidak ada terlibat dalam perniagaan langsung. Nanti apabila ada kerugian, kita akan ada masalah *bail out*, kita di minta luluskan perbelanjaan tambahan pula nanti.

*Point* yang akhirnya ialah Pegawai penguat kuasa. Pegawai penguat kuasa akan dilantik juga oleh menteri. Pegawai penguat kuasa akan dilantik oleh menteri untuk menjalankan kerja-kerja, maaf ya biar saya cari..., seksyen 102. Pegawai penguat kuasa akan melaksana apa kewajipan yang berhubungan dengan penguatkuasaan dan penyiasatan di bawah akta ini.

Saya risau Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok seksyen 108, kuasa pegawai penguat kuasa ini sangat luas. Seksyen 108, dia boleh meminta daripada Majistret waran menggeledah premis. Ini didapati jika pada pendapatnya kesalahan telah dilakukan. Dan yang bahayanya ialah kalau pada pendapat pegawai penguat kuasa ada sebab yang munasabah, dia boleh tidak payah minta waran, tidak payah bagi notis, dia boleh terus masuk untuk menggeledah dan menyita tanpa waran.

Seksyen 111, ini sangat bahaya. Kalau ada pelajar sedang merancang atau Pertubuhan Belia merancang untuk membuat satu protes terhadap kenaikan petrol. Pegawai penguat kuasa akan bertindak boleh masuk atas alasan bahawa percayai tidak boleh tunggu dah, ia akan lancarkan aktiviti yang akan memudaratkan keselamatan Malaysia. Dia boleh masuk tanpa waran daripada Majistret, saya risau. Jadi apakah *qualification*, kelulusan pegawai-pegawai penguat kuasa yang akan dilantik dan bagaimana untuk *check the power* atau kuasa.

Ada seksyen ini kata, kalau pegawai penguat kuasa ada merosakkan apa-apa harta tidak boleh tuntutan, kecuali ia adalah kerosakan disengajakan. Bagaimana bukti, kalau pegawai penguat kuasa hendak masuk premis, dia akan kata saya ada sebab-sebab munasabah, tetapi tidak payah bagi definisi sebab-sebab munasabah. Jadi bagaimana wujud memeriksa kuasa yang begitu luas kepada pegawai penguat kuasa ini. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik masa cukup Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Nanti Tuan Yang di-Pertua, saya tengok saya ada tertinggal apa-apa faktor atau tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak adalah. Lengkaplah Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Dan akhirnya seksyen 49 iaitu Majlis Belia tidak banyak maklumat dalam Majlis Belia ini. Siapakah yang akan...

**Dato' Haji Idris bin Haji haron [Tangga Batu]:** [Bangun]

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ...Maaf ya Yang Berhormat bagi Tangga Batu, lain kali baru saya bagi jalan ya. Jadi, siapa yang akan menduduki Majlis Belia ini, badan induk. Bagaimana komposisinya di masa akta ini diluluskan. Saya risau adalah jangan ada terlalu banyak kawalan. Biar mereka membangun mengikut arus pembangunan negara juga. Bukan letakkan syarat-syarat. Ini akan menjauhkan mereka melibatkan diri dalam pertubuhan belia. Hapuskan AUKU, hapuskan AUKU dan lihat belia sebagai pemimpin hari ini.

Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Yang Berhormat sebenarnya masa yang cukup telah kita berikan untuk bahas dengan panjang lebar dan sebenarnya semalam saya seikhlasnya tidak ada orang hendak bangun, tidak ramai. Jadi mulai sekarang saya terpaksa hadkan masa setiap ahli memberikan tidak boleh lebih daripada sepuluh minitlah. Dungun *start*. Dungun sila.

**12.02 tgh.**

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini *best* Tuan Yang di-Pertua kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya akan selesaikan sebelum pukul 1.00, perbincangan.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyokong usaha-usaha kerajaan di dalam membentangkan Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006.

Ini merupakan satu pendekatan dan satu gerakan baru yang dibuat oleh kerajaan, dilaksanakan oleh kerajaan secara lebih terperinci yang telah melibatkan pelbagai isu tentang belia ini dan kita telah banyak menerima pandangan-pandangan tentang masalah-masalah semasa dan juga masa depan pembangunan belia di dalam negara kita ini. Bagi saya akta ini secara totalnya, secara keseluruhannya merupakan satu reformasi pembangunan belia negara yang melibatkan ke arah matlamat sebagai mana digariskan di dalam akta ini yang mana melibatkan semua perkara yang telah diambil kira tentang ratusan perkara sebelum ini yang menjadi masalah-masalah terhadap organisasi belia itu sendiri dan juga belia secara individu.

Di dalam negara kita, kita mempunyai dua. Satu belia yang mempunyai ahli berdaftar tetapi kita ada juga merupakan individu belia yang tidak berdaftar di mana-mana. Jadi dalam hal ini kita nampak pelaksana kepada semua akta berkaitan dengan belia ini di peringkat akar umbi dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan. Oleh kerana akta ini sendiri akan menjadikan sebahagian daripada reformasi belia secara totalnya, kita pun tahu bahawa kesempatan agensi kerajaan seperti Jabatan Belia dan Sukan tidak mempunyai kemampuan untuk sama-sama melibatkan secara keseluruhannya melainkan Jabatan Belia dan Sukan juga harus direformasi sebagai agen pelaksana di peringkat Parlimen ataupun di peringkat daerah dalam negara kita.

Jadi saya rasa sebagai tambahan kepada Kementerian ini supaya menilai kembali peranan Jabatan Belia dan Sukan ini. Kadang-kadang persepsi belia ini apabila kita mempunyai Jabatan Belia dan Sukan dikaitkan sebagai satu jabatan, maka kita akan melihat bahawa seolah-olah fokus kepada pembangunan belia ialah sukan. Sepuluh minit saja Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sikit sahaja.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Bagi, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak melebihi sepuluh minit. Mesti saya berikan Yang Berhormat sepuluh minit.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Jangan lama ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Betul, saya tahu Yang Berhormat akan sambung ini. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Cuma yang saya mempertikaikan di sini ialah bagus kalau kita ada peraturan-peraturan ini untuk mengawal selia segala pergerakan di dalam belia tetapi malangnya, apa pendapat Yang

Berhormat, kementerian ini lebih menekankan kepada soal sukan di peringkat atasan daripada melihat perancangan belia ini bergerak dengan begitu baik? Kita boleh katakan ramai penduduk kita adalah terdiri daripada belia tetapi tidak banyak program mengenai dengan belia. Apakah komen Yang Berhormat?

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih, saya ke arah itu Yang Berhormat. Oleh sebab itu saya memandangi tinggi kepada beberapa pandangan supaya apabila berlaku reformasi tentang pembangunan belia ini terutama sekali cetusan pertamanya. Kita nampak apabila kita hendak menggubal Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia ini, kita juga harus melihat dari bentuk penyusunan agen-agen pelaksanaannya di peringkat akar umbi. Oleh sebab itu, pada hari ini saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Belia mesti diasingkan dengan Jabatan Sukan. Maknanya Jabatan Sukan mesti ada sendiri dan sukan sekarang ini dengan izin, *sport for all*.

Kalau kita tengok di mana-mana pun sukan ini bukan saja untuk belia. Kalau kita tengok kita pun sebagai wakil rakyat, Ahli Parlimen, saya pun suka buat sukan yang berkaitan veteran, orang tua dan sebagainya. Jadi sukan ini tidak boleh lagi diasosiasikan dengan Jabatan Belia seolah-olah persepsi kita. Apabila kita kata Jabatan Belia dan Sukan, kita ingat belia itu 90%, 80% nya kerana sukan.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** [Bangun]

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Kuala Terengganu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Kuala Terengganu hendak....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak, tidak. Teruskan.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** *Sorry* Yang Berhormat ya. Jadi Tuan Yang di-Pertua tidak bagi, saya kena buat teruslah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sebab itulah ramai bercakap tentang kebebasan. Tadi Yang Berhormat bagi Batu Gajah pun bercakap, dia kata hendak cakap hak ni. Dia pun tekankan kepada AUKU. AUKU kementerian lain di bawah universiti dan sebagainya. Sudah banyak dia susah hati. Tidak payah susah hati kerana ini adalah merupakan kaedah kita hendak menguruskan pertubuhan dan organisasi belia dan ianya berkaitan dengan beberapa langkah untuk menjadikan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia ini dengan lebih cemerlang pada masa-masa akan datang.

Jadi sebab itulah saya berharap pandangan saya ini diberi perhatian berat oleh kerajaan supaya bermula selepas ini supaya menteri dan rakan-rakan dalam kementerian asingkan. Oleh sebab itu kita sukan pun kita ada masalah. Kita pun banyak juga organisasi sukan ada masalah. Kita asosiasikan dengan belia dan ini merupakan satu persepsi dan pendekatan yang boleh kita sama-sama bangunkan belia kita.

Jadi sebab itulah belia kita di dalam akta ini sendiri meletakkan fokus utamanya bagaimana hendak melahirkan generasi belia dengan prinsip-prinsip setia kepada negara ada di

dalam ini. Saya tidak hendak macam Yang Berhormat bagi Batu Gajahlah dia pergi *detail* fasal saya tidak hendak, kita Ahli Parlimen. Memanglah hendak beri kuasa kepada menteri. Ini Yang Berhormat bagi Batu Gajah tidak berapa faham Tuan Yang di-Pertua. Memanglah minta daripada Parlimen ini luluskan akta, Yang Berhormat Menteri minta kuasa. Memang minta kuasa.

Jadi jangan susah hati, kalau tidak setuju cakap tidak setuju. Nanti Tuan Yang di-Pertua boleh tanya kita, kalau setuju kata setuju tetapi inti pati kepada akta ini juga meletakkan supaya beberapa perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan hendak melahirkan di dalam jiwa generasi belia kita ini tentang bagaimana menjadi setia kepada negara. PLKN salah satu daripada *method* nya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** ...Jadi sebab itulah saya mengharapkan Jabatan Belia ini dapat menggariskan beberapa pendekatan bagaimana sebenarnya golongan belia kita ini harus kita bawa hala tuju dia sebagaimana yang dinyatakan di dalam akta ini yang berasaskan, berteraskan kepada prinsip-prinsip dalam Rukun Negara.

Yang keduanya ialah berkenaan dengan kebudayaan. Tadi sudah keluar tadi ramai pakai kopiah. Ini satu kebudayaan yang diterapkan oleh kita. Saya bukan anti pakai kopiah Tuan Yang di-Pertua, tetapi mengikut orang Melayu, orang Malaysia pakaian rasmi kita apabila bersamping dan berbaju Melayu mesti bersongkok bukan berkopiah. Tuan Yang di-Pertua pun bukan orang Islam pakai songkok kerana...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini bukan songkok.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *Head tier.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah dijawab oleh Tangga Batu.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Apa dia?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *Head tier.*

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Betullah, tetapi itu bahasa orang putih. Bahasa Terengganu songkoklah Tuan Yang di-Pertua. Tetapi Tuan Yang di-Pertua *smart* bila pakai songkok macam ini *smart*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini sebahagian uniform saya, seragam saya.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Ya lah *uniform*, tetapi Tuan Yang di-Pertua dilihat *smart*, pakai songkok. Tuan Yang di-Pertua sebab itulah kebudayaan ini harus kita... Sekarang ini belia kita diasak dengan pendekatan politik yang boleh membawa suatu pendekatan budaya bangsa Malaysia di masa akan datang. Sebab itu saya hendak umpamanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat masa cukup.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Ini saya hendak cerita sikit saja Tuan Yang di-Pertua, ini penting untuk masa depan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Semua penting.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Budaya Arab! PAS memperjuangkan budaya Arab sebab itu Barisan Nasional melalui UMNO memperjuangkan budaya Islam. Sebab itu kita nampak, kita membuat *appreciation* kepada kopiah umpamanya, tidak menghormati majlis dan sebagainya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini akta belialah. Akta belialah.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Ini perlu diambil kira.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat ada berapa ahli yang hendak berucap. Saya akan beri peluang.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Baru tiga minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, duduk, duduk.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Yang ketiganya Tuan Yang di-Pertua, tak apa saya langkah.

Sekarang ini berkenaan bagaimana belia harus diasosiasikan dengan alam sekitar juga ada di dalam ini yang perlu diberi pendekatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya berharap kita tidak lari daripada akta yang telah digariskan ini, yang telah dibentangkan oleh kementerian semalam kepada kita dan saya berharap akta ini sedikit sebanyak... sebagai rumusan saya ini ialah, satu daripada reformasi belia tetapi dalam masa yang sama apabila kita menggubal dan meluluskan akta ini, tetapi struktur pentadbiran dan juga agen pelaksana di peringkat akar umbi harus kita lihat dalam bentuk perspektif yang lebih luas. Salah satu pendekatannya tadi ialah bagaimana Jabatan Belia harus diasingkan dengan sukan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat, masa cukup.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Yang keduanya, bagaimana penerapan pembangunan sukan itu sendiri tidak diasosiasikan dengan pembangunan belia sahaja semata-mata walau pun belia akan bersukan tetapi yang paling penting ialah bagaimana untuk melahirkan budaya bangsa Malaysia melalui gerakan pembangunan belia berteraskan kepada prinsip-prinsip kesetiaan kepada negara.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuala Terengganu, lepas itu Ipoh Timor.

**12.02 tgh.**

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006. Saya ingin tarik perhatian di sini bahawa menurut bncian di Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Belia menyebut bahawa kira-kira 7,914 buah persatuan dan daripada jumlah yang sebanyak itu, cuma 5% sahaja

yang aktif. Terdapat kira-kira 8.2 juta yang tidak terlibat dalam kegiatan berpersatuan di kalangan belia ini, daripada 11.1 juta belia yakni kira-kira 41.5% daripada seluruh penduduk Malaysia.

Ramai yang menyatakan kekusaran di atas kelesuan ini, tetapi bagi saya, saya ada sedikit pandangan yang agak lain sebab belia dikategorikan berumur di antara 15 sehingga 40 tahun. Di manakah belia-belia ini berada? Yang pertamanya, belia-belia ini berada di sekolah, bererti mereka tidak terabai. Mereka ada aktiviti-aktiviti. Saya kira akta ini harus juga mengambil kira bagaimana hendak memastikan anak-anak kita berada dalam sistem persekolahan yang tertakluk kepada akta, pelajaran itu diaktifkan ataupun barangkali ada aktiviti-aktiviti yang bersifat mini belia dengan aktiviti-aktiviti yang dipersetujui sendiri oleh kegiatan Kementerian Belia dan Sukan ini untuk dianjurkan, diadakan di sekolah-sekolah.

Selain daripada itu juga, dalam umur ini juga, belia-belia itu berada di bawah kongkongan ataupun di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti. Adakah kita perlu ada suatu liberalisasi di atas Akta Universiti dan Kolej Universiti untuk membolehkan pemimpin-pemimpin di peringkat kolej dan universiti itu terlibat secara aktif dalam kegiatan-kegiatan belia.

Satu lagi, dalam tempoh ini juga, sebilangan besar daripada remaja kita ataupun belia kita berada di dalam latihan PLKN itu. Saya kira ini adalah merupakan di mana belia-belia kita berada. Saya rasa dalam apa keadaan sekali pun, belia-belia kita sebenarnya sibuk dalam pelbagai kegiatan. Tinggal lagi sekarang ini, akta ini perlu bekerjasama, ertinya ada *synergy* rangkaian kerjasama dengan pelbagai agensi dan kementerian yang lain.

Saya kira Kementerian Belia dan Sukan tidak boleh dan tidak sewajarnya hanya terbelenggu dengan apa yang saya sebut beberapa kali yang lalu iaitu dalam apa yang disebut sebagai *advocate syndrome* sahaja tetapi perlu *advocate* dan melaksanakannya dengan rangkaian kerja dan kerjasama dengan pelbagai kementerian yang lain untuk memastikan generasi muda pelapis kita ini benar-benar disiap sediakan untuk mereka berdepan dengan cabaran negara dan bangsa serta masa depan.

Tadi sesungguhnya saya ingin mencelah apabila Yang Berhormat bagi Dungun sebut tentang kecergasan belia, tentang kegiatan-kegiatan sukan, saya ingin menyatakan di sini supaya Kementerian Belia dan Sukan juga Kementerian Pelajaran terutamanya, awasi bahawa banyak tapak-tapak bangunan binaan dewan sekolah dibina di atas padang sekolah.

Saya ingin dengan jelas sebutkan di sini supaya halangan-halangan mesti diadakan. Lebih-lebih lagi sekarang ini padang-padang sekolah sudah pun berkurangan malah baru-baru saya menghantar satu surat protes sebagai Wakil Rakyat di Parlimen Kuala Terengganu, sebuah dewan besar hendak dibina di atas padang Sekolah Rendah Sultan Sulaiman II di tengah padang betul-betul. Ini akan menghilangkan kawasan *green*, kawasan kehijauan, menafikan hak generasi muda untuk aktif dalam kegiatan-kegiatan bersukan ini.

Saya kira ini adalah merupakan suatu dasar, polisi yang harus dikenakan dan saya kira infrastruktur-infrastruktur yang lebih banyak harus disediakan untuk remaja, untuk belia ini untuk

terlibat. Misal kata sekarang ini, kita ada golongan pelumba haram. Apakah kemudahan-kemudahan yang harus disediakan untuk memastikan anak-anak muda ini dapat melepaskan rasa geram, rasa gelodak emosi mereka itu secara tertib dan teratur pada tempat yang sesuai. Saya kira anak-anak muda ini tidak mendapat kesempatan sedemikian rupa. Alangkah indahnya baru-baru ini bila remaja-remaja yang disebut sebagai "Mat Rempit" dibawa terjun daripada angkasa raya ke satu tempat dan ini adalah merupakan pendedahan yang amat sesuai, sesuai dengan gelodak dan jiwa dan perasaan anak-anak muda itu sendiri.

Saya amat bersetuju dengan konsep sekarang ini, kepimpinan belia itu biar diserahkan kepada golongan belia, *Y to Y* iaitu belia untuk belia. *Y to Y* adalah merupakan satu strategi dan agenda yang cukup baik. Saya juga ingin mencadangkan supaya dalam kegiatan-kegiatan terutama pembangunan belia yakni di bawah fasal 34.(2) iaitu telah dinyatakan pelbagai agenda-agenda di antaranya (a) sampai (h) itu, pembangunan, pengetahuan belia, pembangunan sikap belia, pembangunan organisasi kepimpinan belia, ini adalah merupakan agenda-agenda yang cukup baik sekali.

Saya ingin mencadangkan di sini terutama kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya kurikulum digubal dengan begitu kemas sekali agar tiga strategi yang hendak saya cadangkan di sini, jadi strategi membangunkan intelektualisme di kalangan remaja ini terbangun, terbentuk dengan baik. Ini memerlukan sumber. Ini memerlukan sumber kepakaran. Ini memerlukan sumber peruntukan dan kos-kos tertentu agar belia-belia ini dibangunkan secara berhemah agar memiliki budaya ilmu yang baik yakni dari segi intelektualismenya itu.

Selain daripada itu, dalam membina idealisme setiap belia itu sebagai pemimpin akan datang, dan memimpin diri mereka sendiri itu harus sedar, harus tahu tentang ciri-ciri kebenaran, keadilan, keharmonian, kepalsuan. Ini adalah merupakan elemen-elemen idealisme yang perlu dipupuk dibina secara teratur, secara tertib dengan kepakaran-kepakaran yang tertentu.

Selain daripada itu juga, belia-belia ini harus digalakkan, diterjemahkan dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat. Dengan aktivismenya, ertinya mereka boleh memindahkan sesuatu impian itu menjadi realiti. Maka saya ingin mencadangkan tiga perkara teras yang saya sebutkan itu yakni membina intelektualisme, budaya ilmu, membina idealisme yakni memahami dan menambah azam tentang konsep-konsep kebenaran, keharmonian dan keadilan itu terbina dalam jiwa raga.

Selain daripada itu juga, mereka dapat memindahkan segala impian mereka itu, segala ilusi, segala perasaan di jiwa mereka itu dalam bentuk tindakan-tindakan yang bermanfaat ertinya aktivisme-aktivisme kepada belia itu harus dilahirkan dengan sebaik mungkin. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa belia-belia harus dilatih.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Ya, saya ada dua *point* lagi Tuan Yang di-Pertua. Iaitu belia-belia ini harus diketengahkan suara mereka. Saya ingin mencadangkan supaya dilantik seorang Senator di kalangan belia-belia ini supaya mereka dapat menyatakan hasrat pendirian mereka kepada khalayak, kepada masyarakat.

Kalau sekiranya ada tokoh seni dilantik sebagai seorang Senator apa salahnya di kalangan belia itu dilantik seorang Senator untuk mewakili dan menyampaikan suara, hasrat dan gelodak jiwa mereka itu ke pentas pentadbiran atau di Dewan Senat sebelah sana...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Ya, silakan.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya berminat sungguh dengan partisipasi orang muda belia di dalam membuat keputusan, *youth participation in decision making*.

Apa kata Yang Berhormat kalau kita minta supaya Kementerian Belia dan Sukan berbincang dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan kerajaan negeri supaya memperuntukkan satu Kerusi Belia di dalam *local government* iaitu di dalam pihak berkuasa tempatan, majlis bandar raya, majlis perbandaran dan majlis daerah supaya belia ini dapat menyumbangkan buah fikiran bagi melepaskan segala gelodak mereka itu, boleh Yang Berhormat, bersetuju?

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Malah, saya juga ingin mencadangkan supaya menyertai ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan ataupun duduk, terlibat sama dalam kegiatan-kegiatan JKKK. Dan saya amat menyokong bahawa, dalam setiap JKKK itu, mesti ada satu pertubuhan belia. Ini adalah merupakan perkara-perkara yang harus dibuat dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Akhirnya sekali saya ingin sebut di sini bahawa, belia-belia ini harus berada sama dalam gelora, dalam perkembangan negara kita. Mereka harus berada dalam apa yang disebut sebagai *inclusive*, tidak pula dianggap sebagai tak penting dalam apa sahaja kegiatan-kegiatan negara kita ini, dalam agenda pembangunan ini. Saya kira belia ini perlu turut serta dan memberikan sumbangan mereka sebab mereka merupakan tulang belakang kepimpinan negara kita. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.  
12.21 tgh.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya, dalam usaha rang undang-undang ini matlamat untuk pembangunan belia. Soalan pertama yang perlu kita tanya ialah sama ada kita mahu memupuk nilai-nilai murni dan baik untuk kalangan belia atau kita mahu membenarkan mereka tenggelam dalam materialisme sehingga kita mewujudkan *mat rempitisme*. Soalan ini timbul apabila saya datang ke Parlimen

ini. Hari ini baru saya sedar bahawa apabila dekat jejambat ke Parlimen, ada satu papan iklan yang merosakkan dan menjejaskan suasana alam sekitar keindahan Parlimen.

Apa ini? Ini yang menunjukkan tidak faham mengenai nilai yang murni, yang patut kita tanam dalam kalangan semua rakyat. Sungguhpun tajuk itu Islam Hadhari, ada gambar Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan tetapi sebenarnya ini satu *commercial advertisement* yang menutup keindahan. Bagaimanakah kita boleh benarkan? Saya tahu ini bukan tanggungjawab Parlimen tetapi tanggungjawab DBKL. Patut runtuh papan iklan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah ini berkaitan dengan belia?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukan! Ini menunjukkan bahawa kita tidak faham nilai yang patut kita utamakan sehingga perkara ini boleh berlaku di Parlimen. Kita mahu memupuk nilai-nilai yang murni di antara belia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bolehkah saya kata Yang Berhormat ambil kesempatan dalam perkara ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Supaya kita faham apa nilai-nilai yang kita mahu di antara belia kita sendiri. Oleh kerana dalam mengenai aktiviti belia, apa itu? Membina peribadi belia, meningkatkan kesetiaanegaraan di kalangan belia. Apa itu ertinya patriotisme? Patriotisme dalam kecintaan negara dan ini sangat mustahak. Saya bagi satu contoh. Ini adalah ulang tahun ke 50 kemerdekaan. Ini soalan yang sangat penting.

Oleh kerana dalam rang undang-undang ini, Menteri Belia dan Sukan adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan arahan mengenai dasar-dasar pembangunan belia. Kalau ini dijalankan daripada skop yang tidak difahami sepenuhnya, apa erti dan maknanya patriotisme tetapi sangat sempit sehingga ada seorang menteri yang boleh menghunus keris... [Disampuk] Yang menjadi satu simbol *national division*, sehingga ada seorang menteri yang pergi California yang boleh buat *racist remark* kepada seorang pelajar keturunan India, Sheena Moorthy. Apa ertinya rang undang-undang ini? Sebab itu kita mahu contoh yang baik yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin, khasnya...

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Ahli-ahli Kabinet.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan! Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tidak ada masa. Oleh kerana mereka bertanggungjawab untuk mengeluarkan dasar-dasar di bawah fasal 34. Kalau mereka mengeluarkan arahan-arahan bahawa untuk menyebarkan fikiran yang begitu sempit di mana tidak ada apa-apa syak wasangka seperti menghunus keris. Sungguhpun tidak kira sensitiviti dan hak semua kaum di negara ini....

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Penjelasan! Penjelasan, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa ertinya?

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat, kalau.....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kalau ada masa, saya boleh beri penjelasan tetapi masa saya singkat, tidak boleh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat boleh bercakap pasal keris, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat .

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Masa saya singkat, kalau ada lebih masa saya boleh beri. Kalau Tuan Yang di-Pertua bersetuju, saya boleh beri. Masa pendek.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Semalam Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kalau tidak bagaimana saya boleh beri masa yang sudah pendek dan apa yang berlaku baru-baru ini, sebagai contoh sahaja, Maybank yang mewajibkan peraturan 50% format-format, undang-undang guaman yang liar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu belia juga?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Belia juga oleh kerana ahli-ahli ertinya...

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Semalam dia kata orang muda sahaja berucap.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa ertinya patriotisme...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Kalau semua tindakan pemimpin-pemimpin kerajaan dan sektor-sektor umum?

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Luar tajuk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa luar tajuk? Inilah dasar yang tidak menyatupadukan rakyat jelata...

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ... Bagaimana rang undang-undang ini boleh berjaya untuk memupuk patriotisme di kalangan belia. Kalau ini pun kita tidak berani untuk bahas, mahu ganggu, bagaimana kita boleh memupuk satu fikiran yang terbuka ...

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tidak bagi penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Antara belia-belie supaya mereka lebih kompetitif, lebih *towering Malaysian*. Inilah apa yang mustahak supaya ini kita mahu faham, kita tidak mahu belia kita semua digunakan sebagai alat-alat atau boneka-boneka mereka yang memerintah sahaja. Dan ini mungkin berlaku kalau kita tengok apa yang termaktub dalam undang-undang ini khasnya dalam peruntukkan 36 dan 37 mengenai Majlis Perundingan Belia Negara. Dan kenapa, kenapa Majlis ini yang pertama, dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri? Persoalannya yang ditimbulkan, sama ada ini akan menjadi satu mini, satu mini UMNO dan Barisan Nasional, Pemuda, *youth* UMNO dan Barisan Nasional, di mana ini akan disalahgunakan supaya

pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional ada ruang untuk bergerak, untuk dapat elaun, supaya mereka boleh menjalankan tugas untuk Barisan Nasional. Itu kita tahu, itu kita tahu ada berlaku dan kita mahu apa... Ini sudah berlaku baru-baru ini di mana kita tahu dua orang juara *All England Badminton*, Koo Kien Keat dan Tan Boon Heong ada ditarik oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kepada *Machap by election*...

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Itu dia sokong BN... Allah!

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Oh, rupa-rupanya DAP kalah..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sekarang mereka *under perform*. Dan itu menjejaskan prestasi mereka. Kita mahu mereka menjadi hero semua, semua rakyat, tak kira...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [*Bangun*][*Menyampuk*]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ... Dan kalau ini boleh berlaku, salah guna kuasa dalam perkara yang begitu kecil, apa jaminan bahawa rang undang-undang ini yang akan diluluskan, di mana kuasa akan diberikan kepada Yang Berhormat Menteri, menegnai pembangunan belia telah disalah gunakan, disalah gunakan!

Inilah mustahak, oleh sebab kita tidak mahu berpura-pura Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan pemimpin Barisan Nasional semualah *sins* dan tidak akan menyalahgunakan. Dan sebenarnya saya sangat terperanjat bahawa dalam definisi rang undang-undang ini mengenai *youth activity*, skop kegiatan, sungguhpun ada sebut mengenai Rukun Negara dan lain-lain, satu perkara yang ditinggalkan ialah satu isu yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada utamakan ialah integriti, untuk memupuk integriti di kalangan masyarakat kita, *National Integrity Plan* nampaknya tidak disebut. Itu patut menjadi satu nilai utama yang perlu dipupuk antara belia kita, *national integrity*, khasnya oleh sebab inilah satu masalah besar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Di negara kita. Ya. Ini yang mustahak supaya oleh kerana lihat apa yang telah berlaku. Saya menggulung. Baru-baru ini Presiden Indonesia, Bambang Susilo ada memecat menteri-menterinya oleh kerana kepercayaan orang ramai dan antarabangsa mengenai integriti Indonesia terjejas. Kenapa ia tidak berlaku di sini? Sepatutnya ada menteri-menteri dipecat seperti Indonesia untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap komitmen integriti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi apa yang mustahak ini sepatutnya menjadi satu nilai utama yang patut dicatat dalam rang undang-undang ini bahawa *fight*, membasmi *corruption*, memupuk integriti patutlah menjadi matlamat yang sangat jelas untuk menunjukkan bahawa kerajaan negara kita sangat serius mengenai memerangi korupsi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Akhirnya kita pun mahu bukan sahaja memupuk nilai kesetiaan negara tetapi kebanggaan negara bahawa negara kita boleh mencapai taraf dunia dan bukan seperti sekarang ini kita nampak bahawa *deterioration*...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya akan habis. Saya menggulung. Jangan ganggu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Semalam Yang Berhormat kata, belia ini bagi orang muda, sekarang Yang Berhormat masuk balik. Apa ini, Yang Berhormat. *Double standard!*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, ya, tetapi ini ...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Semalam dia tua, hari ini dia muda.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hari ini dia jadi muda.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bahawa baru-baru ini kita tengok keruntuhan, *systemic collapsed...*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Semalam saya cakap Yang Berhormat kata saya sudah tua ini orang muda, Yang Berhormat balik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Sama ada Putrajaya, *court complex*, ini pun patut menjadi minat belia kita kenapa untuk benci kepada ketidakcekapan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi masa cukup.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Benci *incompetent, ineptitude*. Kenapa ini boleh berlaku? Inilah yang perlu menjadi sasaran, *target* rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat, saya pohon...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hanya membenarkan dua lagi berucap sebelum saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Yang Berhormat bagi Muar, lima minit.

**12.32 tgh.**

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kerana memberi contoh yang baik kepada orang muda. Macam inilah perangai yang kita hendak tunjuk. Cakap hendak tunjuk cara kepimpinan yang baik tetapi Yang Berhormat pun lebih kurang sama sahaja sebenarnya...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Hati muda.!

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** ...Yang Berhormat menghasut orang-orang muda seolah-olah menjulang, mencium keris itu macam satu kesalahan besar. Dilaganya orang muda seolah-olah keris ini satu senjata berbahaya pada hal ini satu budaya. Kalau kita bertanggungjawab kepada masa depan, kita perlu didik budaya anak muda kita kepada budaya yang sebenar supaya kita menjadi contoh yang baik. Kalau kita kata, kita ini seorang pemimpin yang baik, kita kena tunjukkan teladan yang baik. Yang Berhormat pun tidak tunjuk teladan yang baik.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Minta penjelasan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih. Kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mengatakan menghunus keris dan menciumnya itu sebagai simbol pembunuhan, saya hendak bertanya Yang Berhormat, bagaimana dengan tiap-tiap kali pembukaan Parlimen *there is always gun salute*, 21 das? Meriam lebih bahaya daripada keris! Pertabalan Agong, kemudian kawad senjata, Kawad Diraja, *bayonet* terhunus. Itu membuktikan bahawa itu istiadat. *It's a matter of perception*. DAP memang daripada dulu melihat ini sebagai punca perpecahan, ancaman. Pada halnya tidak. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Ini masalah parti pembangkang. Dia tidak membawa orde baru.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Nantilah saya jawab Yang Berhormat bagi Ketereh dulu. Masalah dia bukan hendak menonjolkan benda baru. Dia melihat satu perkara yang boleh dijadikan asas kepada perdebatan mereka di luar-luar gelanggang. Perkara ini yang meruntuhkan masyarakat, yang akan menjejaskan perpaduan. Saya tidak nampak keris dan meriam ini sebagai satu perkara yang berbahaya. Ini satu perkara yang kita amal, yang kita warisi dan ini patut kita perkenalkan kepada anak muda supaya mereka faham. Jangan dilihat meriam dan keris ini sebagai sesuatu yang berbahaya. Yang ini pembangkang tidak tahu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia beri saya dulu.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Ini dulu. Bagi Yang Berhormat bagi Jerai dulu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih. Yang Berhormat bagi Muar, di belakang Tuan Yang di-Pertua kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jerai untung, masuk saja dapat peluang minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Di belakang Tuan Yang di-Pertua, kita ada dua ekor harimau, lambang-lambang negeri dan ada lima keris di situ. Itu adalah lambang negara kita Malaysia. Ini bermakna keris ini adalah satu benda yang menjadi satu keagungan dan kemegahan negara kita Malaysia. Kalau bercakap fasal itu, adakah harimau itu untuk tokak orang?...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, yang ini adakah berkaitan dengan Rang Undang-undang Pertubuhan dan Pembangunan Belia?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...Adakah harimau itu bahaya hendak tokak Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Yang Berhormat bagi Kepong? Tidak. Jadi

di sini saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat kerana belia ini kita kena faham. Kelmarin dalam ucapan penutup saya mahu majlis bagi belia majmuk diwujudkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...Saya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Ipoh Timor melalui Yang Berhormat bagi Muar, bahawa apabila Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menghulurkan dan mencium keris Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyuruh kita untuk bergaduh, bertikam ataupun membunuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah, Yang Berhormat. Cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sedangkan kita tahu kedaulatan Ke Bawah Duli Tuanku adalah untuk lambang perpaduan negara sebab itu dia cium. Jadi, ini saya ingat Yang Berhormat bagi Muar melalui Yang Berhormat bagi Ipoh Timor supaya memahami. Kalau itu Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Muar memberitahu melalui Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bahawa Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Muar juga menghina kedaulatan dan juga Raja-Raja kita. Pada zaman sekarang pembunuhan yang berlaku ini tidak pernah mereka tikam dengan keris. Mereka membunuh menggunakan parang dan menembak dengan senapang.

Jadi Yang Berhormat bagi Muar kena bagi faham kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, supaya dia faham apa itu kebudayaan, apa itu peperangan, apa itu pergaduhan, termasuk Yang Berhormat bagi Kepong dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bukan masanya untuk berucap. Duduk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Melalui Yang Berhormat bagi Muar...

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Faham, faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, Yang Berhormat bagi Muar faham. Nanti saya terpaksa minta Yang Berhormat bagi Muar pun duduk juga.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** ... *[Ketawa]* Sebelum saya menjadi mangsa kepada kefahaman itu tadi....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Yang Berhormat bagi Jerai, duduk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Sama-sama. Ini yang jadi masalah kita dalam kita kerajaan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terusakan, nanti tidak dapat bercakap.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih. Kita terima keris sebagai lambang negara. Kita terima apabila Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menghunus dan mencium keris bahawa itu adalah lambang keadilan. Kita terima. Apa yang kita tidak boleh terima ialah konteks apabila keris dihunus, dalam konteks untuk mendesak tuntutan-tuntutan yang melampau yang tidak menghiraukan sensitiviti-sensitiviti hak semua kaum. Kita tahu bahawa selepas itu ada wakil UMNO yang hendak bertanya, bila keris ini akan digunakan untuk menikam. Bukankah ini konteks yang lain? Sebab itulah MCA pun protes masa itu, Gerakan pun protes, sungguhpun sekarang mereka diam. Apabila itu digunakan dalam konteks untuk mencabar dan untuk hak-hak yang lain, yang keterlaluan...

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Tidak mengapa, Yang Berhormat. Biar saya beri penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini kita tidak boleh terima. Sungguhpun kita terima keris ...

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya belum habis.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Saya faham.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kita terima keris sebagai lambang negara...

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Saya faham. Saya hendak beritahu, Yang Berhormat tidak faham.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kita terima keris sebagai lambang keadilan...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua apa ni?...  
[Merujuk kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:**...Tetapi konteks di mana Ketua Pemuda menggunakan itu keterlaluan dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ....Beliau perlu meminta maaf daripada rakyat Malaysia. Ketua Pemuda UMNO perlu meminta maaf daripada rakyat Malaysia.... [Dewan riuh]  
Dia menjadi simbol ...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [Bangun]

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Floor sapa ini?

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Saya cakap awal tadi...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dia tidak ada hak menjadi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Yang Berhormat tidak faham. Semasa dihunuskan keris, saya ambil masa satu minit hendak beritahu. Saya ingat bila Yang Berhormat bagi Jerai bercakap tadi dia sudah faham, rupanya dia tidak faham. Semasa dihunuskan keris, bukan dia menuntut untuk hak sama rata, hak bangsa dan sebagainya. Semasa menghunus, dia bersumpah untuk menjaga kedaulatan negaranya. Yang Berhormat baca balik ucapan Ketua Pemuda...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Tidak payah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** MCA pun tidak boleh terima sebab itu dia perlu minta maaf.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Inilah masalahnya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Hishamuddin perlu mohon maaf daripada rakyat Malaysia... *[Dewan gamat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Muar, sila gulung.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan Mesyuarat apa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bercakap di luar daripada bidang yang dibahaskan... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, sama-sama. Yang Berhormat bagi Jerai pun sama.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Ya lah, kita semua sama-samalah macam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat gulung.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung. Saya akan ambil kesempatan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Selepas ini Yang Berhormat Menteri

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Saya hendak beritahu tentang satu perkara saja dalam akta ini yang menjadi kerisauan. Bagi saya, ketua ada di mana-mana walaupun dia itu orang muda, orang tua, orang dewasa atau orang berpengalaman kerana anak muda belia kita hari ini kalau kita tengok Mat Rempit sekali pun, menjadi kerisauan ramai pihak yang mengatakan Mat Rempit menjadi masalah dan sebagainya. Kejayaan kepimpinan Mat Rempit dalam kumpulannya mengumpulkan 100 orang, 1,000 orang merupakan daya kepimpinan mereka yang perlu kita asuh dan susun. Sebab itu akta ini yang telah lama kita tunggu dan nanti-nantikan merupakan satu pencapaian terbaik kerajaan.

Cuma permohonan saya, kita perlu memberi mesej promosi yang betul dalam penggulungan ini, selepas kita luluskan kita kena maklum kepada belia-belia bahawa kita mahu mereka terlibat. Kita pelawa, kita jemput, dalam masa yang sama....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, masa cukup Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** ...Pegawai-pegawai kita hendaklah bersedia dalam menyediakan borang-borang garis panduan, penyampaian data piagam supaya pendaftaran ini dapat berlangsung dengan baik seperti yang pernah dihadapi oleh kementerian di bawah Akta Pembangunan Sukan. Secara perlahan perkara ini boleh menjadi masalah kalau tidak ada kesediaan di peringkat pegawai. Saya mengharapkan promosi ini nanti akan memberi mesej bahawa belia adalah masa hadapan negara, belia adalah aset dan mereka dipelawa untuk mendaftar dan kita akan selia perjalanan mereka ini dalam kehendak yang disebut dalam dasar pembangunan yang ada, sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, ingin saya bagi pihak Dewan Rakyat mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Encik Foo Soon Teng, *Member of Legislative Council, Hong Kong Administrative Region of The People Republic of China* dan rombongannya ke Dewan yang mulia ini. Moga-moga kehadiran beliau ke Malaysia akan mempererat lagi perhubungan di antara Malaysia dan *The People Republic of China*. Sekian terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**12.41 tgh.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan, terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006. Sesungguhnya kementerian menghargai semua pandangan, saranan, cadangan mahupun teguran Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, tujuan Rang Undang-Undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006 ialah untuk menjamin kepentingan kebajikan dan kesejahteraan belia supaya mereka menjadi warga yang bertanggungjawab kepada negara.

Beban bagi membangunkan belia bukan sahaja terletak kepada kementerian, bahkan juga terletak kepada semua Ahli Yang Berhormat. Saya akan cuba menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dalam masa yang sama, kementerian memberi jaminan akan mempertingkatkan semua pandangan, saranan, cadangan dan teguran yang telah dibangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai mengapa umur belia ditetapkan sebagai tidak melebihi 40 tahun. Isu ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Maran, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat bagi Jerai dan ramai lagi ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, malah isu ini merupakan isu yang paling hangat diperkatakan.

Penetapan had umur belia di peringkat antarabangsa adalah berasaskan takrifan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu, "*Belia adalah mereka yang berumur di antara 15 hingga 24 tahun.*" Takrifan yang dikeluarkan sempena Tahun Belia Antarabangsa 1985 ini juga menjadi asas kepada pentakrifan belia di Malaysia yang mana pada tahun tersebut kerajaan memperkenalkan dasar belia negara yang mentakrif belia sebagai mereka yang umur antara 15 hingga 40 tahun. Takrifan ini telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri dan juga oleh Majlis Belia Malaysia. Penetapan umur belia ini telah mengambil kira beberapa faktor seperti tahap kematangan, faktor fizikal di samping kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun yang masih memerlukan kepimpinan belia yang berumur hingga 40 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, setelah 21 tahun pelaksanaan Dasar Pembangunan Belia Negara tersebut, adalah didapati bahawa pertubuhan belia masih dianggotai dan diterajui oleh mereka yang melebihi usia 40 tahun dan keadaan ini sedikit sebanyak menyumbang kepada kelesuan Pertubuhan Belia dan secara tidak langsung menjadi faktor penyumbang kepada hilangnya minat di kalangan generasi muda untuk menyertai pertubuhan belia.

Sehubungan itu, kerajaan telah bersetuju supaya takrif belia dikuatkuasakan melalui rang undang-undang ini. Berhubungan dengan isu Yang Berhormat bagi Kinabatangan mengenai had umur pegawai belia dan sukan dan juga pegawai lain yang terlibat dengan belia dihadkan kepada 40 tahun, kementerian berpendapat ia adalah tidak wajar kerana mereka merupakan pegawai kakitangan kerajaan yang boleh berkhidmat sehingga 55 tahun. Berhubung dengan Menteri juga dihadkan umurnya, saya rasa ia tidak tepat kerana kalau kita ambil enologi yang sama, contohnya Kementerian Pertahanan, kita tidak akan guna askar untuk jadi menteri. Kita perlu tahu bahawa ini adalah dari segi pihak pentadbiran.

Isu sama ada pertubuhan sedia ada boleh terus diguna pakai istilah pertubuhan belia selepas akta ini berkuat kuasa, rang undang-undang ini tidak menghalang pertubuhan-pertubuhan yang sedia berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 untuk terus mengguna pakai istilah tersebut selepas berkuat kuasanya akta ini, jika mereka tidak termasuk dalam definisi pertubuhan di bawah akta ini. Bagi pertubuhan yang termasuk dalam definisi Pertubuhan Belia, mereka diperlukan berdaftar di bawah Akta ini menurut kehendak Fasal 73, iaitu ia mempunyai ciri-ciri Pertubuhan Belia iaitu ia adalah had umur 40 tahun, ia mempunyai perkataan belia, ia melaksanakan aktiviti belia.

Ini ciri-ciri perlu ada untuk pertubuhan belia yang dapat berdaftar dengan pendaftar belia. Isu ada pilihan sama Pertubuhan Belia boleh berdaftar di bawah Kementerian Belia dan Sukan atau di bawah Akta Pendaftar 1966. Ingin saya timbulkan di sini bahawa isu ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, ingin dimaklumkan bahawa sebenarnya tidak ada pilihan bagi pertubuhan belia yang termasuk di bawah definisi pertubuhan belia di bawah rang undang-undang ini untuk berdaftar sama ada di bawah Kementerian Belia dan Sukan atau Akta Pertubuhan 1966.

Bagi pertubuhan belia yang tergolong di bawah definisi pertubuhan belia, di bawah Rang Undang-Undang ini, mereka dikehendaki berdaftar di bawah rang undang-undang ini seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 72. Bagi pertubuhan lain, termasuk pertubuhan yang menggunakan nama belia yang tidak memenuhi ciri-ciri dalam definisi pertubuhan belia, mereka tidak boleh mendaftar di bawah rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai Majlis Perundingan Belia Negara, Yang Berhormat bagi Jerai telah menyentuh mengenai keahlian dan peranan Majlis Perundingan Belia Negara. Nampaknya Yang Berhormat telah meneliti rang undang-undang ini dan memahami hasrat Kementerian.

Yang Berhormat, keahlian Majlis Perundingan Belia Negara sudah tentu akan melibatkan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain kementerian yang dapat menyumbang dan relevan dalam majlis tersebut. Terima kasih di atas cadangan yang bernas tersebut di samping itu Yang Berhormat Menteri juga akan melantik wakil-wakil yang bersesuaian yang dapat membantu dalam pembangunan dan pergerakan belia.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Jerai, mengenai Mesyuarat Majlis Perundingan Belia diadakan tiga kali setahun, Fasal 46 memperuntukkan majlis hendaklah mengadakan persidangannya tidak kurang daripada dua kali setahun. Walau bagaimanapun majlis akan mengadakan persidangannya seberapa kerap mengikut keperluan semasa supaya peranan dan fungsi lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan bahawa masalah-masalah....

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini berkaitan dengan Majlis Perundingan Belia Negara. Bagaimana pula di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah kerana kalau kita lihat pada hari ini, apa yang telah ada pun pada hari ini di peringkat daerah tidak begitu berfungsi. Dari segi pengisian, ahli-ahli majlis di peringkat daerah dan juga di peringkat negeri ini, saya rasa perlu satu cadangan yang juga komprehensif, supaya dapat kita lebarkan anggota-anggotanya terdiri daripada pegawai-pegawai daripada pelbagai bidang supaya masalah-masalah belia di peringkat daerah ini juga dapat diatasi.

Contohnya satu persatuan belia, contoh di kawasan saya Yang Berhormat, persatuan belia telah menyediakan kolam untuk mengusahakan ternakan udang, masalahnya ialah melibatkan tanah. Sudah hampir enam bulan lebih permohonan menggunakan tanah di pejabat tanah sampai hari ini pun tidak dapat dikeluarkan kebenaran, bukan untuk mendapat hak milik.

Kalau begini keadaannya, usaha belia ini dari segi perusahaan membawa masalah Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu, memang benar Majlis Perundingan Belia Negara dapat diturunkan di peringkat negeri dan daerah untuk memastikan ia lebih berkesan, itu satu cadangan yang baik dan memang kita mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh belia pada masa kini seperti mat rempit, penagihan dadah, lepak dan yang terlibat dengan *the happening among the youth in the cities* diambil kira oleh majlis supaya gejala-gejala ini dapat diatasi untuk membentuk generasi masa depan yang lebih bertanggungjawab.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Selepas ini Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Inilah salah satu tujuan utama untuk mengadakan Rang Undang-Undang semoga dengan adanya majlis dan undang-undang ini kita dapat memperkasakan pertubuhan belia dan adalah diharapkan gejala-gejala negatif dapat dikurangkan.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya telah melalui tidak kurang daripada sepuluh Majlis Pertubuhan Belia di peringkat dan negara dan saya dapati memang ada kerusi-kerusi majlis disediakan untuk ketua-ketua, pemuda, belia bagi parti pembangkang. Saya dapat lihat dari pengalaman saya tidak pernah dihadiri oleh wakil-wakil daripada pihak pembangkang. Apakah Yang Berhormat, pihak kementerian akan membuat satu resolusi baru jika tidak ada kehadiran daripada wakil-wakil yang di undang ini, kita akan membuat satu ketetapan yang baru. Sebagai contoh tidak ada ruang lagi untuk mereka, apa pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Kita berharaplah semua dijemput ini dapat hadir untuk sama-sama kita menyumbang kepada pembangunan belia negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu rundingan semasa penggubalan rang undang-undang ini, Yang Berhormat bagi Tuaran dan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching telah membangkitkan mengenai isu perlunya diadakan rundingan dalam penggubalan rang undang-undang ini.

Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian sebenarnya telah mengadakan banyak rundingan dengan pihak-pihak berkaitan yang terlibat dengan rang undang-undang ini. Antaranya draf akta ini telah pun dibentangkan dalam Mesyuarat Exco Belia dan Sukan pada tahun 29 April 2003 seterusnya draf akta ini juga telah pun dibincangkan dalam banyak forum seperti yang berikut: Mesyuarat Exco Belia dan Sukan, tiga kali; Persidangan Majlis Belia Negara, tiga kali; Persidangan Majlis Perundingan Belia Negeri, lapan Kali; Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kementerian Belia dan Sukan, MBM, Jabatan Peguam Negara, tujuh

kali; dan banyak juga seminar-seminar, bengkel khas telah pun kita adakan untuk penggubalan akta ini dan banyak juga taklimat khas dan lain-lain telah pun di adakan.

Oleh itu daripada sini kita dapat lihat *consultation* yang cukup luas telah pun diadakan dan memang terdapat banyak pandangan, maklum balas yang kita terima. Kementerian telah cuba dengan sebaik mungkin untuk menggubal rang undang-undang ini yang terdiri daripada 10 Bahagian dan 125 Fasal.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tuduhan...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Bandar Kuching

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya hendak masuk Bandar Kuching selepas ini. Selepas saya bercakap Yang Berhormat boleh berdiri. Berhubung dengan tuduhan Bandar Kuching bahawa tidak ada perundingan ataupun *consultation* dengan persatuan Cina dan menjaga kepentingan persatuan-persatuan Cina adalah tidak benar. Saya rasa ini adalah satu tuduhan liar yang tidak berasas dan ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat tidak membuat *home work* langsung.

Draf akta ini telah lama dibincangkan semenjak sebelum lagi saya menjawat jawatan ini, sebelum itu Yang Berhormat Dato' Ong Tee Kiat, Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah pun banyak berbincang dengan persatuan belia dan selepas itu saya sendiri telah pun telah banyak berbincang dengan persatuan-persatuan Cina dan juga telah pun mendapat banyak pandangan dan saya yakin semua pandangan-pandangan ini telah pun kita dapat masukkan untuk kebaikan semua pihak. Saya rasa ini telah pun dapat dilihat dari segi sayap persatuan-persatuan Cina, memang kerana persatuan-persatuan Cina yang ada pada hari ini ia adalah didaftarkan di bawah ROS, maka rayuan daripada mereka agar dapat dikecualikan mereka dari pendaftaran di bawah Akta Belia dan Sukan.

Walau bagaimanapun, sekiranya mereka mana-mana persatuan pertubuhan belia yang ingin mendaftar di bawah akta ini, kita sentiasa mengalu-alukan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita semua tahu struktur persatuan-persatuan di kalangan masyarakat Cina ada satu persatuan induk dan belianya ditubuhkan sebagai sayap persatuan induk ini. Bukankah kerajaan boleh dalam rang undang-undang ini mengiktiraf kewujudan sayap-sayap persatuan Cina kerana mengikut rang undang-undang belia ini, hampir 9% persatuan-persatuan belia di kalangan masyarakat Cina akan dikecualikan dan bukankah ini satu petunjuk bahawa belia Cina dipinggirkan? Kalau kita membaca rang undang-undang ini.

Oleh itu apa yang saya kata kelmarin ini ialah satu petunjuk bahawa belia masyarakat Cina dipinggirkan oleh kerana kalau ia tidak diiktiraf dalam undang-undang, maka ia tidak dapat diterima peruntukkan secara haknya.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya ingat Yang Berhormat Bandar Kuching suka hendak memutarbelitkan. Memang inilah cara pembangkang kerana mereka sengaja tidak mahu

memahami bahawa pada masa sekarang badan-badan ini telah pun diiktiraf, ia telah pun didaftarkan di badan ROS...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Belia, belia, badan-badan belia. Tidak, tidak, mana ada diiktiraf.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ia adalah sayap kepada pertubuhan belia...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Kalau rang undang-undang ini baik untuk persatuan belia, kenapa tidak mahu letakkan sayap-sayap belia ini dalam rang undang-undang ini?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Biar saya jawab. Saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa memang sayap ini juga satu identiti yang diiktiraf oleh kerajaan dan mereka boleh menjalankan aktiviti dengan sama sahaja seperti dengan sayap-sayap ataupun dengan pertubuhan-pertubuhan belia yang lain.

Berhubung dengan peruntukan saya hendak jelaskan Yang Berhormat bagi Kota Melaka adalah membangkitkan bahawa belia tidak akan mendapat peruntukkan. Saya rasa ini adalah satu anggapan yang silap kerana memang dari segi aktiviti-aktiviti belia Menteri melalui kuasanya mempunyai kuasa untuk memberi peruntukkan dan tidak ada dengan sengajanya hendak meminggirkan mana-mana pihak untuk tidak mendapatkan peruntukkan. Saya rasa ini adalah satu tuduhan yang liarlah, yang tidak berasas langsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin jelaskan di sini...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya tidak benarkan kerana saya ada banyak lagi yang belum dihabiskan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Dia putar belit apa yang, tidak, tidak. Itu mengenai peruntukkan. Selalunya, semasa badan belia, masyarakat Cina mohon peruntukkan, *the excuse given, "Oh you are not a recognized body"*. Peruntukan memang ada diberi tetapi secara *development fund. It's not as off right. They are entitled to the peruntukkan*, macam anak tiri. *Secretively give the development fund...*

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching ini adalah tidak benar kerana kita tahu bahawa kita mempunyai banyak persatuan-persatuan belia Tionghoa yang telah pun mendapat peruntukkan daripada kementerian dan saya rasa Bandar Kuching ini telah pun tersisihlah daripada apa yang dikatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengatakan di sini bahawa tuduhan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor hendak mengaitkan saya menyalahgunakan kuasa dalam Kempen Cintai Badminton yang diadakan di Machap tempoh hari adalah berniat jahat. Saya hendak jelaskan di sini bahawa ini adalah tanggungjawab semua pihak untuk sama-sama kita majukan sukan untuk negara.

Apabila kita ada seseorang juara, juara *All England* dan juga jaguh-jaguh badminton negara kita yang dapat turun ke padang bersama-sama dengan persatuan badminton, bersama-sama dengan pertubuhan-pertubuhan di peringkat akar umbi, maka ia adalah satu usaha murni daripada semua pihak untuk memajukan sukan untuk negara. Oleh itu apabila pihak pembangkang kalah di Machap, ia suka memutarbelitkan dan menuduh sesiapa sahaja untuk mendapatkan *political mileage*

Oleh itu saya di sini dengan terus dan lantang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat banyak lagi?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ada lagi...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Minta penjelasan

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh minta petang ini. Jadi boleh sambung jawapan dan penjelasan beliau, boleh kemukakan petang nanti.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petng***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mengemukakan usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**2.32 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.00 malam ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Rabu, 9 Mei 2007.”

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Masa tempoh, tangguh nak minta penjelasan, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menafikan penyalahgunaan kuasa beliau untuk memaksa Koo Kian Keat dan Tan Boon Heong juara *double badminton, All England* kita pergi Machap dan akhirnya, apa yang tidak boleh dinafikan bahawa prestasi mereka diganggu dan sekarang bukan sahaja dalam *Asian Badminton Championship* di Johor Bahru selepas Machap.

Baru-baru ini di Singapura *open* mereka dapat prestasi yang sangat tidak baik sehingga *coach* mereka, Remy Mainaky kata ada masalah dan *coach* mereka pun ada kata masa itu bila tahu bahawa dua-dua akan dipaksa pergi ke Machap seolah-olah untuk Malaysia *love badminton* kempen sebenarnya untuk tarik undi untuk MCA, beliau akan bantah dan tidak akan membenarkan.

Bukankah ini menunjukkan bahawa perkara ini satu perkara yang tidak patut berlaku kita mahu mereka menjadi perwira badminton untuk kesemua rakyat Malaysia dan jangan mempolitikkan perkara ini.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri meminta secara terbuka meminta maaf oleh kerana tindakan beliau yang mengganggu prestasi dua-dua juara *All England double* dan kita harap mereka boleh memulihkan prestasi mereka supaya boleh menang dan emas, *gold medal* di Olimpik untuk Malaysia.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua inilah sikap pembangkang yang suka mempolitikkan apa juga termasuk sukan sekali. Apabila kita mengadakan kempen ini adalah untuk kebaikan sukan dalam negara dan memang tidak ada isu paksaan.

Dan satu lagi katakan pencapaian mereka menurun tapi pada masa yang sama kita kena tahu bahawa selain daripada Tan Boon Heong, Koo Kian Keat, Lee Wan Wah dan Chong Tan Fook juga ada bersama-sama dalam kempen ini dan kita juga dapat lihat bahawa Lee Wan Wah dan Chong Tan Fook juga dapat teruskan permainan yang baik.

Apa yang penting di sini adalah kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab perlu memberi sokongan dan juga galakkan kepada pemain-pemain kita agar terus berprestasi tinggi dalam semua permainan dan juga pertandingan di peringkat antarabangsa.

Saya rasa memang ini tabiat pihak pembangkang suka memutar belitkan perkara ini dan saya akan teruskan ucapan yang seterusnya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh tanya Yang Berhormat?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua, Ya

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua, mungkin kempen yang diadakan mungkin kempen mempromosi badminton, cuma cara kebetulan ada pilihan raya kecil jadi kebetulan itu tidak boleh dijuruskan bahawa ia dirancang! Setuju Yang Berhormat?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan memang ini adalah undangan daripada jawatankuasa kampung di peringkat sana, yang menganjurkan program ini dan menjemput juara-juara kita dan telah dipersetujui oleh BAM untuk menjalankan demonstrasi badminton ini, saya rasa perkara ini telah dipolitikkan oleh pihak pembangkang untuk kepentingan politik mereka sendiri. Saya rasa rakyat di Machap telah menentukan telah pun menunjukkan sokongan kepada Barisan Nasional

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, teruskan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat bagi Tuaran telah menyentuh mengenai pindaan pada Fasa 34(1) yang dicadangkan selepas diadakan perjumpaan antara pihak negeri Sabah dan Sarawak dengan kementerian, terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat bagi Tuaran dan juga Ali-Ahli Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak yang telah pun memberi pandangan semasa taklimat.

Adalah jelas dengan adanya cadangan Fasal 34(1) pandangan pelbagai pihak sentiasa diambil kira oleh kementerian. Kementerian membuat jaminan akan sentiasa berunding dengan semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak apabila mengeluarkan apa-apa dasar atau arahan apa juga perkara berhubung dengan pembangunan belia, ya Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Saya sebenarnya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ingin tahu kenapa walaupun setelah perkara ini dinyatakan di bincang dalam Majlis Perundingan dan sudah sebenarnya dipersetujui, kenapakah terlepas pandang? Telah dimasukkan dalam akhbar, dalam draf rang undang-undang sebelum itu, sebelum perbincangan?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima Kasih Yang Berhormat Tuaran. Saya nak jelaskan di sini bahawa memang dalam banyak mesyuarat perundingan yang diadakan perkara ini telah ditimbulkan. Dipersetujui juga oleh kementerian bahawa perundingan dengan kerajaan negeri adalah penting dan apabila akta ini di draf barangkali dari segi pandangan AG bahawa ini adalah satu akta Persekutuan.

Di dalam Akta Persekutuan yang dibuat, takrif menteri itu adalah Menteri Persekutuan. Maka memang terlepas dari segi pandangan ini dan kita telah pun membuat penyusulan semula dan hari ini telah pun membuat pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu terlalu banyak penalti dan peruntukan kesalahan dalam rang undang-undang ini telah dibangkitkan...

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** *[Bangun]*

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain telah menyatakan rasa bimbang mengenai rang undang-undang ini dan mempersoalkan, adakah rang undang-undang ini akan menekankan kepada penguatkuasaan pertubuhan belia dan kurang menitikberatkan kepada aspek pembangunan belia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan penalti dalam rang undang-undang ini iaitu dalam Fasal 81 hingga Fasal 95 adalah sama seperti kesalahan-kesalahan seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pertubuhan 1966 iaitu apa yang ada diperuntukkan dalam akta ini sama dengan akta yang sedia ada dalam Akta Pertubuhan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Oleh itu, peruntukan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Santubong.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ya, Yang Berhormat bagi Santubong.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya tidak ada mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini kerana beberapa perbincangan telah diadakan, seminar dan sebagainya, kita dimaklumkan di antara kementerian dan pihak kerajaan negeri Sarawak termasuk orang ramai. Jadi beberapa pandangan telah dimajukan oleh pihak kerajaan negeri untuk dimasukkan bersama dalam undang-undang ini.

Saya mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan undang-undang ini adalah undang-undang Pusat dan Yang Berhormat Menteri adalah Menteri Pusat. Mungkin juga Yang Berhormat Timbalan Menteri akan kata, sumber kewangan yang akan dibelanjakan nanti pun daripada Kerajaan Pusat dan semuanya daripada Pusat tetapi negeri Sarawak dan Sabah pun negeri Malaysia juga. Jadi pandangan-pandangan mereka nampaknya tidak dipakai.

Saya mempunyai memo daripada *Permanent Secretary*, Setiausaha Tetap Kementerian Belia dan Sukan Sarawak. Undang-undang ini apabila diguna pakai di negeri Sarawak dan Sabah dengan sendirinya kedudukan Yang Berhormat Menteri itu sendiri sebagai pengawal selia sukan negeri akan *become redundant* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi dalam keadaan sedemikian, ini dipersoalkan. Di samping itu banyak lagi persoalan dibangkitkan.

Jadi saya tak bangkitkan dalam perbahasan kerana bangkit pun tak akan menjadi apa-apa lagi kerana perkara ini telah menjadi satu undang-undang. *You would have to let go through*. Jadi saya juga melihat ada perubahan sedikit selepas perbincangan di antara AG Sabah. Saya masuk bersama dalam perbincangan itu dan ada sedikit perubahan dibuat tapi belum lagi boleh memenuhi kehendak-kehendak Sabah dan Sarawak mengikut apa yang telah disarankan dalam seminar yang dilaksanakan oleh kementerian bersama dengan Sabah dan Sarawak dan pihak-pihak lain.

Jadi dalam keadaan sedemikian saya ingat oleh kerana di Sabah dan Sarawak itu lain kerana dia ada menteri sendiri kedudukan itu mesti juga dilihat dalam keadaan sedemikian dan beberapa *provision* tertentu perlu diambil kira tapi telah tidak diambil kira walaupun ada perubahan. Hanya satu *consolation* sahaja Tuan Yang di-Pertua iaitu bahawa pelaksanaan undang-undang ini di Sabah dan Sarawak ataupun di mana-mana tempat boleh dibuat

berperingkat-peringkat dan mengikut kehendak-kehendak yang tertentu. Bermakna orang Sabah dan Sarawak boleh mengatakan tak payah laksanakan undang-undang ini di Sabah ataupun di Sarawak dengan sendirinya apa kedudukan sumber kewangan dan bantuan daripada kementerian. Adakah Sabah dan Sarawak akan disisih terus daripada bantuan Kerajaan Pusat? Terima kasih.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong yang menimbulkan isu ini kerana memang kita telah pun mendalami perbincangan berhubung dengan Sabah dan Sarawak dan juga persekutuan. Akta ini adalah Akta Persekutuan dan takrifan Menteri adalah Menteri Belia dan Sukan di peringkat persekutuan kerana akta ini dibuat di bawah Perkara 9, Senarai 1 dan Jadual 9, Perlembagaan Persekutuan. Berhubung dengan bidang belia, belia yang kita bincangkan dalam akta ini adalah dari segi bidang pendidikan, sumber manusia dan penyelidikan sahaja. Bukan keseluruhan semua yang dirisaukan dan bahawa *is a redundant* dan Menteri Belia dan Sukan di Sabah dan Sarawak tak ada peranan langsung. Saya rasa ia meliputi bidang yang luas dari segi belia dan memang kita boleh mempunyai *complimentary role* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan saya hendak tegaskan di sini bahawa semua dasar-dasar yang dibuat berhubung dengan belia akan berunding dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Yang kita maksudkan bagaimana kedudukan kewangan, peruntukan untuk belia-belia di Sabah. Adakah ia tidak dibantu langsung ataupun masih di dalam perhatian Kementerian Belia dan Sukan Persekutuan?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya rasa dalam hari ini sekali pun yang didaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 peruntukan juga disalurkan kepada persatuan-persatuan di Sabah dan Sarawak dan saya rasa tidak banyak perbezaan kalau didaftar di bawah akta ini peruntukan juga akan diteruskan seperti pada hari ini. Hanya pendaftarannya pada dahulu dan sekarang di bawah kementerian yang berlainan.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** [Bangun]

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** [Bangun]

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya hendak.....

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Maaf, sebab penjelasan belum jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Tuaran. Yang Berhormat bagi Tuaran dahulukan? Siapa?...

**Dato' Liow Tiong Lai:** Yang Berhormat bagi Santubong.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Penjelasannya belum jelas. Minta maaf Timbalan Menteri sebab persoalan saya apabila undang-undang tidak

dilaksanakan di Sarawak umpamanya kerana undang-undang boleh dilaksanakan di Semenanjung dan Sabah sahaja ataupun Terengganu, tak dilaksanakan ataupun di Johor tak dilaksanakan. Negeri yang tidak melaksana maknanya tidak perlu mendaftar di bawah kementerian ini. Dalam keadaan sedemikian, adakah negeri itu akan diberikan juga bantuan kewangan sebagai mana tak adanya undang-undang ini? Maknanya keadilan dari segi kewangannya, adakah juga akan diberi kepada negeri yang tidak menggunakan undang-undang ini. Terima kasih.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Di dalam akta ini, dengan jelas dalam satu fasal telah menerangkan bahawa peruntukan kewangan akan disalurkan melalui Majlis Belia Malaysia iaitu satu Majlis Belia Induk di peringkat kebangsaan. Oleh itu saya rasa selain daripada ini, Yang Berhormat Menteri juga boleh dari semasa ke semasa melalui peruntukan pentadbiran dapat juga membantu aktiviti-aktiviti pergerakan belia di seluruh negara.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** [*Bangun*]

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa pengalaman dalam mendraf rang undang-undang ini adalah satu pengalaman yang amat penting untuk dipelajari dalam proses mendraf sesuatu rang undang-undang yang melibatkan seluruh negara terutama sekali dalam hal-hal di mana bersangkutan-paut dengan kuasa negeri.

Dalam hal ini adakah Yang Berhormat juga bersetuju bahawa sepatutnya pihak AG patut mengadakan satu perbincangan yang khusus dengan pihak peguam besar negeri Sabah dan Sarawak secara khusus sebelum ia didrafkan sebab seperti mana Yang Berhormat menyatakan tadi bahawa terlalu banyak pandangan, terlalu berat daripada pihak AG Persekutuan sehinggakan menidakkan pandangan daripada AG dan *towards then* dengan izin, barulah dilihat sebenarnya sehingga mengatakan barangkali pandangan AG Sabah itu *misleading* dan sebagainya, sedangkan sepatutnya hal-hal itu diselesaikan dalam perundingan dan perbincangan lebih awal.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Pandangan itu tetap akan diambil berat kerana ia adalah satu perkara yang akan kita laksanakan pada masa kelak untuk mengadakan perbincangan yang lebih erat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan iaitu pada masa ini pertubuhan-pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1986 termasuk juga pertubuhan belia yang didaftarkan di bawahnya, adalah tertakluk kepada kesalahan-kesalahan yang sama. Kementerian juga memberi jaminan bahawa kuasa penguatkuasaan di bawah rang undang-undang ini akan dijalankan secara bertanggungjawab. Kementerian menyedari bahawa objektif utama rang undang-undang ini adalah untuk menggalakkan pembangunan belia dan bukannya untuk mengongkong

perkembangan belia. Saya rasa ini memang hasrat kerajaan untuk memastikan bahawa kita memberi satu persekitaran yang lebih baik untuk pembangunan belia dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang berhubung dengan anggapan bahawa Fasal 96.(C) iaitu Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah membangkitkan isu bahawa anggapan di bawah Fasal 96(C) adalah tidak wajar kerana ia akan memindahkan beban pembuktian kes kepada orang yang dituduh. Yang Berhormat bagi Kota Melaka memang seorang peguam yang bijak dan telah pun meneliti akta ini dengan jelas. Untuk makluman Yang Berhormat, anggapan di bawah Fasal 96(C) adalah sama dengan anggapan yang sedia ada di bawah seksyen 55(C) Akta Pertubuhan 1966. Namun dengan adanya anggapan ini, tidak bermaksud bahawa beban pembuktian kes kepada keseluruhannya berpindah kepada orang yang dituduh. Beban pembuktian kes adalah sentiasa terletak ke atas pendakwa raya untuk membuktikan kesnya tanpa sebarang keraguan yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, isu Fasal 33, Kuasa Menteri berbanding dengan Kuasa Pendaftar. Isu ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran, Yang Berhormat bagi Kota Melaka, dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, tidak ada percanggahan antara kuasa menteri dan kuasa pendaftar dalam rang undang-undang ini terutamanya dalam Fasal 33. Pendaftar mempunyai kuasa-kuasanya yang jelas seperti yang terkandung dalam Bahagian III rang undang-undang ini. Manakala menteri mempunyai peranan keseluruhan terhadap rang undang-undang ini dan kuasa khusus dalam Fasal 30 dan 33 dalam rang undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan ini juga terdapat dalam seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966, dan setakat hari ini, tidak ada apa-apa masalah mengenai pentadbiran peruntukan ini. Berhubung dengan ...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Biar saya habis Yang Berhormat bagi Batu Gajah saya jawab ini. Berhubung dengan kebimbangan Yang Berhormat bagi Batu Gajah tentang penyalahgunaan budi bicara menteri yang berbeza, digunakan bagi pertubuhan yang berlainan di bawah Fasal 33.(1), sudah tentu budi bicara ini akan digunakan oleh menteri secara bertanggungjawab dan adil dan ditumpukan khas kepada keadaan yang memudaratkan atau bertentangan dengan ketenteraman awam atau kemoralan dan kepentingan keselamatan Malaysia dan bukan digunakan dengan sewenang-wenangnya. Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat berkenaan seksyen 96, anggapan, tadi Yang Berhormat kata bahawa sentiasa beban pembuktian adalah ke atas pendakwa raya tetapi dalam seksyen ini sangat jelas, dalam apa-apa prosiding di bawah akta ini, jika sekiranya satu pertubuhan itu boleh dikatakan sebagai satu pertubuhan belia yang menyalahi undang-undang, beban pembuktian, yang ia adalah satu pertubuhan belia yang sah, hendaklah ke atas

orang yang dipertuduhkan itu. Jadi ini macam bercanggah dengan beban bukti yang standard, yang kita ada guna pakai di Mahkamah Sesyen yang diperuntukkan bawah ini.

Dan perkara kedua Yang Berhormat, ada kata budi bicara seksyen 33, menteri akan guna dengan baik. Saya tidak rasa yakin, saya rasa risau. Ini sangat luas, kuasa. Kata akan digunakan dengan tidak bertanggungjawab, kes di Machap, menggunakan pakai dua orang, pemain beregu *All England*, itu politik. Jadi saya sangat risau elemen politik akan meresap di dalam menentukan sama ada aktiviti pertubuhan itu ada menyalahi undang-undang atau tidak. Saya sangat risau. Apa jaminan ada kepada belia-belia kita, berkenaan rang undang-undang ini? Kami juga tidak langsung di *consult*, diambil pandangan. Jadi apa maksud, buat apa? Kita jangan lupa, kita adalah satu *pillar, pillar* kepada Demokrasi Berparlimen ini. Inilah masalah terlalu banyak politik...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** BN cukup ah!.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jadi saya risau. Saya pohon penjelasan berdasarkan ini.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua saya sudah tegaskan tadi bahawa anggapan ini, iaitu beban keseluruhan kes adalah pada pendakwa raya, bukan pada si penuduh. *For this, saya rasa on the whole case, it must be beyond reasonable doubt*, dengan izin. So Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah, saya sudah jelaskan. Saya rasa yang penting sekarang ...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya hendak jelaskan banyak lagi isu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Nampaknya itu Yang Berhormat Timbalan Menteri langsung tidak faham.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua saya tidak bagi laluan lagi.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sistem demokrasi kita, sistem demokrasi kita ...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak ada laluan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...*Arm's of government, for judiciary, legislative and executive...*

**Dato' Liow Tiong Lai:** Dia kena ikut peraturan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak...

**Dato' Liow Tiong Lai:** Dia kena ikut peraturan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham apa itu perlindungan sistem...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Answer* yang mana itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cukup.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...*Protection of the system, not protection...* Kita seharusnya undang-undang tidak harus beri *minister* kuasa yang begitu besar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sekarang ini Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bukan, bukan itu adalah kesilapan tanggapan *very wrong...*, *very wrong thinking*.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya sudah bagi penjelasan Tuan Yang di-Pertua kalau dia tidak terima, terpulang pada dia Tuan Yang di-Pertua kerana kita ini demokrasi. Saya boleh memberi penjelasan sahaja, itu terpulanglah kepada dia.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Di dalam demokrasi, mesti ada *check and balance*.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Kalau dia tidak boleh terima, saya tidak boleh paksa dia terima. Inilah kita sudah jelaskan dengan sejelas-jelasnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey baik.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini langsung tidak ada *check and balance*.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Oleh itu Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah bahawa Fasal 40, kuasa menteri untuk membatalkan pelantikan mana-mana anggota majlis tanpa apa-apa sebab dan Fasal 63.(1), pembatalan pelantikan anggota institut tanpa apa-apa sebab.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, apa-apa keputusan pelantikan dan juga pembatalan pelantikan akan dibuat oleh menteri secara bertanggungjawab. Fasal-fasal seperti ini terdapat juga dalam undang-undang lain dan tidak ada setakat ini apa-apa penyalahgunaan kuasa oleh menteri. Oleh itu Yang Berhormat janganlah bimbang tentang pembatalan pelantikan di bawah Fasal 40 dan Fasal 63(1) itu. Sekiranya ...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat minta penjelasan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya belum habis lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apa-apa *disagree person* ataupun mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Yang Berhormat Menteri, boleh membawa kes ini ke mahkamah kerana negara kita ini negara berdaulat dan juga mempunyai *judiciary* yang terbuka. Saya rasa sudah jelaslah apa yang dibincangkan ini dan memang kita telah pun laksanakan undang-undang ini. Bukan undang-undang-undang ini sahaja, undang-undang lain sama juga mempunyai akta dan juga klausa fasal yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga bangkitkan, apakah tempoh pendaftaran untuk mempertimbangkan suatu permohonan. Untuk makluman Yang Berhormat, masa yang akan diambil untuk mendaftar sesuatu pertubuhan adalah masa yang munasabah dan jika permohonan itu lengkap, tidak ada sebab untuk melengahkan pendaftaran pertubuhan tersebut. Oleh itu masa yang akan diambil memang ada PKI nya tersendiri, *that should be a*

*benchmark* ialah masa yang munasabah, yang ini semestinya bergantung kepada satu permohonan yang ditujukan kepada pihak pendaftar.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ya.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat asyik menggunakan kerana kita ada Akta Pertubuhan, ia pun ada seksyen sedemikian, tidak payah risau, tidak ada salah guna kuasa. Kita ini sekarang era di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempromosikan transparensi, jadi ini ada akta yang baru, yang membenarkan seseorang itu dihentikan tanpa apa-apa sebab, itu tidak *transparent* langsung. Ini tidak galakkan anggota untuk bersuara, tambah pula bimbang akan dipecat, akan ditamatkan jawatannya itu. Ini kita kata era di bawah pimpinan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru.

Ini perkara satu. Perkara kedua ialah berkenaan pendaftaran. Itu selalu kita dengar masa munasabah, *reasonable time*, tetapi inilah masalah. Kalau boleh pihak kementerian, kenapa tidak boleh masukkan? Jika semua syarat-syarat dipenuhi dan lengkap, pihak pendaftar akan meluluskan dalam masa 30 hari. Kita sedia ada tengok parti politik pohon begitu lama untuk didaftar tidak ada jawapan, sama juga kita Persatuan Tionghoa.

Tadi saya ada bagi contoh kalau kita boleh bagi masa hukum mereka, kalau mereka tidak maklumkan pendaftar atau pindaan dalam pertubuhan, kenapa tidak boleh sebaliknya juga pendaftar juga diletakkan dalam satu posisi untuk bertindak dengan efisien apabila ada permohonan, ada tempoh. Ini ruangan masa terlalu luas, *the reasonable time*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Okey, terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Memang cadangan ini akan diambil kira kerana kita tahu menteri mempunyai kuasa untuk membuat peraturan dan kita juga hendak lihat bahawa sistem penyampaian kita dapat dipertingkatkan, dapat berkhidmat dengan berkesan kepada persatuan-persatuan belia.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga timbulkan berhubung dengan AUKU, Akta Universiti dan Kolej Universiti supaya membolehkan pelajar siswazah mengambil bahagian dalam parti politik dan juga pelbagai.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa AUKU ini adalah di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan saya percaya soalan mengenai AUKU ini ditujukan kepada kementerian tersebut pada masa yang bersesuaian. Saya difahamkan juga, kementerian berkenaan memang sedang dalam kajian untuk melihat dan memantapkan AUKU ini agar dapat memastikan penyertaan belia yang aktif dalam aktiviti belia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga bangkitkan isu kuasa pegawai penguat kuasa yang terlalu luas. Siapa pegawai penguat kuasa dan kelulusannya dan sebagainya... [Disampuk] Saya hendak jawab soalan itu tadi.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sebelum itu AUKU. Saya menyedari AUKU adalah di bawah Kementerian Pengajian Tinggi tetapi soalan yang saya timbulkan selaku AUKU ada, kementerian boleh bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi selagi ada AUKU yang mengongkong belia kita. Saya ada tanya tadi kalau ada pelajar-pelajar di universiti dan mereka berminat untuk menubuhkan pertubuhan belia yang mengikut syarat-syarat yang ditetapkan, apakah mereka akan dibenarkan? Ini masalah sebab dalam AUKU menyatakan pelajar-pelajar tidak boleh bersekutu dengan persatuan atau pertubuhan yang lain tanpa kelulusan Canselor.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya katakan tadi bahawa AUKU ini di bawah pentadbiran Kementerian Pengajian Tinggi dan bukannya belia di pengajian tinggi langsung tidak boleh menyertai persatuan. Dia hanya perlu mendapatkan persetujuan daripada Naib Canselor dan ini adalah ditadbir oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan saya sudah katakan mereka sedang mengkaji dengan mendalam tentang akta ini. Memang kita di Kementerian Belia dan Sukan amat mengalu-alukan bahawa belia aktif dalam aktiviti belia dan inilah pegangan dan matlamat kita dan kita berharap dengan adanya cadangan-cadangan ini, kita semua dapatlah sama-sama memajukan aktiviti dan juga...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Maaf Yang Berhormat. Soalan saya, saya hendak ringkaskan, ialah kalau seorang pelajar Universiti Malaya, sekumpulan tujuh atau lapan orang berminat menubuhkan pertubuhan belia, bolehkah mereka berbuat demikian di bawah akta atau rang undang-undang ini?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ini memang ada pertubuhan-pertubuhan belia...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jadi tidak ada masalah langsung..

**Dato' Liow Tiong Lai:** ...Boleh mendaftar.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tidak ada masalah langsung?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Sekiranya mereka bukan sahaja pelajar, saya rasa banyak lagi belia-belie yang ada di luar sana dan tidak berada dalam pengajian tinggi, mereka juga boleh buat demikian. Kalau mereka di pengajian tinggi, kalau mereka tertakluk kepada AUKU, mereka terpaksa menurut apa yang diperintah oleh AUKU tersebut. Saya tidak mahulah mengulas panjang berhubung perkara ini kerana saya tahu Yang Berhormat bagi Batu Gajah tujuannya ke mana.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegaskan di sini bahawa pelantikan pegawai penguat kuasa dibuat oleh Yang Berhormat Menteri di bawah fasal 102 sudah semestinya Yang Berhormat Menteri akan melantik orang yang bersesuaian untuk menjadi pegawai penguat kuasa. Berhubung dengan kelulusan pegawai penguat kuasa, apa yang lebih penting adalah pegawai itu diperlukan menjalani latihan supaya mereka boleh menjalankan tugas pegawai penguat kuasa secara adil, saksama dan berkesan. Cara pelantikan dan latihan pegawai sebagai pegawai penguat kuasa adalah juga sama dan selaras dengan pegawai-pegawai penguat kuasa di kementerian dan jabatan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga menekankan bahawa berhubung dengan Fasal 108, penggeledahan dengan waran dan fasal 111, penggeledahan tanpa waran.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seberapa boleh dengan cara bertanggungjawab dan juga dengan komitmen memajukan pembangunan belia dalam negara, seorang pegawai penguat kuasa diperlukan dapat waran geledah sebelum menjalankan apa-apa penggeledahan. Hanya dalam keadaan terdesak, seperti dinyatakan dalam fasal 111, seorang pegawai penguat kuasa diberi budi bicara untuk menjalankan penggeledahan tanpa waran dan keadaan terdesak ialah seperti keterangan mungkin dimusnahkan atau penyiasatan akan terjejas. Saya hendak tegaskan di sini bahawa fasal tersebut juga terdapat di dalam Akta Pertubuhan yang sedia ada...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, penguat kuasa ini, ini yang selalu dipertikaikan oleh orang awam di mana kadang-kadang Yang Berhormat Menteri terpilih pegawai yang dia nampak memang berkelayakan tetapi tidak bermoral dan tidak berdisiplin, Tuan Yang di-Pertua. Mentang-mentang dia penguat kuasa, dia kuatkuasakan ikut suka hati dia, bukan ikut peraturan. Dia ikut buku, dia kata "Inilah!". Sedangkan dia harus sedar bahawa apa pun tindakan penguatkuasaan itu, ianya berdasarkan personaliti seseorang itu.

Ini kalau berlaku di peringkat organisasi belia memang menimbulkan satu huru-hara apabila penguat kuasa itu tidak berdisiplin dan tidak menguatkuasakan seperti yang diamanahkan. Apakah Yang Berhormat berkeyakinan bahawa penguat kuasa yang akan diberi pertanggungjawaban ini akan benar-benar mengetahui bahawa tugas mereka bukan hanya semata-mata menguatkuasakan bahkan untuk memastikan keadilan untuk semua pihak.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Itu memang penting kerana pegawai penguat kuasa ini, yang penting dalam akta atau rang undang-undang ini adalah untuk membantu pembangunan belia, bukan untuk hendak mengongkong pertubuhan belia. Oleh itu latihan yang diadakan dan juga disiplin serta komitmen pegawai-pegawai dalam menjalankan tugas ini amat penting sekali. Kementerian memang memahami. Ini satu tanggungjawab yang berat dan kita akan sama-sama memantau bagi memastikan bahawa pegawai penguat kuasa dapat menjalankan kerja dengan baik.

Untuk makluman Yang Berhormat...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya hendak masuk ke Yang Berhormat bagi Batu Gajah satu lagi. *One more.*

Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga menimbulkan fasal 58, menanyakan apakah sebab kuasa institusi terlalu luas, adakah Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia hendak menjalankan perniagaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk membolehkan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia menjalankan fungsi-fungsinya secara berkesan, institut tersebut perlu diberikan sedikit kuasa seperti fasal 58(2) iaitu membeli bangunan sendiri, harta alih atau tidak alih dan sebagainya. Sudah tentu institut perlukan bangunan sendiri untuk menjalankan fungsinya secara efisien dan efektif.

Silakan Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat, kita sekarang ini diminta untuk meluluskan satu rang undang-undang yang baru. Jadi sekurang-kurangnya kita dimaklumkan apa rancangan yang sedia ada yang tidak tercatat dalam rang undang-undang ini. Sebagai contoh yang diluahkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya ada sampaikan. Apakah kelulusan pegawai penguat kuasa yang bakal dipilih apabila ia ini dikuatkuasakan? *Later, extra information*, dalam aspek ini agar kami mempunyai keyakinan kalau kita hendak setuju, sekurang-kurangnya kita merasa yakin ada jaminan, tidak ada salah guna kuasa di masa hadapan kelak. Tidak guna memberi kenyataan yang am..., akan bertanggungjawablah, kami mengetahui perkara yang penting! Itu siapa pun tahu cakap tetapi sekurang-kurangnya ada rangka kerja dalaman, apa kelulusan pegawai penguat kuasa itu. Itu satu.

Perkara kedua berkenaan institut. Institut ini kalau saya tidak silap, ada memperuntukkan bahawa mereka boleh memperoleh geran daripada Yang Berhormat Menteri. Jadi mengapa juga membenarkan mereka terlibat dalam aspek perniagaan ini?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jelaskan tadi bahawa pegawai penguat kuasa di bawah akta ini adalah untuk membantu pembangunan belia dan untuk memastikan bahawa kita dapat memperkasakan pertubuhan belia. Tujuan akta ini juga melalui bantuan, bimbingan, asuhan, kita yakin kita dapat memperkasakan pertubuhan belia. Oleh itu saya rasa latihan, saya sudah tekankan di sini bahawa latihan dan juga kelulusan yang setimpal perlu. Ini adalah dalam bidang yang terperinci selepas akta ini diluluskan. Saya rasa kementerian akan mendapatkan persetujuan daripada JPA untuk melantik pegawai-pegawai yang berkenaan.

Saya tidak ada butir-butir di sini, apakah kelulusan dan apakah gaji. Saya sudah memberi tahu di sini memang komitmen kerajaan adalah untuk memastikan bahawa pegawai penguat kuasa ini menjalankan tugas dengan cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegaskan di sini juga bahawa Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia ini hanya diberikan kuasa untuk menjalankan aktiviti yang dikatakan tadi untuk mendapatkan bangunan dan sebagainya. Saya rasa aktiviti perniagaan

sebagai institusi penyelidikan. Tumpuannya adalah untuk memastikan penyelidikan berhubung dengan pembangunan belia dapat dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang telah menyentuh tentang Dasar Pembangunan Belia dibuat di bawah Dasar 34.(2).

Tuan Yang di-Pertua, saya nak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu kerana setuju dengan perkara-perkara yang dinyatakan dalam Fasal 34.(2) tentang kurikulum dan juga arahan yang dibuat tentang perkara tersebut. Kementerian akan berunding dengan semua pihak yang relevan supaya dapat menghasilkan kurikulum yang lengkap, demi kebaikan belia kita.

Sesungguhnya perkara di bawah 34.(2) telah difikirkan secara mendalam. Perkara itu merangkumi pengetahuan belia, sikap belia, kepimpinan belia, keusahawanan belia dan vokasional, pembangunan kemahiran dan sebagainya, termasuklah apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tadi, menanyakan, mengapakah integriti belia tidak dimasukkan dalam taksiran aktiviti belia. Sebenarnya integriti belia adalah penting dan memang ia telah dimasukkan dalam satu bidang penting aktiviti membawa, membina peribadi belia. Peribadi belia adalah satu istilah yang sangat luas. Integriti sudah tentu termasuk dalam istilah peribadi belia dan saya yakin, bersama-sama kita dapat terus memastikan bahawa peribadi belia di negara kita dapat kita tingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengapa terdapat dua definisi dalam taksiran iaitu "Pertubuhan belia" dan "Pertubuhan belia berdaftar" yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran. Yang Berhormat bagi Tuaran menyatakan bahawa akta ini ada dua definisi dan menunjukkan bahawa kita tidak ada keyakinan untuk mendaftarkan persatuan-persatuan belia.

Suka saya jelaskan di sini bahawa perlu diadakan dua definisi. Ini adalah kerana definisi pertubuhan belia adalah menjurus kepada pertubuhan yang belum berdaftar. Pertubuhan belia yang belum berdaftar dan yang memenuhi ciri-ciri pertubuhan belia dan yang boleh memohon untuk didaftarkan, *that is before the register*. Sebaliknya pertubuhan belia yang berdaftar adalah merujuk kepada pertubuhan belia yang sudah didaftarkan di bawah akta ini. *That is the only different*.

Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Saya mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kalau dia satu pertubuhan, ini kata pertubuhan belia, itu bererti dia sudah satu organisasi, sudah menjadi suatu kumpulan yang sudah berdaftar. Pada anggapan saya, kalau dia pertubuhan yang didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan barangkali, jadi adakah ini yang dimaksudkan? Kalau dikatakan ini belum berdaftar, belum daftar di mana? Itu perlu. Ini ada satu kekeliruan. Sebab itu saya mengatakan bahawa, seolah-olah pihak kementerian, pihak kerajaan sudah menganggap pada *at this point, right from the very beginning* kita sudah mengaku bahawa

memang ada pertubuhan belia yang tidak akan mendaftar kepada kementerian atau menggunakan akta ini.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya hendak menegaskan di sini bahawa memang ada banyak pertubuhan. Ada di kalangannya contohnya seperti pertubuhan Persatuan Pencinta Alam. Kalau ahlinya semuanya belia, ia satu pertubuhan, tapi kalau tidak mendaftar di bawah Pendaftar dari kementerian ini, ia bukan persatuan belia berdaftar. Dan saya rasa ia adalah satu pertubuhan dan bukan lagi satu pertubuhan berdaftar dengan Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja jawapan saya bagi soalan-soalan, cadangan, pandangan dan teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sesungguhnya kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dalam rang undang-undang ini. Kementerian sentiasa mengalu-alukan sebarang sokongan demi kebaikan dan pembangunan belia di negara kita. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-Fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

#### **Fasal 1 – Pindaan:-**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]:** Tuan Pengerusi, Fasal 1 dipinda untuk membolehkan Menteri menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa Akta ini bagi bahagian yang berlainan di Malaysia dan permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini di bahagian yang berlainan di Malaysia.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

[*Tiada Perbahasan*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang disarankan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**Fasal 1** sebagaimana yang dipinda jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang .

**Fasal 2 hingga 33** diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

#### **Fasal 34 – Pindaan:-**

**Dato' Liow Tiong Lai:** Pindaan dalam Fasal 34 bertujuan supaya Menteri hendaklah berunding dengan pihak berkuasa negeri sebelum mengeluarkan dasar atau arahan berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengan pembangunan belia daripada aspek pendidikan, penyelidikan dan sumber manusia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pindaan ini kita alu-alukan sebab dengan ini maka segala yang telah dicadangkan oleh pihak khususnya dari Sabah dan Sarawak ini telah diambil kira apabila pelaksanaan rang undang-undang ini mengehendaki pihak kementerian untuk berbincang terlebih dahulu dengan pihak berkuasa negeri apabila melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan akta ini. Cuma yang saya ingin persoalkan di sini ialah takrifan, "pihak berkuasa negeri". Kalau kita tengok di dalam beberapa takrifan yang sudah dimuatkan dalam taksiran dalam seksyen 2, beberapa takrifan telah dibuat, seperti "Majlis Lembaga", "Panel Menteri" dan pelbagai lagi takrifan, tetapi tidak ada takrifan, siapakah sebenarnya yang pihak berkuasa negeri ini?

Kalau dikatakan, kalau di negeri Sabah khususnya, apakah dia merujuk kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, atau, apakah ini merujuk kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan Negeri atau siapa?

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya takrifan "pihak berkuasa negeri" ini juga dimuatkan dalam rang undang-undang ini sebab nanti bagaimana kita merujuk? Ya, kita tidak boleh menganggap bahawa selama ini kita telah berbincang dengan pihak pegawai-pegawai ataupun Menteri Belia dan Sukan Negeri Sabah dan kita menganggap sedemikian rupa sebab ini akan memberi ruang-ruang kepada pihak-pihak yang berkenaan mengatakan bahawa, ya barangkali terlepas pandang sebab kita tidak tahu siapa pihak berkuasa negeri. Jadi saya mencadangkan supaya itu dan...

**Tuan Pengerusi:** Berkenaan dengan takrifan siapa dia pihak berkuasa negeri?

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Takrifan siapa dia pihak berkuasa negeri.

**Tuan Pengerusi:** Ya, baik.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Dan selain daripada itu Tuan Pengerusi, oleh kerana pindaan ini sebenarnya merujuk kepada peri pentingnya, perlunya pihak kementerian berunding dengan pihak kerajaan negeri, saya ingin tahu, barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu kita di Dewan yang mulia ini, apakah perkara-perkara yang telah dinyatakan oleh pihak kementerian, wakil dari Kerajaan Negeri Sabah semasa dalam perundingan sebab saya difahamkan bahawa banyak juga yang telah dirunding.

Dan akhirnya dirumuskan dengan ini sahaja. Kalau kita merujuk kepada permintaan-permintaan yang dipinda daripada pihak Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Belia dan Sukan, ada beberapa perkara juga yang telah diminta untuk dipinda untuk memuatkan segala-galanya tetapi akhirnya ini sahaja yang dibuat. Jadi saya mohon penjelasan. Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan apakah perkara itu...

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** ...Dan akhirnya kami juga ingin tahu, bagaimanakah nanti itu boleh dilaksanakan dengan baik di negeri Sabah dan tidak seperti mana pasukan yang saya ingat pada hari ini tidak boleh dilaksanakan di negeri Sabah sebab tidak ada peruntukan untuk berunding dengan pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, baik.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Berhubung dengan isu pertama yang ditimbulkan pindaan Fasal 34(1), saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Tuaran yang menanyakan takrifan "pihak berkuasa negeri." Mengikut Akta 1967, *Interpretation Act 1967*, takrifan "*state authority.*" *State authority means the ruler or The Yang DiPertuan Negeri of a state and includes all the states in Negeri Sembilan, Yang DiPertuan Besar acting on behalf on himself in the ruling chief.* Ia adalah pihak berkuasa negeri, *the state government.* Telah pun ada interpretasinya dalam akta yang tersebut.

Berhubung dengan perundingan di antara kerajaan negeri dengan Kementerian Belia dan Sukan semasa dalam perundingan kita, memang permintaan daripada kerajaan negeri adalah untuk memasukkan takrifan Menteri Belia dan Sukan Negeri Sabah dan Sarawak.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan Tuan Pengerusi. Kalaulah itu interpretasi dia dalam menggunakan akta, saya ingat itu barangkali kurang tepat. Saya tidak tahu sama ada ia boleh diguna pakai sebab kalau ia merujuk kepada Tuan Yang Terutama, DiPertuan Negeri Sabah, saya ingat bagaimana nanti pihak kementerian menjalankan tugas sebab kalau berunding, kalau pihak berkuasa negeri itu merujuk kepada Tuan Yang Terutama Yang DiPertuan Negeri Sabah dan tidak merujuk kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atau pihak Menteri Belia dan Sukan Sabah.

Jadi sebab itulah saya mengatakan tadi definisi takrifan pihak berkuasa negeri harus dimuatkan dalam rang undang-undang ini. Nanti kalau kita merujuk balik seperti juga dengan takrifan ataupun terjemahan yang dipanggil menteri, kalau kita ambil dari situ, tentu sekali dia punya terjemahan, takrifan ia berlainan. Bukan seperti mana yang *the internal purpose.*

**Tuan Pengerusi:** Selalunya pihak berkuasa negeri adalah Majlis Mesyuarat Kerajaan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Pengerusi memang benar ia *state authority* ataupun pihak berkuasa negeri selalunya apabila kita mengatakan *ruler* Yang DiPertuan Negeri ia selalunya merujuk kepada Pihak Berkuasa Kabinet Negeri.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ada lagi?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ada.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**Fasal 34** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal-fasal 35 hingga 69** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

#### **Fasal 70 – Pindaan:-**

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Pengerusi, Pindaan kepada Fasal 70 bertujuan untuk memberi kuasa kepada menteri untuk melantik Ketua Pegawai Eksekutif Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia atas apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan oleh menteri.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**Fasal 70** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal-fasal 71 hingga 125**, diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2007****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.38 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Syarikat 1965 (Akta 125) ialah suatu akta yang mengawal selia dan menguatkuasakan perundangan yang berkaitan dengan entiti korporat. Pihak kerajaan sedar akan keperluan untuk sentiasa menyemak dan meminta polisi perundangan korporat supaya aktiviti korporat dan diniatkan berfungsi selaras dengan piawaian antara bangsa berkaitan dengan tadbir urus yang baik. Sejak penguatkuasaan akta ini dalam tahun 1965, beberapa pindaan telah dilakukan sejajar dengan kehendak perkembangan pesat dalam sektor korporat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta 125 yang dicadangkan adalah untuk melaksanakan cadangan Jawatankuasa Tertinggi Kewangan Berkenaan Tadbir Urus Korporat ataupun Jawatankuasa Kewangan *High Level Finance Committee on Corporate Governance* seperti mana terkandung dalam laporannya bertarikh Februari 1999 bagi meningkatkan tahap tadbir urus korporat di Malaysia. Membatalkan seksyen 132(g) seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Ucapan Bajet 2005 yang amat dinantikan oleh sektor korporat dan memperkenalkan pindaan lain yang berkaitan dengan pemfailan dokumen secara elektronik untuk kemudahan sektor perniagaan dan korporat.

Rang Undang-undang Syarikat Pindaan 2007 yang dibentangkan pada kali ini mengandungi 24 fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan bagi permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 11A(6A) dan 11A(6B) untuk menggantikan akaun berkanun dengan pernyataan elektronik yang boleh diterima oleh pendaftar sebagai keterangan bila dokumen-dokumen difailkan atau di salah simpan secara elektronik.

Fasal 2 juga bertujuan untuk memperkenalkan subseksyen baru 11A(6C) untuk mengeluarkan keperluan aku saksi bagi dokumen yang difailkan dan disalah simpan secara elektronik seperti memorandum dan artikel-artikel.

Pengenalan subseksyen baru 11A(9) adalah untuk memberikan kuasa kepada pendaftar untuk menyampaikan notis kepada orang yang tidak mematuhi kehendak penyerahan dokumen supaya penyerahan dokumen gantian dan menetapkan tempoh waktu di mana dokumen gantian yang telah di fail secara elektronik perlu dihantar kepada pendaftar.

Fasal 3 bertujuan memperkenalkan subseksyen, seksyen-seksyen baru 11B dan 11C bagi membolehkan pendaftar memberi maklum balas dan menggunakan cara komunikasi elektronik yang berkaitan dengan pemfailan dan penyalah simpanan kepadanya dan peruntukkan

mengenai nilai keterangan dokumen-dokumen yang dibekalkan dan disahkan oleh pendaftar secara elektronik boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 69I Akta 125 dengan memotong perkataan "*the Stock Exchange as defined in the Security Industries Act 1983, and...*". Untuk mengelakkan notis bertindan diberi kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 131 Akta 125 yang memperluaskan skop penzahiran kepentingan oleh pengarah dalam syer atau pun kontrak untuk merangkumi kepentingan pasangan dan anak termasuk anak angkat dan anak tiri. Jika pensahihan gagal dilakukan perbuatan tersebut dianggap melanggar seksyen 131 dan kesannya kontrak tersebut adalah boleh dibatalkan.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 131A dan 131B terhadap Akta 125. Pengenalan seksyen baru 131A adalah untuk melarang pengarah syarikat awam dan anak syarikat awam yang berkepentingan di dalam kontrak dari mengambil bahagian secara kontrak tersebut sedang di bincang dan di dalam mesyuarat lembaga pengarah. Seksyen baru 131B pula memperuntukkan kuasa pengarah untuk mengurus dan menyelia hal ehwal pengurusan syarikat bagi memastikan tadbir urus korporat yang baik.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 132(1) Akta 125 dengan menggantikan dengan subseksyen (1) yang baru bagi memperjelaskan tanggungjawab fidusiari pengarah iaitu tanggungjawab secara *reasonable care skill and religion*. Peraturan *business judgment*, pembuatan keputusan pengarah berasaskan nasihat tanggungjawab pengarah, *nominee* perwakilan kuasa pengarah, larangan perbuatan penyalahgunaan harta syarikat, penyalahgunaan kedudukan pengarah, peluang korporat atau perbuatan pengarah yang bersaing dengan syarikat untuk mendapat keuntungan.

Fasal 8 dan 9 bertujuan untuk memotong seksyen 132A dan 132B Akta 125 kerana segala perkara yang berkaitan dengan *insider trading* berkenaan sekuriti telah diperuntukkan di bawah Akta Industri Sekuriti 1983, akta sedia ada.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 132C Akta 125 untuk menjelaskan kekaburan dalam penetapan nilai *substantial* atau pun *substantial value* berkenaan segala hal berkaitan permodalan dan pelupusan mana-mana *undertaking* atau aset syarikat oleh pengarah syarikat.

Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 132E Akta 125 bagi menyatakan larangan terhadap transaksi pihak-pihak berkenaan kecuali dengan kelulusan lebih awal melalui resolusi syarikat di mana pihak-pihak berkaitan tidak dibenarkan mengambil bahagian.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 132F Akta 125 untuk meluaskan pengecualian berkanun bagi memasukkan dua lagi perkiraan atau urus niaga yang tidak terpakai dalam seksyen 132E Akta 125 iaitu yang berkaitan dengan *scheme of arrangement* yang

diluluskan oleh mahkamah di bawah seksyen 176 dan pengambil alih ataupun *takeover* yang dibenarkan oleh Akta 125.

Fasal 13 bertujuan untuk memotong seksyen 132G sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ucapan bajet beliau pada tahun 2005. Seksyen 132G yang sedia ada wujud untuk membendung pengarah, seseorang pemegang saham *substantial* atau pihak yang berkaitan dari meraih keuntungan dalam masa yang singkat melalui aktiviti *asset shafting* dan *related party transaction*. Larangan di bawah seksyen 132G boleh menghalang transaksi tulen sesebuah syarikat tersebut. Dengan adanya cadangan untuk meminda seksyen 132E di bawah Rang Undang-undang ini iaitu untuk membendung kegiatan *related party transaction* maka pembatalan seksyen 132G tersebut adalah wajar.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda seksyen 134 Akta 125 untuk memperjelaskan lagi tentang jenis-jenis kepentingan dalam syer atau pun di bentuk yang dimiliki oleh pasangan atau anak termasuklah anak angkat dan anak tiri yang mesti dizahirkan oleh pengarah untuk memastikan ketelusan.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda seksyen 135 Akta 125 untuk memotong seksyen 135(2A) bagi mengelakkan *notification* bertindan yang kini telah pun diperuntukkan di bawah peraturan penyenaian atau pun *listing requirements* Bursa Malaysia seperti yang dinyatakan juga di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 145 Akta 125 dengan memperkenalkan seksyen 145(2A) yang baru untuk memanjangkan notis bagi memanggil mesyuarat agung tahunan untuk syarikat awam dari 14 hari kepada 21 hari.

Fasal 17 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 145A ke dalam Akta 125 untuk membenarkan syarikat mengadakan mesyuarat ahli-ahlinya di dalam Malaysia di beberapa lokasi pada masa yang sama dengan syarat semua ahli yang diberikan peluang yang munasabah melalui teknologi elektronik untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut.

Fasal 18 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 167A ke dalam Akta 125 untuk memperkenalkan subseksyen 167A(a) dan (b) yang mewajibkan lembaga pengarah syarikat awam atau anak syarikat kepada syarikat awam supaya membentuk sistem kawalan dalaman atau pun *system of internal control* untuk menjamin agar syarikat tidak mengalami kerugian akibat penggunaan aset syarikat tanpa izin dan rekod yang wajar diselenggarakan bagi menjamin aset dikira dengan betul dan supaya rekod-rekod syarikat dipelihara menurut tatacara yang terbaik.

Fasal 19 bertujuan memasukkan seksyen baru 172A di dalam Akta 125 yang menghendaki juruaudit menyerahkan sesalinan representasi bertulis yang dibuat di bawah seksyen 172(5) yang dihantar kepada syarikat berhubung dengan pemecatannya atau keterangan bertulis berhubung peletakan jawatan kepada pendaftar dan dalam hal syarikat awam kepada Bursa Malaysia.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda seksyen 174 Akta 125 untuk memperkenalkan subseksyen-subseksyen 174 (8A), (8B) dan (8C) yang baru untuk mengenakan tanggungjawab kepada juruaudit sesuatu syarikat awam supaya membuat laporan kepada pendaftar tentang sebarang kesalahan serius yang melibatkan *fraud* ataupun kecurangan yang bertentangan dengan Akta 125.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda seksyen 174A Akta 125 untuk memperkenalkan subseksyen 174A (2A) yang baru bagi melindungi juruaudit yang membuat laporan mengenai salah laku syarikat daripada tindakan mahkamah atau mana-mana tindakan disiplin jika laporan tersebut dibuat dengan suci hati.

Fasal 22 bertujuan memasukkan seksyen 181A, 181B, 181C, 181D dan 181E ke dalam Akta 125 untuk membolehkan pengadu mengambil tindakan bagi pihak syarikat. Seksyen 181A memperuntukkan prosiding hendaklah dibawa atau dicelah bagi pihak syarikat dan seksyen baru 181B memperuntukkan prosedur untuk permohonan kebenaran mahkamah. Seksyen baru 181C memperuntukkan bahawa kebenaran mahkamah mesti diperoleh sebelum prosiding dibawa, dicelah ataupun dibela bagi syarikat boleh dihentikan, di kompaun, di kompromi dan diselesaikan.

Seksyen 181D memperuntukkan kesan ratifikasi di mana ia tidak boleh menghalang mana-mana orang yang mempunyai *local standardize* daripada mengambil tindakan di bawah seksyen baru ini walaupun mahkamah boleh mengambil kira ratifikasi untuk menentukan apa perintah atau keputusan yang patut dibuat. Seksyen baru 181E memberi kuasa kepada mahkamah untuk membuat perintah berhubung dengan permohonan bagi kebenaran yang dibuat di bawah seksyen ini.

Fasal 23 bertujuan untuk meminda seksyen 217 untuk memasukkan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang merupakan sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia sebagai orang yang boleh mengemukakan petisyen bagi menggulung mana-mana anggotanya selaras dengan penguatkuasaan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ataupun Akta 642 tersebut.

Fasal 24 bertujuan untuk memansuhkan seksyen baru 368A dan 368B ke dalam Akta 125. Seksyen 368A yang baru memberi kuasa kepada mahkamah untuk memberi *injunctions* bagi menghentikan seseorang daripada menjalankan sebarang perlakuan yang melanggar Akta 125. Seksyen 368B yang baru yang memberi perlindungan kepada pegawai sesuatu syarikat bagi laporan yang dibuat olehnya kepada pendaftar mengenai pelanggaran Akta 125 yang melibatkan *fraud* ataupun kecurangan terhadap syarikat tentang perkara yang telah, sedang dan mungkin dilakukan oleh pekerja lain syarikat.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa sokong?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman ]:** Saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Syarikat Tahun 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat bagi Santubong. Selepas Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jawab.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kena bangunlah Yang Berhormat. Saya fikir semua tidak mahu bangun. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat pindaan Akta Syarikat 1965 ini adalah tepat pada masa dan ketikanya walaupun ada segelintir berpendapat bahawa pindaan ini ada sedikit terlambat oleh sebab dalam kita mempromosikan Malaysia sebagai negara perdagangan, prasarana perundangan kita masih belum menepati apa yang dikehendaki oleh negara.

Negara pula apabila mewujudkan satu undang-undang terpaksa melihat budaya masyarakat di dalam negara ini sendiri. Adalah amat sedih kalau kita sebagai rakyat Malaysia menyentuh bahawa masyarakat kita menggunakan kedudukan-kedudukan yang tertentu dengan sewenang-wenangnya sama ada untuk kepentingan sendiri ataupun keluarganya berlandaskan maklumat-maklumat yang diterima sebagai ahli-ahli syarikat tersebut.

Adalah berlainan sedikit kalau syarikat itu kepunyaan keluarganya atau maklumat itu telah diguna untuk kepentingan syarikat keluarganya, tetapi kalaulah syarikat itu adalah *public listed companies* dengan izin, syarikat awam. Ia sebagai pengurus pengarah syarikat adalah bertanggungjawab kepada semua ahli syarikat, semua pelabur syarikat.

Sekiranya penyelewengan dilakukan hanya melibatkan masyarakat Malaysia, kita hanya boleh menuding jari kepada masyarakat kita sendiri, tetapi apabila penyelewengan itu dilakukan kepada syarikat di mana ahlinya termasuk orang asing, dengan sendirinya pencemaran nama negara Malaysia akan disebar luas ke luar negara. Penyebaran nama ini bukan sahaja akan menjejaskan nama Malaysia sebagai negara yang boleh dihormati dalam komuniti perdagangan ataupun masyarakat perdagangan antarabangsa, tetapi juga akan mencemarkan, akan menjejaskan prestasi kita untuk mempromosikan supaya kita lebih maju lagi daripada satu peringkat ke satu peringkat yang lain.

Malaysia telah diketahui umum Tuan Yang di-Pertua sebagai sebuah negara pedagang yang termasyhur. Sebuah negara yang kecil, sebuah negara yang hanya mempunyai 26 juta penduduk tetapi kita telah berupaya menduduki tempat ketujuh belas, keenam belas, kelapan belas dunia sebagai masyarakat negara pedagang antarabangsa.

Kedudukan ini mesti dipertahankan. Kedudukan ini bukan saja dipertahankan tetapi mesti dipromosikan untuk mendapat kedudukan yang lebih unggul lagi. Seminggu yang lepas saya berjumpa dengan Ahli-ahli Parlimen daripada Netherlands. Saya terperanjat apabila

dimaklumkan bahawa negara Netherlands yang mempunyai keluasan tanah 46,000 kilometer persegi tetapi menjadi pengeluar produk pertanian yang kedua terbesar di dunia.

Ini amat memeranjatkan. Dalam konteks perbincangan saya, tidak mustahil masyarakat Malaysia walaupun hanya 26 juta, menjadi orang yang ketiga atau keempat besarnya di dunia tetapi yang penting, pertama iaitu kita mempunyai prasarana undang-undang yang mencukupi.

Saya gunakan perkataan “mencukupi” kerana kita dalam membuat perundangan tidak boleh menjadi *over-regulated*, dengan izin kerana dalam konteks kita memberi perundangan, kita buat perundangan yang lebih dia menjadi *over-regulated* dalam konteks perdagangan dunia. Apabila kita membendung terlebih sangat, dia akan menyusahkan dan memayahkan pihak-pihak pedagang itu sendiri. Dalam konteks yang sedemikian dalam kita menyediakan undang-undang, kita melihat bukan sahaja daripada kesan positifnya, kita juga kena melihat kesan negatifnya. Negatif bukan daripada segi mendatangkan kepayahan untuk kita menjalankan perdagangan, tetapi negatif daripada bidang orang hendak masuk ke negara kita dan berdagang di negara kita.

Di situlah letaknya juga soalan apa yang dikatakan seperti yang selalu disebutkan di Dewan yang mulia ini iaitu *competitiveness*. Kita punya tahap *competitiveness* negara kita dalam semua segi. Dalam bidang pengurusan daripada bidang perundangannya, keperluan perundangannya dan bukan sahaja itu, tetapi juga dalam soalan fizikalnya iaitu prasarananya, kemudahannya dan selain daripada itu birokrasi mengurus perkara ini juga mestilah dilaksanakan dengan sempurna supaya negara kita betul-betul boleh menjadi *competitive*, menjadi *world player*.

Kita sekarang telah menjadi *world player*, tetapi kita hendak menjadi yang *better world player*, dengan izin. Dalam konteks itulah kenapa saya ada sedikit berasa curiga apabila dimaklumkan bahawa perundangan kita dalam memantau, mengendali dan *oversight*, dengan izin kepada syarikat awam iaitu *public listed company* kita, perundangan kita adalah di kalangan yang terketat di dunia. Kita jauh ketat lagi daripada Amerika, jauh ketat daripada England bahkan jauh ketat lagi daripada negara-negara di Eropah.

Dalam keadaan yang sedemikian, pihak kerajaan khususnya kementerian mesti berbincang dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya mendapat *feedback* yang khusus, kehendak peniaga daripada luar negara yang ingin melabur di negara kita, soal kawal seliaan ini, kerana dalam kita hendak mengawal selia perkara-perkara yang perlu dikawal selia, kita jangan menghalang menjadi satu batu penghalang. Undang-undang kita menjadi batu penghalang kepada pihak pelabur yang ingin masuk ke negara kita.

Walaupun kita tidak lagi mempromosikan Malaysia sebagai satu negara untuk menarik pelabur dalam bidang *labor intensive* umpamanya, kerana kita tidak lagi boleh mengeluarkan sumber pekerja yang murah. Kita *move forward* kepada negara yang lebih maju, yang tidak menggunakan guna tenaga yang besar dan menggunakan *hi-tech*, teknologi yang tinggi.

Dalam keadaan sedemikian kita kena mengetahui sebenarnya, apa yang diperlukan oleh pihak-pihak pengusaha luar negara supaya mereka boleh ditarik dan Malaysia dapat dilihat sebagai sebuah negara yang menarik untuk mereka melabur. Dalam konteks ini, perundangan adalah amat penting sekali. Saya pernah berjumpa dengan banyak masyarakat pedagang antarabangsa, persoalan perundangan pelaburan mereka, keselamatan pelaburan mereka, macam mana pekerjaanya ada atau tidak mempunyai skil pekerjaanya dan kewibawaan pekerja.

Ini penting sudah ditangani oleh undang-undang ini, kewibawaannya kerana tidak mungkin negara pelabur daripada Amerika, England, Eropah, Jepun, Korea dan sebagainya datang melabur di negara kita akan membawa *lock stock and barrel*, dengan izin, pekerja-pekerja mereka datang ke negara kita untuk duduk di sini dan bekerja di syarikat mereka.

Mereka akan mengambil orang tempatan. Saya dimaklumkan satu perkara, ini bukanlah mempromosi di mana saya pergi Tuan Yang di-Pertua, kerana kadang-kadang saya sebut mempromosikan, saya sendiri pernah pergi keluar negara, tidak. Sebenarnya tujuan saya untuk membuatkan contoh yang sebenar. Apabila berjumpa dengan pengusaha-pengusaha di Philadelphia, Chicago dan di Sydney, ternyata mereka mengatakan satu perkara yang boleh menjadi contoh di Malaysia.

Begitu senang sekali melatih orang-orang Malaysia untuk bekerja walaupun dalam bidang yang dianggap tinggi daripada segi teknologinya. Ini satu perkara yang kita boleh banggakan, iaitu rakyat Malaysia mempunyai penduduk yang boleh dilatih dalam bidang teknologi tinggi. Itu yang satu tetapi jarang sekali saya mendengar, pujian ini termasuk mempunyai satu integriti dan kewibawaan yang tinggi. Saya hendak dengar itu daripada mereka sendiri selain dari kita yang menyebut. Dalam keadaan sedemikian, undang-undang telah dilaksanakan supaya mereka yang bekerja dengan syarikat-syarikat ini mempunyai kewibawaan, pendekatan dan keperibadian yang sesuai untuk menjaga harta benda dan kewangan pelabur ini dalam syarikat mereka.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah mengolah satu undang-undang khususnya dalam pindaan seksyen 132, di mana persoalan *judgment, business judgment, reasonable care, skill and diligence* dan soalan *conflict of interest* yang dimasukkan di sini untuk menjagakan pelaburan, untuk menjagakan kewangan, untuk menjagakan *business*, selain daripada itu untuk menjagakan nama baik negara Malaysia sebagai *trading nation of the world*, dengan izin. Ini yang amat penting sekali, yang amat penting sekali dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada persoalan yang telah saya sebutkan tadi, soalan Malaysia menjadi satu negara, dianggap mempunyai satu undang-undang yang ketat menjaga, di bawah Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti. Saya bimbang apabila keketatan ini akan menjejaskan kedudukan kita sebagai negara pedagang.

Jadi dalam kita mengolah satu undang-undang kita jaga sedikit supaya jangan begitu ketat sangat hingga orang tidak boleh bergerak untuk menjalankannya. Jadi kita melihat negara

pedagang yang lain, seperti Amerika dan Jepun khususnya, mereka mempunyai undang-undang kawal selia, tetapi tidak tetapi tidak diketatkan begitu sangat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mengolah undang-undang ini, mungkin kita sudah terantuk baru tengadah, mungkin kita telah terkena. Kenapa kita mengadakan undang-undang *conflict of interest* ini begitu rupa, begitu rapi sekali, begitu teratur sekali, anak tidak boleh, isteri tidak boleh, anak angkat tidak boleh, anak apa lagi tidak boleh, bapa angkat, semua angkat tidak boleh dan kita tidak menggunakan maklumat harta benda dan sebagainya.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kita mempunyai maklumat dan data yang tertentu mengasaskan pindaan ini supaya kita adakan pindaan. Asasnya, berapa banyak kah kes-kes sedemikian telah kita lihat dan kita dapati? Adakah mereka ini telah pernah dibawa ke mahkamah? Itu yang pertama.

Yang kedua, apakah penggalakan pihak kerajaan, kementerian khususnya kepada pihak-pihak peniaga supaya jangan berpeluk tubuh begitu sahaja, senang lenang menunggu kerajaan sahaja yang mengambil tindakan, menunggu pegawai kerajaan sahaja yang mengambil tindakan, sementara mereka melabur, membuat kekayaan, mencari kekayaan untuk mereka sendiri, tetapi mereka tidak bergerak tangan untuk mengambil tindakan, untuk mempertahankan hak-hak mereka dalam perusahaan ataupun dalam mentadbirkan syarikat mereka.

Kerana ini tidak adil, syarikat itu berniaga untuk mencari sumber kewangan untuk sekumpulan mereka, tetapi dalam masa yang sama oleh kerana kita tidak mahu menjejaskan nama negara kita, untuk melihatkan perjalanan perniagaan ini diatur dengan baik, kerajaan membuatkan perundangan dan menghantar pegawai-pegawai untuk mengawal selia perniagaan mereka, tetapi dalam masa yang sedemikian, mereka hanya berpeluk tubuh, biar pegawai kerajaan sahaja buat. Kalau kerajaan tidak buat mereka tidak hendak buat.

Padahal di negara lain, walaupun negara lain kita sebut sebagai *litigious society* macam di Amerika khususnya dan termasuk juga di England, apabila hak mereka terkena, mereka akan bawa kes itu ke mahkamah sendiri, supaya mempertahankan hak-hak mereka dan apabila perkara ini dibawa ke mahkamah bukan sahaja akan memperkayakan keadaan dan mempertahankan hak mereka, tetapi boleh memperkayakan undang-undang kita juga dalam bidang korporat ini. Ini amat penting supaya jangan kita ketinggalan dalam bidang soal perundangannya, kerana tiap-tiap kali ada permasalahan berlaku kita hanya pergi ke Parlimen untuk membuat undang-undang. Kalau di Amerika, di England umpamanya hakim kadang-kadang keluar daripada itu untuk mencari cara untuk menyelamatkan keadaan, untuk mempertahankan hak-hak seseorang dalam syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat maklumat juga adakah data-data atau maklumat tertentu menunjukkan tindakan-tindakan seseorang dalam syarikat itu oleh kerana tindakan pentadbir syarikat, pengurus syarikat yang telah menyeleweng daripada menjalankan pentadbiran syarikat itu dengan tidak berwibawa atau menyeleweng, menipu sehingga kita

terpaksa mengadakan undang-undang ini. Ini saya hendak tanyakan, asasnya. Jadi, kalau tidak ada kenapa pula kita buat undang-undang mesti ada sebab-sebab yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya ketahui ialah soalan keselamatan hak minoriti syer. Kadang-kadang syarikat ini Tuan Yang di-Pertua, ada pemegang saham yang besar, ada pemegang saham yang kecil-kecil, kadang-kadang yang kecil-kecil ini dia punya hak itu tidak dijaga dan yang mendapat keuntungan ialah pihak yang dalam pentadbiran. Apabila pihak pentadbiran itu pula di *protect* oleh sesuatu kuasa atau satu-satu situasi, umpamanya kalau satu syarikat dan dalam syarikat dia punya *Memorandum and Articles of Association* itu telah memberi satu syarat tertentu bahawa pentadbir ini tidak boleh diganggu-gugat melainkan dia punya *shareholdings* itu terjatuh di bawah tahap beberapa peratusan syer.

Walaupun berlaku kesalahan mereka tidak boleh diambil tindakan. Pernah berlaku pada satu syarikat yang bernama Air Molek dahulu, yang mana pentadbiran atasan hanya mempunyai 5% syer, tetapi telah menyelewengkan keadaan. Apabila orang hendak mengambil alih syarikat itu tidak dapat dilaksanakan, mereka masih kekal menjadi pentadbir sebab syer mereka tidak turun daripada 5%. *Memorandum and Articles of Association* menyatakan bahawa kalau syer mereka tidak turun daripada 5% mereka akan kekal menjadi pentadbir. Maknanya majoriti *shareholders* itu tidak berupaya langsung untuk mengambil tindakan kepada pentadbir ini ataupun mengalih, ataupun mengeluarkan mereka dalam mesyuarat mereka. Jadi, dalam keadaan sedemikian nampaknya kucar kacirah pentadbiran syarikat sedemikian.

Ini dalam keadaan yang satu. Dalam satu situasi lagi yang mana hanya 5% syer yang lain, 85% syer ada yang dijual dengan *public share* yang kecil-kecilan, yang *retail* dijual. Yang ini pula mungkin dengan memperkayakan mereka sendiri, menyelewengkan pentadbiran untuk mereka, *to line pocket* mereka sendiri. Bukan di sini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat syarikat-syarikat besar macam *Wall.com*, *Enron* dan sebagainya, syarikat besar-besaran ini, semua *the director, CEO, lining their own pocket*, dengan izin, jadi ini mungkin tidak boleh berlaku di negara kita. Memang boleh berlaku di negara kita bahkan ada berlaku di negara kita. Jadi, apakah perundangan yang telah kita laksanakan untuk mempertahankan *the minority shareholders* yang ternyata pasti tetap menjadi mangsa kepada situasi ini.

Ini kerana dalam keadaan undang-undang kita sekarang, *minority shareholders* ini akan boleh membawa ke mahkamah, tetapi kalau tidak berlaku *fraud* ataupun penipuan yang nyata, pendapat mahkamah tetap akan kembali kepada syarikat itu sendiri dan syarikat kata, ini kita tidak boleh mentadbirkan. Ini mahkamah punya perkataan ini, kita tidak boleh bertanggungjawab untuk mentadbirkan syarikat ini. Maknanya syarikat sahaja boleh mentadbirkan pengurusan mereka sendiri. Dengan sendirinya *minority shareholders* ini, dengan izin, berterusan akan menjadi mangsa syarikat itu, sementara pengurus yang mempunyai *shareholding* yang besar sentiasa dengan poket yang besar, kereta yang besar, kapal terbang yang besar, rumah yang besar, isteri yang banyak, *girlfriends* yang banyak, tetapi malang sekali minoriti tidak akan dapat

*dividend at the end of the year*, tiap-tiap kali *declare dividend*, syarikat tidak mendapat keuntungan.

Jadi, dalam keadaan sedemikian amat penting sekali *the protection* kepada minoriti ini, kalau mahkamah tidak boleh membuat satu perundangan berlandaskan keadaan, apa yang dikatakan *rule of precedence* kita sekarang ini tidak boleh memberi satu *protection* kepada *minority shareholders*, Parlimen sepatutnya berkuasa memberi satu *protection* kepada minoriti ini. Jadi, kepada pihak kementerianlah letaknya tugas dan tanggungjawab ini supaya bukan sahaja yang besar-besar datang itu kita kena jaga, tetapi yang kecil-kecil itu yang penting juga kita jaga. Ini kerana mereka inilah yang akan memperkayakan banyak lagi masyarakat lain sebenarnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak ceritakan semua sekali panjang, tetapi saya ucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah membawa pindaan ini kepada Parlimen untuk diluluskan. Saya cukup yakin di dalam mentadbirkan undang-undang ini nanti banyak perubahan yang akan berlaku dan banyak perkara yang perlu kita lihat bagaimana hendak mendatangkan kesan positif ataupun negatif.

Kalau undang-undang kita itu begitu ketat sekali dan akan mendatangkan kesan negatif kepada negara hingga tidak menarik pelabur asing datang ke negara kita, kita terpaksa kembali ke Dewan ini untuk melihat semula supaya apa yang baik kepada masyarakat pedagang itu hanya pedagang itu sendiri yang mengetahuinya, bukan pegawai daripada kementerian dan bukan pegawai daripada kerajaan.

Jadi tugas dan tanggungjawab kerajaan ialah untuk memberi prasarana yang adil kepada semua, menjaga yang lemah, memberi kebebasan yang berpatutan kepada yang berkuasa iaitu yang majoriti supaya keadaan suasana perdagangan di negara kita sentiasa menarik kepada masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Putatan. Selepas Yang Berhormat tidak ada lagi, ya?

**4.10 ptg.**

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana membawa pindaan Akta Syarikat 1965 yang mana kita sudah lama menunggu. Adalah diharapkan agar pindaan akta ini akan memberi satu keyakinan kepada pemilik-pemilik syarikat dan para peniaga di negara ini, dan saya bersetuju dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Santubong bahawa rasional pindaan ini memang ada tujuan-tujuan baik untuk memberi keberkesanan atas pengurusan syarikat-syarikat yang ada di negara kita.

Ingin saya menyentuh satu atau dua perkara mengenai dengan pengurusan syarikat ini, yang mana ada kita lihat banyak syarikat di negara ini sedang tidur dan tidak bergerak, bahkan

hanya disimpan oleh pemiliknya. Ada yang berkeinginan untuk menutup syarikat ini tetapi agak sukar. Walaupun adanya pindaan akta ini saya tidak lihat di sini ia dapat menyenangkan kepada pemilik-pemilik yang ingin *liquidate* syarikat-syarikat yang mungkin tidak aktif lagi dan mungkin pengarah-pengarahnya atau pemilik-pemilik syernya sudah uzur.

Jadi kita harus juga melihat, mengawal dan memeriksa syarikat-syarikat yang tidak aktif dan mungkin dinasihatkan untuk *liquidate* atau menutup dengan cara yang baik dan dengan mekanisme yang lebih senang lagi. Itu satu permohonan saya kepada pihak kementerian, kalau ini boleh dilihat kerana saya tidak tahu berapa ribu syarikat yang didaftarkan tetapi sedang tidur nyenyak.

Kedua, saya ingin menyentuh tentang *shareholders* dalam sesebuah syarikat. Sahabat saya Yang Berhormat bagi Santubong menyarankan syarikat-syarikat di peringkat korporat, tetapi saya ingin menyentuh syarikat-syarikat yang kecil-kecilan ini ataupun syarikat-syarikat yang dipergunakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab terutama sekali syarikat-syarikat yang menggunakan nama bumiputera itu sebagai pengarah ataupun pemegang syer dalam sesebuah syarikat yang kononnya melayakkan syarikat itu mendapat status syarikat bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya kluatir ialah statistik yang kita ada di bursa saham, iaitu kalau saya tidak silap 18% ekuiti bumiputera di bursa saham itu tidak menggambarkan bahawa ia sebenarnya ekuiti peratusan bumiputera kerana terdapat ini kita tidak boleh *deny*. Kita tidak boleh tutup mata lagi kerana ini perkara yang sebenarnya. Banyak syarikat di negara kita ini menggunakan nama bumiputera tetapi di belakang tabir pengurusannya, syarikatnya dan pejabatnya yang mengurusnya bukan bumiputera. Syer dalam satu syarikat memang 50% - 7% bumiputera. Betul, tetapi yang asetnya, hartanya, duitnya bukan milik bumiputera.

Saya harap pihak kementerian melihat perkara ini dengan serius. Kawal dan periksa. Dengan adanya pengetatan Rang Undang-undang Syarikat ini, saya harap pihak kementerian lihat perkara ini betul atau tidak peratusan ekuiti di bursa saham itu menggambarkan ekuiti daripada bumiputera.

Ketiga, saya juga mengalu-alukan seksyen yang baru, yang dikatakan seksyen 145A yang membolehkan pihak pengarah bermesyuarat agung melalui media elektronik. Dulu kita adakan *circulation resolution*. *Circulation resolution* ini kadang-kadang disalah guna pakai atau *disabused*, disalah guna kuasa oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Pernah saya duduk dalam satu syarikat yang mana kerap kali *circulation resolution* ini diberikan. Saya harap dengan adanya peruntukan yang baru ini pengurusan yang lebih berdisiplin dan telus dapat dikawal dan disemai kepada semua pengarah syarikat.

Saya cadangkan di sini juga supaya pengarah-pengarah syarikat itu diwajibkan menghadiri sesuatu kursus untuk pengurusan syarikat yang baik. Kalau kita sudah luluskan Akta Syarikat ini, maka dicadangkan juga kerajaan memberi satu ruang diwajibkan semua pengarah ini dilatih atau diberi bimbingan yang lebih ketat terutama sekali pengarah-pengarah bumiputera

dalam syarikat itu kerana ada terdapat pengarah sesebuah syarikat itu ialah seorang tukang kebun.

Kalau kita tidak membolehkan anak atau isteri kita menjadi pengarah dalam sesebuah syarikat itu, apa sudah terjadi? Apakah jalan yang lain kecuali kalau kita memerlukan tukang kebun kita, nama pemandu atau orang simpanan yang digelar sebagai setiausaha di dalam syarikat itu. Yang Berhormat Dato' Yong kita, Yang Berhormat bagi Stampin, ini memang ada. Saya kalau bagi bukti, saya ada bukti tetapi tidaklah harus beri di sini sebab menyentuh perasaan syarikat-syarikat yang saya pernah lihat. Saya juga pernah melihat setiausaha-setiausaha yang cantik jelita ini sebagai setiausaha dan pengarah syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menyentuh soal syarikat-syarikat yang dikatakan syarikat bumiputera ini digunakan oleh seseorang pegawai kerajaan yang ada kuasa di dalam sesebuah agensi atau jabatan di jabatan-jabatan kerajaan. Ini tidak dipantau. Di mana letaknya pejabat syarikat ini? Kementerian harus lihat perkara ini yang menggunakan syarikat-syarikat yang kecil ini, terutama sekali syarikat-syarikat yang berkelas 'F', bumiputera. Saya pernah menyentuh hal perkara ini di dalam penggal yang terdahulu, menyeru pihak kementerian untuk menyiasat, yang digunakan sebagai minta *quotation* kepada projek-projek yang di bawah RM200 ribu. Ini berlaku, dan saya harap pihak kementerian dapat lihat perkara ini dengan serius dan saya ulangi, syarikat-syarikat yang tidak aktif, syarikat-syarikat yang sedang tidur nyenyak, dibangunkan semula, dipanggil semula untuk aktif dan sebagainya.

Kalaulah sebab syarikat ini tidur kerana tidak diberi projek, saya rasa pihak kementerian bertanggungjawab untuk membuat sesuatu jika syarikat ini perlu ditutup atau dilikwidasi dan senangkanlah urusan-urusan. Ramai pemilik syarikat ini enggan mengaktifkan kembali syarikat itu. Memang sudah niat tidak mahu syarikat ini berkecimpung ataupun aktif dalam perniagaan. Masalah dia, untuk menutup syarikat, ini agak sukar sekali banyak perundangan ataupun undang-undang atau peraturan-peraturan yang harus diikuti sebelum ia dapat ditutup yang mana, ramai juga syarikat ini yang pernah berhutang kepada syarikat lain atau lain-lain agensi dan bukannya bankrap, tetapi hanya ditutup kerana tidak lagi mampu untuk menjalankan perniagaan.

Saya lihat Rang Undang-undang ini memang bagus dan banyak seksyen yang lain tidak begitu berguna telah pun dibatalkan, telah pun digugurkan di sini dan akta-akta yang baru yang baik sudah pun dimasukkan, sudah pun diwujudkan dan saya harap pihak kementerian dapat menjalankan apa peranan kementerian terhadap syarikat-syarikat ini dan harap peniaga-peniaga pun senang dengan kerajaan mengurus syarikat masing-masing.

Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh jawab.

**3.23 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bagi Santubong dan Yang Berhormat bagi Putatan yang memberi pandangan dan mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Seperti yang saya sebutkan, apabila membentangkan rang undang-undang ini tadi, memang Akta Syarikat 1965 ataupun Akta 125 ini, adalah sesuatu akta yang mengawal dan menguatkuasakan keuntungan yang berkaitan dengan entiti korporat dan ia memang menjadi tugas kementerian khususnya dari semasa ke semasa, menyemak dan juga kalau perlu meminda polisi perundangan korporat yang sedia ada.

Jadi rang undang-undang ini yang saya sebutkan tadi merangkumi 24 fasal dan mudah-mudahan dengan pindaan ini, aktiviti-aktiviti korporat dan perniagaan yang berfungsi selaras dengan piawaian antarabangsa, yang berkaitan dengan tadbir urus yang baik. Yang Berhormat bagi Santubong bertanya, apakah galakan yang dilakukan oleh kementerian untuk memastikan perniagaan dijalankan dengan baik dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, Suruhanjaya Syarikat Malaysia ataupun SSM sejak penubuhannya pada tahun 2002, telah melaksanakan program latihan pengarah, bagi terutamanya pengarah-pengarah syarikat yang tidak disenaraikan.

Program latihan ini merangkumi enam modul yang memberi kebaikan ataupun meningkatkan lagi pengetahuan kepada pengarah tentang tugas dan tanggungjawab mereka termasuklah tentang tadbir urus korporat yang baik dan juga mengingatkan tentang penalti dan hukuman di bawah Akta Syarikat jika mereka 'berpaling' daripada tugas mereka sebagai seorang pengarah. Yang Berhormat juga bertanya tentang sama ada kes-kes yang telah diambil tindakan oleh SSM berkaitan *corporate governance* ini sama ada ia ada kes-kes yang timbul. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, kes-kes pendakwaan ataupun *prosecution* yang di bawah Akta Syarikat 1945 ini, adalah seperti berikut;

Tahun	Jumlah Kes
2004	2,970
2005	3,938
2006	5,270

Kebanyakan kes-kes yang berkaitan *corporate governance* adalah seperti pada tahun 2006 ini adalah seperti berikut; biasanya kes-kes yang telah dikompaun sebanyak 31 kes, kes-kes yang telah didakwa ke mahkamah juga ada sebanyak 29 kes. Kebanyakan kes-kes yang terlibat adalah seperti memberi pernyataan palsu menggunakan nama syarikat sebelum ianya

diperbadankan, seseorang yang bankrap juga terus-menerus sebagai pengarah, tanggungjawab yang memberikan pinjaman kepada pengarah syarikat tanpa kebenaran dan sebagainya. Maka ia memang ada kes-kes yang telah diambil tindakan oleh pihak SSM.

Akhirnya dia juga bertanya sama ada apakah peruntukan yang sedia ada untuk melindungi kepentingan pemegang saham minoriti dan suka saya dinyatakan di sini iaitu Akta Syarikat 1965 ini sudah mengandungi beberapa peruntukan untuk memenuhi kepentingan minoriti dan dalam rang undang-undang ini juga ada peruntukan di bawah Seksyen 181A, 181B, 181C, 181D, dan 181E yang membolehkan mana-mana ahli minoriti syarikat untuk mengambil tindakan terhadap pengurusan atas tindakan yang menyentuh kepentingan syarikat yang mereka melabur dan jika ada tindakan seperti ini, tindakan itu boleh diambil di atas nama syarikat dan kos pembiayaan memang ditanggung oleh syarikat tersebut.

Yang Berhormat bagi Putatan menyarankan agar kementerian mengambil tindakan untuk membatalkan syarikat-syarikat yang tidak aktif ataupun *dormant* agar syarikat tersebut tidak lagi disalahgunakan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian melalui SSM sentiasa memantau perkara ini dan syarikat-syarikat yang ada pendaftaran, bagi syarikat yang tidak menyerah simpan penyata tahunan untuk tiga tahun berturut-turut, tindakan akan diambil untuk membatalkan nama syarikat daripada daftar, di bawah Seksyen 308 Akta Syarikat 1965, memang ada kawalan dan juga tindakan terhadapnya.

Di samping itu apakah peruntukan yang disediakan untuk mengawal selia integriti pekerja-pekerja yang mengawal harta pelaburan syarikat-syarikat di Malaysia yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Santubong tadi, saya telah pun jawab tadi tentang di bawah Perundangan Syarikat 1965 yang sedia ada cukup untuk kita kawal perkara ini. Yang Berhormat bagi Putatan juga bertanya berapakah syarikat yang *dormant* di dalam senarai daftar, selain daripada ada tindakan, berapakah syarikat sebenarnya yang terlibat dalam senarai yang dikatakan *dormant* ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, ukuran syarikat *dormant* ini adalah dibuat dari segi penyerah simpanan penyata tahunan dengan pendaftar. Jadi daripada jumlah syarikat yang ada pada pendaftaran ini lebih kurang 20% yang dianggap sebagai syarikat *dormant*. Jadi purata lebih kurang 20% dan memandangkan kadar pemantauan yang baik untuk pihak kementerian memang kadar ini telah pun menurun yang dikawal oleh pihak kementerian.

Pada keseluruhannya pemantauan kepada syarikat-syarikat di negara ini, pada keseluruhannya, kadar pemantauan yang merupakan kayu pengukur terhadap tadbir urus korporat syarikat di Malaysia adalah berasaskan kepada penyerah simpanan penyata tahunan yang saya sebutkan tadi yang mengandungi segala maklumat perubahan yang berlaku terhadap syarikat dan juga laporan kewangan berkanun dan diaudit dan sebagainya.

Jadi saya suka maklumkan di sini iaitu kadar pematuhan syarikat-syarikat di Malaysia sejak tahun 2003 adalah seperti berikut. Pada tahun 2003, cuma 43% sahaja. Pada tahun 2004 ia meningkat ke 64% dan tahun 2005 menjadi 71% dan sampai tahun 2006 seperti yang saya

jawab tadi sudah sampai ada 80% yang mematuhi segala syarat ini, cuma 2% yang merupakan syarikat yang *dormant* itu.

Jadi saya di sini ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat yang memberi pandangan dan juga...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Tuan Hoo Seong Chang:** Ya, sila

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Penjelasan Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ada menyentuh soal statistik di Bursa Saham Malaysia, bahawa peratusan ekuiti bumiputera adalah tidak melebihi daripada 20%. Kalau kita lihat syarikat-syarikat yang ada di negara kita, kita lihat syarikat-syarikat so *called* bumiputera ini, nama semua bumiputera tetapi sebenarnya pemilik syarikat tersebut bukan bumiputera. Saya minta penjelasan sikit daripada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa syarikat-syarikat seperti ini hanyalah kosmetik untuk melayakkan syarikat itu mendapat kontrak daripada kerajaan dan agensi-agensi kerajaan dan ia kalau kita kira, gambaran yang peratusan ekuiti bumiputera yang berada di Bursa Saham itu tidak memberi statistik yang betul. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Sekian.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Syarikat-syarikat yang dikatakan *listed company* mungkin tidak di bawah kementerian ini. Walau bagaimanapun syarikat-syarikat yang lain seperti sendirian berhad, yang berhad mungkin kita ada data yang lengkap tentang nama pengarah dan sebagainya, ekuiti dan sebagainya. Jadi kalau Yang Berhormat minat untuk mengetahui syarikat-syarikat tertentu dalam perkara ini, saya memang menerima baiklah tentang pandangan tersebut mungkin kalau perlu saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan yang membina kepada kementerian terhadap pindaan rang undang-undang ini, dan kementerian sentiasa akan ambil kira segala pandangan dan juga teguran tentang urus tadbir syarikat dan apa yang perlu diperbaiki kita sentiasa akan mengambil kira tentang pandangan-pandangan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal-fasal 1 hingga 24** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan

## RANG UNDANG-UNDANG PELINDUNGAN PENGGUNA (PINDAAN) 2007

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.33 ptg.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya sila.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kaedah berurus niaga secara elektronik telah digunakan dengan meluas di dunia. Cara berurus niaga secara elektronik atau lebih dikenali sebagai elektronik dagang atau secara ringkasnya e-dagang. Ia merupakan satu kaedah transaksi atau elektronik maya tanpa sempadan, jarak ataupun waktu.

Dalam suasana maya, organisasi dapat menubuhkan pejabat maya yang dapat dikunjungi oleh para pelanggan pada bila-bila masa. E-dagang menjadi semakin popular, didorong oleh penggunaan *internet* yang semakin bertambah dengan kadar yang amat pantas. Menurut, *internet world statistics*, pengguna *internet* dunia pada Januari tahun 2007 adalah 1 bilion lebih pengguna. Ini menjana lebih kurang RM17.5 trilion pasaran perdagangan elektronik dunia.

Di Malaysia, kepesatan kemajuan teknologi maklumat khususnya *internet*, sejak sedekad yang lalu telah menawarkan pilihan baru cara berurus niaga. Data Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia menunjukkan bahawa penggunaan *internet* di Malaysia semakin meningkat. Di mana pada tahun 2006, lebih dari 3 juta langganan *internet dial up* dan sebanyak 758,400 langganan jalur lebar ataupun *broadband subscribers* telah dicatat. Manakala penjualan barangan dan perkhidmatan melalui *internet* ataupun e-dagang semakin berkembang. Ini disebabkan lebih banyak syarikat dan perniagaan telah menawarkan perkhidmatan mereka melalui transaksi dalam talian.

Di anggarkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan nilai transaksi e-dagang dijangka berkembang pada kadar purata 27% setahun bagi mencapai 155 bilion. Pada tahun 2010, dalam usaha mengawal aktiviti yang berkaitan dengan *internet* di Malaysia, undang-

undang yang sedia ada adalah Akta Tandatangan Digital 1997 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Undang-undang ini digubal secara khusus untuk menangani isu dan masalah yang berkaitan dengan aktiviti tersebut. Akta-akta ini lebih menjurus kepada perkembangan industri elektronik itu sendiri. Namun begitu, kedua-dua akta ini tidak memberi penekanan kepada aspek perlindungan pengguna yang menggunakan Internet sebagai sebahagian daripada saluran jual beli.

Selain daripada itu, Akta Perdagangan Elektronik 2006 yang telah dikuatkuasakan pada 19 Oktober 2006, tidak menyediakan peruntukan berkaitan dengan penalti dan salah laku terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan semasa pengguna berurus niaga secara elektronik. Akta ini lebih menekankan kepada penyediaan infrastruktur bagi menjalankan perdagangan secara elektronik di negara ini.

Oleh itu, Akta Perlindungan Pengguna 1999 harus dipinda, bagi melindungi pengguna yang menjalankan aktiviti perdagangan secara elektronik ini dapat meningkatkan lagi keberkesanan perlindungan pengguna di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2007 ini adalah untuk melindungi pengguna yang menjalankan apa-apa urusan niaga perdagangan yang dilaksanakan secara elektronik.

Seksyen 2(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999, adalah berkaitan dengan pemakaian akta tersebut, di mana di dalam seksyen 2(1) dinyatakan bahawa akta ini hendaklah terpakai berkenaan dengan semua barang dan perkhidmatan yang ditawarkan atau dibekalkan kepada seorang pengguna atau lebih secara perdagangan. Namun begitu pada masa sekarang terdapat beberapa pengecualian di dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 seperti mana dinyatakan di bawah seksyen 2(2) di mana akta ini tidak terpakai iaitu yang pertama, bagi sekuriti sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 ataupun Akta 280.

Bagi kontrak niaga hadapan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 atau pun Akta 499. Dan bagi kontrak yang dibuat sebelum tarikh akta ini mula berkuat kuasa. Dan berhubung dengan tanah atau kepentingan mengenai tanah kecuali sebagaimana yang diperuntukkan secara nyata dalam akta ini. Dan juga bagi perkhidmatan yang diadakan oleh ahli profesional yang dikawal selia oleh mana-mana undang-undang bertulis dan juga bagi perkhidmatan jagaan kesihatan yang diadakan atau akan diadakan oleh profesional jagaan kesihatan atau oleh kemudahan jagaan kesihatan. Dan bagi apa-apa urusan niaga perdagangan yang dilaksanakan dengan cara elektronik, melainkan jika ditetapkan, selain oleh menteri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kepentingan pengguna di negara ini terus terjamin dan perlindungan pengguna secara berterusan diberi, adalah dicadangkan agar seksyen 2(2)(g) ini dimansuhkan. Dengan pemansuhan ini semua urusan niaga perdagangan yang

dilaksanakan dengan cara elektronik adalah tertakluk kepada pemakaian di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Dengan ini juga, kepentingan pengguna akan dijamin, dan seterusnya meningkatkan lagi kepercayaan dan keyakinan pengguna untuk menggunakan *internet* dalam urusan jual beli mereka.

Pada masa sekarang, seksyen 2(2)(g) telah mengecualikan pemakaian Akta Perlindungan Pengguna 1999, bagi apa-apa urus niaga perdagangan yang dilaksanakan dengan cara elektronik, melainkan jika ditetapkan selain oleh menteri. Jadi kesan ialah pengguna yang berurus niaga secara elektronik seperti melalui *internet*, telefon, mesin faks, telegram dan sebagainya, tidak dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Oleh itu, pengguna terdedah kepada amalan perdagangan elektronik yang tidak saksama dan tidak beretika.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna 2007 mencadangkan pindaan kepada seksyen 2 iaitu pertama, dengan memasukkan selepas perkataan perdagangan dengan subseksyen (1) perkataan termasuk apa-apa urus niaga perdagangan yang dijalankan melalui cara elektronik. Dan yang kedua, memansuhkan perenggan 2(g).

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perlindungan Pengguna 1999 adalah merupakan akta sangat penting, bagi melindungi kepentingan dan hak pengguna. Dengan membuat pindaan kepada seksyen 2(1) akan dapat melindungi pengguna apabila melakukan sebarang urus niaga elektronik melalui *internet*, telefon, mesin faks, telegram dan sebagainya yang berkaitan dengan kemudahan elektronik.

Manakala pemansuhan 2(2)(g) akan memberi lebih jaminan dan keyakinan kepada pengguna untuk menjalankan apa-apa urus niaga secara elektronik ini kerana pengguna dilindungi di bawah akta ini. Dan sebelum ini pengguna yang berurus niaga melalui kaedah elektronik yang berasaskan diri mereka tertipu dan dianiayai oleh peniaga yang tidak beretika boleh membuat tuntutan melalui mahkamah sivil. Dengan pindaan ini, pengguna tersebut boleh mengemukakan tuntutan mereka kepada peniaga melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia bagi kes-kes tuntutan yang tidak melebihi RM25,000.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua: [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Pengguna 1999 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pemindaan ini adalah satu yang tepat pada masa dan satu yang bagus. Akan tetapi saya rasa, satu perkara mustahak yang tidak dirangkumi dalam pemindaan ini adalah seperti yang dikatakan oleh

Setiausaha Parlimen, di seksyen 2 itu di antaranya adalah (a) ke (f), walau pun dengan pemindaan hari ini, yang dicadangkan (g) yang akan dimansuhkan.

Tetapi yang lebih mustahak adalah perkara-perkara yang berkaitan, yang ada kena mengena dengan masyarakat, ramai di antara pengguna-pengguna ada banyak masalah mengenai kes-kes *health care* dan ini adalah satu perkara yang pada tahun 1999, semasa Rang Undang-undang di bawa, saya juga telah menghujah pada masa itu dan mengatakan bahawa di antara ini adalah perkara yang sangat mustahak yang bidang kuasa tribunal pengguna patut merangkumi *health care services* kerana industri ini adalah lebih dari RM10 ke RM20 bilion di Malaysia. Dan ada banyak kompelin-kompelin mengenai kecuaiian dan kekurangan perjalanan tugas doktor-doktor.

Dan ini nampaknya satu perkara yang terlepas pandang oleh kementerian, dan saya rasa sangat dukacita kerana ini adalah satu masa yang baik supaya kita dapat mengambil satu proaktif, satu inisiatif yang baru untuk memansuhkan juga bahawa kes-kes ke tribunal tidak merangkumi *health care services*.

Dan jangan kita lupa, ramai di antara rakyat Malaysia tidak tahu bahawa walaupun akta ini, *Consumer Protection Act* pada tahun 1999, di bawa ke Dewan Rakyat ini nampaknya adalah satu keunggulan yang sangat baik tetapi dari negara mana ia dikatakan *copy and paste*, adalah dari negara Uganda! Negara Uganda sekarang sudah merangkumi semua perkara yang saya katakan, *health care services* dan sebagainya.

Kenapa kita enggan mengadakan lebih skop? Supaya lebih ramai orang dapat membawa apa-apa masalah mereka kepada *Consumer Tribunal*. Dan juga mengenai *Consumer Tribunal*, sekarang ada kuantum dia hanya RM25,000 saya rasa masa sudah tiba supaya kuantum itu dinaikkan.

■ 1820

Saya rasa masa sudah tiba supaya kuantum itu dinaikkan dan banyak kes di mana dirujuk kepada *Consumer Tribunal* ini mengambil masa yang singkat dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada *Consumer Tribunal* kerana berbanding kepada kes-kes sivil dan kes-kes jenayah, kes-kes di *Consumer Tribunal* sangat singkat dan boleh dihabiskan dengan masa yang minimum dan ia adalah lebih baik kerana peguam-peguam tidak dibenarkan berintegrasi di *Consumer Tribunal* tetapi yang lebih mustahak adalah bila satu keputusan dibuat oleh *Consumer Tribunal* di mana pihak-pihak yang kalah dalam kes-kes di *Consumer Tribunal* ini, macam mana pula bila mereka tidak menghormati penghakiman yang dibuat oleh *Consumer Tribunal*, masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak yang kompelin kepada *Consumer Tribunal*.

Walaupun pada mulanya mereka berasa ada harapan yang bagus kerana membawa kes-kes ke *Consumer Tribunal* dan mendapat keputusan bahawa mereka menang kes, tetapi selepas mereka mendapat penghakiman, tidak ada *enforceability*. Mereka tidak mendapat wang

atau apa-apa yang telah di *award* kan oleh *Consumer Tribunal* dan ini adalah kecacatan-kecacatan yang tertentu. Ini juga adalah satu perkara yang mustahak yang sepatutnya dibawa untuk membawa pemindaan.

Saya tahu bahawa pemindaan yang dicadangkan oleh kementerian adalah rasanya ada satu perkara di mana lebih satu bilion orang terlibat dalam *internet*. Juga diketahui bahawa ramai di antara mereka juga menjual beli dan terlibat dalam kes-kes pembelian barang-barang dan mereka telah ditipu atau membeli barang-barang yang tidak *up to standard*, tidak ada *merchantable quality* dan ini menjadi masalah.

Jadi dengan membawa satu usaha, satu pemindaan ini nampaknya adalah satu yang bagus, tetapi saya ingin mengatakan kenapa *health services* tidak dimasukkan di sini? Saya rasa ini adalah satu peluang yang kementerian telah hilang. Saya rasa ini telah tidak mempedulikan satu seksyen masyarakat di mana yang sangat mustahak di negara ini. Bukan sahaja sebagai *health services* kerana kalau kita tengok seksyen 2 di mana pemindaan ini akan dibawa, di antara seperti yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen; *securities, futures, contracts* dan juga *services* yang dibuat oleh profesional-profesional. Kenapa pihak-pihak profesional seperti peguam, doktor dan lain-lain, perkara-perkara ini tidak boleh diberi kebebasan untuk pihak-pihak yang mengadu membawa kes mereka kepada *Consumer Tribunal*. Bukankah walaupun akta ini *the Uganda Acts* saya akan kata, di mana kita *copy* daripada negara Uganda. Uganda sudah ada beberapa tarif-tarif yang lebih baik dari negara kita. Kenapa kita tidak proaktif dan membawa pindaan-pindaan yang akan merangkumi dan memberi lebih kebebasan kepada pihak-pihak yang ingin membuat aduan.

Kita ada *Consumer Tribunal* yang dikendalikan oleh pakar-pakar, peguam-peguam dan *chairmen* yang saya rasa ada kebolehan-kebolehan. Seperti yang saya katakan, kes-kes ini diselesaikan dengan singkat. *That must be appreciated* dengan izin, *it is very good*. Kalau dulu hendak bawa satu kes ke Mahkamah Sivil, ia akan memakan masa bukan sahaja perlu mengambil peguam tetapi sekarang dengan hanya satu bayaran *fee* yang minimum, kita boleh membawa kes ke *Consumer Tribunal*.

Selain daripada itu, saya juga ingin tahu dan memberi pandangan saya, sekarang *Consumer Tribunal* ini beroperasi di mana? Macam yang saya tahu di negeri Perak adalah di Ipoh. Saya juga diberitahu bahawa di bandar-bandar yang lain adalah di bandar-bandar besar sahaja. Ramai di antara pengadu-pengadu sangat susah untuk mereka datang ke tempat-tempat seperti di pekan besar dan bukankah kita ada *circuit system* di mana *Consumer Tribunal* ini boleh pergi ke luar bandar, ke estet-estet dan pekan-pekan kecil untuk mendengar kes-kes mereka dan juga memberi perhatian serta menyelesaikan masalah-masalah dan aduan-aduan yang berkaitan dengan perkara *consumer*.

Dalam hal ini, saya difahamkan FOMCA telah memberi beberapa pandangan baru-baru ini kepada kementerian untuk meminda dan membawa lebih jenis-jenis perkara kepada akta-

akta. Akan tetapi, saya difahamkan bahawa kementerian telah tidak mengambil kira dan tidak memberi apa-apa keseriusan mereka kepada pandangan-pandangan yang telah diberi oleh wakil-wakil dari FOMCA.

Saya sebenarnya diberitahu bahawa mereka ada membuat beberapa cadangan yang berkaitan dengan pengguna, *right to the point*, dengan izin. Di antaranya adalah di mana mereka mengatakan bahawa seksyen 2 perlu dipinda seperti yang telah saya katakan. Akan tetapi, kementerian berpendapat bahawa pandangan atau apa yang mereka beritahu ini adalah tidak relevan. Jadi saya hendak tahu kenapa mereka telah dipinggirkan? Kenapa pandangan mereka tidak diambil kira dan akhirnya saya hendak mengatakan adakah kementerian khususnya akan memberi lebih keluasan dan akan mengadakan tribunal-tribunal ini di seluruh pekan dan kampung di negara. Ini adalah supaya pengadu-pengadu boleh mendapat peluang untuk mengadu dan juga melaporkan kes-kes ke *Consumer Tribunal*. *Consumer Tribunal* ini, *the enforceability part* seperti yang telah saya katakan, saya rasa itu adalah kecacatan yang tertentu dan perlu diubah dari segi itu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

**4.57ptg.**

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Seperti yang kita sedia maklum, Akta Perlindungan Pengguna 1999 diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada pengguna baik dari segi memberi barangan ataupun perkhidmatan yang mereka peroleh.

Yang Berhormat telah pun bertanya beberapa perkara tentang akta ini. Pertama tentang pengecualian di dalam Akta Perlindungan Pengguna seperti yang saya nyatakan tadi ada tujuh sektor ini dan Yang Berhormat bertanya mengapa tidak semua dikawal di bawah akta ini. Untuk makluman Yang Berhormat, misalnya bagi sekuriti, ia memang di dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 misalnya tentang kontrak niaga, ia di dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993. Begitu juga dengan badan profesional ataupun orang-orang profesional dikawal selia oleh undang-undang yang tertentu termasuklah kes-kes kesihatan ini juga di bawah jagaan Akta Kesihatan sendiri.

Maka kementerian memang melihat dari masa ke semasa apa yang boleh kita buat, kita akan masukkan dalam perlindungan pengguna ini. Misalnya tentang niaga melalui cara elektronik ini, sampai masa kita perlu pinda untuk masukkan kategori ini, tetap kementerian akan buat. Jadi untuk menjawab soal ini, saya harap Yang Berhormat faham tentang keadaan yang sebenarnya. Kementerian sentiasa akan ambil kira semua pandangan dan juga cadangan di mana apa yang boleh dibuat untuk melindungi pengguna ini, tetap kementerian akan mempertimbangkannya. Dari segi jumlah....

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan. Terima kasih.

Saya tanya dengan khusus iaitu kes-kes di mana kegagalan Akta Pengguna ini untuk merangkumi kes-kes kecuaiian profesional dan *healthcare*. Saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak tetapi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab dan mengatakan bahawa kedua-duanya ini adalah di kementerian lain. Kalau sedemikian internet pun bukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, tetapi sebenarnya dengan 'Kementerian Multimedia' dan sebagainya. Jadi itu bukan satu alasan yang boleh diterima. Tolong beritahu dengan ikhlas apakah sebenarnya kementerian telah gagal untuk merangkumi dan untuk mengambil kira kedua-dua perkara ini?

**Tuan Hoo Seong Chang:** Bukan begitu Yang Berhormat. Apa yang boleh kita buat kalau sampai apa yang di bawah akta yang boleh kita masukkan, kita tetap akan masukkan dalam segala perkara-perkara yang harus. Buat masa ini memang tidak boleh. Kita tidak akan masukkan tetapi kalau ada kita akan ambil kira. Tentang jumlah RM25,000 ini...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan, penjelasan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen setuju dengan sayalah bahawa ini adalah satu masalah yang selalu wujud dan yang selalu dibawa oleh pengguna-pengguna bahawa ada kes-kes terhadap profesional-profesional dan juga *healthcare services* yang perlu pertolongan dan perhatian dari kementerian. Akan tetapi Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa masa belum tiba untuk kementerian memberi perlindungan kepada kedua-dua perkara ini. Setuju dengan saya? Kalau sedemikian, setuju sahajalah supaya kita boleh beralih ke topik yang lain.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, akta di bawah Akta Kesihatan pada masa ini cukup untuk melindungi pengguna yang ada tetapi kalau misalnya kes yang ada tentang perniagaan tentang elektronik ini kalau kita rasa cukup untuk kita masukkan dalam kategori ini, baru kita masukkan ke dalam kategori ini. So, saya percaya Akta Kesihatan yang pada masa ini masih cukup untuk melindungi pengguna yang sedia ada. Mengenai jumlah RM25,000 ini memang kementerian sentiasa melihat...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** *It's enough for that.*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan, sedikit mengenai perkara ini. Jadi adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa tidak ada rungutan, *there is no complaint*, tidak ada mengenai kes-kes profesional *answer*?

**Tuan Hoo Seong Chang:** Dia ada *complaint*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak ada?

**Tuan Hoo Seong Chang:** Dia memang ada *complaint*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ada hasrat atau ada pihak-pihak yang ingin kementerian untuk meminda, ada bukan tetapi kementerian belum bersedia lagi. Masyarakat sudah bersedia, kementerian belum bersedia. Itulah...

**Tuan Hoo Seong Chang:** Bukan begitu. Kalau Yang Berhormat berpandangan sedemikian, itu terpulanglah kepada Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan pandangan saya tetapi Yang Berhormat sendiri setuju.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Saya sudah jawab dan kata memang ada aduan sebegini tetapi akta yang sedia ada misalnya dari segi kesihatan memang cukup untuk melindungi pengguna dalam sektor itu. Memang ada dan cukup untuk dilindungi.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Baik Yang Berhormat. Ini akta Uganda punya. *Uganda is already far ahead of us*, dengan izin.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Itu terpulanglah kepada Yang Berhormat dengan tafsiran Yang Berhormat sendiri. Saya telah jawab tentang RM25,000 ini. Memang kalau sampai satu tahap yang rasa kita perlu meningkatkan jumlah tuntutan itu, memang kita sentiasa mempertimbangkan. Dan mengatakan tentang pejabat tribunal, cuma ada di ibu kota. Memang saya mengakui lah buat masa ini kita cuma mampu untuk membuka pejabat tribunal di ibu kota tetapi memang ada hasrat kita untuk memperluaskan lagi kepada kawasan-kawasan yang di mana kita fikir sesuai mengikut kemampuan dan kewangan kementerian ini, maka kita akan memperluaskan lagi perkhidmatan untuk membuka pejabat tribunal di bandar-bandar yang lain.

Saya ingin juga menegaskan di sini bahawa di bawah Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia ini, memang saya setuju dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat. Ia memang satu cara yang berkesan untuk melindungi hak pengguna ini sebab sesuatu kes apabila diterima oleh tribunal, ia akan diselesaikan dalam masa 60 hari. Setelah *award* telah pun diberikan selepas 60 hari, dalam tempoh 14 hari kes ini ataupun orang yang dituduh ini harus membayar tuntutan kepada orang yang mengadu. Jadi kalau tidak mematuhi syarat ini, dia boleh dikenakan denda yang cukup berat. Ini memang yang sedia ada untuk kita mengawal selia ataupun mengawal keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya menerima baiklah semua...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan, penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai tribunal-tribunal yang sedia ada di beberapa kota negara seperti di Ipoh dan di Seremban, di mana *accessibility*nya adalah kepada pihak-pihak yang berpendapatan tinggi tetapi kalau kita tengok rasionalnya pewujudan *consumer tribunal* adalah untuk memberi perlindungan kepada pihak-pihak yang kurang daripada RM25,000 selalunya adalah pihak-pihak yang berpendapatan yang rendah.

Kalau sedemikian, *if that is the basic rational* di sana, kenapa pula kita tidak seperti saya cadangkan seperti kes-kes Mahkamah-mahkamah Sivil ada *circuit system* di mana katakan di Kuala Lumpur, dia berfungsi di Shah Alam, dia boleh pergi ke Batang Berjuntai, boleh pergi ke Rawang, supaya boleh pergi ke Ijok, bukan masa pilihan raya sahaja tetapi selepas pilihan raya

juga supaya lebih... atau Sri Gading kita pergi ke tempat-tempat itu untuk memberitahu kepada pengguna-pengguna hak mereka.

Apakah mereka boleh menikmati dari *consumer tribunal* ini? Itu nombor satu. Nombor dua, adakan *road show*. Saya tahu kerap kali saya tengok dalam TV ada beberapa boleh dikatakan *road show* lah yang saya rasa bagus yang dijalankan oleh Pengerusi *Consumer Tribunal* tetapi untuk ini lebih efektif dan lebih bermakna. Kalau kita cakap sahaja untuk menolong pihak-pihak yang berpendapatan yang rendah tetapi kita sebenarnya sedang dalam proses menolong pihak-pihak yang kaya sahaja, kaya-raya di pekan-pekan yang besar, saya rasa objektif ini sudah dibungkus.

**Tuan Hoo Seong Chang:** ...[Ketawa] Saya setuju tentang kalau boleh *accessibility* itu kita memperluaskan dan tribunal sendiri telah pun sedang mengkaji sama ada pandangan tadi memang kita ambil kira, itu satu cadangan yang baik. Memang kementerian pun berbincang dengan pihak tribunal supaya dari segi *accessibility* itu dapat kita memperluaskan bukan setakat membuka cawangan yang baru tetapi tempat-tempat yang boleh kita memudahkan lagi untuk bagi pengguna melaporkan komplain dan juga bagaimana boleh membantu mereka, tetap kita memberi bantuan. Saya bersetujulah kalau dapat kita memperluaskan lagi, kita tetap akan ambil kira tentang perkara ini. Tentang *road show* yang dibangkitkan ini, memang ada banyak kali kita buat *road show* termasuklah saya sendiri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya bukan hendak menyokong Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tetapi oleh sebab Dewan yang mulia ini Dewan di mana Ahli-Ahli Parlimen mengeluarkan pendapat dan mengeluarkan fikiran untuk rakyat dan dalam hubungan ini kita sedang membicarakan tentang ada kaitan dengan pengguna. Kementerianlah tempat rujukan pengguna, pengguna itu ialah rakyat. Kita berada di sini kerana rakyat, kita berada di sini atas kehendak rakyat dan Ahli-Ahli Parlimen yang mengeluarkan pendapat yang ada kaitan dengan kepentingan rakyat harus agaknya disemak, diterima dan dikaji.

Rakyat memang selalu tertipu kerana dalam dunia perniagaan, orang yang menjalankan perniagaan hanya ada satu tujuan walhal di dalam urusan kemanusiaan, perdagangan atau perniagaan itu sebenarnya satu servis untuk menolong.

Kalau saya bercakap pula tentang Islam dan perniagaan, sebenarnya perniagaan ini satu kerjaya yang mendapat pahala. Kalau peniaga itu menjalankan perniagaannya dengan betul dan jujur, tidak menipu pengguna tetapi di negara kita ini memang kedapatan rakyat selalu teraniaya oleh orang yang menjalankan perniagaan. Maka itu, kementerianlah tempat kita bersandar. Kementerianlah yang diberikan kuasa mengawal...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat minta penjelasan sahaja, tidak boleh berucap.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya juga hendak membuat penjelasan supaya jelas. Ambil contoh, tadi soal kesihatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Soal *workshop*, tipu alat ganti ini. Kalau harganya begitu mahal, ramai tertipu, termasuk saya pun pernah tertipu, membaiki kereta saya kena RM11,000, Istimia, kerana hendak membaiki kereta dan kebetulan kereta ini isteri saya punya. Seorang suami memang mencurahkan kasih sayang kepada seorang isteri...  
[Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Melalui kereta, Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Melalui kereta?... [Ketawa]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jadi kementerian harus agaknya, sebab saya bukan menyokong Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tetapi ulasan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan ulasan saya ini harus agaknya diberikan perhatian kerana akhirnya yang dapat keuntungan ialah rakyat kita sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesabaran mendengar sedikit-sebanyak curahan rasa hati di petang-petang senja yang indah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat tidak bangun berucap tadi. Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiausaha Parlimen.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya turut sama, sebenarnya saya pun sebagai wakil rakyat juga. Jadi apa yang boleh kita bantu bagi pengguna memang tanggungjawab kementerian untuk kita menjalankan tugas dan segala pandangan yang dikemukakan oleh orang awam termasuk Yang Berhormat-Yang Berhormat, termasuk Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Saya terima baik tentang semua pandangan ini termasuklah tadi yang disebut tentang FOMCA ini. Memang FOMCA juga memberi satu cadangan dan juga pandangan yang menyeluruh sampai kita mengadakan satu jawatankuasa untuk menimbang semua pandangan dan cadangan mereka sama ada ia praktikal untuk kita laksanakan dan sebagainya. Memang diambil kira, memang ada untuk kita lihat semua perkara yang dicadangkan oleh mana-mana pihak untuk kita memperbaiki sistem yang ada untuk melindungi pengguna di negara kita ini.

Selain daripada itu tentang *road show* ini memang ada, memang banyak *road show* yang kita jalankan termasuklah mewujudkan kesedaran kepada orang awam terhadap hak-hak pengguna dan peranan yang dimainkan oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia yang

diwujudkan oleh kementerian ini. Maka, mudah-mudahan dengan adanya segala bantuan dan kerjasama daripada semua pihak, peranan bukan setakat Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang dapat berfungsi dengan baik, namun tribunal sendiri dapat memainkan peranan untuk membantu pengguna-pengguna yang perlu mendapat perlindungan ataupun mempertahankan hak mereka, dapat kita jalankan dengan sebaik mungkin untuk kita membantu mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah yang saya dapat jawab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan sedikit. Mengenai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ringkas Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya, ringkas, ringkas. Ini mengenai tribunal juga. Sekarang tribunal hanya berfungsi pada waktu pejabat. Saya rasa itu sangat mendukacitakan pengguna-pengguna yang ramai di antaranya juga bekerja pada waktu pejabat. Bukankah lebih praktikal kalau tribunal macam ini juga berfungsi selepas waktu pejabat dan berfungsi pada hari Sabtu dan Ahad supaya lebih pengguna diberi peluang untuk membawa pengaduan-pengaduan mereka dan tribunal ini boleh betul-betul berfungsi untuk kebaikan pengguna-pengguna.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Pandangan ini saya boleh terima dan saya akan bawa balik kepada tribunal sekiranya dapat kita jalankan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, tetapi pada tahun 1999, itu jawapan yang diberi oleh Megat Junid kepada saya... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya ada...

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tidak apa, ini kali pertama *you* kemukakan masalah kepada saya. Saya akan cuba...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya ada bawa, belum jawab mengenai tribunal. Adakah ia akan bersidang selepas waktu pejabat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini Setiausaha Parlimen baru punya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Hari Sabtu, hari Ahad dan komposisi ini...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak apalah, itu cerita lamalah, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Itu cerita lama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, malam pun boleh buat.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Ini kali pertama *you* tanya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Cerita baru, cerita baru.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini yang dikatakan oleh Megat Junid pada tahun 1999.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu cerita lamalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya. Sekarang ada *night court*.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tetapi kali pertama *you* tanya saya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Pada masa itu Setiausaha Parlimen duduk sebelah sini.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Belum lagi, belum masuk lagi.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** 1999 ada sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sudah habis Yang Berhormat?

**Tuan Hoo Seong Chang:** Okey, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang dapat memberi segala pandangan dan juga cadangan kepada kementerian untuk memperbaiki keadaan yang ada untuk kita membantu para pengguna di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal-fasal 1 hingga 2 -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, saya hendak sedikit penjelasan atau keterangan. Perkataan “perdagangan” nampaknya sangat luas yang merangkumi semua keadaan pada pandangan saya dan dalam istilah undang-undang tetapi yang saya khuatir, apakah bila kita hadkan selepas perkataan “perdagangan”, kita hadkan, nampaknya elektronik. Adakah ia menggunakan perkataan elektronik ini hanya setakat penggunaan melalui *internet* sahaja atau melalui sistem lain-lain seperti SMS dan lain-lain perdagangan. Adakah ia merangkumi perkara sedemikian?

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Pengerusi, yang dikatakan urus niaga elektronik, ia bererti melalui internet, telefon, mesin faks dan telegram yang ada berkaitan dengan akta ini. Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** SMS, SMS?

**Tuan Hoo Seong Chang:** Termasuk SMS, ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, baik.

**Fasal-fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2007**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk membentangkan...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, *Point of Order*. Tuan Pengerusi, saya minta maaf. Saya baca di *internet* ini pada tahun 1999. Saya ingat Datuk Seri Megat Junid sudah memberi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah selesai Yang Berhormat. Jadi...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan, kalau ada satu seruan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri mengatakan dia nak ambil kira. Lepas lapan tahun pun ini tidak perlu diambil kira. Macam mana? Adakah kita akan ber *debate* dan sebagainya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tadi Setiausaha Parlimen sudah ambil alih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan, saya baca. Saya baca dengan khusyuk tentang masa itu kita akan lihat bagaimana sebutannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jadilah, Yang Berhormat telah pun keluarkan tadi. Cukuplah. Sila duduk.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Macam mana kalau kita datang balik ke Dewan Rakyat, selalu ber *debate* tetapi sebenarnya tidak serius. Beliau pun telah *retired* sekarang tetapi semua ini ada di *hansard*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah. Nantilah. Itu sekarang tadi kementerian sudah jawab untuk ambil tindakan. Tunggulah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tunggu lagi berapa tahun? Boleh saya tahu lagi berapa tahun? Pasal saya tahun 1999, saya ada di sini. Masa itu Yang Berhormat bagi Sri Gading tak ada. Saya ada di sini. Ini aku janji yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tetapi tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tak apa. Lepas ini Yang Berhormat boleh tanyalah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Dengan beliau?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kementerianlah yang bertanggungjawab.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kementerian? Oh! Okey.

**Seorang Ahli:** Tanya Megat Junidlah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Oh! Megat Junid saya nak telefon nombor dialah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [Menyampuk].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, sila.

**5.21 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, Akta 452 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bercadang untuk meminda dan membuat peruntukan baru di dalam Akta 452 bagi memperkemaskan dan melicinkan lagi urusan pentadbiran KWSP selaras dengan penilaian kajian semula hala tuju KWSP yang dipandukan ciri-ciri skim persaraan yang baik, perubahan persekitaran yang mengambil kira prinsip-prinsip perlindungan hari tua dan tanggungjawab KWSP sebagai pemegang amanah kepada dana persaraan ahli. Bagi kerajaan, keperluan untuk meminda Akta 452 adalah bagi memenuhi keperluan dan kebajikan ahli yang mengalami perubahan ketara dalam skim keselamatan sosial. Perubahan ini adalah disebabkan faktor-faktor seperti berikut:

- (i) perubahan demografi penduduk di mana jangkaan hayat semakin meningkat menyebabkan tempoh pembiayaan kewangan selepas persaraan menjadi lebih panjang. Fenomena ini akan menjejaskan lagi kecukupan dana persaraan ahli di bawah skim tabungan seperti kumpulan wang;
- (ii) simpanan persaraan ahli KWSP adalah tidak mencukupi. Purata simpanan ahli aktif yang berumur 54 ialah RM106,932.75 dan purata simpanan ahli yang tidak aktif ialah RM18,876.75 bagi tahun 2005. Purata simpanan ahli aktif lelaki ialah RM122,142.02. Manakala ahli aktif wanita ialah RM73,968.74. Jumlah ini tidak dapat menampung kehidupan ahli semasa bersara;
- (iii) perubahan struktur penduduk memberi kesan kepada *dependency ratio* iaitu nisbah orang bekerja dengan orang yang tidak bekerja. Nisbah ini telah berkurangan di mana bilangan orang yang bekerja untuk menyara pesara semakin kurang berbanding dengan bilangan peserta; dan

- (iv) perkembangan perbendaharaan atau organisasi dan migrasi penduduk ke bandar-bandar telah melemahkan sistem keluarga luas ataupun *extended family* yang selama ini memberi perlindungan sosial yang tidak formal, tidak lagi boleh diharapkan untuk menyediakan perlindungan di hari tua sepenuhnya. Perkembangan tersebut menyebabkan timbul keperluan untuk memperkemas lagi skim-skim simpanan, pengeluaran dan pentadbiran KWSP supaya dapat memenuhi keperluan dan kebajikan ahli.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 Akta 452 mengandungi 79 Fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang diinsuranskan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 452 untuk memperjelaskan matlamat penubuhan KWSP sebagai satu kumpulan wang yang menguruskan simpanan pekerja untuk tujuan persaraan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 2 dalam takrif ahli kumpulan wang untuk memperjelaskan bahawa ahli kumpulan wang ialah mereka yang mempunyai suatu akaun dan kredit dengan kumpulan wang. Fasal ini juga bertujuan untuk meminda takrif amaun tambahan dengan menggantikan "kena" dengan perkataan "boleh", selaras dengan pindaan kepada seksyen 58 yang memperuntukkan bahawa pembayaran suatu amaun tambahan adalah tertakluk kepada budi bicara Lembaga. Fasal ini seterusnya bertujuan untuk memastikan takrif baru ditetapkan oleh menteri bagi memperjelaskan maksud ditetapkan.

Fasal 5 dan 6 bertujuan untuk meminda seksyen 18 dan 20 untuk mewujudkan suatu jawatan timbalan pengerusi bagi mesyuarat panel pelaburan bagi membolehkan mesyuarat panel pelaburan diadakan semasa ketiadaan pengerusi.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 26(2)(ea) bagi membolehkan lembaga menyertai atau melaksanakan urus niaga dalam apa-apa instrumen derivatif dengan kebenaran menteri. Peruntukan sedia ada tidak memperuntukkan secara khusus bagi pelaburan dalam urus niaga derivatif. Fasal ini juga bertujuan untuk masukkan subseksyen baru (4) untuk membolehkan Lembaga membuat pinjaman mata wang asing bagi tujuan pelaburan di bawah seksyen 26. Ini adalah selaras dengan perkembangan pasaran di mana terdapat bon yang diterbitkan dalam mata wang asing.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda 29A bagi memperluas pilihan pelaburan untuk ahli kumpulan wang dan institusi pengurusan dana yang menguruskan pelaburan ahli itu. Fasal ini juga bertujuan memasukkan subseksyen baru 29A(2) bagi memperuntukkan bahawa jumlah wang yang dipindahkan bagi maksud pelaburan ke dalam suatu institusi pengurusan dana atau institusi-institusi lain yang diluluskan hendaklah disifatkan sebagai telah dikeluarkan daripada

kredit ahli kumpulan wang mulai tarikh ahli itu mencapai umur 55 tahun. Dan ahli itu boleh berurusan terus dengan institusi pengurusan dana ataupun institusi-institusi lain yang diluluskan berhubung dengan kredit itu.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 31 bagi menyusun semula seksyen itu selaras dengan penubuhan jawatankuasa rayuan tatatertib di bawah seksyen baru 31A yang dicadangkan.

Fasal 10 bertujuan memasukkan seksyen baru 31A untuk mengadakan peruntukkan bagi penubuhan jawatankuasa rayuan tatatertib bagi memutuskan rayuan terhadap keputusan jawatankuasa tatatertib.

Fasal 11 bertujuan untuk memotong subseksyen 33(4) dan (5) selaras dengan penubuhan Jawatankuasa Rayuan Kenaikan Pangkat di bawah seksyen baru 33A yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 12 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 33A bagi mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Rayuan Kenaikan Pangkat bagi memutuskan rayuan terhadap keputusan jawatankuasa kenaikan pangkat.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 39 untuk membolehkan Ketua pegawai eksekutif membuat permintaan kepada Ketua Polis Negara atau Ketua Pengarah Imigresen bagi melarang mana-mana orang daripada meninggalkan Malaysia melainkan orang itu membayar apa-apa wang yang kena dibayar kepada KWSP.

Fasal 14 bertujuan untuk memotong seksyen 40 memandangkan peruntukan seksyen 41 akta yang sama adalah mencukupi untuk meliputi tiap-tiap majikan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 Akta 125.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda seksyen 41 bagi membolehkan Lembaga menetapkan tempoh di bawah kaedah-kaedah KWSP.

Fasal 16 bertujuan meminda seksyen 43 bagi membolehkan caruman bulanan dihadkan kepada jumlah tertentu.

Fasal 17 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 44A bagi membolehkan mana-mana orang yang ditetapkan oleh lembaga menambah simpanan seseorang ahli kumpulan wang.

Pindaan ini bertujuan untuk menambah nilai simpanan pesara ahli.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 45 bagi membolehkan Lembaga membuat pengiraan dividen bagi caruman tertunggak dengan sewajarnya.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda seksyen 49 untuk membolehkan Lembaga menentukan kadar faedah dan cara pengiraan faedah ke atas tunggakan caruman.

Fasal 20 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 50(2B) dan (2C). Subseksyen baru 50(2B) yang dicadangkan memperuntukkan bahawa tidak ada apa-apa caruman dan tiada dividen dikreditkan ke dalam akaun seseorang ahli selepas ahli itu mencapai umur 75 tahun. Ini adalah selaras dengan cadangan ahli yang bekerja mencarum sehingga mencapai umur 75

tahun. Subseksyen baru 50(2C) adalah untuk membolehkan lembaga mengkreditkan apa-apa caruman sebahagian yang diterima dari seorang majikan ke dalam akaun ahli yang terlibat.

Fasal 21, bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 51A, bagi membenarkan Lembaga untuk memindahkan wang yang ada pada kredit ahli kumpulan wang yang telah mencapai umur 80 tahun kepada pendaftar tidak dituntut jika wang itu tidak dituntut 5 tahun selepas umur pencaruman wajib.

Fasal 22 bertujuan memasukkan bahagian baru VA, seksyen baru 53A adalah untuk membenarkan kredit seseorang ahli dalam kumpulan wang dipindahkan ke dalam akaun penerima yang dinamakan dalam suatu perintah akta perkahwinan. Sekiranya mahkamah memerintahkan bahawa sebahagian kredit dalam akaun ahli itu adalah merupakan harta perkahwinan. Seksyen baru 53B adalah untuk memperuntukkan bahawa akaun yang dipindahkan di bawah subseksyen 53A(1) hanya boleh dikeluarkan jika penerima meninggal dunia telah mencapai umur 55 tahun, atau hilang upaya atau bukan warga negara Malaysia dan akan meninggalkan Malaysia.

Fasal 23, bertujuan untuk meminda seksyen 54, antaranya bagi membenarkan pengeluaran tanpa syarat oleh seseorang bukan warga negara Malaysia yang akan meninggalkan Malaysia. Membolehkan seseorang ahli membuat penamaan bagi maksud pembayaran kredit selepas kematian ahli itu bagi membolehkan ahli membuat sesuatu pengeluaran bagi membantu pasangannya yang telah mengambil pinjaman perumahan untuk menyelesaikan atau mengurangkan pinjaman perumahan itu tanpa perlu didaftarkan sebagai tuan punya bersama rumah.

Bagi membolehkan seseorang ahli yang mempunyai kredit melebihi RM1 juta untuk membuat pengeluaran tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh ditetapkan oleh Lembaga dan bagi membolehkan seseorang ahli untuk mengeluarkan sebahagian daripada kreditnya untuk tujuan mengambil suatu polisi insurans kesihatan yang ditentukan oleh Lembaga daripada syarikat yang diluluskan oleh menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 24 bertujuan untuk meminda seksyen 54A, bagi mengadakan peruntukan bahawa bayaran dividen bagi apa-apa pengeluaran akan dibayar atau dikreditkan ke dalam akaun seorang ahli kumpulan wang mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Fasal 25 bertujuan untuk meminda seksyen 54C bagi menjelaskan tanggungan untuk terus mencarum bagi seseorang pekerja di bawah perkhidmatan kerajaan yang telah dikorporatkan dan yang telah membuat pengeluaran di bawah subseksyen (1) atau (2) tanpa perlu mengemukakan suatu notis untuk mencarum semula kepada Lembaga.

Fasal 27 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 55A untuk memberi suatu pilihan kepada ahli yang telah mencapai umur 55 tahun untuk membuat pengeluaran kredit mereka di kumpulan wang sama ada secara keseluruhan atau sebahagian. Memandangkan mereka

dibenarkan untuk mengeluarkan keseluruhan atau sebahagian kredit apabila mereka mencapai umur 55 tahun, pengeluaran atas alasan hilang upaya, meninggalkan Malaysia dan apa-apa pengeluaran sebahagian di bawah seksyen 54(6) tidak terpakai.

Fasal 28 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 57A untuk mengehadkan tempoh untuk mempertikaikan ketetapan amaun yang dikeluarkan atau kesahihan sesuatu pengeluaran oleh mana-mana orang atau ahli kumpulan wang.

Fasal 29 bertujuan untuk meminda seksyen 58 bagi membolehkan Lembaga mengguna budi bicara untuk membayar amaun tambahan bagi apa-apa pengeluaran yang dibuat atas sebab kematian atau hilang upaya tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan oleh Lembaga.

Fasal 30 bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 59(c) berhubung dengan suatu kesalahan mengemukakan dokumen palsu. Fasal ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (2),(3),(4),(5) dan (6) untuk mencegah kes penipuan pengeluaran.

Fasal 31 bertujuan untuk meminda seksyen 63 bagi memberikan mahkamah kuasa memerintahkan seseorang majikan untuk membayar balik kepada pekerja syer majikan apabila majikan itu disabitkan dengan kesalahan di bawah subseksyen 47(2).

Fasal 32 bertujuan untuk meminda seksyen 64 untuk membolehkan suatu caruman dituntut berdasarkan kepada suatu perakuan yang diperakui dengan sewajarnya oleh seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga tanpa perlu mengemukakan rekod upah majikan semasa perbicaraan di mahkamah.

Fasal 34 bertujuan memasukkan seksyen baru 70G untuk membenarkan seseorang pekerja bukan warganegara Malaysia dan majikannya menghentikan pencaruman bagi dua bulan terakhir sebelum tamat tempoh pas pekerja itu atau sebelum tamat apa-apa tempoh lanjutan pas pekerja-pekerja itu.

Fasal 35 bertujuan untuk meminda seksyen 71 bagi memberi menteri kuasa untuk membuat peraturan bagi menetapkan apa-apa perkara berhubung dengan pengambilan suatu polisi insurans kesihatan, caj atau fi yang kena dibayar kepada lembaga dan mengadakan peruntukan bagi larangan penggunaan nama dan lambang kumpulan wang.

Fasal 36 bertujuan bagi meminda seksyen 73 bagi memberi Lembaga kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan suatu polisi insurans, kesihatan dan pemindahan kredit akaun penerima harta perkahwinan.

Fasal 37 bertujuan untuk meminda jadual pertama dengan memasukkan perenggan baru 13, bagi memasukkan mana-mana orang yang telah mencapai umur 75 tahun ke dalam senarai orang yang bukan merupakan pekerja di bawah akta ini. Pindaan ini adalah selaras dengan cadangan mengehadkan umur mencarum sehingga 75 tahun.

Fasal 38 bertujuan untuk meminda jadual ketiga, untuk mengadakan peruntukan kadar caruman yang baru dan untuk mengadakan peruntukan bahawa Lembaga boleh mengehadkan amaun, upah dan caruman yang kena dibayar kepada KWSP.

Fasal 39 pula mengandungi peruntukan kecualian dan perolehan. Pindaan lain adalah merupakan pindaan-pindaan kecil dan sampingan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, adalah penting bagi memperkemas dan melicinkan lagi urusan pentadbiran KWSP serta memantapkan lagi tindakan penguatkuasaan di samping dapat mengurangkan kos pentadbiran. Sehingga ini menyebabkan penambahbaikan ke atas lima perkara utama iaitu akaun, caruman, pengeluaran, pengagihan simpanan selepas kematian dan tuntutan harta perkahwinan ahli selaras dengan perkembangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda akta kumpulan wang simpanan pekerja tahun 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**5.38 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan satu Rang Undang-undang bernama Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Tahun 1991. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang dianggap tidak selaras dengan semangat dan untuk meminta akta induk iaitu Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, kerana setiap pindaan hendaklah memberikan kebaikan kepada para pekerja yang terlibat.

Walau bagaimanapun saya bersetuju beberapa pindaan dasar terhadap akta ini yang diperkenalkan melalui rang undang-undang ini. Yang pertama, pindaan ke atas tarif amaun tambahan dengan menggantikan perkataan 'kena' dengan perkataan 'boleh' yang membolehkan Lembaga KWSP dengan budi bicaranya mempunyai pilihan untuk tidak terikat untuk membayar sesuatu amaun tambahan kepada ahli-ahli bagi sesuatu pengeluaran. Peruntukan ini sebenarnya menyelamatkan KWSP dari bertanggungjawab untuk membuat pembayaran amaun tambahan dan boleh diubah jika dikehendaki tanpa boleh dipertikaikan oleh ahli-ahli.

Yang kedua, saya mendapati struktur panel pelaburan telah disusun semula dengan mengadakan jawatan timbalan pengerusi yang mana kita ketiadaan pengerusi, maka beliau boleh menjalankan tugas pengerusi. Semua pihak mengetahui bahawa panel pelaburan adalah bertanggungjawab ke atas wang caruman ahli-ahli yang disalurkan kepada tanah pelaburan yang terdedah kepada risiko tinggi.

Rekod pelaburan KWSP sebelum ini tidak menunjukkan akaun pelaburannya memberangsangkan seperti terbukti tanam katar dividen tahunan yang rendah kadar caruman yang diumumkan pada setiap tahun. Cadangan pindaan untuk membolehkan Lembaga KWSP menyertai pelaburan *derivative* termasuk pinjaman mata wang asing adalah berisiko tinggi. Jika pelaburan asing terjebak dalam kejatuhan nilai mata wang asing ia memberi kesan yang negatif yang sungguh mendalam. Oleh itu amat perlu panel pelaburan ini bersikap telus dan ambil kira komen dan urusan orang ramai ahli dan pakar tentang bahaya yang bakal dihadapi sesuatu pelaburan. Saya ingin mencadangkan supaya KWSP menerbitkan buku laporan pelaburan penuh yang dibuat untuk semakan dan ketahuan ahli-ahli supaya mereka tidak berada dalam kesamaran mengenai sesuatu pelaburan.

Yang ketiga, bagi mengeluarkan wang ahli yang dibuat untuk masuk pelaburan bila sampai umur 55 tahun yang mana Lembaga tidak bertanggungjawab, tetapi ahli itu boleh terus berurusan dengan badan pelaburan terbabit. Ini dinamakan melepaskan tanggungjawab. Lembaga perlu mengambil perhatian jika mana-mana pelaburan ahli-ahli menemui masalah.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua cadangan pindaan membenarkan ahli-ahli 55 tahun membuat caruman pada kadar lebih rendah dan memilih sendiri cara mengeluarkan caruman yang matang. Sama ada membuat pengeluaran penuh atau peratusan tertentu, saya sambut baik langkah ini kerana ia terus menjadi dana persaraan yang berwibawa yang menjadikan sandaran para pekerja yang berusia lanjut menggunakan amaun caruman mereka untuk masa depan tetapi apa yang terjadi akaun wang tidak dituntut di mana wang tersebut tidak menerima dividen lagi.

Saya bersetuju dengan langkah KWSP untuk meminta kerjasama ketua polis negara bagi menghalang mana-mana majikan atau individu yang menyebabkan amaun caruman para pekerja tidak dibayar ke dalam akaun KWSP termasuk mengarahkan mereka membayar faedah ke atas tunggakan caruman. Saya masih ingat, bahawa ramai pekerja yang tertindas bila mana majikan mereka melepaskan diri dan enggan membayar caruman KWSP yang tidak dapat dikesan oleh KWSP. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa berapa ramai pekerja yang seumpama ini yang terlibat termasuk bilangan majikan pengarah mereka yang enggan membayar caruman bila mereka membubarkan syarikat perdagangan dan kilang mereka sepanjang 10 tahun ini. Ini kerana menurut laporan media tidak banyak majikan yang di bawah ke muka keadilan atas kesalahan mereka selama ini. Saya percaya masih banyak majikan yang mengabaikan tanggungjawab mereka ke atas para pekerja.

Kelima, Tuan Yang di-Pertua saya ingin membangkitkan langkah KWSP yang membenarkan ahli memilih caruman dan mengeluarkan bila umur 55 tahun. Ini adalah untuk mengekalkan dana caruman dan pelaburan terus kukuh dan bertambah di samping dapat menjamin dana ahli dihabiskan dalam tempoh singkat tetapi ia hanya setakat berumur 75 tahun

sahaja. Selepas itu, caruman akan di limit ke dalam akaun wang dituntut apabila mencapai umur 80 tahun.

Pada logiknya tidak ramai ahli yang akan memilih untuk terus menyimpan dalam KWSP selepas umur bersara. Melainkan KWSP menyediakan satu pakej *annuity* yang menarik kepada ahli-ahli supaya pelaburan mereka terjamin selamat, mendatangkan pulangan yang baik dan lumayan dan ia merupakan satu pendapatan selepas bersara. KWSP juga hendaklah mencebur diri untuk menjadikan akaun 10% yang disediakan akaun mengeluarkan bagi perubatan dipergunakan sebaiknya.

Ini bukan sahaja dikeluarkan untuk menampung sebahagian kos sahaja, perubatan digunakan sebaiknya bukan sahaja dikeluarkan untuk menampung sebahagian kos sahaja. Gesaan banyak pihak supaya KWSP menjadi *underwriter* bagi insurans kesihatan ahli-ahli memanglah baik dan perlu diterokai bukan setakat menjadi pembayar premium insurans kesihatan seseorang ahli. Bukan sahaja mengeluarkan lagi masuk membiayai pinjaman perumahan yang kini diperluaskan kepada ahli keluarga yang lain tetapi pembiayaan pelajaran tinggi dan insurans kesihatan. Di mana kos perubatan semakin tinggi dan di luar kemampuan para pekerja atau pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, keenam saya menyambut baik langkah mengadakan peruntukan dalam rang undang-undang bahawa mahkamah boleh memerintahkan sebahagian kredit dalam akaun ahli merupakan harta perkahwinan. Yang mana jika berlaku penceraian pasangan boleh membuat tuntutan ke atas harta tersebut. Yang mana sebelum ini ramai ibu tunggal menjadi mangsa keadaan dan di mana suaminya terus bersenang lenang dengan perkahwinan baru. Manakala mereka terus susah payah meneruskan hidup bersama anak-anak yang perlu ditanggung.

Dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, orang pertama yang diberi peluang. Yang Berhormat bagi Jerai sudah siap sedia kah?

**5.49ptg.**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Siap sedia Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Sri Gading belum siap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua seperti yang kita semua sedia maklum EPF atau pun *Employees Provident Fund* yang telah dijual kepada kerajaan dan pindaan yang ada pada hari ini adalah amat baik sebagai penyambung hidup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi Setiausaha Parlimen mengemukakan huraian Yang Berhormat ada ikut tidak?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya sebelum *take off* Tuan Yang di-Pertua, kita kena ada sedikit...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan tadi bila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengemukakan huraian, Yang Berhormat ada mengikuti apa yang...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ..Ada, baik. Sebab saya nampak Yang Berhormat tutup matalah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya sedang memikirkan apa yang hendak dicakapkan apabila Yang Berhormat membentangkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa itu Yang Berhormat tutup mata. Sama ada tidur atau tidak tidur itu saya tidak tahulah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tutup mata tidak semestinya tidur Tuan Yang di-Pertua, dia mungkin memikirkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya bersetujulah. Yang Berhormat fikir macam mana hendak bahas. Baik, sila. ..[Ketawa].

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...[Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mahu dari segi pelaburan EPF ini. EPF mempunyai wang yang begitu banyak hinggan kadang-kadang pihak Lembaga mereka sendiri pun sedang memikirkan bagaimanakah hendak mendapat pulangan kerana apa yang dilaburkan, apa yang disimpan oleh pekerja-pekerja hasil daripada pekerjaan mereka zaman muda sampai mereka pencen, kita kena bayar balik dividen kepada mereka.

Saya hendak mencadangkan kepada EPF, hari ini kita tengok banyak projek-projek besar, projek-projek mega yang menjamin pulangan dan keuntungan kepada kerajaan tetapi kerajaan memberikan kepada syarikat-syarikat tertentu, sedangkan EPF boleh melibatkan diri. Contohnya kita katalah lebuhraya utara - selatan, lebuhraya-lebuhraya yang dibina di seluruh negara kita ini. Apabila kita memberi kepada sesuatu syarikat, syarikat itu terpaksa mengambil pinjaman daripada bank untuk menjalankan projek tersebut tetapi jika EPF melibatkan diri, EPF mempunyai wang yang cukup banyak. Jadi ia tidak perlu meminjam untuk membuat projek-projek infrastruktur atau projek-projek lain yang menjamin keuntungan kepada EPF itu sendiri.

Hari ini kalau kita lihat pembangunan Johor, pembangunan Iskandar. Projek mega yang besar akan dibangunkan di kawasan tersebut. Sekarang ini selalunya syarikat-syarikat sama ada syarikat GLC milik kerajaan akan meminjam duit daripada EPF ataupun EPF akan memberi pinjaman untuk mereka menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan. Jadi kadang-kadang pelaburan mereka tidak menjadi dan ini merugikan kepada pelabur-pelabur.

Jadi saya berharap sangat kepada pihak EPF, kepada lembaga EPF ini, daripada pengurusnya supaya memikirkan cara untuk kita mendapat pulangan yang lebih besar kepada pelabur-pelabur EPF ini. Kita harap tidak sepatutnya berpuas hati dengan apa yang ada pada hari

ini. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua menyimpan itu dia buat keluar duit untuk pendidikanlah, duit untuk perumahanlah, duit untuk perubatanlah. Hujung-hujung apabila dia bersara, apa pun tidak ada.

Jadi patutnya pihak EPF dari segi perumahan contohnya, apa salahnya pihak EPF melibatkan diri dalam perumahan dan membantu ahli-ahlinya, penyumbang-penyumbang kepada EPF ini untuk memiliki rumah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi Yang Berhormat minta EPF buat lebuh raya, EPF buat perumahan. EPF buat semuanya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Bukan Tuan Yang di-Pertua, EPF juga kena mesti pemikiran perniagaan untuk mendapat pulangan yang besar. Ini duit banyak beratus bilion ada dekat mereka. Mereka bagi pinjaman kepada orang untuk berniaga sedangkan apa salahnya, contoh di ibu kota ini apa salahnya EPF melaburkan dalam bidang perumahan dan ahli-ahli diberi peluang untuk memiliki rumah tersebut dengan mengambil duit daripada pinjaman ini.

Jadi apabila mereka beli hari ini sepuluh tahun akan datang, lima belas tahun akan datang sebelum mereka bersara, kos rumah ini akan naik. Ini akan menguntungkan mereka. Dua kali untung. Untung pelaburan hari ini kalau rumah itu hari ini dia beli dalam RM200,000, apabila 10-15 tahun dia bersara mungkin rumah itu sudah menjadi RM500,000. Jadi kita harus memikirkan apakah yang benar-benar boleh memberi keuntungan kepada penyumbang EPF ini. Kita tidak boleh duduk fikir kita bagi, kadang-kadang ada pelaburan yang EPF buat rugi hari ini tidak mendatangkan pulangan. Jadi ini merugikan penabung.

Tuan Yang di-Pertua ini secara tidak langsung penabung yang kerajaan kita buat untuk memastikan apabila mereka bersara sekurang-kurangnya depa ni ada duit, tetapi kita kena ingat juga dalam kita melaburkan di dalam amanah saham dan sebagainya, pulangan-pulangan tahunan ini meningkat. Kadang-kadang kita tengok Bank Rakyat sampai 15%, Amanah Saham Nasional, amanah saham itu dan ini meningkat dan kita hendak pihak EPF begitu juga supaya ini akan memberi sumbangan tambahan kepada penabung-penabung EPF ini.

Dulu saya difahamkan bahawa EPF akan melabur di luar negara kita. Saya hendak tahu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kita, berapa banyak sudah kita melabur di luar negara dan berapakah pulangan-pulangan yang telah kita dapat pada hari ini? Saya juga ingin tahu daripada pihak kerajaan, pelaburan-pelaburan ataupun pinjaman-pinjaman kewangan yang diberi oleh pihak EPF ini berapa banyak kah yang sudah menguntungkan dan berapa banyak kah yang merugikan? Kita hendak ambil tahu Tuan Yang di-Pertua kerana setiap orang yang melabur ini mereka harus diberi satu informasi yang tepat. Kadang-kadang mereka melihat pelaburan yang dibuat oleh EPF itu tidak menjamin keuntungan kepada mereka.

Cuba Tuan Yang di-Pertua fikir kalau Lebuh Raya Utara Selatan kita buat. Lebuh Raya Pantai Timur EPF terlibat. Saya ingat hari ini tidak payah kita dok bayar tambang tol sudah. Fasal

kita duduk tengok hari ini menteri jawab kerajaan kena memikirkan, membayar sama bank-bank dia kata. Pinjaman bank dia kata. Bank kena bayar, hendak *service interest*. Ini menteri duduk jawab dalam Parlimen saya dok dengar tetapi kalau EPF sendiri pakai duit dia, hari-hari penabung-penabung menabung dalam tabung dia. Setiap kali dia jumpa tol dia seronok, dia kata aku menabung. Sampai tol sana pun saya menabung. EPF untung saya untung. Jadi kalau dia kena bayar dua ringgit, kurang-kurang dia sudah untung se kupang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tambang ini bayaran tambah pun tidak apalah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sikit-sikit dia tidak tambah banyak fasal dia tidak pinjam bank. Dia ada duit sendiri dengan izin... [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] Maknanya EPF ada duit, dia tidak payah pinjam dia gunalah duit dia. Apa fasal susah? Lagi senang. Sekarang syarikat itu dia pinjam bank, pengguna jalan raya kena bayar faedah dekat dia kemudian dia untung. Mana ada jalan Tuan Yang di-Pertua. Untung dia ambil, faedah bunga kita tolong bayar dekat dia. Tunjuk syarikat lebuhraya yang kata depa hendak naik tol ini saya tengok dia punya penyata kewangan tidak rugi pun. Dok untung pun. Jalan daripada Butterworth sampai ke Pulau Pinang, sampai ke Ipoh. Kadang-kadang kalau kita naik orang hendak beranak, boleh beranak dalam kereta Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kita sekarang berada di Kementerian Kewangan bukan JKR.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, saya hendak cerita Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat sebut fasal EPF, saya teringat semasa kita sama-sama duduk dalam satu majlis. Kita diberitahu bahawa duit yang ada di EPF terkumpul sekarang adalah lebih daripada RM260 bilion. Setiap bulan yang terkumpul mungkin melebihi RM10 bilion duit masuk tetapi duit ini kemudiannya dilaburkan begitu dan kita tidak berapa tahulah. Seperti Yang Berhormat sebut tadi kalaulah wang ini dilaburkan kepada projek yang boleh memberi keuntungan besar kepada pelabur seperti di TNB yang ungunya RM1 bilion, Telekom *first quarter* RM400 million, PLUS RM1 bilion dan GLC yang lain. Tentu sekali seperti mana Yang Berhormat bagi Jerai kata tadi keuntungan akan balik kepada kita pencarum.

Apa yang saya hendak tanya kepada Jerai kenapa kerajaan tidak berbuat demikian Yang Berhormat? Kita tahu benda itu ada untung, kita tahu projek itu pulangnya besar tetapi kita tidak ambil duit yang sepatutnya kita ambil. Kita membiarkan syarikat lain. Hari ini kita tengok YTL dapat satu bilion untuk membersihkan sungai, belum tahu ada pulangan. Tidak apalah dia *company*. Boleh Yang Berhormat beri penjelasan atau hurai sedikit mengenai keadaan ini. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Ketereh. Ini yang saya dok *habaq* Yang Berhormat bagi Ketereh, yang saya dok cerita ke kerajaan ini yang dok tolong beritahu ke setiausaha Parlimen, saya tidak faham. Duit ada, pengalaman ada, kebolehan ada, kalau tidak ada kita pergi cari, kita upah, kita beli. Tidak pun kita pergi ambil dekat orang suruh melabur. Kemudian kalau untung RM1, ambil dekat hang se kupang depa ambil sembilan kupang. *90 cent*, kita ambil *10 cent*.

Jadi Ketereh saya sendiri tidak memahami. Ini kita hendak bangun, bangun benda-benda di negara-negara yang maju Tuan Yang di-Pertua. *Employee Provident Fund* ataupun EPF ini, badan depa di negara depa pun ada juga, boleh dikatakan projek-projek infrastruktur untuk rakyat yang menguntungkan rakyat ini, EPF inilah yang melabur dan menjalankan. Sekurang-kurangnya kita boleh bagi pekerjaan.

Sudah tentu Tuan Yang di-Pertua kita tengoklah projek, contohnya kalaulah kita kata lapangan terbang. Satu-satu sahaja lapangan terbang, KLIA contohnya. Pasal apa EPF tak boleh buat? Bukan tang lain dah. Kalau hendak datang Kuala Lumpur turun di situ. Kapal terbang tidak boleh turun tang lain. Tak kan hendak turun di Sungai Besi. Dia kena turun tang tu. Jadi benda ini EPF buatlah.

Macam tadi hendak buat apa? Hendak buat kereta api. Kita hendak buat kereta api kembar yang menguntungkan, yang boleh menggunakan keuntungan kepada rakyat. IPP yang buat karan, *power*. Yang buat *power*, jual kepada IT, anak Tenaga Nasional, ini pi bagi dekat syarikat, jadi *billionaire* kawan itu tak tentu pasai. Ini yang rakyat melabur ni cuba bagi dekat depa?

Telefon, *cellular phone*. EPF melabur. Tak cukup lembaga pengarah yang cerdik, ambil kami yang dok ada ni. Ketereh boleh, Ipoh..., Ipoh Barat tak payahlah dia duduk belah sana. *You* dok belah ni kita boleh bagi dekat dia peluang. Seputeh susah, dia banyak cakap, susah nanti pening pot pula. Hah, dia *nyet, nyet, nyet*, dia pot *penin* kerja tak jadi. Sri Gading boleh, Batu Kawan pun boleh. Pasai orang macam ini, batu pun dia berkawan, kira baguslah... [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu pihak EPF ini merubah cara pemikiran, negara membangun, dunia membangun. Kita bercakap pasai kita nak jadi *world class*. Tau tau duit ada, ahli lembaga tak reti nak *pikiaq*, nak buat apa dengan duit...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bilakah hendak balik kepada pindaan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, hendak balikkah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh, boleh kita balik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya hendak balik kepada had umur 50 tahun iaitu 27, Akta ibu pengeluaran daripada EPF ini. Hak ni saya nak balik sat lagi, tetapi sebelum nak balik Tuan Yang di-Pertua, kita kena perbetul EPF ini, bagi ada duit.

Duit ada, sebenarnya Ketereh, dekat RM3 bilion duit, RM300 bilion duit yang ada dekat EPF tetapi sayanglah EPF jadi sebagai peminjam. EPF ini dia macam bank yang meminjam duit, orang untung seringgit kita untung se kupang. Orang rugi, kita tumpang rugi sama, jadi kita *pikiaq* sampai dah masa sekarang apabila kerajaan hendak membangunkan negara kita ini macam hendak membangunkan Johor, hendak membangunkan Koridor Utara Selatan dan sebagainya, kalau ada projek-projek *independent power plan* lagi kalau hendak ditubuhkan, yang sudah tahu menjamin keuntungan, yang kerajaan sendiri hendak beli, yang rakyat hendak guna, pihak EPF kena *pikiaq* macam mana mereka hendak menjalankan perniagaan ini.

Tak susah Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia hari ini kita tak payah pakai *expatriate* lah. Kita la ini dok jadi *expatriate*, pi keluar negara dok bantu negara-negara Sudan, negara-negara lain. Petronas ada beli minyak, syarikat minyak dia rata pelosok dunia la ni. Di Indonesia, di Thailand pun Petronas ada beli, pasai apa hari ini EPF, kita ada anak-anak kita, anak Malaysia yang berkelulusan. Ambil depa duduk dan EPF mula, tak boleh mula *besaq*, mula kecik-kecik dahulu untuk mencuba ataupun untuk melibatkan diri *direct* dalam perniagaan yang menjamin keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang contohlah macam Yang Berhormat bagi Ketereh bagi pandangan, *independent power plan* ini. Kita sekarang bagi kepada syarikat-syarikat yang dok ada. *Public listed* lah, tak *public listed* lah, sedangkan kita tahu dia buat karan, dia buat *power* dia jual dekat Tenaga Nasional. Dia tak jual dekat orang lain dah dan Tenaga Nasional kena beli.

Hari ini, apabila kerajaan jumpa balik syarikat-syarikat ini untuk berbincang supaya menurun sedikit kos harga *power* yang mereka jual kepada Tenaga Nasional depa kata *while lets go back to the agreement*, balik kepada perjanjian. Mereka tak hairan. Dia terikat dengan perjanjian, setuju tak setuju kena beli walau pun harga pasaran mungkin harga pasaran sudah menurun ataupun kerajaan hendak menurunkan sedikit tarif supaya rakyat tidak menanggung penderitaan dari kos kenaikan harga api, tidak ada rundingan kerana depa syarikat tetapi kalau EPF yang menjalankan perniagaan tersebut, EPF buat *independent power plan* sudah tentu pihak EPF kalau berunding dengan kerajaan, kita boleh bertolak ansur kerana kalau harga tarif api itu turun, yang hendak untungkan juga rakyat yang melabur ahli-ahli yang bekerja yang bayar, yang potong gaji dan sebagainya ini.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, penswastaaan *ayaq-ayaq* ini..., *water*. Ini semua peluang-peluang yang ada tetapi tidak digunakan. Kalau hendak kena pinda akta, pinalah. Ini pun kita hendak pinda banyak akta ini. Pasai hendak *keluaq* umur 55 tahun dan sebagainya. Yang ini kena Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan sahabat saya daripada Bukit Bintang tadi, tentang penama kepada isteri dan anak-anak ini. Sekarang ini orang banyak mati terkejut. Tengah gelak seronok pun tahu-tahu dia mati. Ini mati tuan *alah (Allah)* punya kerja

Tuan Yang di-Pertua. Tengah dok bahas pun kadang-kadang dia boleh terkejut, boleh pi. Ini kira nasib.

Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta supaya pihak EPF memberi kelonggaran kerana kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja harapan duit yang ada. Hak gaji yang pekerja-pekerja ini dapat hanya cukup makan, cukup makanlah. Orang kata kalau dapat gaji RM700 bayar duit rumah sikit, *hantaq* duit belanja makan, itu ini sikit, cukup makan sahaja. Kadang-kadang bila gaji lambat, duit tak ada. Kadang-kadang kerajaan umum..., nasib baik kerajaan umum, kerajaan kita bagi umum bonus, sebab itu kerajaan umum bonus dekat raya, umum bonus dekat sekolah hendak buka kerana waktu inilah orang yang gaji, pendapatan rendah ini hendak dapat. Sekurang-kurang dapat bonus itu bolehlah dia raya sikit. Dia dapat bonus ini dia boleh beli baju-baju anak dia nak pergi sekolah ataupun belanja sekolah dan sebagainya.

Saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua, bahawa bayaran untuk ibu tunggal ataupun kematian isteri dan anak-anak harus dipercepatkan dan EPF ambil satu insurans khairat kematian juga...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai atas cadangan yang sungguh-sungguh menyentuh perasaan. Saya mimpikan EPF ini memberi dividen melebihi 10%. Kita tengok di antara bank yang memberi dividen yang banyak sekarang ialah Bank Rakyat. Harta Bank Rakyat sebenarnya sangat sedikit kalau dibandingkan dengan EPF dan Bank Rakyat adalah sebuah bank yang tidak besar. Banknya kecil tetapi bagaimana pentadbiran Bank Rakyat ini boleh memberi dividen sehingga 15%, 20% dan ini berlaku bukan dalam satu tahun telah bertahun-tahun daripada dahulu sampai sekarang.

Sehingga sekarang ini kita tidak dibenarkan lagi masuk mencarum wang dalamnya kerana cukup dengan dana yang ada, kecil. Yang menghairankan saya ialah EPF yang mempunyai dana yang begini besar. Sebenarnya EPF boleh telan pun Bank Rakyat ini dengan duit yang ada dia boleh telan sahaja. Tak payah telan RHB pun telan Bank Rakyat sahaja. Itu yang saya pelik sedikit daripada RHB dan Bank Rakyat, RHB dipilih. Tak apalah itu soal pelaburan yang tentunya jawatankuasa yang telah memikirkan.

Jadi saya hendak tanya Jerai ialah bolehkah Jerai cuba berikan satu penerangan bagaimana mungkin pentadbir di EPF ini tidak terfikir dan tidak termimpi untuk memberi dividen seperti Bank Rakyat dengan perniagaan yang ada sebab wangnya terlalu banyak untuk dilaburkan dan projeknya terlalu banyak untuk dilabur. Kita tidak perlu meminjam daripada yang lain tetapi kalau EPF kekal menjadi pemberi pinjaman, dia hanya akan dapat 4%, 3% atas *rate* biasa, tetapi kalau dia melabur, tentunya pulangnya 70: 30%, 80: 20%, sebagainya mengikut sistem mudarabah, *bithaman Ajil* dan sebagainya. Pohon penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya bersetuju Yang Berhormat bagi Ketereh. Contohnya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentang Rancangan Malaysia Kesembilan, tidak adakah pakar-pakar ekonomi dalam EPF ini boleh duduk fikir, berapa peratus kita hendak ambil daripada program Rancangan Malaysia Kesembilan, projek-projek yang boleh diambil.

Di samping ia mengaut keuntungan, ia pula boleh menjadi payung untuk membangunkan ekonomi syarikat-syarikat lain pasal ia ada modal. Kadang-kadang kita lebih bangga bawa masuk syarikat luar untuk menjadi syarikat induk besar yang kononnya kita hendak global sedangkan peruntukan duit dalam negara kita ini ada. Pasal apa kita tidak hendak syarikat-syarikat besar lain masuk? Kita boleh buat. Jadi fikirkan apakah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, yang kerajaan hendak buat, yang boleh EPF lakukan untuk mendapat keuntungan?

Yang Berhormat, saya hendak balik semula pada yang tadi. Apa salahnya pihak EPF, selain daripada memberi bonus ataupun pulangan tahunan, apakah EPF tidak boleh mengambil insurans khairat kematian kepada penabung-penabungnya? Apabila mati, dia boleh bagi duit untuk isteri dan anak-anak dia. Apakah EPF juga tidak boleh mengambil insurans perubatan kepada ahli-ahli dia, untuk membantu ahli-ahli dia yang sakit. Ini dia dapat jimat duit itu, apabila dia sakit ambil duit itu. Potong duit simpanan dia.

Jadi, akhirnya apabila dia bersara dengan tidak ada duit. Jadi, yang ini semua kena fikir, takkan EPF tidak boleh fikir, dah duit banyak? Hendak ambil insurans, *cover* penabung-penabung dia. Kalau sakit kronik dan sebagainya, insurans yang bayar, bukan dia bayar tetapi dia hanya bawa keluar. Inilah orang kata, khidmat di atas penabungan orang yang menabung. Ini kalau kita hanya menabung dan kita hendak mengharapkan dividen.

Penabung ini pula kalau tidak menabung salah dan saya bersyukur kerajaan pula tolong *top up*. Berapa peratus Yang Berhormat bagi Ketereh? Kerajaan bagi, kita bagi, syarikat bagi... [Disampuk] 11% pula tambah dan sebagainya. Ini bagus tetapi apa salahnya kalau yang macam saya katakan tadi, khairat kematian, insurans perubatan untuk menjamin penabung-penabung ini. Jadi, mereka adalah nikmat sikit. Macam yang saya kata tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya pun sedang menunggu daripada pihak kerajaan untuk mengumumkan...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Putatan bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Putatan bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, Yang Berhormat bagi Putatan. Sila.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah-hujah yang diutarakan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jerai ini yang memang fasih soal insurans. Mungkin beliau juga ada terlibat dengan insurans ini, yang mana yang mencadangkan supaya pihak EPF ini dapat melihat kepentingan para pelabur ataupun pencarum di EPF apabila ada kematian dan sebagainya.

Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat, saya ada sedikit masalah, benda ini sesuatu untuk kita kongsi bersama. Soal sukarnya apabila seseorang meninggal dan EPF ini yang didaftar semasa pencarum itu bujang dahulu dan nomini ataupun benefisiari pada seseorang pencarum itu atas nama bapa dan emak seseorang. Selepas dia mencarum beberapa tahun, tidak kira dia kahwin atau tidak, tiba-tiba dia meninggal. Macam kes yang macam ini.

Jadi, apabila kita tuntutan sumbangan-sumbangan kepada EPF ini, sukar sedikit. Kita perlu mengisi Jadual 3 dan sebagainya. Ini agak menyusahkan. Kenapa tidak dipermudahkan? Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan ini untuk kepentingan. Ini mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuklah Tuan Yang di-Pertua sendiri akan mengalami masalah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan, soalan?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini minta penjelasan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, duduklah. Cukup, 'Yang Berhormat Menteri', sila jawab.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Jadi, saya minta penjelasan daripada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jerai, bagaimana kalau kita cadangkan kepada pihak EPF supaya menyenangkan lagi prosedur-prosedur tuntutan ini?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Putatan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Putatan. Saya hendak kalau boleh EPF setiap tahun menghantar penyata kepada penyumbang-penyumbang ini. Saya terima penyata yang bekerja. Jadi, apa salahnya sekarang ini sistem *computerize*, selitkan di situ supaya mengingatkan ahli-ahli EPF ini, penabung-penabung EPF ini tentang penama. Tidak salah kita mengingatkan.

Kadang-kadang kita letak nama sekian-sekian tetapi isteri kita meninggal atau bapa kita meninggal, kita terlupa begitu dan apabila kita mati, macam-macam masalah, kena naik turun mahkamah dan sebagainya. Jadi, masuk dan selit sedikit dalam penyata itu memperingatkan penama-penama kepada ahli-ahli penabung EPF ini. Ini harus kita fikirkan bersama. Memperingati. Bukanlah habis sangat, di sistem komputer itu. Di kertas penyata tahunan yang dihantar kepada setiap ahli-ahli penabung ini, tulis di situ, anda diingatkan, harus diingatkan penamanya.

Kadang-kadang, maklumlah semasa dia bujang tidak menikah lagi, dia sudah melabur ataupun menabung. Tau-tau dia ralit, selepas dia mati tengok-tengok tiada penama. Kadang-kadang dia letak nama emak bapa dia, dia kahwin, anak ada sepuluh orang. Duit! Kadang-

kadang emak bapa dia bukan bagi dekat isteri ini, balu ini. Sudah susah pula anak ini. Dia kata, anak aku bagi kat aku, letak nama saya, buat apa hendak bagi kat anak cucu? Duit, Tuan Yang di-Pertua.

Duit ini bukan kira sebab itu kita kena jaga. Kita kena selalu memperingatkan. Tulislah setahun sekali, bukannya banyak sangat. Macam *bank statement*, kadang-kadang dia ingat ataupun apabila kita ambil *installment* kereta, dia ingatkan tetapi kalau sudah bayar tidak apalah. Kalau tidak bayar 14 hari, kena bayarlah. Itu bukan salah. Memperingati.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya tengok bagi yang bergaji kecil ini, saya menunggu dan ramai yang menunggu supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri umumlah sedikit ataupun kenaikan gaji yang sewajarnya untuk seluruh keluarga kerajaan ataupun rakyat yang bekerja. Ini kerana kita tidak dapat menafikan, Tuan Yang di-Pertua, keadaan hidup hari ini. Saya sendiri baru-baru ini hendak membeli minyak masak, saya hendak tengok betul atau tidak betul. Saya pergi ke empat kedai, saya hendak cari minyak yang dipakai oleh orang yang berpendapatan rendah dan sederhana. Ada dok dalam plastik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Macam mana boleh kaitkan EPF dengan minyak?... [Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Bukan! Saya mahu EPF juga melabur dalam kelapa sawit. Itu yang saya hendak pergi sebentar lagi. Dia kena juga melabur dalam kelapa sawit. Saya pergi kedai besar, saya pergi dalam kedai ini, dia kata minyak tidak ada tetapi minyak dalam botol seperti minyak matahari daripada Amerika, minyak yang mahal-mahal ada, yang itu untuk orang bergaji besar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tiga jam cukup atau tidak bagi berucap

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Panjang, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua suruh berhenti, saya berhenti. Saya cukup hormat dengan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, kalau ada perkara yang baik, bolehlah diteruskan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini baik, Tuan Yang di-Pertua. Ini baik. Fasal apa saya hendak pergi tadi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Balik kepada pindaan, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang muka dua ini, 53B ini - Pengeluaran amaun yang dipindahkan.

**Dato' Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, 'Hulu Langat' hendak minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]:** Kuala Langat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, ya. Hari ini tai merah, Dato'. Dia *scout* punya orang... [Ketawa]

**Dato' Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]:** Saya hendak balik kepada penama tadi. Saya rasakan ini penting, dan adakah Yang Berhormat bersetuju penama ini penting terutamanya bagi orang Islam. Apabila mereka baru berkahwin, penama tidak jatuh kepada isteri. Kadang-kadang mereka lupa. Pada mereka ketika itu penamanya ialah ibu dia. Kes ini telah pun terjadi semasa saya di Kementerian Kewangan dulu, Allahyarham Yang Berhormat Yassin Kamari. Apabila dia meninggal, penama itu ialah penama ibunya dan bukan penama isterinya. Penama dari segi Islam merupakan wakalah, wakil dan hendaklah diberikan kepada Pejabat Agama Islam masuk kepada faraid tetapi oleh kerana penama itu ialah emak dia dan bukannya penama isteri dia, maka banyaklah masalah yang timbul.

Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau misalnya orang-orang Islam, penama ini amat penting dan kita hendak kalau boleh, wakalah ini hendak dimasukkan ke dalam faraid. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya bersetuju, Yang Berhormat, kerana untuk memudahkan. Fasal apa, duit ini, macam yang saya katakan tadi. Bila orang yang bekerja cukup makan, dia hendak harapkan duit EPF ini. Kadang-kadang dia hendak buat rumah pun dengan duit EPF inilah. Saya ingat masa dulu pegawai-pegawai kerajaan, zaman bapa saya kerja berpuluh-puluh tahun dapat pencen mereka katakan hadiah. Dapat hadiah itulah baru boleh buat rumah. Bila sudah buat rumah apa yang ada lagi, harap makan pencen.

Baru-baru ini saya pergi mesyuarat di kampung, mereka minta, "*Dato', tolonglah minta kerajaan bagi gaji minimum RM1000 kepada pekerja-pekerja dan kepada yang berpencen RM1000 supaya kami tidak miskin.*" Pakcik itu seorang, Tuan Yang di-Pertua tahu berapa pencennya? RM108! Sudahlah penat, hendak beritahu saya dapat RM108, *welfare* bagi orang miskin pun RM130 - RM150, yang ini bekerja berpuluh tahun dapat RM108. Apa dia hendak makan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia ada anak yang cerdik sikit tidak apalah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kena anak yang tidak cerdik, dia lagi susah.

Sebab itulah saya berharap, macam di sini tidak berupaya dari segi fizikal atau mental dan yang ada penyakit ini pasal apa EPF tidak boleh bantu mereka dari segi perubatan dan sebagainya? Pasal apa hendak kena ambil duit simpanan dia? EPF dapat untung daripada duit yang kita bagi ini. Yang kita laburkan ini kita dapat untung. Gunakanlah keuntungan ini untuk tujuan perubatan kalau kawan itu sakit. Saya tidak tahulah, adakah EPF beri biasiswa kepada anak-anaknya?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih. Saya sokonglah, Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat itu baik. Kalau untuk kebaikan ke tanah suci, biasiswa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sokong tidak payah cakaplah. Minta penjelasan... *[Ketawa]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Penjelasan, tetapi yang anehnya sejak akhir-akhir ini, ini kita minta KWSP tolong *check*. Cukup serius. Kononnya mereka mengeluarkan duit ini untuk membeli saham, amanah saham dan sebagainya. Masalahnya kalau saham ini begitu rugi, bagaimana? Jadi kita tidak mahu oleh kerana pengaruh-pengaruh seperti ini bukan sahaja merugikan mereka sendiri malah merugikan negara kita dan akibatnya boleh menjejaskan keselamatan negara kita...*[Bercakap dengan suara yang serak]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut, kasihanlah suara pun tidak ada.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** ..Jadi mintalah kepada Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju bagaimana kita hendak mengatasi masalah seperti ini supaya tidak berlanjutan. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat bagi Larut, sebenarnya mereka tidak boleh mengeluarkan duit untuk melabur. Hanya dibolehkan untuk membeli rumah dan perubatan. Dulu kita bagi duit beli komputer, dia balas dengan duit komputer, komputer pun tidak ada.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Betul, Yang Berhormat tetapi masalahnya semasa belum keluar duit, sudah keluar duit dia ikut lain. Itu yang kita tidak mahu. Dulu pembelian komputer memang bagus untuk menggalakkan lagi celik komputer. Kita pun setuju tetapi masalahnya, bila duit dapat ke tangan dengan pengaruh-pengaruh yang lain yang kita tidak boleh kawal. Macam tanah rizab Melayu memang tidak boleh terlepas kepada orang lain tetapi berlaku juga sebab orang sekarang ini pintar, bijaksana.

Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju supaya ia dilihat dengan begitu serius bukan setakat kita pinda sahaja. Kita hendak memperbaiki badan yang begitu penting dalam negara kita ini tetapi kita tidak lihat wang-wang yang telah disalahgunakan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang ini saya ingat di pihak EPF peringkat negeri ataupun di peringkat hendak mengeluarkan duit ini dia kena melihat kejujuran pengeluar-pengeluar itu. Kerja yang kita buat ini untuk dia orang, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Ada banyak lagi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sudah habis Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak beritahu satu lagi, tadi...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat, penjelasan, boleh?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jangan bagi terkejut.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Di antara pindaan yang menarik dalam akta yang kita bincangkan pada hari ini ialah pindaan seksyen 54, Akta ibu di mana orang asing boleh mengeluarkan wangnya bila dia hendak keluar. Kemudian pindaannya ialah sekiranya dia mempunyai kredit melebihi RM1 juta, maka dia boleh mengeluarkan wang EPF nya untuk membeli insurans kesihatan sebagaimana cadangan Yang Berhormat tadi tetapi duit hendak kena banyak. Apakah tidak mungkin Yang Berhormat mencadangkan dan saya tidak tahu kenapa insurans kesihatan ini dipandang ringan hanya untuk orang yang banyak duit sahaja. Sebenarnya yang sakit belum tentu orang yang banyak duit.

Apakah tidak mungkin kalau dulu kita boleh mengeluarkan wang untuk membeli komputer kerana zaman ICT baru bermula waktu itu. Sekarang ini kita membenarkan pencarum untuk mengeluarkan wang carumannya untuk membeli insurans kesihatan dan ia tentu meringankan beban pencarum itu sendiri mengikut kemampuan masing-masing yang banyak duit insuransnya mahal, yang tidak banyak duit insuransnya kecil. Pohon pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya bersetuju, Yang Berhormat tetapi tadi saya memohon supaya EPF mengambil insurans untuk *cover* kepada pencarum. Ini khidmat EPF lah. Sampai tidak ada apa hujung tahun bagi duit sahaja itu bukan kata *service*. Kita simpan duit dengan dia, hujung tahun dia punya *roll* duit itu berbilion. Macam saya kata tadi biasiswa kepada anak-anak pencarum yang mendapat keputusan peperiksaan terbaik yang memerlukan wang untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri untuk mengambil bahagian perubatan atau apa-apa yang baik, kalau dia berjumpa EPF sebagai pencarum. Ini *social contribution*, Yang Berhormat bagi Ketereh... [Ketawa] *Social contribution* EPF kepada pencarum.

Macam saya kata tadi perubatan, itu adalah *social contribution* kepada pencarum. Kadang-kadang dia ke hospital hendak pergi bedah jantung, tidak ada duit, ambil duit EPF pergi bedah jantung. Baik. Lepas itu bila dia pencen tidak ada duit sakit balik jantung itu - hendak hidup tidak boleh. Ini *social contribution* kepada pencarum. EPF kena ada sedikit *social contribution* kepada pencarum supaya barulah orang melihat, "*Eh, puas hatilah. Kami boleh berpayung di bawah EPF. Kalau kami susah, anak kami hendak pergi universiti belajar ke luar negara kami boleh ambil*". Bukan setakat pinjaman pelajaran tetapi yang baik itu diberi juga biasiswa. Begitu juga kalau dia sakit demam, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kuala Langat.

**Dato' Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]:** Ini perkataan "berpayung di bawah EPF". Kita ada rakyat baik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak bekerja di Singapura tetapi Kerajaan Singapura memulangkan balik duit, *Singapore Provident Fund* kepada rakyat kita di Sabah dan Sarawak tetapi tidak Semenanjung. Agaknya apakah puncanya bahawa

mereka boleh men *discriminate* rakyat Malaysia di Semenanjung berbanding dengan Sabah dan Sarawak. Bagaimana Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Singapura ini dia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulunglah. Saya pun hendak keluar... [Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, hendak gulung. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sila Tuan Yang di-Pertua pergi minum air, rehat dulu, ya. Sekejap lagi saya rehat pula, Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sebenarnya Singapura ini iri hati kepada Malaysia, dia tahu pekerja dari Sabah dan Sarawak tidak ramai yang bekerja. Yang banyak yang bekerja dari semenanjung, Johor dan sebagainya. Dia boleh buat undang-undang orang kita hanya boleh bawa keluar duit itu setelah cukup umur dia. Jadi duit itu dia *roll*, dia pusing, dia guna, tetapi kita tidak sekejap itu, di sini kita boleh katakan bukan warganegara Malaysia dan akan meninggalkan negara. Kita boleh bagi bukan seorang warganegara Malaysia, dan akan meninggalkan Malaysia dia boleh pergi *draw*.

Yang sebenarnya duit hak orang itu, pasal apa Singapura hendak tahan? Singapura ini memang macam-macam perangai dia ambil air kita *action* dengan kita, sayur kita hantar *act* pada kita, buah kita hantar eksport bubuh nama negeri dia. Singapura, negara yang tidak mengenang budi, negara yang dahulunya anak-anak tiri kita ini anak kita ini penderhaka, kita bagi dia merdeka, selepas itu dia ajar kita macam-macam pula. Jumpa orang kita tidak sedap, sedikit-sedikit Singapore, apa Singapore? Hendak beli apa di Malaysia semua ada. Pergi ke *Twin Tower* itu langut sampai songkok pun jatuh, orang kawasan saya pergi tengok *Twin Tower* langut-langut, songkok pun jatuh punya tinggi, mana ada di Singapura? Jadi kita tak mahu terpikat pada itu. Kita mahu EPF kita di sini, sebelum saya gulung Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...Hendak gulung dah. Pertamanya EPF kena memikir supaya EPF sendiri melabur ataupun melibatkan diri dalam perniagaan yang menjamin keuntungan, perniagaan pembangunan infrastruktur-infrastruktur negara. Contoh macam air, api dan sebagainya, yang ini yang menjamin keuntungan. Projek-projek monopoli ambil kepada EPF, barulah rakyat tidak marah, hendak marah pasal apa ada saham, saya pencarum, EPF melabur, EPF buat berniaga saya, saya buat berniaga sama. Macam saya kata tadi, apabila saya bayar tol, aku bayar tol RM50, saya ada melabur di dalam EPF dan EPF pula keuntungan-keuntungan yang dapat berlipat ganda, berpuluh ganda ini,

gunakanlah sedikit *socio contribution* dia kepada rakyat, kepada pencarum dia macam saya kata tadi perubatan, pendidikan dan juga khairat kematian. Bagi khairat kematian ambil insurans cover semua ini, bukan hendak belanja banyak sangat dan yang ketiga saya mahu EPF mengkaji balik dari segi penama supaya memperingati balik kepada ahli-ahli pencarum ini dan juga saya tidak tahu sama ada hari ini setiap tahun ada atau tidak menghantar penyata pelaburan dia kepada pencarum-pencarum. Kalau macam Amanah Saham Nasional dia hantar, setiap tahun dia hantar penyata Dato' Setiausaha Parlimen, dia hantar penyata kepada pencarum, dia melabur sana sini, dividen itu ini dan sebagainya. Saya mahu EPF buat macam itu juga, kepada pencarum-pencarum menghantar penyata, pelaburan, keuntungan dan kerugian yang mereka melabur daripada wang pencarum-pencarum EPF ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Tanjong.

**6.34 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberikan kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tahun 1991. Saya rasa pindaan ini mengandungi beberapa cadangan yang boleh disambut baik ada juga pindaan yang saya rasa ada kelemahan dan perlu diberi perhatian. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh tentang usaha untuk menyusun semula akaun ahli iaitu melalui peraturan-peraturan KWSP.

Kita semua tahu bahawa tujuan utama KWSP adalah satu dana untuk persaraan kepada pencarum-pencarum yang merupakan pekerja-pekerja yang menyumbangkan tenaga sepanjang hayat mereka untuk pembangunan negara dan masyarakat dan pada akhir sumbangan mereka, tabung ini merupakan satu jaminan supaya mereka dapat terus hidup dengan selesa dan menghayati hidup yang berkualiti apabila usia mereka melanjut dan saya menyambut baik susunan semula ini dengan memansuhkan akaun ketiga dan akaun satu dipertingkatkan kepada 70% untuk tujuan persaraan, akaun kedua 30% bagi pra persaraan dan akaun ketiga dimansuhkan.

Saya rasa perkara ini pernah saya bangkitkan banyak kali sejak tahun 1999, dua penggal saya berada di sini, saya senantiasa mengambil bahagian dalam pindaan kepada Akta KWSP dan memberi perhatian kepada satu perkara yang dekat hati saya iaitu KWSP seharusnya memainkan peranan sebagai dana persaraan dan bukan memainkan peranan-peranan yang mungkin boleh dimainkan oleh agensi-agensi yang lain seperti mana yang diujahkan dengan panjang lebarnya oleh Yang Berhormat bagi Jerai.

Saya rasa peranan yang dimainkan oleh KWSP dalam pelaburan boleh dimainkan oleh agensi-agensi yang lain dan dengan dimansuhkan akaun ketiga, saya rasa ini menepati hasrat untuk melihat KWSP terus menjadi tabung persaraan dan bukan seperti tahun-tahun yang lepas, di mana akaun-akaun dua tiga dibuka untuk tujuan yang tidak munasabah sama sekali termasuk

membeli komputer dan pada masa *debate* beberapa tahun, saya pun menyindir mungkin membeli peti sejuk pun ada akaun. Nampaknya dengan pindaan susunan semula ini saya amat berpuas hati ia kembali kepada tujuan yang asal.

Keduanya mengenai liabiliti mencarum selepas umur 55 tahun yang akan dilakukan melalui pindaan kepada seksyen iaitu pindaan kepada jadual ketiga yang antaranya menyatakan pekerja dan majikan ataupun pekerja yang sudah mencapai umur 55 tahun yang diwajibkan untuk membuat pencaruman sehingga umur 75 tahun jika mereka terus bekerja. Adalah satu langkah yang kita alu-alukan memandangkan jangka hayat warga tua sudah meningkat dan memang mempunyai keupayaan untuk terus bekerja dan menyumbang kepada pembangunan negara. Akan tetapi saya rasa cadangan untuk mengurangkan caruman kepada 50% daripada kadar caruman sebelum umur 55 tahun ini telah menimbulkan sedikit sebanyak ketidakpuasan hati di kalangan tertentu.

Walaupun KWSP mengatakan bahawa tujuan melaksanakan cadangan yang baru ini adalah tidak untuk membebaskan pekerja dan majikan dan sememangnya majikan akan mengalu-alukan cadangan ini untuk mengurangkan caruman sebab ia akan mengurangkan kos untuk buat perniagaan tetapi bagi para pekerja yang sudah berusia melebihi 55 tahun, tetapi masih diupah oleh majikan, cadangan ini merupakan satu cadangan yang diskriminasi kepada pekerja-pekerja warga tua ini.

Perlembagaan kita dalam Perkara 8 Tuan Yang di-Pertua bahawa Perkara 81 "*All person are equal before the law and entitle to the equal protection of the law*". Saya rasa cadangan ini membeza-bezakan pekerja mengikut umur mereka yang di bawah 55 terus mencarum 100% tetapi bagi mereka yang sudah mencapai umur lebih 55 Cuma 50% sahaja. Ini saya rasa tidak menghayati semangat perlembagaan kita yang melarang sebarang diskriminasi mengikut faktor-faktor yang tertentu dan juga tidak menghayati prinsip bahawa *equal work equal pay*. Tambahan pula golongan yang sudah mencapai umur melebihi 55 tahun mempunyai pengalaman yang begitu banyak yang dikumpulkan sepanjang 33 tahun mereka bekerja dalam kerja-kerja yang tertentu.

Ada bantahan daripada Persatuan Pesara Malaysia yang menyatakan bahawa dari golongan penjawat perkhidmatan awam termasuk pegawai-pegawai KWSP pun satu hari nanti akan bersara selepas 56 tahun. Ada yang akan memilih untuk menyertai sektor swasta dan bagi mereka ini pun mereka perlu menghadapi diskriminasi di mana apabila mereka menyertai sektor swasta selepas mereka bersara dari perkhidmatan awam termasuk pegawai KWSP yang merangka cadangan ini. Mereka akan didiskriminasikan apabila mereka berkecimpung dalam sektor swasta kelak. Jadi saya rasa ini merupakan satu cadangan yang perlu diberi perhatian semula. Apakah kita ingin mendiskriminasikan rakyat kita mengikut umur.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua mengenai seksyen 54(6j) iaitu akaun dua untuk membeli polisi insurans kesihatan penyakit untuk membiayai kos rawatan yang semakin tinggi pada

zaman sekarang saya rasa saya boleh terima cadangan ini sebab ini satu jaminan kepada para pekerja apabila tidak bernasib baik dan mempunyai penyakit-penyakit yang kronik mereka mempunyai perlindungan daripada polisi insurans untuk membiayai kos rawatan yang tinggi itu.

Saya juga mengalu-alukan seksyen 55(a) untuk memperkenalkan kaedah bayaran yang lebih fleksibel iaitu pengeluaran caruman yang lebih fleksibel yang termasuk melabur simpanan dalam produk-produk yang diluluskan termasuk ekuiti dan pencen swasta. Seksyen 58(1) Tuan Yang di-Pertua, mengenai tuntutan bantuan kematian dan seksyen 58(2) berhubung dengan tuntutan bantuan hilang upaya yang mana melalui pindaan ini KWSP akan mengehadkan tempoh di mana seseorang waris boleh membuat tuntutan bagi bantuan kematian dihadkan kepada enam bulan sahaja manakala bantuan bagi hilang upaya dihadkan kepada 12 bulan. Saya rasa ramai daripada pencarum ataupun waris-waris pencarum masih tidak sedar atau akan menjadi tidak sedar adanya cadangan yang baru ini untuk mengehadkan satu tuntutan di mana apabila sudah melepasi tempoh yang disyaratkan ini mereka akan hilang hak untuk menuntut bantuan kematian dan juga bantuan hilang upaya.

Saya rasa sebagai satu pertubuhan yang saya ingin lihat sebagai prihatin kepada pencarum-pencarum dan juga kepada negara. Kita tak perlu menjadi terlalu ketat untuk memastikan satu tempoh yang akan *disqualified* seseorang apabila melepasi tempoh ini. Kita perlulah mempunyai semangat untuk membantu dan selama ini KWSP memang memainkan peranan ini. Mungkin ini akan menimbulkan sedikit-sebanyak kesulitan pentadbiran apabila tuntutan dibuat dua atau tiga tahun selepas kematian ataupun hilang upaya tetapi pada hakikatnya waris kepada pencarum yang mati ataupun hilang upaya sekurang-kurangnya dapat sedikit-sebanyak tuntutan daripada KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali mengenai Seksyen 59 di mana melalui pindaan ini akan dijatuhkan hukuman kepada ahli-ahli yang mengemukakan dokumen ataupun butiran palsu untuk tujuan pengeluaran. Saya rasa ini satu langkah yang akan memastikan pengeluaran caruman tidak dapat diselewengkan dengan begitu mudah dan saya ingin tahu pada masa sebelum pindaan ini KWSP dikatakan menggunakan peruntukan penalti am untuk menangani pengeluaran caruman dengan cara-cara yang tidak baik iaitu mengemukakan dokumen dan butiran yang palsu. Berapa banyak kes sudah dicatatkan oleh KWSP dengan menggunakan peruntukan penalti am ini untuk menangani kes-kes pengeluaran secara *fraudulent* ini? Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu bagi tempoh beberapa tahun ini berapa kali peruntukan penalti am ini digunakan oleh KWSP dan berapa kes sudah dibawa ke mahkamah dan berapa kes sudah berjaya di dalam mahkamah untuk mengenakan penalti terhadap pencarum-pencarum yang menyalahgunakan dan melanggar peraturan-peraturan KWSP? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Rembau.

**6.48 ptg.**

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahaskan akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Pindaan 1991. Saya ucap tahniah kepada pihak kerajaan yang telah dapat membentangkan rang undang-undang ini yang kita rasa akan memberikan jaminan yang lebih baik kepada para pekerja yang mencarum dalam EPF khususnya bagi mereka yang akan bersara apabila mencapai umur 55 tahun.

Saya ingin mencadangkan beberapa perkara misalnya dari segi pelaburan. Pelaburan KWSP sekarang ini lebih kurang 38% iaitu hampir RM97 bilion adalah dalam sekuriti kerajaan Malaysia, 36% iaitu lebih kurang RM95 bilion itu bagi tahun 2005 dalam pinjaman bon, ekuiti sebanyak 19.1% iaitu berjumlah RM49.6 bilion dalam ekuiti kemudian instrumen pasaran wang sebanyak 6.4% iaitu RM16.6 bilion dan hartanah sebanyak 0.6% iaitu sejumlah RM1.6 bilion.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menimbang untuk melabur dalam pasaran hartanah sebab mungkin risikonya agak sederhana dan tambahan pula sekarang ini pelaburan dalam REITS atau *Real Estate Investment Trust Scheme* ini merupakan satu bidang pelaburan yang sangat popular bagi rakyat Malaysia dan melalui penambahan mungkin lima ke 10 peratus dari segi pelaburan EPF dalam bidang ini akan dapat meningkatkan lagi pendapatan EPF dan seterusnya pulangan kepada pelabur-pelabur. Dalam masa yang sama juga saya ingin ucap tahniah kepada pihak pengurusan EPF kerana telah membayar dividen yang agak konsisten daripada sejak tahun 1952 hinggalah sekarang yang rata-rata agak tinggi jika dibandingkan dengan apa yang dibayar oleh skim yang sama di negara-negara lain.

Dalam masa yang sama juga, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya menggalakkan para majikan khususnya *government link companies* atau syarikat-syarikat milik kerajaan yang berdaya maju supaya caruman mandatori daripada majikan yang sekarang ini sebanyak 12%, pekerja 11% mungkin boleh dinaikkan. Misalnya saya difahamkan PNB, saya dulu bekerja di PNB, PNB membayar sekarang ini 19% kepada pekerjanya sementara pekerja sendiri mencarum sebanyak 12%, dulu 18% jumlahnya 31%. Ini satu angka yang sangat baik dan akan dapat meningkatkan caruman pekerja apabila mereka bersara. Kita sedia maklum sekarang ini kalau seseorang pekerja itu bersara, kajian telah dibuat di mana dalam masa tiga tahun, lebih 70% pencarum akan habis simpanan mereka dalam EPF.

Jadi dengan adanya caruman yang lebih banyak disumbangkan oleh majikan dalam EPF ini, saya melihat ia sebagai satu tanggungjawab sosial yang akan dapat memberi kehidupan yang lebih selesa kepada pekerja-pekerja yang mencarum kepada EPF. Dalam masa yang sama, saya juga ingin mencadangkan, seperti yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat bagi Jerai tadi supaya produk-produk lain juga dapat diperkenalkan oleh EPF seperti Skim Khairat Kematian dan Insurans.

Ini sangat penting sebab sekarang ini walaupun pengeluaran caruman boleh dibuat melalui akaun dua untuk belanja perubatan dan sebagainya tetapi kita sedia maklum apabila

umur meningkat 50 tahun ke atas biasanya kos perubatan akan meningkat sebab masa itulah penyakit-penyakit seperti kencing manis, darah tinggi dan sebagainya mula datang. Jadi dengan adanya sumbangan daripada EPF sendiri untuk Skim Khairat Kematian dan Insurans ini mungkin boleh mengurangkan beban kepada keluarga pencarum bila berlaku kematian.

Misalnya di PNB sendiri saya difahamkan, anak-anak syarikatnya di bawah saham-saham amanah PNB ada diberi khairat kematian mengikut simpanan yang ada. Misalnya bagi pelabur yang ada simpanan sebanyak RM5,000 ke bawah akan mendapat khairat kematian sebanyak RM100, simpanan RM5,000 hingga RM10,000 akan mendapat dalam RM500, dan RM10,000 ke atas akan mendapat RM1,000. Jadi pihak EPF mungkin boleh memikirkan Skim Khairat Kematian bagi pencarum-pencarumnya sebab kalau pencarum meninggal dunia sekurang-kurangnya waris yang ditinggalkan tidak akan dibebankan dengan perbelanjaan menguruskan kematian dan sebagainya.

Selain daripada GLC, saya juga ingin mencadangkan supaya majikan dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia juga menimbang meningkatkan kadar caruman bagi pihak majikan kepada mereka yang mampu. Saya juga menyokong saranan kerajaan tadi supaya mereka yang telah bersara terus menyumbang kepada EPF mengikut kadar yang dicadangkan memandangkan purata jangka hayat rakyat Malaysia sekarang ini telah meningkat ke 74 tahun bagi wanita dan 72 tahun bagi lelaki. Jadi maknanya bila seseorang itu bersara dia masih ada jangka hayat lebih kurang 20 tahun ke 25 tahun dan dengan adanya caruman daripada pekerja tadi walaupun kadarnya lebih rendah daripada semasa dia belum berusia 50 tahun dia akan dapat hidup dengan lebih selesa. Saya difahamkan mengikut jangkaan ini dia boleh dapat lebih kurang RM500 sebulan dengan caruman tadi.

Selain daripada itu saya juga berharap supaya pihak EPF menimbangkan cadangan dalam pindaan ini supaya hanya pengeluaran-pengeluaran yang mustahak dan yang berkaitan dengan persaraan sahaja yang dikekalkan. Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Seputeh.  
**6.55 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja merupakan satu rang undang-undang yang menarik perhatian banyak pihak khususnya golongan yang membayar caruman kepada KWSP. Malangnya pihak KWSP tidak mengadakan proses demokrasi dengan mengadakan rundingan dengan banyak pihak sebelum rang undang-undang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini khususnya perwakilan daripada golongan pekerja dan persatuan sekerja misalnya MTUC dan sebagainya.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua saya pernah terima satu e-mel daripada seorang pencarum KWSP yang berkata bahawa beliau dikehendaki untuk memberi carumannya kepada KWSP setiap tahun tetapi apabila KWSP ingin membuat pindaan terhadap Akta KWSP, ia tidak

berunding dan mengambil pandangan daripada pihak pencarum ataupun ahli KWSP langsung malah rang undang-undang ini tidak dipaparkan dalam laman web KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, Panel Pelaburan KWSP merupakan bahagian yang paling penting kerana para anggota panel membuat pelaburan bagi pihak berjuta-juta pencarum KWSP. Malangnya undang-undang kita tidak mengadakan apa-apa peruntukan untuk mengadakan pemantauan ke atas keputusan Panel Pelaburan tersebut dan Panel Pelaburan ini juga tidak berunding dengan wakil pencarum semasa mereka membuat keputusan pelaburan. Keadaan yang kehilangan pemantauan ini pun akan membuka pintu kepada penyelewengan pada Panel Pelaburan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Kementerian Kewangan, apakah kriteria pelantikan anggota Panel Pelaburan? Kebanyakan anggota dalam panel tersebut merupakan pemain yang aktif dalam pasaran sekuriti di negara kita khususnya mereka daripada industri kewangan dan perbankan. Rekod KWSP menunjukkan terdapat penglibatan anggota Panel Pelaburan yang mempunyai percanggahan kepentingan dalam proses *underwriting* dan rekomendasi KWSP untuk membeli bon yang di underwrite oleh bank mereka sendiri. Contoh yang paling ketara ialah isu pembelian bon istisna yang berharga RM5.6 bilion daripada Malakoff Berhad apabila Tan Sri Halim Ali memegang jawatan Pengerusi KWSP. Pada waktu itu Tan Sri Halim Ali juga merupakan Pengerusi kepada Malakoff Berhad. Pembelian bon ini memanglah merupakan satu bentuk percanggahan kepentingan dan penyalahgunaan kuasa pada pemimpin atasan KWSP.

Selain itu dua orang anggota Panel Pelaburan KWSP yang lain iaitu Nazir Razak CEO kepada CIMB dan juga Zainal Abidin Puteh yang merupakan Pengarah CAHB iaitu syarikat holdings CIMB. Mereka merupakan *underwriter* bon Islam Malakoff Berhad., kemudian juga terlibat dalam keputusan membeli balik bon istisna yang bernilai RM5.6 bilion daripada Malakoff Berhad. Bukankah ini merupakan satu bentuk penyalahgunaan kuasa dan juga percanggahan kepentingan bagi pihak mereka.

Kebelakangan ini Malakoff Berhad akan diswastakan dan dibeli oleh MMC. Ini bermaksud selepas Malakoff Berhad membuat keuntungan dengan mendapat pinjaman daripada KWSP, pemegang saham pelabur kecil pula akan dipaksa jual kepada pemegang saham majoriti, MMC. Kononnya MMC akan meminjam wang daripada KWSP untuk membeli saham daripada pelabur kecil. Apakah KWSP yang juga merupakan pemegang saham minoriti di Malakoff Berhad akan meminjam wang kepada MMC untuk membeli saham mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tanya tentang pelaburan KWSP yang melibatkan Pasific Impact Industries Sdn. Bhd. atau PISB yang bernilai RM15.5 juta untuk membeli saham sebanyak 80% daripada PISB ini. Mengikut penilaian sebuah bank tempatan, jumlah nilai saham PISB hanyalah RM700 ribu sahaja. Mengikut laporan dalam *The Star* yang bertarikh 5 Januari tahun ini, KWSP telah membayar Michael Wong iaitu salah seorang pengarah PISB ini sebanyak

RM1.15 juta iaitu 10% daripada jumlah urus niaga itu. Urus niaga ini dibuat oleh KWSP dengan beliau iaitu Michael Wong yang hanya memegang saham sebanyak 33.8% sahaja dalam syarikat tersebut.

Transaksi ini dibuat melalui satu persetujuan yang bertajuk *Term Sheet for the Proposed Investment in Pacific Impact Industries Sdn. Bhd.* yang ditandatangani oleh Michael Wong dan Dr. Roslan A. Ghafar bagi pihak KWSP pada 22 November 2004. Persoalannya ialah kesemua pemegang saham dan pengarah dalam PISB yang lain langsung tidak tahu tentang persetujuan urus niaga tersebut. Mereka juga tidak pernah memberi apa-apa persetujuan kepada Michael Wong untuk menjual saham dalam PISB kepada KWSP.

Selain itu Michael Wong hanya merupakan seorang pemegang saham yang sebanyak 33.8% sahaja dalam PISB. Beliau langsung tidak ada hak undang-undang untuk menjual 80% saham dalam syarikat PISB kepada KWSP. Lebih-lebih lagi Michael Wong memang sudah tahu bahawa PISB berkemungkinan akan digulung tikar pada waktu dia membuat urus niaga dengan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, dalam *Term Sheet for the Proposed Investment in Pacific Impact Industries Sdn. Bhd.* atau PISB, yang ditandatangani oleh Michael Wong dengan KWSP, Michael Wong malah tidak memberi nombor kad pengenalan dan alamat kediaman ataupun alamat pejabatnya dalam kontrak itu dan nama Pengarah PISB ini memang bukan nama sebenarnya dalam kad pengenalannya. Jadi memanglah susah bagi KWSP untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap beliau. Bukankah ini satu bentuk perjanjian yang tidak begitu masuk akal yang dilakukan oleh wakil daripada KWSP.

Jadi soalan saya kepada Kementerian Kewangan ialah:

- (i) memandangkan KWSP telah pun ditipu, apakah KWSP telah membuat laporan polis mengenai perkara ini dan apakah siasatan KWSP dan polis terhadap kes ini sekarang?;
- (ii) apakah tindakan yang diambil oleh KWSP terhadap pegawai dan pihak yang terlibat memandangkan ini merupakan satu kesilapan yang sangat besar pada pihak KWSP;
- (iii) apakah pelaburan ataupun urus niaga ini diluluskan oleh panel pelaburan di KWSP;
- (iv) berapakah kesilapan pelaburan seperti ini telah pun berlaku di KWSP dan berapakah jumlah kerugian KWSP dalam kesilapan pelaburan seperti ini, setakat ini; dan
- (v) saya difahamkan pihak syarikat ibu PISB iaitu GSF Pacific Food (Malaysia) Sdn. Bhd. telah menulis beberapa surat mengenai perkara ini kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Azian Zainol dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Pelaburan KWSP, tetapi kedua-dua

pegawai ini langsung tidak menjawab surat mereka atau mengadakan apa-apa pertemuan dengan ibu syarikat ini. Kenapakah CEO KWSP begitu angkuh atau begitu dingin terhadap pertanyaan mereka, seolah-olah tidak peduli dengan kesilapan pelaburan mereka. Kenapakah mereka tidak jawab surat daripada pihak GSG Pacific Food (Malaysia) Sdn. Bhd.?

Saya juga ingin menyuarakan kebimbangan saya tentang pindaan seksyen 26 dan 29A dalam rang undang-undang ini yang memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk memberi kebenaran kepada KWSP untuk menceburkan diri dalam aktiviti pelaburan berunsur spekulasi ataupun *derivative trading activities* termasuk kontrak hadapan, kontrak niaga ke depan, kontrak opsi dan sebagainya.

Kita harus ingat bahawa Menteri Kewangan Kedua ini pernah melibatkan diri dalam aktiviti spekulasi kewangan semasa beliau memegang jawatannya di Bank Negara sehingga negara kita mengalami kerugian sebanyak RM18 bilion. KWSP haruslah berhati-hati apabila membuat pelaburan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur kerana wang KWSP ialah wang para pekerja di seluruh negara kita. Caruman kita kepada KWSP tidak harus digunakan untuk membuat apa-apa aktiviti yang berunsur spekulasi supaya skandal kerugian Bank Negara yang berlaku pada tahun 80-an itu tidak akan berulang dalam pelaburan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini majikan pekerja asing membayar caruman sebanyak 12% kepada KWSP, manakala pekerja asing membayar caruman sebanyak 11%, tetapi dalam rang undang-undang ini, majikan sekarang hanya membayar caruman sebanyak RM5, manakala pekerja asing masih membayar caruman KWSP yang sama. Ini bermaksud sekiranya seorang pekerja asing yang mendapat gaji sebanyak RM1,000 satu bulan, dalam undang-undang yang sedia ada, seorang pekerja asing boleh mendapat caruman majikan sebanyak RM120 sebulan, tetapi sekarang dia hanya dapat RM5 sebulan sahaja.

Ini bermaksud dia akan rugi sebanyak RM115 sebulan ataupun 10% sebulan kalau kita ikut gajinya. Tindakan ini merupakan satu bentuk eksploitasi terhadap pekerja asing. Ia akan menyebabkan ramai majikan akan mengambil kesempatan supaya tidak membayar caruman KWSP bagi pekerja asingnya. Kita tahu pekerja asing selalunya menghadapi banyak eksploitasi daripada pihak majikan. Misalnya waktu kerja yang panjang serta tempat penginapan dan kelengkapan kediaman mereka yang agak teruk.

Sekarang dengan pindaan ini, ia seolah-olah menggalakkan lebih eksploitasi dibuat terhadap pekerja asing yang sudah berpendapatan rendah. Selain itu, saya juga ingin rujuk kepada pindaan dalam seksyen 64, 34 dan juga 70G dalam rang undang-undang ini yang mana membenarkan majikan untuk memberhentikan pencaruman pekerja asing kepada KWSP pada dua bulan terakhir. Masalah sekarang ialah terdapat banyak pekerja di bidang pembinaan,

pekerja kurang daripada dua tahun dan kadang-kadang pekerja-pekerja pembinaan ini berpindah majikan. Mereka berpindah daripada seorang kontraktor kepada seorang subkontraktor yang lain.

Majikan pekerja asing ini selalunya memotong caruman KWSP daripada gaji pekerja asing mereka tetapi wang tidak dimasukkan ke dalam KWSP. Rang undang-undang ini kelihatan tidak mengenakan apa-apa bentuk pengawasan dalam soal ini. Jadi saya ingin mencadangkan kepada KWSP supaya mewajibkan pihak majikan pekerja asing untuk membayar jumlah caruman pekerja asing sebanyak dua tahun sekali gus ketika pekerja asing masuk kerja untuk memastikan caruman KWSP bagi pekerja asing dibayar oleh majikan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini seorang majikan yang mengupah pekerja tempatan akan terpaksa membayar caruman..., minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ingin bertanya, apakah tujuan pindaan untuk mengurangkan caruman yang dibayar oleh majikan kepada KWSP? Apakah ini akan menggalakkan majikan tempatan untuk mengambil lebih pekerja asing kerana kos pengambilan pekerja asing kelihatan telah pun menurun dan lebih murah berbanding dengan mengambil pekerja tempatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh gulunglah ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, saya ingin gulung. Yang akhirnya saya juga ingin menyentuh tentang pindaan mengurangkan kadar caruman pekerja dan majikan sebanyak 50% bagi mereka yang melebihi umur 55 tahun. Walaupun tindakan ini dibuat dengan tujuan untuk mengurangkan beban pekerja dan majikan dan menambah simpanan persaraan pekerja, tapi ia juga merupakan satu bentuk eksploitasi terhadap pekerja tua yang melebihi umur 55 tahun. Saya berharap KWSP akan mempertimbangkan semula pindaan yang disebutkan di atas tadi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**7.11 mlm.**

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan dengan ringkas sahaja. Saya ingin merujuk kepada seksyen 53A yang memperuntukkan; apabila EPF memperoleh perintah mahkamah mengenai caruman ahli, EPF perlu memindahkan caruman mengikut kandungan perintah itu kepada akaun penerima yang dinamakan dalam perintah itu. Itu saya rujuk kepada seksyen 53A. Apakah yang dimaksudkan akaun penerima yang dinamakan dalam perintah itu? Adakah ia boleh menjadi? Adakah dibenarkan dalam perintah itu penamaan caruman tersebut dipindah ke akaun peribadi seseorang penerima? Jika ya, saya hendak minta penjelasan.

Bagaimanakah seksyen 53B yang mempunyai halangan-halangan penggunaan wang yang dipindahkan menerusi perintah itu, iaitu merujuk kepada seksyen 53B (2) bahawa wang itu tidak boleh disentuh kecuali penerima telah meninggal dunia, telah mencapai 55 tahun, tidak

berupaya dari segi fizikal atau mental atau bukan seorang warganegara Malaysia dan akan meninggalkan Malaysia.

Saya inginkan penerangan dalam aspek ini. Saya sangat risau Tuan Yang di-Pertua, sebab buat masa ini banyak kes tuntutan nafkah, apabila sesuatu penceraian berlaku. Ini adalah berkait rapat dengan seksyen 53A yang memperuntukkan bahawa wang ahli merupakan harta perkahwinan dan boleh menerusi perintah mahkamah dipindahkan, tetapi masalah tuntutan nafkah selalu tidak dibayar oleh seseorang suami walaupun perintah telah dibuat di mahkamah.

Dengan adanya seksyen 53B yang memperuntukkan tidak boleh menyentuh atau mengeluarkan duit itu sehingga..., saya bagi contoh; kalau isteri adalah penerima menerusi perintah mahkamah, dia tidak boleh menyentuh duit itu sehingga berumur 55 tahun. Jadi mengapakah tidak boleh diperluaskan lagi, dikurangkan sekatan ini, membenarkan apabila ada perintah mahkamah kepada KWSP, KWSP perlu memindahkan ke akaun dia dan biarlah penerima itu memilih cara bagaimana mahu menggunakan wangnya bagi menyara kehidupan.

Mungkin KWSP akan menyatakan bahawa oh! ini duit adalah untuk saraan hidup masa tua penerima. Contoh, isterilah penerima tetapi apabila seseorang suami telah tidak bertanggungjawab, enggan membayar nafkah tapi ada duit EPF, dan pihak mahkamah telah mengeluarkan perintah, mengapa tak boleh diberi kebebasan, duit ini, wang dalam EPF ini, diberi kebebasan kepada penerima, isteri ini untuk menyara keluarga dan anaknya. Jadi saya pohon elemen ke perikemanusiaan dalam aspek ini dan tidak ada sekatan dalam aspek umur 55 tahun ini.

Saya sangat prihatin mengenai masalah nafkah. Kalau kata setiap hari pun tak ada duit, tak cukup, tak ada duit untuk menyara kehidupan, bagaimana boleh tunggu sampai umur 55 tahun? Lebih-lebih lagi kerana sekarang banyak kes penceraian pada umur yang sangat muda. Ini juga boleh mengelakkan mereka yang ditinggalkan oleh suami tidak bertanggungjawab itu untuk membuat aktiviti-aktiviti yang tidak sihat kerana untuk menyara keluarga. Jadi saya pohon supaya aspek ini boleh dikaji semula dan diberi pertimbangan.

Berkenaan dengan penamaan waris dalam borang penamaan oleh seseorang ahli. Saya memang menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Majlis Peguam bahawa apabila seseorang telah berkahwin, penamaan yang sebelum itu boleh dibatalkan secara automatik. Kerajaan Barisan Nasional selalu kata mereka mampu, mereka boleh, Malaysia boleh. Jadi saya rasa alasan sukar hendak diterima kalau kata sekarang kita tidak ada maklumatlah bahawa orang ini sudah berkahwin, oleh itu penamaan sebelum itu dibatalkan automatik.

Kalau ada niat untuk memastikan terutamanya isteri-isteri, hak mereka terpelihara, saya rasa ini boleh dilaksanakan. Sebab buat masa ini banyak kes Tuan Yang di-Pertua, banyak kes. Saya sendiri terima kes di mana si suami sebelum berkahwin, telah menamakan kakaknya sebagai penerima caruman, tetapi selepas berkahwin dia terlupa untuk menukar penamaan itu dan apabila suami telah meninggal dunia, isteri dan tiga, empat orang anak tak mendapat apa-

apa sebab mereka tidak sehaluan dengan kakak si mati. Jadi banyak kes. Saya ada berjumpa pegawai EPF, dan pegawai EPF berkata kita tidak boleh berbuat apa-apa. Jadi saya berharaplah supaya aspek ini boleh diberi perhatian dan dipercepatkan bagi melindungi mereka yang sepatutnya memperoleh caruman yang berkenaan.

Saya rasa akhirnya simpanan asas. Tujuan ada simpanan asas ialah untuk memastikan seseorang ahli mempunyai wang yang cukup di masa mereka bersara dan dalam kes ini ialah sebanyak RM120,000. Saya nak tahu apakah kayu pengukur yang digunakan untuk menetapkan jumlah sebanyak RM120,000 yang mana akan dikuatkuasakan dalam tahun 2012 kalau tak silap saya, dan katakan kalau pada masa itu kos kehidupan sedang meningkat, inflasi. Jadi sekiranya kita bahagikan mengikut hayat umur 76 tahun, setiap bulan mendapat sebanyak RM570 sahaja. Sekarang anggota tentera yang telah bersara dan mendapat sebanyak RM500 sebulan, mereka pun kata tidak mencukupi. Bagaimana pula dengan kes-kes seperti ini? Jadi saya ingin tahu kayu pengukur dalam aspek menetapkan jumlah simpanan asas ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kepong pula. Pendek tak Yang Berhormat bagi Kepong? Ya, pendekkanlah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Selalunya Yang Berhormat bagi Kepong pendek selalu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia tak berapa pendek. Dia memang masalah yang sangat rumitlah di sini.

**Seorang Ahli:** Rumit ini?

**7.18 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Rumit. Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana sudi memberi taklimat kepada kita. Taklimat ini memang berguna kerana setakat ini kita telah tahu pindaan-pindaan yang dilakukan di sini adalah untuk memperkemas kini KWSP dan semoga apabila diluluskan kelak, pengurusan pentadbiran KWSP akan dipertingkatkan, dan birokrasi dan *red tape* akan hilang sama sekali. Dihapuskan kerana setakat ini kita pun tahu birokrasi dan *red tape* ini kadangkala kita nampak daripada cawangan-cawangan dan sebagainya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kepong kalau bercakap selalu tengok Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Jerai. Tengok sinilah... *[Ketawa]*.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sri Gading, Jerai itu bukan. Kita... maklumlah, kita hendak mempelbagaikan pandangan kita.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Selalulah pandang sini, bagus... *[Ketawa]*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya minta Yang Berhormat bagi Kepong, penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai pun, janganlah kacau Yang Berhormat bagi Kepong selalu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya. Tidak, sebenarnya bukan *red tape*. Sebenarnya *delivery* ataupun penyampaian...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Penyampaian?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, ini bahasa yang barulah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, saya tahu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *Red tape* itu bahasa Inggeris.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, batul. Bila... saya pun ada dengar tadi Yang Berhormat bagi Jerai kata *confused...[Ketawa] Confused!* Ini bukan bahasa. *Confused...[Ketawa]* Sekarang dia hendak memperbetulkan sedikit tetapi sebenarnya *red tape* pun selalu guna...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Seperti ketam mengajar anak berjalan...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sistem penyampaian, sistem penyampaian memanglah perlu kita perbaiki supaya apa yang dicadangkan hari ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, saya hendak Yang Berhormat memberitahu kita, kalau kita bandingkan kerana ada kena mengena dengan umur. Dia hendak tambahkan daripada 55 kepada 75. Daripada 55 ini, kadar caruman itu dikurangkan kepada 6 peratus dan sebagainya. Di sini bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia, beritahu kepada Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Arau dan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kalau kita banding dengan *providence fund* di Singapura, dengan kita. Siapa yang lebih berkesan? Kita tanya ini kerana KWSP kita ini adalah satu-satunya simpanan yang terbesar di negara ini. Bahkan di dunia pun simpanan kita, boleh dianggarkan KWSP kita sebagai salah satu yang terbesar di dunia. Yang Berhormat bagi Jerai sudah tahu. Salah satu simpanan, *statutory*. "*Statutory*" ini, bahasa ada sekarang?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, betul, betul. Cuma Yang Berhormat tak boleh banding dengan Singapura kerana Singapura dia bertindak tidak adil dan melanggar hak asasi manusia dengan tidak membenarkan rakyat Malaysia hendak mengeluarkan EPF ataupun dipanggil apa di Singapura Yang Berhormat bagi Arau?...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** CPF.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** CPF.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, CPF.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** CPF, *Central Providence Fund*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *You are right, you are right. I miss, I miss that word. It's okay. It's more relief the EPF... [Ketawa]* Dengan izin. Jadi, dia tidak

adil. Dia berlaku tidak adil, kerana, kenapakah rakyat Malaysia yang bekerja di sana, yang telah *contribute* kepada CPF itu tidak berhak untuk mengeluarkan wang apabila mereka sudah berhenti. Ini satu penindasan, satu melanggar hak asasi manusia dan dunia harus mengambil tindakan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat bagi Jerai betul di situ. Kita mestilah melalui kementerianinya menuntut supaya layanan ke atas rakyat Malaysia diubah supaya pihak CPF ini berlaku adil sedikit dan lebih dekat kepada CPF itu, Yang Berhormat Sri Gadinglah di Johor tetapi di Johor, dia diam sahaja, senyap sahaja... [Ketawa]. Kita berharaplah Yang Berhormat bagi Sri Gading, sekarang dia aktif sedikit untuk menuntut keadilan ke atas pencarum CPF rakyat Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat jangan libatkan dialah. Yang Berhormat bercakap sudahlah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya hendak bercakap itulah tetapi ada sumbangan yang baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datu Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sangat baik dan di sini saya hendak itulah... Kita tidak terkecuali daripada ketidakadilan yang dilakukan kepada rakyat Malaysia ini. Kita hendak banding CPF dengan KWSP kita ini kerana di Singapura ia 20 peratus. Caruman dia kalau lebih 55 tahun dan kalau 55 tahun ke 60 tahun, 16.5 peratus sumbangan pekerja. Hanya sumbangan majikan 10 peratus bagi umur lebih 55 tahun dan bagi 60 sampai 65 tahun, 9.5 peratus dan lebih 65 tahun, 7 peratus. Berbanding dengan kita khasnya Malaysia, iaitu umur sampai 55 tahun saya pun tidak tahulah sebab apa kita 55 tahun, walhal umur pesara perkhidmatan awam sekarang 56 tahun dah. Jadi di sini ada ketinggalan zaman sedikit.

Jadi kita 11 peratus sumbangan pekerja, 12 peratus sumbangan majikan dan kalau pindaan hari ini diluluskan, sumbangan pekerja 5.5 peratus dan sumbangan majikan 6 peratus. Apakah dengan perbezaan di antara kedua-dua sistem kita ini? Siapakah yang lebih berkesan di dalam wang simpanan kita? Bolehkah kita timbang macam mana kita boleh memperbaiki lagi. Itulah yang pertama. Sebenarnya saya bukan hendak mempersoalkan apa yang dibuat, cuma bolehkah kita menambahbaikkan seperti mana maksud rang undang-undang kita hari ini?

Di sini Tuan Yang di-Pertua, selepas 55 tahun, pencarum dipaksa membayar sampai 75 tahun dan maklumlah ada sesetengah itu apabila lebih 55 tahun dia mempunyai kesedaran dan memahami bagaimana hendak menguruskan pendapatan mereka dan mereka mempunyai banyak saluran melalui golongan-golongan profesional dan pengurusan untuk membuat pelaburan yang lain. Bolehkah Yang Berhormat mempertimbangkan? Kita buat ini secara opsyen, bukan secara paksaan. Secara opsyen, bagi mereka peluang untuk memilih secara opsyen...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Jerai, nak bagi jalan?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** ...Sebab kita pun diwajibkan sumbangannya sampai 55 tahun dah, itu perlu tetapi selepas itu,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat bagi Jerai...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tertarik kepada Yang Berhormat iaitu dari segi pelaburan EPF.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Apakah pihak EPF membuat *due diligent* di atas apa-apa sahaja pelaburan yang mereka hendak melabur, ataupun apakah pihak EPF boleh mengubah supaya mereka ini bukan menjadi penyelamat. Bukan menjadi penyelamat kepada sesuatu perniagaan yang menghadapi masalah kewangan. Kadang-kadang kerana tidak cekap dari segi membuat *due diligent* ataupun *risk* ataupun mereka tidak mempunyai bahagian *risk management* untuk mengkaji secara mendalam tentang pelaburan-pelaburan ini dan akhirnya EPF akan menanggung kerugian.

Adakah Yang Berhormat memikirkan supaya pihak EPF mempunyai cukup kajian terperinci sebelum mereka hendak melibatkan diri untuk melabur di dalam sesuatu pelaburan, untuk memastikan keselamatan penabung.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, memang saya mengambil perhatian apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu sebab di sini pun ada satu subseksyen baru. Subseksyen baru ini membenarkan EPF ataupun KWSP untuk melabur di mata wang. Itu memang risiko yang tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habis Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tak ada, tak ada, tak ada kerana Jerai itu membangkitkan sesuatu dan di sini ada satu fasal yang kena-mengena dengan pelaburan di dalam mata wang.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan perenggan 26(2)(ea) itu ke dalam Akta 452 untuk membolehkan lembaga menyertai atau menjalankan urus niaga dalam apa-apa *instrument derivative* dengan kelulusan menteri, peruntukan sedia ada tidak memperuntukkan secara khusus betul-betul bagi pelaburan dalam urus niaga *derivative*.

Urus niaga ini hanya boleh dijalankan setelah mendapat kelulusan menteri selaras dengan perenggan 26(2)(f). Ini penting Jerai, fasal ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (4) ke dalam Akta 452 untuk membolehkan lembaga membuat pinjaman mata wang asing bagi maksud pelaburan di bawah subseksyen 26, Akta 452, ini adalah selaras dengan perkembangan pasaran yang terdapat bon yang diterbitkan dalam mata wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu pelaburan yang melibatkan risiko yang tinggi. Saya tidak mahu pihak KWSP itu melabur di dalam bidang yang risikonya begitu tinggi tanpa panel atau nasihat profesional yang cukup mendalam, sedalam-dalamnya sebelum kita buat pelaburan, tetapi saya mengakui bahawa dengan pelaburan dunia moden ini memanglah *derivative* mata wang dan sebagainya perlu kita mempertimbangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Macam mana hendak gulung, ini pukul 7.30 sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, saya minta gulung, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, tujuh setengah sahaja, ada lagi. Itu belum lagi mukadimah pun... [Disampuk] [Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kelam-kabut sekarang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Maklumlah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat macam tak nak bercakap sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Eh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskanlah Yang Berhormat. Ya, teruskan Yang Berhormat, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kita ada 36 fasal, itu macam mana boleh habis lagi... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebutkan mengenai selepas umur 56 atau 55 itu kita bagi dia *option* dan di sini saya mencadangkan supaya nasihat *professionalism* daripada KWSP kepada setiap orang yang hendak mengeluarkan wang ataupun berumur 55, apa tindakan yang diambil oleh pihak itu, kita di dalam KWSP bagi nasihat yang cukup profesional.

Tuan Yang di-Pertua, betul juga pihak KWSP mesti sentiasa berhati-hati kerana saya ada menghadapi masalah pencarum yang mengeluarkan wang daripada KWSP dengan banyak, tetapi kerana kemahiran di dalam pelaburan tidak cukup dan hilang wang sama sekali dan simpanan seumur hidup itu hilang sama sekali.

Sebab itulah saya mencadangkan supaya pihak KWSP adakan khidmat perkhidmatan kaunseling yang cukup bagi pencarum supaya mereka jangan mengeluarkan wang dan hilang sama sekali di dalam pelaburan yang tidak cekap dan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habis Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Habis?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskanlah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** ...Tetapi banyak lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tak payahlah sebut semua Yang Berhormat, ya?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tak payahlah sebut semua.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tak payah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Itu ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya pun hendak ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Barat lagi hendak bercakap.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ipoh Barat, ya? Saya akan mengambil bahagian di dalam Jawatankuasa juga itulah. Kalau tidak ... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Akhirlah, akhir sekali. Ini nampak ada Fasal 21 itu bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 51A.

Tuan Yang di-Pertua, banyak fasal itu yang terlibat dengan pindaan ini dan saya cuma membincangkan dua sahaja daripadanya. Ini bermakna tinggal 37 lagi fasal ini. Tinggal 37 sahaja dan di sinilah saya pun ada kata yang akhir sekali mengenai Fasal 21, yang seksyen baru 51A, yang dicadangkan membenarkan lembaga memindahkan semua jumlah wang yang ada pada kredit ahli kumpulan wang yang telah mencapai umur 80 tahun kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut, jika wang itu masih tidak dituntut lima tahun selepas umur pencarum wajib.

Ini saya bingung sedikit, mencapai umur 80 tahun, apakah yang dimaksudkan di sini dan bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini setakat ini jumlah yang tak dituntut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat akan beri.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya itulah, banyak ....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan. Saya bersetuju Yang Berhormat. Untuk kita... kemudian wang yang tidak dituntut ini apakah harus pihak EPF lakukan kerana ini adalah hak mutlak pencarum, tetapi mungkin tidak dituntut ataupun hilang kerana pencarum itu hilang ataupun tidak tahu menuntut ataupun mati seorang diri siapa pun tidak tahu dan sebagainya.

Kita hendak tanya apakah wang itu, bagaimanakah wang itu digunakan? Boleh tak wang itu digunakan untuk kebajikan pencarum-pencarum yang lain macam dikatakan tadi iaitu pendidikan, kesihatan ... mungkin wang yang tidak dituntut itu boleh kita gunakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak boleh Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh. Dia jadi harta negara.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak dituntut, jadi harta negara.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Harta negara, *no?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Negara bagi baliklah Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kita boleh bincang dengan Arau, maksud dia baik cuma sedikit kekok ada itu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tanya Jerai bukan Arau itu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Jerai, Jerai, Jerai ya Jerai.... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Masing-masing sudah tua.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Masa sudah cukup, saya pun tahu dah. Jerai hari ini dia ada kekok sedikit dan kita pun mengambil kira tetapi yang penting segala-galanya memang harta negara.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini betul juga Tuan Yang di-Pertua... harta negara. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini jumlah wang yang belum dituntut oleh pencarum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Ya, siapa dahulu. Tebraulah dahulu lepas ini. Lepas ini Ipoh Barat.

**7.40 mlm.**

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkas sahaja. Saya hendak rujuk kepada pindaan seksyen 18 tentang pelaburan KWSP. Tuan Yang di-Pertua, saya memang hendak ambil tahu tentang bagaimana pelaburan KWSP itu dibuat. Apakah prosedurnya? Oleh kerana wang KWSP ini merupakan satu *life saving* kepada pekerja-pekerja yang menyumbang kepada KWSP.

Saya pernah bertanya tentang pelaburan ini dalam sesi soal jawab lisan tentang liputan akhbar, bahawa KWSP pernah melaburkan wangnya dengan membeli sebuah syarikat yang nilai pasarannya RM700 ribu dengan wang RM15 juta yang dilaporkan di dalam akhbar. Pernah saya tanya tentang adakah laporan itu benar atau tidak? Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berjanji hendak memaklumkan memberi jawapan secara bertulis, tetapi saya menunggu sehingga hari ini dan belum lagi mendapat sebarang jawapan bertulis.

Jadi, saya lebih berasa risau tentang cara bagaimana pelaburan KWSP dibuat dan sekarang ada pindaan subseksyen 18. Saya rasa ini terdiri daripada pakar-pakar, termasuk Gabenor Bank Negara Malaysia, tetapi rakyat masih minat hendak tahu mengapa laporan yang begitu sudah didapati dalam akhbar. Membeli satu syarikat yang telah diarahkan oleh mahkamah untuk *wind up*, dengan izin, yang berharga pasaran RM700 ribu sahaja, tetapi KWSP membeli dengan harga RM15 juta. Jadi, bagaimana keputusan seperti ini telah dibuat oleh KWSP, saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen nanti memberi jawapan kepada ini. Di samping itu, menjelaskan cara bagaimana keputusan pelaburan itu dibuat biasanya, untuk meyakinkan wang rakyat.

Ini kerana wang rakyat yang berjumlah begitu besar sudah berlaku. Saya harap ada peraturan-peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh KWSP, tentang jenis apa pelaburan mereka boleh dibuat atau mereka bebas untuk membuat sebarang pelaburan yang difikirkan sesuai sahaja. Apa akan berlaku sekiranya keputusan untuk membuat sesuatu pelaburan itu silap dan wang pelaburan itu hilang begitu sahaja? Itu wang rakyat. Jadi, saya harap satu garis panduan yang rapi perlu diadakan untuk memastikan pelaburan itu adalah satu pelaburan yang bijaksana, yang tidak menghabiskan wang simpanan rakyat.

Yang kedua, saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab, memberi penjelasan tentang soalan yang saya kemukakan satu bulan dahulu dan masih menunggu jawapan, secara bertulis pun.

Yang ketiga, tentang subseksyen baru 51A, Fasal 21, iaitu tentang pemindahan kepada pendaftar wang yang tidak dituntut. Ini memang bagi generasi yang tua, mungkin ramai daripada pencarum-pencarum ini, dia tidak tahu perlunya melantik seorang waris. Jadi, kalau hanya wang itu dimasukkan ke dalam harta kerajaan begitu sahaja, saya rasa ini tidak adil kepada pencarum-pencarum yang mempunyai waris. Mungkin mereka tidak faham perlunya melantik seorang waris.

Jadi, bolehkah sebelum wang itu dijadikan sebagai harta kerajaan, ia dilaporkan ataupun diiklankan di dalam akhbar bagi pencarum-pencarum ini yang belum melantik waris. Beri notis selama satu bulan ataupun dua bulan supaya waris mereka boleh datang untuk menuntut wang yang belum dituntut oleh ibu bapanya. Saya rasa mereka berhak untuk menuntut wang yang disimpan oleh ibu bapa mereka. Jadi, sekiranya berlaku kesilapan seperti itu, keadilan adalah terwujud untuk pencarum-pencarum yang mungkin tidak berpendidikan, tidak mengetahui tentang peraturan-peraturan pelantikan waris itu.

Jadi, dengan dua perkara itu saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**7.45 mlm.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dana EPF adalah satu dana yang sangat mustahak untuk semua tetapi yang betul-betul mustahak sekali adalah untuk pekerja-pekerja di Malaysia ini.

Saya rasa di permukaan *preamble* rang undang-undang ini yang dibaca di seksyen 2, untuk meminda dan saya baca yang berbunyi sedemikian;

*“Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan undang-undang yang berhubungan dengan suatu skim simpanan untuk persaraan pekerja dan pengurusan simpanan itu bagi maksud persaraan dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.”*

*Emphasis* nya, adalah berkenaan dengan persaraan. Dalam perkara ini boleh saya dapat tahu, apakah sebab sehingga sekarang EPF ini tertakluk kepada persaraan umur 55 dan bukan mengikut taraf kerajaan, di mana sekarang persaraan adalah 56 tahun. Ada kemungkinan tidak berapa lama lagi akan dinaikkan kepada 58 atau 60 tahun. Kenapa EPF mengehendkan hingga 55 tahun? Saya rasa ini adalah satu peningkatan *though*, dengan izin, *regressive though*. Ia patut proaktif, lebih-lebih lagi itu adalah dasar kerajaan. Kita ada undang-undang yang mengatakan bahawa persaraan adalah 56 tahun, maka EPF pun, sumbangannya adalah patut sehingga 56 tahun dan bukan 55 tahun yang sedia ada.

Yang kedua adalah saranan-saranan saya, apakah sebab dan apakah *justify*, sebab-sebab yang tertentu bahawa selepas 55 tahun, pada masa pekerja-pekerja sangat perlukan wang simpanan mereka. Walaupun dia bekerja selepas 55 tahun, amaun, taksir yang patut dibayar dikurangkan kepada 50%. Ini adalah satu perkara yang tidak boleh diterima kerana pada masa itu, selepas dia bersara di swasta, dia tidak ada, dengan izin, *bargaining power*, untuk *bargain* dengan majikan.

Apatah lagi bila ada undang-undang yang mengatakan bahawa dia hanya perlu membayar 6% bagi majikan dan 55% bagi pekerja. Saya rasa ini adalah sesuatu yang bertindih, yang tidak boleh diterima. Sepatutnya, kita patut mengadakan satu rang undang-undang yang *uniform* iaitu sebelum berumur 55 dan selepas berumur 55 tahun. Saya rasa ini adalah satu perkara yang ditanya-tanya oleh masyarakat di negara ini.

Semalam Perdana Menteri sendiri telah mengatakan bahawa beliau bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh rang undang-undang ini tetapi beliau berkata dalam surat khabar, dalam interviu mengatakan bahawa kandungannya dia tidak tahu, kandungan dalam rang undang-undang dia tidak tahu walaupun dia adalah Menteri Kewangan. Saya rasa ini mungkin Setiausaha Parlimen lebih arif dalam perkara ini, boleh memberi sebab mengapa Perdana Menteri tidak diberitahu kandungan-kandungan dan apakah perkara-perkara yang sedang di bawa ke Parlimen untuk mendapat persetujuan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapat tahu, pada kebelakangan ini EPF telah *centralized* semua sistem untuk permohonan pengeluaran wang untuk membeli rumah atau membayar cagaran rumah dan untuk pelajaran/pendidikan. Saya difahamkan ia dilancarkan oleh EPF pada 1 Januari ini. Saya difahamkan, ini sangat menyusahkan pemohon-pemohon kerana permohonan di buat di pejabat-pejabat di seluruh negara akan tetapi sekarang keputusannya bukan sahaja dibuat di Kuala Lumpur, semua permohonan dihantar ke Kuala Lumpur. Kerap kali bila pemohon memanggil Kuala Lumpur, dia terpaksa menggunakan telefon setengah hingga satu jam dan pegawai berkata dia keluar makan, tidak senang, dan belum membuat sesuatu keputusan.

Mengapa sebabnya kita perlu membuat satu *centralized system*, bila EPF ada *online system* dan dia boleh menerima permohonan dan boleh membuat keputusan di ibu pejabat di seluruh negara ini. Mengapa kita ada pejabat-pejabat di Ipoh, Taiping, Kuala Lumpur dan merata tempat tetapi pegawai-pegawai yang sedia ada yang menerima permohonan itu tidak boleh membuat apa-apa? Dia menjadi *office boy*, terima permohonan dan hantar ke Kuala Lumpur dan bila pergi ke Kuala Lumpur keputusan akan dibuat di Kuala Lumpur dan memakan masa. Ini menyusahkan pihak-pihak yang ingin membuat permohonan untuk mengeluarkan wang untuk perumahan dan pelajaran.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta Penjelasan. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, adakah Yang Berhormat tahu ada kes di mana pegawai di Ipoh mereka kerana tidak ada kuasa membuat keputusan, apabila pelanggan atau ahli menanya soalan mereka berkata, "*Kami tidak tahu. Ini bergantung pada keputusan Kuala Lumpur. Hantar borang sahajalah. Kalau dia tolak, dia akan memaklumkan apa dokumen yang diperlukan*".

Ini menambahkan kerja, menambahkan birokrasi, menyusahkan orang ramai. Ada orang kampung yang pergi ke EPF mereka kena menaiki teksi yang mana membebankan mereka. Jadi, apakah pendapat Yang Berhormat dalam aspek ini? Kita sepatutnya *go on paperless*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya bersetuju, ini adalah kecacatan *delivery system* yang kerap kali dikatakan oleh Perdana Menteri, kita perlu *improve delivery system*. Pada awal tahun ini, 1 Januari ada sistem baru yang bukan dengan izin, *forward looking*. *It's backward looking*. Ini sangat menyusahkan pihak penyumbang - wang mereka, Mereka ada dokumen-dokumen yang sah tetapi semua dihantar ke Kuala Lumpur dan bila dihubungi dengan telefon, tidak ada pegawai-pegawai yang boleh memberikan satu pengesahan atau jawapan. Yang mustahak sekali, tidak ada *toll free*, perlu bayar sendiri untuk menelefon ke Kuala Lumpur.

Ini sangat-sangat menyusahkan, saya harap supaya di *centralized* semula seperti sebelum pada 1 Januari. Ini semua dipanggil sistem CMC. Ia ada sistem yang dipanggil CMC - *call management centre*. Semuanya di *centralized* tetapi bila kita panggil dia tidak jawab kerana terlampau banyak permohonan. Tolong kekalkan sistem yang sedia ada.

Kedua, *information technology* atau IT. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan sebanyak RM200 *million* telah dibelanjakan dalam beberapa bulan ini. Ini adalah untuk memodenkan IT di EPF. Sebenarnya, saya difahamkan RM200 juta yang digunakan sepatutnya digunakan untuk *software* tetapi dia gunakan untuk *hardware* juga. Semua IBM *computers* di seluruh negara telah dibawa Kuala Lumpur dan sekarang komputer-komputer baru ada di setiap tempat di mana EPF beroperasi, apa rasionalnya? Siapa yang ada kuasa untuk membuat satu keputusan sedemikian? Apakah keputusan ini rasional? Adakah ini untuk kebaikan penyumbang-penyumbang atau EPF *contributors*? Ini sangat merugikan mereka.

Saya difahamkan, bahawa walaupun ada cadangan-cadangan telah dibuat oleh pegawai-pegawai yang berkaitan dengan *software knowledge* ini tetapi semuanya telah di *overrule* dan dikatakan, "Kita ada wang, kita boleh buat keputusan". "*We have the money, we can spend, you don't object*". Ini adalah yang dikatakan dengan izin, 'dalam EPF'. Saya rasa ini adalah satu perkara yang amat mustahak di mana EPF sepatutnya sebagai satu *trustee* kepada lebih dari 11 juta orang pekerja di negara ini, dana mereka disimpan dengan harapan bahawa mereka boleh mendapat manfaat. Jangan membazir dan buang wang ini ke dalam sungai dan sebagainya, sewenang-wenangnya.

Ketiga, beberapa tahun dahulu *benefit* yang tertentu atas kematian seseorang penyumbang adalah RM5,000. Tanpa sebab, tanpa alasan ia telah dikurangkan kepada RM2,500, apakah logiknya? Sebenarnya EPF patut meningkatkan RM5,000 ke atas bukan mengurangkannya. Apakah sebabnya ini terjadi?

Keempat, *volunteer separation scheme* atau VSS, telah dilancarkan beberapa bulan dulu. Beberapa pegawai atasan telah dibayar beribu-ribu ringgit dalam VSS dan alasan mereka mengadakan VSS adalah untuk mengurangkan pegawai tetapi adakah ini yang dibuat selepas mereka bersara? Selepas mereka mendapat VSS di mana wang berjuta-juta ringgit dibayar sebagai pampasan, dibayar sebagai sugu hati? Pegawai-pegawai baru pula diambil untuk mengisi pegawai-pegawai yang mendapat VSS, apakah rasionalnya, apakah logiknya? Kenapa ada VSS? Pada dasarnya adalah untuk mengurangkan pekerja-pekerja walhal kita mengambil balik pekerja-pekerja baru untuk mengisi pegawai-pegawai yang mendapat VSS ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu dalam persaraan ini adalah kakitangan-kakitangan kerajaan, bila mereka menyumbang kepada permulaan 10 tahun itu dan selepas itu dia *pensioner full scheme*, dengan izin. Dana yang disumbangkan oleh mereka itu disimpan oleh EPF sehingga 55 tahun. Saya rasa ini adalah tidak logik langsung kerana pertama, dia sudah masuk ke *Pensioner Full Scheme*. Kenapa EPF menyimpan wang tersebut, wang yang disumbangkan oleh pekerja-pekerja kerajaan, sumbangan mereka. Kenapa kerajaan mesti menyekat, menyimpan wang tersebut?

Kedua, bila dia pergi ke *Pensioner Full Scheme* sumbangan kerajaan ditarik balik. Hanya sumbangan pekerja disimpan sehingga umur 55 tahun.

Saya rasa ini adalah tidak praktikal langsung dan tidak boleh diterima. Saya rasa sepatutnya ia dana yang diberi oleh pekerja dan kerajaan, kedua-duanya. Selepas seorang pekerja telah pergi ke satu *pensionable scheme*, wang itu patut diberi balik kepada pekerja tersebut kerana dia sudah masuk ke *pensionable scheme*. Wang itu tidak patut disimpan. Baru-baru ini ada banyak sistem yang baru di EPF. Di antaranya adalah beberapa sistem untuk mengeluarkan wang dalam membayar cagaran di bank, dahulu lima tahun, sekarang dikurangkan kepada tiga tahun. Selepas itu sekarang rumah boleh dibeli di atas nama isteri, wang EPF suami boleh dikeluarkan dan dibayar untuk cagaran di bank di mana harta itu dibeli di atas nama isteri satu, dua dan tiga boleh dibayar.

Apakah *preamble* yang permulaan? Mana boleh masuk akal apabila dia kata untuk persaraan. Nampaknya apa yang dibuat oleh dengan izin, *systematic digression and interest* untuk pekerja-pekerja adalah sangat *crystal clear* dengan izin. Apa yang ditulis dalam akta dan apa yang dibuat oleh EPF adalah sebenarnya tidak ada kena-mengena. Saya rasa apa yang dikatakan oleh beberapa pakar-pakar adalah kerana dia ada terlampau banyak wang dalam EPF dan EPF khuatir dia tidak boleh membayar balik. Tidak ada orang-orang yang berkualifikasi untuk membuat *investment-investment* mendapat *returns* dengan munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, ada juga saya sendiri tahu kerap kali apabila kita pergi ke mahkamah, kita tengok ada peguam-peguam dilantik untuk mengambil tindakan sivil dengan izin, *on the recovery of civil dues to EPF*. Kenapa ini terjadi? Bukankah EPF ada *in-house lawyers*? Mereka datang untuk membuat kes-kes di mahkamah, kenapa mereka tidak dilantik, tetapi melantik peguam-peguam swasta dan membayar yuran kepada peguam-peguam swasta di mana ada pilih kasih oleh EPF untuk melantik, ada panel dan sebagainya. Kalau ada *in-house lawyers*, biarlah dia. Dia ada kuasa dari segi undang-undang untuk menjalankan dan untuk membuat *recovery civil death* itu. Kenapa ini terjadi?

Tuan Yang di-Pertua, kerap kali kita ada situasi di mana majikan membuat pemotongan EPF dari pekerja dan ini tidak dihantar kepada EPF. Sebenarnya dari segi undang-undang Akta Jenayah, ini adalah satu kes CBT, kenapa sehingga hari EPF tidak mendapat arahan atau memberi pandangan kepada Peguam Negara supaya tindakan diambil terhadap majikan-majikan?

Salah satu di antaranya adalah majikan yang mengendalikan satu syarikat surat khabar yang terbesar di negara ini yang tidak membayar berjuta-juta ringgit kepada EPF. Ini perkara yang senyap-senyap. Adakah kerajaan akan memberitahu? Saya tidak mahu memberitahu surat khabar tersebut. Saya difahamkan berjuta-juta wang disimpan oleh pemilik surat khabar tersebut yang ada kena-mengena dengan parti politik. Berjuta-juta ringgit ini tidak dihantar kepada EPF, walhal wang itu telah diguna pakai oleh mereka sendiri. Kalau ini bukan CBT, apa itu lagi CBT?

Saya rasa surat khabar ini, saya sudah menanyakan satu soalan spesifik mengenai perkara tersebut pada sesi ini, tetapi saya masih tidak mendapat jawapan tersebut. Secara bertulis saya ada tanya, 'sila nyatakan surat khabar yang berkaitan'. Berjuta-juta ringgit dan kes telah dibawa ke mahkamah dan di mahkamah pun wang itu tidak dibayar seperti yang dicadangkan. Kenapa sehingga kini tidak ada tindakan susulan diambil terhadap pemilik surat khabar tersebut dan surat khabar itu masih berfungsi, masih berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini, walaupun nampaknya pada dasarnya adalah baik, tetapi saya rasa ada satu kerumitan akan membawa kepada penyumbang-penyumbang. Saya rasa Klausula 28 di mana ia mengehendkan masa untuk seseorang kalau dia telah mengeluarkan wang dan selepas setahun baru sedar bahawa EPF telah membuat kesalahan, dia tidak ada hak lagi, dia lupus. Sebenarnya dari segi undang-undang sivil, ia ada enam tahun. Kenapa EPF perlu diberi hanya setahun 12 bulan sahaja, mengurangkan masa untuk membuat aduan tersebut.

Kenapa EPF ini bukan *people friendly*? Kenapa EPF perlu ada undang-undang untuk menyelamatkan ia sendiri walaupun kesalahan itu kesalahan EPF? Kenapa kita tidak ikut undang-undang sivil yang memberi enam tahun dari segi rasionalnya. Ini diguna pakai di semua negara British, kenapa kita perlu satu undang-undang yang unik untuk melindungi EPF?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga, kita hendak tanya apakah rasional pelaburan dan baru-baru ini di RHB. Apakah sebab ia perlu membeli sebuah bank yang besar seperti tersebut. Apakah rasionalnya? Jangan kita lupa Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun dahulu, EPF telah membeli MBSB, apa terjadi? Pihak-pihak yang mengaut keuntungan adalah *director-director* di sana. Saya masih ingat *director-director* di MBSB dibayar dengan lumayan oleh kerana telah diambil-alih oleh EPF, mereka dibayar syer-syer berjuta-juta ringgit. Ini bukan wang dia. Dia adalah seorang pekerja EPF. Dia adalah *nominee* EPF.

Saya rasa ini juga akan terjadi apabila EPF mengambil alih RHB. Apakah *expertise* yang ada dengan RHB untuk mengambil satu bank dan kenapa kita perlu ada satu bank, bayar sebanyak berbilion-bilion ringgit? Apakah rasionalnya? Apakah *target* keuntungan untuk tahun ini, tahun hadapan, lima tahun lagi dan adakah macam mana kita akan mengatasi situasi MBSB? Sekarang apakah situasi MBSB? Adakah ia telah jadi mufis? Kenapa setelah ia diambil-alih EPF, dana dia tenat, perniagaannya teruk, kerugian dia terlampau dan NPLnya teruk. Kalau itu adalah kepakaran pegawai-pegawai EPF, apa gunanya kepakaran ini kepada RHB?

Kalau mereka sebenarnya ada kepakaran, bukankah kepakaran itu semestinya boleh diguna pakai di MBSB? Kenapa satu contoh ini tidak boleh diatasi? Kenapa berjuta-juta ringgit kerugiannya? Sebenarnya mereka patut mendapat kebenaran kerajaan untuk beri lebih inisiatif dan insentif di bawah *banking license* kepada MBSB supaya lebih *the growth of these particular* bank, MBSB. Tidak perlu ambil satu komersial bank. Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi peluang Yang Berhormat Menteri menjawab pula. Kita akan tamat pada pukul 9.00.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya okey sedikit lagi. Kepong tak habis tadi, saya terpaksa ambil alih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cepat sikitlah. Tiga minit lagi.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Mungkin dalam Jawatankuasa saya boleh cakap lagi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput pihak Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### 8.11 mlm.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyokong rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 Akta 452 di Dewan yang mulia ini.

Kerajaan memang sangat peka dan menghargai terhadap cadangan, pandangan dan teguran yang telah dibangkitkan dalam perbahasan rang undang-undang ini. Seperti mana kita semua maklum pindaan ini dibuat bertujuan untuk memperkemas dan melicinkan lagi urusan pentadbiran KWSP untuk menjaga dan mematuhi keperluan dan kebajikan ahli-ahli sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dan rata-rata sebenarnya mereka menyokong, tetapi cuma ada sedikit teguran yang telah dibuat. Bukit Bintang, mahu supaya KWSP berikan laporan penuh berhubung dengan pelaburan KWSP dan memastikan ketelusan pelaburan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, KWSP telah pun memberikan laporan tahunan dan laporan aktiviti pelaburan suku tahunan di akhbar-akhbar utama. KWSP turut membuat perjumpaan dengan wakil-wakil pekerja seperti MTUC setiap tahun untuk penjelasan tentang aktiviti-aktiviti pelaburan Tuan Yang di-Pertua. Bukit Bintang lagi, tentang seksyen 39, ada 200 pengarah syarikat yang telah pun diambil tindakan dan penahanan keluar negara kerana kegagalan membayar caruman KWSP tertunggak setakat April 2007. Maknanya KWSP telah pun mengambil tindakan kepada majikan yang telah pun gagal membayar caruman. Maknanya mereka tak bebas keluar masuk. Ditahan dan diambil tindakan Tuan Yang di-Pertua.

Setakat Disember 2006, kadar majikan yang gagal mencarum adalah sebanyak 2.42% ataupun dengan angkanya 9,344 majikan. Tindakan telah diambil kepada mereka yang gagal membuat caruman Tuan Yang di-Pertua. Bukit Bintang juga, tentang ahli yang membuat pelaburan apabila mencapai umur 55 tahun. Jumlah pelaburan yang telah dipindahkan kepada Institusi Pengurusan Dana dianggap telah dikeluarkan daripada KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini memang bertujuan untuk memudahkan ahli berurusan terus dengan Institusi Pengurusan Dana tanpa perlu mengembalikkan pelaburan tersebut kepada KWSP apabila mencapai umur 55 tahun. Maknanya Tuan Yang di-Pertua, sebelum dia mencapai umur 55 tahun kalau dia mengeluarkan duit untuk pelaburan, duit itu kalau dijual ataupun kalau dia selesai urusan pelaburan maka dia kena pulang balik kepada KWSP tapi setelah mencapai umur 55 tahun, maka mereka tidak perlu lagi memulangkan balik wang itu kepada KWSP. Malahan mereka boleh mengeluarkan semua sekali caruman mereka pada umur itu.

Tuan Yang di-Pertua, Jerai. Tak ada sini. Penglibatan projek-projek di dalam projek mega kerajaan...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan. Mengenai pelaburan yang dibuat Tuan Yang di-Pertua, pelaburan yang dibuat dari dana EPF seseorang yang menyumbang dan sekarang yang kita ada ialah jika untung atau rugi ia akan atas nama *contributor* itu akan ada di sana. Soalan saya, adakah EPF bercadang bahawa bila ada keuntungan seperti kita membeli satu syer RM1 atau RM10, adakah keuntungan itu boleh diberi balik kepada penyumbang tersebut atau bila masa sahaja dia ada hak untuk mendapat wang tersebut.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan sekarang semuanya kena pulang balik kepada KWSP sebab ini adalah untuk simpanan persaraan selepas berpencen umur persaraan jadi wang ini akan digunakan selepas itu. Jadi ini mengikut dasar yang ada pada KWSP sekarang Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat saya harap dapat diberi perhatian oleh KWSP sendiri Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan projek-projek mega. Ini cadangan daripada Jerai. Dalam hal pelaburan Tuan Yang di-Pertua KWSP amat berhati-hati. Seboleh-bolehnya tak mahu ada kerugian langsung. Jadi kalau pihak KWSP melabur dan cuba mendapat keuntungan yang besar mungkin juga akan berlaku kerugian yang besar.

Walaupun bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua dalam hal ini KWSP telah pun memberi pinjaman kepada projek-projek mega oleh syarikat-syarikat lain. Contohnya untuk Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan, EPF telah pun memberi pinjaman kepada kerajaan sebanyak RM21.5 bilion, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), KWSP telah pun memberi pinjaman sebanyak RM12.5 bilion, Khazanah Nasional RM8.62 bilion, Bank Pembangunan Malaysia RM8.2 bilion, KL International Airport Berhad RM5.8 bilion, Bumiputera Commerce Holding Berhad RM5.09 bilion, Tenaga Nasional RM4.55 bilion, Tanjung Bin Power Sendirian Berhad, RM37.45 bilion, Projek Utara Lebuhraya Selatan RM3.29 bilion, Tekad Mercu Berhad RM2.95 bilion. Jumlah semua RM75.6 bilion.

Saya sebut ini kerana ini juga pelaburan *indirect* Tuan Yang di-Pertua. Secara tidak langsung EPF telah pun membuat pelaburan dalam syarikat-syarikat berkenaan.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** [Bangun]

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tapi kerugian ditanggung...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Rembau.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Segala urusan ditanggung oleh syarikat-syarikat berkenaan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya inginkan penjelasan daripada pelaburan tadi yang sebahagiannya dalam sekuriti kerajaan, pinjaman, bon, ekuiti, instrumen pasaran wang dan hartanah. Jadi sektor mana yang beri pulangan yang paling tinggi antara sektor-sektor yang disebut tadi dan ada tidak sektor-sektor di mana pelaburan EPF mengalami kerugian. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Mengikut maklumat yang ada pada saya Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa pendapatan pelaburan yang paling tinggi ini kerana saya kira pelaburan juga tinggi Tuan Yang di-Pertua. Iaitu untuk 2006 pelaburan dalam sekuriti kerajaan Malaysia RM4.88 bilion ataupun 36.7% daripada keuntungan. Pinjaman dan bon untuk 2006 RM5.341 bilion ataupun 40.25% daripada jumlah keuntungan. Ekuiti keuntungan RM2.274 bilion bersamaan dengan 17%, instrumen pasaran kewangan RM728.94 bilion ataupun 5.49% dan hartanah pun KWSP terlibat sama walaupun kecil. Keuntungan sebanyak RM45.14 *million* yang *equivalent* 0.34%. Makna yang paling untung sekali ialah dari segi pinjaman dan bon Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat dari segi pelaburannya memang pinjaman dan bon adalah paling tinggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berapa peratus pinjaman bon. Berapa peratus kadar keuntungan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Keuntungan ialah 40.52% daripada pelaburan. Pelaburan pun tinggi juga RM100 bilion lebih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Jerai lagi. Kenapa KWSP tidak mengambil insurans khairat kematian untuk ahli-ahlinya. Pada masa ini KWSP belum bercadang untuk mengambil insurans khairat kematian kerana simpanan KWSP adalah simpanan individu setiap ahli. Oleh itu tidak boleh ambil simpanan ahli ini sebagai *pool* untuk diberi kepada ahli-ahli yang lain. Walau bagaimanapun, di bawah cadangan pindaan akta ini KWSP ingin memperkenalkan skim insurans kesihatan bagi penyakit kritikal untuk ahli dan keluarga serta akan mengkaji cadangan lain yang bersamaan dengan perkara ini.

Juga Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bila berlaku kematian di kalangan ahli pihak KWSP mengeluarkan khairat yang berjumlah RM2,500 tiap-tiap ahli yang berlaku kematian kepada mana-mana ahli lah. Itu yang dikeluarkan daripada *pool* bukan daripada wang pencarum itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, soalan lain berkenaan kenapa KWSP tidak membayar dividen tinggi setinggi Bank Rakyat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk menjawab sebenarnya

80% daripada dana KWSP adalah dilaburkan dalam instrumen-instrumen kerajaan dan sebagainya yang adalah memberi pulangan yang *secure* dengan izin, dan pulangannya adalah agak kurang sedikit rendah sedikit daripada pelaburan-pelaburan yang mendatangkan hasil yang tinggi tetapi berisiko tinggi. Sebab itu dalam hal ini KWSP tidak boleh memberi dividen yang begitu tinggi. Walau bagaimanapun, kalau kita lihat rekodnya Tuan Yang di-Pertua dividen meningkat daripada tahun 2002 - 4.5%, 2003 - 4.5%, 2004 - 4.75%, 2005 - 5%, 2006 - 5.1%. Maknanya tiap-tiap tahun meningkat. Ini mencerminkan pendapatan yang meningkat tiap-tiap tahun yang telah pun dijanakan oleh pelaburan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan Yang Berhormat Jerai lagi mengingatkan ahli supaya membuat penamaan melalui penyata atau notis yang dihantar kepada ahli. Jadi sebenarnya kalau kita lihat penyata kira-kira ahli yang diedarkan pada setiap tahun yang mengandungi butiran sama ada ahli telah pun membuat penamaan atau tidak. Jadi ini bertujuan supaya ahli yang belum membuat penamaan berbuat demikian dengan segera manakala ahli yang telah membuat penamaan kalau boleh mengemaskinikan penamaan yang dibuat dari masa ke semasa. Pada masa yang sama KWSP terus mengadakan kempen-kempen melalui media untuk menggalakkan ahli membuat penamaan. Ini bermakna perkara ini telah pun dijalankan oleh KWSP bermakna mengingatkan semua ahli supaya membuat penamaan kepada pencaruman mereka.

Mengenai pengeluaran RM1 juta ini berkenaan dengan pengeluaran pelaburan ataupun pencaruman yang lebih daripada RM1 juta ini, pengeluaran simpanan oleh ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM1 juta dan skim insurans kesihatan dalam skim yang berasingan.

Pengeluaran Ringgit Malaysia daripada pencaruman yang melebihi RM1 juta adalah hanya untuk ahli yang mempunyai simpanan yang melebihi RM1 juta dan mereka boleh melaburkan atau mengeluarkan lebihan ini untuk apa-apa pelaburanlah yang diuruskan sendiri. Skim insurans kesihatan penyakit kritikal pula terbuka kepada semua ahli untuk perlindungan diri sendiri dan ahli keluarga mereka. Bermakna dalam hal mereka yang ada kelebihan yang begitu banyak pelaburan mereka memang digalakkan untuk mengeluarkan dan membuat pelaburan sendiri Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya dapat tahu Yang Berhormat apakah asas ada *special* insurans skim untuk seseorang yang telah mencapai RM1 juta penyumbangannya, nombor satu. Nombor dua siapakah yang akan membiayai pembelian insurans tersebut? Adakah EPF ataupun pihak yang menyumbang?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ahli boleh dikeluarkan daripada akaun kedua mereka dulu tiga akaun sekarang jadi dua akaun jadi pemegang atau pencarum boleh mengeluarkan wang mereka daripada akaun kedua untuk membeli insurans Tuan Yang di-

Pertua bukan duit *pool* bukan duit daripada EPF tetapi duit daripada pencarum sendiri. Berkenaan dengan pelabur RM1 juta yang atas ini saya difahamkan lebih kurang 200 orang yang mempunyai pencaruman lebih daripada RM1 juta. Jadi mereka diberi kelonggaranlah untuk membuat pelaburan. Sekarang pun sudah ada skim Tuan Yang di-Pertua seperti yang disebut oleh saya ingat mungkin Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga tentang membenarkan pelabur-pelabur ataupun pencarum-pencarum yang sudah ada duit lebih dia ada skim dia iaitu mengikut umur.

Kalau umurnya lebih daripada umur dia, di sini saya ingat ada yang ada ini. Umur ini cadangan-cadangan baru yang telah dibuat oleh KWSP iaitu mengikut peringkat umur dan jumlah tertentu simpanan mereka dalam akaun satu yang lebihnya mereka boleh keluarkan untuk pelaburan. Pelaburan pula tidak boleh dibuat ikut suka hati tetapi mestilah pelaburan di mana-mana badan yang telah pun diluluskan oleh KWSP sendiri Tuan Yang di-Pertua. Bermakna ini kerajaan cuba menggalakkan supaya mereka mendapat keuntungan lebih daripada pelaburan sendiri dan pelaburan yang telah pun diiktiraf oleh KWSP dan hasilnya juga dipulangkan kepada KWSP untuk simpanan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai, berapakah pulangan pelaburan luar negara? Setakat ini Tuan Yang di-Pertua mengikut perangkaan yang ada pelaburan luar negara diuruskan dengan baik oleh pengurus-pengurus dalaman dan juga pengurus-pengurus luaran. Setakat ini jumlah yang telah pun dilaburkan di luar negara ialah USD1.262 bilion dan pulangannya adalah 12.27% satu pulangan yang baik Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bagi Tanjong, cadangan untuk mengurangkan caruman pekerja yang berumur 55 tahun ke atas sebanyak 5% menjustifikasikan pekerja mengikut umur. Tuan Yang di-Pertua sebelum pindaan ini ahli yang berumur 55 tahun ke atas yang telah mengeluarkan simpanan tidak lagi wajib mencarum kepada KWSP tetapi sekarang ini dengan pindaan ini maka mereka wajib mencarum tetapi setengah daripada pencaruman sebelum umur 55 tahun. Ini satunya menggalakkan mereka menyimpan yang keduanya juga menggalakkan majikan-majikan untuk *employ* dengan izin, untuk meng *employ* mereka bekerja berterusan. Jadi maknanya mereka boleh terus melabur terus mencarum kepada KWSP. Walaupun mereka juga boleh mengeluarkan kesemua sekali caruman mereka pada umur 55 tahun maknanya mereka.. tetapi kalau mereka terus bekerja mereka boleh teruskan sumbangan dan KWSP menerima caruman mereka. Ini sebenarnya kita hendak menggalakkan majikanlah untuk mengambil mereka kerja berterusan Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bagi Rembau, menaikkan kadar caruman majikan bagi tujuan menambah simpanan ahli. Jadi Tuan Yang di-Pertua memang majikan diwajibkan mencarum 12% tetapi kalau mereka hendak mencarum lebih daripada itu mereka boleh mencarum sehingga 19% dan boleh mendapat pengecualian cukai. Bermakna dia boleh melabur sehingga 19%

macam yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Rembau. Bermakna jika dia mencarum lebih daripada itu maka dia berhak mendapatkan *tax redemption*, Tuan Yang di-Pertua.

Berbalik kepada Yang Berhormat bagi Tanjong, bantuan hilang upaya dan kematian dihadkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Bantuan hilang upaya 12 bulan dan bantuan kematian enam bulan tidak selaras dengan niat untuk membantu ahli. Tuan Yang di-Pertua, bantuan hilang upaya tempoh 12 bulan - matlamat bantuan ini diberikan ialah untuk membantu meringankan beban kewangan ahli yang hilang punca pendapatan disebabkan oleh hilang upaya untuk bekerja. Jika bantuan dibuat selepas 12 bulan maka pembayaran tersebut tidak lagi selaras dengan tujuan bantuan tersebut. Bagi bantuan kematian tempoh enam bulan, matlamat bantuan ini adalah untuk membantu meringankan beban kewangan waris ahli semasa berlaku kematian seperti menguruskan pengebumian dan jika tuntutan dibuat selepas tempoh itu bantuan ini juga tidak selaras dengan tujuan bantuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tanjong juga mengemukakan tentang pendakwaan terhadap ahli yang mengemukakan dokumen palsu untuk tujuan pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, pendakwaan di bawah seksyen 59A, peruntukan am bagi mengemukakan dokumen yang tidak benar atau tidak betul. Hukuman denda adalah maksimum RM10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Sekarang ini terdapat 315 kes telah difailkan di mahkamah terhadap ahli KWSP dan sejumlah 120 kes telah selesai. Mereka telah dijatuhkan hukuman dan termasuk juga penjara dan hukuman denda, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bagi Seputeh, konflik ataupun penjagaan kepentingan ahli panel pelaburan KWSP dengan syarikat di mana KWSP membuat pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini enakmen yang ada mewajibkan supaya ahli panel yang ada terlibat membuat *declaration* tentang *interest* mereka di dalam mana-mana kes yang diperbincangkan. Maknanya mesti. Ini kena ikutlah. Ini amalan biasa, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada *conflict interest*, ahli panel mesti *declare* dan tidak boleh mengambil bahagian dalam perbincangan pelaburan tersebut, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bagi Seputeh juga bangkit tentang wakil persatuan ataupun *union* tidak dirunding bagi mendapatkan pandangan berhubung dengan cadangan pindaan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau apa yang dikatakan itu benar bahawa ahli panel Bahagian Pelaburan KWSP hendaklah *declare* dia tidak ada *conflict interest*, kenapa semasa KWSP membeli bon daripada Malakoff Berhad yang mana Tan Sri Halim Ali pada waktu itu dia pengerusi kepada KWSP dan dia juga pengerusi kepada Malakoff Berhad. Selepas itu KWSP yang membuat keputusan membeli bon daripada Malakoff Berhad. Ini memang satu *conflict of interest*. Kenapakah ini dibenarkan berlaku?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini perkara spesifik, tetapi kalau melihat tokoh yang telah disebut tadi, beliau adalah seorang bekas KSN, tentulah beliau tahu apa yang betul, apa yang tidak betul dan saya yakin beliau telah buat *declaration* dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Tetapi ini memang sudah berlaku. Walaupun dia bekas KSN, tetapi ini adalah apa yang berlaku dalam panel pelaburan KWSP sahaja dan sekarang saya hendak tahu apakah kriteria pemilihan ahli panel dalam Bahagian Pelaburan KWSP. Sekarang nampaknya kita tidak ada satu mekanisme untuk memantau pelaburan KWSP dan selalunya ia membuat kesilapan dari segi pelaburan dan kita sebagai pembayar caruman kepada KWSP yang rugi. Jadi macam manakah pihak kementerian mengadakan satu mekanisme dan juga mungkin mengadakan lebih rundingan dengan pihak yang terlibat dalam panel pelaburan untuk membantu mereka supaya tidak membuat kesilapan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan panel pelaburan, keahlian mereka adalah terdiri daripada pengerusi yang dilantik oleh Menteri Kewangan, Gabenor Bank Negara atau wakilnya menjadi ahli, seorang wakil daripada Kementerian Kewangan, Ketua Pegawai Eksekutif EPF itu sendiri dan tiga orang lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan atas pengalaman mereka dalam bidang-bidang perniagaan dan lain-lain. Bermakna satu gabungan yang saya yakin amat mantap. Maknanya semua ada. Saya yakin mereka telah pun membuat pertimbangan yang sewajarnya tentang pelaburan-pelaburan yang telah dibuat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kalau mereka membuat kesilapan yang menyebabkan kerugian dari segi pelaburan KWSP, macam mana kita boleh tukar mereka ataupun mengenakan mungkin denda atau hukuman terhadap mereka. Sekarang kita tidak ada satu mekanisme.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, panel yang saya sebut tadi adalah orang-orang yang memang pakar dalam bidang-bidang pelaburan dan bidang kewangan ini. Dalam hal yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Seputeh ini, saya pun tidak ada maklumat di sini dengan saya. Saya mohon notislah untuk dapat jawab soalan berkenaan ini secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Seputeh ini banyak soalan, Tuan Yang di-Pertua. Pelaburan dengan Syarikat GSF telah pun ditamatkan. Tindakan sedang diambil untuk mendapatkan *refundable* deposit yang tersebut dan sekarang sedang berjalan *domestic inquiry* dan tindakan tatatertib sedang dalam proses pada perkara-perkara yang terbabit. Maknanya tindakan tentulah diambil.

Tentang tuduhan KWSP tidak respons kepada surat GSF, ini tidak benar sama sekali. KWSP telah bertemu muka dengan pemegang saham GSF, Tuan Yang di-Pertua. Kemudian...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan. Yang Berhormat, sebenarnya sebelum saya membentangkan isu ini, saya pernah berjumpa dengan pengarah yang tidak terlibat dalam PISB. Jadi mereka juga ada tunjuk surat yang ditulis kepada Yang Berbahagia Dato' Azlan Zainol kepada saya. Saya ada surat ini. Saya ada laporan polis mereka. Semua maklumat yang berkaitan semuanya saya ada tetapi yang memang mereka beritahu saya, di sini ada tiga surat yang ditulis pada 11 Disember 2006, 21 Disember 2006, selepas itu 24 November 2006 dan 8 Januari 2007. Di sini ada empat pucuk surat.

Empat surat ini memang CEO KWSP tidak berjumpa dengan mereka walaupun mereka adalah parti yang terlibat dalam kerugian pelaburan KWSP ini, saya rasa sekurang-kurangnya CEO KWSP haruslah kalau KWSP telah pun rugi dalam pelaburan ini telah buat satu kesilapan, adalah patut bagi CEO untuk jumpa dengan mereka tetapi tidak jumpa langsung. Saya rasa pegawai yang memberi jawapan kepada Yang Berhormat itu mungkin tidak begitu tahu tentang apa yang telah berlaku dan tidak memberi jawapan yang benar dan tepat kepada Yang Berhormat untuk dijawab di Dewan yang mulia ini.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu hendak ikut yang mana satu. Saya yakin dengan pegawai dan Yang Berhormat yakin dengan pihak pemegang saham. Jadi kedua-dua kita yakin antara satu sama lain. Jadi apa yang saya hendak jawab ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab sahajalah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi adakah Yang Berhormat sudi berjumpa dengan pengadu saya dan Yang Berhormat juga boleh panggil CEO dari KWSP untuk berjumpa bersama-samalah. Biar kita tahu kerugian yang begitu besar yang mana KWSP telah bayar RM1.15 juta itu macam mana kita boleh dapat balik dan kedua-dua kita boleh jadi saksi dalam pertemuan ini. Bolehkah Yang Berhormat mengatur pertemuan seperti ini?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya lebih suka perkara ini diselesaikan di peringkat pengurusan, Tuan Yang di-Pertua. Kita banyak *bill* hendak bincang ini, Tuan Yang di-Pertua. Banyak *bill* ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Seputeh lagi, banyak ini. Wakil kesatuan, tidak dirunding bagi mendapatkan pandangan berhubung dengan cadangan pindaan ini. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat komposisi Ahli Lembaga Pengarah KWSP, mereka terdiri daripada *tripartite* iaitu diwakili oleh beberapa pihak wakil pekerja, NUTC dan CUEPACS ada di dalam sebagai Ahli Lembaga, wakil majikan, persatuan majikan ada, wakil profesional pun ada, wakil kerajaan ada. Cadangan ini telah diteliti dan dibincangkan dan cadangan untuk membuat pindaan ini telah pun dibincangkan dan diperakukan oleh Lembaga sebelum dibawa kepada Kementerian Kewangan dan di Parlimen. Kita sudah bincang, wakil masing-masing sudah bincang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Tetapi panel pelaburan tidak ada wakil daripada pencarum KWSP dan juga tidak ada wakil daripada MTUC. Selalunya yang menyebabkan kerugian bagi KWSP adalah panel pelaburan. Itulah sebabnya kita tanya, tadi Yang Berhormat bagi Tebrau pun juga ada tanya macam mana panel pelaburan membuat keputusan pelaburan kerana wang itu, wang kita semua termasuk wang Yang Berhormat. Kalau kita pilih orang yang salah, pilih orang yang ada *conflict of interest* termasuk *banker* semua, kes yang saya sebutkan tadi, penyelewengan sudah tentu akan berlaku. Itu sebabnya saya tadi tanya macam mana kita memantau panel pelaburan KWSP untuk membuat pelaburan bagi pihak kita semua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ahli lembaga berbeza dengan panel pelaburan. Tadi telah saya sebut bahawa ahli panel pelaburan adalah dipilih daripada orang-orang yang profesional termasuk wakil gabenor dan sebagainya. Mereka memang pakar dalam bidang masing-masing. Jadi susahlah kalau Yang Berhormat hendak mempertikaikan integriti mereka. Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga membangkitkan tentang VSS kakitangan KWSP. Tuan Yang di-Pertua, VSS hanya melibatkan kakitangan bukan eksekutif dan sebenarnya, tiada pengambilan anggota baru yang telah dibuat. Jadi yang ini saya ingat ini jelaslah VSS bukan pada eksekutif dan tiada pengambilan anggota baru telah dibuat untuk menggantikan mereka.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan. Yang Berhormat tadi tidak menjawab soalan saya tentang kenapakah pindaan rang undang-undang ini membenarkan aktiviti perdagangan derivatif. Spekulasi itu dibuat oleh KWSP memandangkan ia mengandungi risiko yang tinggi. Jadi kita sudah menyaksikan yang mana Bank Negara sudah buat kesilapan pada tahun 80-an. Sekarang KWSP pula menceburkan *you know* dalam aktiviti spekulasi *currency*. Bukankah ini agak *risky* mengadakan risiko yang lebih tinggi bagi kita pencarum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kenapakah pindaan seperti ini dibenarkan?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, itu pindaan dan pindaan ini sebenarnya memberi ruang dan skop yang lebih luas untuk KWSP melabur dalam mana-mana jenis pelaburan yang difikirkan menguntungkan dan yang tidak ada risiko. Biarlah panel pelaburan yang membuat keputusan sama ada hendak terlibat dalam derivatif atau tidak. Oleh kerana kita cuma buat pindaan bagi membolehkan KWSP melabur jadi kalau pada pendapat panel pelaburan, tidak boleh melabur ataupun berisiko tinggi, dia tidak melaburlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ruang dan skop telah pun kita beri melalui enakmen dalam pindaan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, faham.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, tentang simpanan asas RM120,000 pengukur, apa yang telah digunakan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajahlah Jumlah RM120,000 bagi yang berumur peringkat pencen. ini sebenarnya boleh membiayai RM500 sebulan. Memang dipersoalkan untuk sara hidup mereka ya. Mengikut jangkaan hayat hiduplah, kalau RM120,000 boleh membawa pulangan RM500 sebulan. Jadi, bolehlah menampung persaraan mereka.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat juga tidak jawab tentang caruman pekerja asing kenapa majikan sekarang hanya perlu bayar RM5.00 sahaja satu bulan. Yang dulu bayar 21%.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** *Coming, coming... [Ketawa]* Sebab saya hendak cepat tadi jawapan berselang seli sikittlah.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pencaruman pekerja asing 11% dan 5% majikan merupakan eksploitasi kepada pekerja asing. Ini Yang Berhormat bagi Seputeh tanya tadi, cadangan mewajibkan majikan membayar caruman dua tahun sekali gus bagi memastikan majikan membayar caruman. Adakah cadangan ini menggalakkan majikan di Malaysia mengambil pekerja asing berbanding dengan pekerja tempatan. Adakah cadangan ini menggalakkan supaya majikan di Malaysia ini mengambil pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum tahun 1998, pekerja warganegara asing tidak diwajibkan mencarum tetapi pada 1 Ogos 1998, pekerja negara asing diwajibkan dan kerajaan telah pun meletakkan syer pekerja 11% dan syer majikan 5%. Ini tidak ada perubahan daripada dulu sehingga sekarang. Sama juga RM5. Eh bukan, bukan 5%, RM5. Tidak ada perubahan dahulu sehingga sekarang, sama. Saya ingat itulah jawapannya Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian Yang Berhormat bagi Batu Gajah, balik kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Tentang tuntutan harta perkahwinan seksyen 53A. Jumlah tuntutan harta perkahwinan dipindahkan kepada akaun penuntut yang dinamakan dalam perintah mahkamah hanya boleh dikeluarkan apabila penuntut berumur 55 tahun ataupun oleh sebab kematian, hilang upaya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah itu akan dipindahkan ke akaun khas atas nama penuntut di KWSP. Peruntukkan ini adalah untuk memudahkan penuntut memperoleh harta perkahwinan kerana pada masa ini harta perkahwinan hanya boleh dibayar apabila ahli mencapai umur 55 tahun dan KWSP tidak dapat memastikan ahli memenuhi perintah mahkamah tersebut. Dengan adanya peruntukan baru ini, KWSP dapat menjamin bahawa tuntutan harta perkahwinan dapat dibayar kepada penuntut.

Simpanan KWSP adalah untuk persaraan ahli dan tujuannya adalah untuk persaraan Tuan Yang di-Pertua. Maknanya kita menjangkakan bahawa kalau ahli itu masih lagi muda, beliau boleh mendapat peluang pekerjaan tetapi kalau sudah bersara, 55 tahun ke atas, mungkin

tidak dapat pekerjaan. Jadi dia perlu kepada simpanan ini. KWSP menjaga kepentingan pesara sebab itu kita hadkan supaya tidak boleh mengeluarkan simpanan sebelum umur 55 tahun.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata ia akan ada satu akaun khas kepada penerima. Jadi bagi contoh isterilah. Kalau mereka dapat perintah, jadi dia perlu membuka satu akaun menyatakan akaun khas dalam KWSP dan mengapakah mesti memaksa mereka untuk hanya boleh mengeluarkan wang itu apabila mencapai 55 tahun? Ini adalah harta perkahwinan yang mereka kumpul semasa perkahwinan mereka. Jadi tadi saya pohonlah ada kelonggaran. Ada banyak kes nafkah tidak bayar oleh suami. Ini adalah untuk menampung kegunaan harian mereka yang tidak mencukupi. Jadi saya pohon kelonggaran dalam aspek ini. Boleh tolong kaji semula ke?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Asasnya Tuan Yang di-Pertua KWSP ini ditubuhkan untuk menjaga kepentingan pesara-pesara apabila mereka bersara. Mereka memberi sumbangan semasa bekerja, dan semasa persaraan ada duit untuk belanja. Dalam hal ini, penuntut kepada wang si mati, penuntut yang di namakan oleh mahkamah dan dibuka akaun baru untuk dia dan itulah, tujuannya untuk jaga masa depan dialah, masa umur persaraan. Saya sebut tadi bahawa masa muda dia ada peluang untuk bekerja tapi sudah bersara, dia tidak boleh kerja lagi. Jadi dia bergantung kepada simpanan ini. Itu tujuan EPF ini. Kalau kita benarkan dia mengeluarkan duit itu, maka apabila sudah sampai umur bersara, sudah tidak ada lagilah. Tidak ada lagi simpanan untuk belanja. Jadi ini yang menjadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak pergi kepada Yang Berhormat bagi Kepong.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta penjelasan sikit.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang tuntutan bagi pihak pencarum ini. Misalnya saya bagi yang saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Jerai tadi. Misalnya kalau isteri seseorang itu semasa ia muda, dia belum kahwin, dia punya *beneficiaries* ini atas nama papa dan mama beliau ya. Jadi apabila sudah berkahwin, sudah mempunyai anak dan tiba-tiba dia meninggal, dan suami terpaksa menuntut caruman itu, jumlah caruman. Apabila didapati pula yang *beneficiaries* itu atas nama bapa dan mama oleh pencarum itu dan telah lama meninggal dunia. Jadi, pihak KWSP minta surat kematian ataupun *Death Certificate*, Sijil Mati.

Jadi, apabila sudah dibagi, ada pula yang dikehendaki lagi mengeluarkan jadual tiga. Ini hanya dituntut di mahkamah, kenapa ini diberi begitu sukar untuk mendapat balik caruman itu? Apakah niat EPF ini memegang hak yang bukan sepatutnya hak EPF lagi? Kita diwajibkan

mencarum tetapi apabila kita menuntut balik sukar untuk pencarum itu mendapat apa yang patut dibagi kembali kepada penuntut?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya yakin ini adalah kes spesifik. Kalau ada yang itu bolehlah beri laporan itu kepada saya dan boleh saya mendapatkan maklumat daripada KWSP tetapi pada dasarnya Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi, dan Yang Berhormat bagi Seputeh yang bertanya tadi tentang tuntutan ini, dia adalah untuk persaraan. Jadi kalau hendak ambil segera, maknanya dia masih muda. Kalau dia hendak ambil segera duit itu, walaupun dia berhak, jadi ini tidak menepati tujuan sebenarnya EPF ini. Oleh sebab itu, mungkin menjadi susahlah. Walau bagaimanapun, kalau kes ini spesifik, bolehlah Yang Berhormat rujuk kepada saya dan saya akan bincang dengan pihak EPF, ya?

Tentang...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan... [*Dewan riuh*] Bukan, tentang isu *nominee* ini. Selalunya isu *nominee* seperti apa yang dibangkitkan oleh Putatan ini memang wujud. Jadi, sebenarnya, pada pandangan saya KWSP harus dan lebih mesra dengan pihak pencarum. Jadi mereka harus tulis nama *nominee* itu atas mungkin *statement* yang dihantar kepada mereka sebagai satu ingatan dan juga supaya mengingatkan mereka kalau sudah kahwin, haruslah tukar *nominee*. Jadi ini semuanya *reminder* haruslah dibuat oleh KWSP supaya bila orang sudah mati, selepas itu mereka dan ahli keluarga bergaduh atas siapa yang boleh dapat balik wang pihak pencarum. Saya ingin satu cadangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab awal tadi iaitu memang KWSP tiap-tiap kali penyata dikeluarkan, disebut juga penama itu, *nominee*..

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** ....Jadi terpulang kepada pencarum itulah hendak tukar kah, hendak kekalkan itu, terpulang kepada dialah. Jadi sudah ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, KWSP ini sudah berada begitu lama. Masalah penama ini sudah tentulah dapat diselesaikan, ya? Sudah ada urusan-urusan tertentu bagi penama menuntut. Tidak patut ada masalah lagi.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya setuju Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik teruskan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya hendak sambungkan lagi. Yang Berhormat bagi Kepong pula, tentang jumlah wang yang tidak dapat dituntut setakat ini dan apakah tindakan yang diambil oleh KWSP? Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang tidak dituntut sekarang ialah RM119 juta dan KWSP menjalankan kempen melalui media untuk mengingatkan ahli atau waris supaya mengeluarkan simpanan KWSP selepas bersara. KWSP juga menerbitkan sebuah buku yang menyenaraikan semua nama ahli-ahli dalam rekod KWSP yang belum mengeluarkan

simpanan mereka selepas umur 65 tahun. Buku ini telah pun ditempatkan di semua pejabat pos seluruh negara untuk semakan ahli.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang mengambil perhatian mengenai kenyataan Yang Berhormat. Daripada RM116 juta ini apakah bilangan pencarum?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka itulah tentang bilangan pencarum tetapi yang ada cuma jumlah besar wang RM119 juta. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, walaupun dipindah kepada tabung yang tidak dituntut ini, mereka, waris boleh buat tuntutan bila-bila masa Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bagi Tebrau, bagaimana pelaburan dibuat dan prosedurnya? Tuan Yang di-Pertua, pelaburan tertakluk kepada... yang *research* punya saya pun sudah jawab ini, bagaimana pelaburan telah dibuat? Maksudnya ada panel pelaburan dan mereka pertimbangkan tiap-tiap pelaburan dengan terperinci. Jadi ini yang dibuat. Ini amalan biasa Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Yang Berhormat bagi Tebrau juga sebut tentang maklumat yang beliau minta, saya ingat saya sudah bagi satu minggu kemudian tetapi mungkin saya sudah tengok laporan itu dan mungkin tak tahulah tak sampai. Mungkin *slip-up somewhere*, tak sampai.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan bagilah. Kalau ada, saya akan bagi balik.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Itu bukan saya yang minta, tetapi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang janji. Janji dalam Dewan yang mulia ini. Saya haraplah janji itu akan ditunaikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesti ada permintaan dahulu, sebelum ada janji ya?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tidak mengapa Tuan Yang di-Pertua. Saya akan semak balik, dan bagi jawapan dengan segeralah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, tentang Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Banyak perkara telah dibangkitkan. Satu, tentang umur pengeluaran simpanan KWSP kenapa masih pada umur 55 tahun dan bukannya 56 tahun iaitu umur persaraan bagi anggota perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, 56 tahun adalah umur persaraan bagi anggota perkhidmatan awam, sektor awamlah. Tetapi umur 55 tahun adalah umur yang layak bagi ahli yang membuat pencaruman dan pengeluaran umur.... Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terangkan di sini

*simple* sahaja iaitu di sektor swasta kebanyakan pekerja bersara pada umur 55 tahun dan adalah tidak wajar untuk umur pengeluaran ditingkatkan. Maksudnya ada perbezaan umur persaraan Tuan Yang di-Pertua, iaitu 56 dan 55 tahun. Sebenarnya bila kita sebut, Tuan Yang di-Pertua *at the end of 55 years, 55th year*, dia menjadi 56 tahun, maka dia bersara. Kalau umur 55 tahun bersara, maksudnya dia bersara *at the end of 54 years*. Itu kadang-kadang kita *confused* sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat cadangan supaya perkhidmatan *decentralize*, maksudnya diagih-agihkan kepada negeri-negeri. Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini KWSP memang memusatkan ataupun *centralize* perkhidmatan di pejabat proses di Petaling Jaya. Tujuannya ialah untuk meningkatkan perkhidmatan supaya menjadi lebih efisien. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, sistem ini memang menjadi lebih efisien Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahulah bagaimana? Mungkin ada kes-kes yang tertentu yang menjadi masalah. Tentang perbelanjaan IT RM200 *million*...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, Ini *Call Management Center* yang sekarang ini dikendalikan, *decentralize* di Kuala Lumpur ini. Sebenarnya saya telah menerima banyak aduan dan saya rasa ini yang diketahui oleh pihak-pihak di KWSP dan saya tanya soalan saya sebelum ini, apakah rasional dengan *centralization*? Sebenarnya *decentralization* yang sedia ada untuk beberapa tahun ini yang telah ditest yang begitu lebih bagus, kenapa pula *centralize* dan tidak ada *toll free line* untuk memanggil CMC untuk mereka memberi jawapan dan sebagainya itu? Kerana sekarang hanya pihak-pihak yang ingin memanggil perlu menggunakan telefon mereka sendiri dan saya difahamkan perlu tunggu sehingga setengah jam, satu jam baru mendapat satu jawapan daripada pegawai-pegawai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat biar Yang Berhormat menjawab.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang tujuan yang paling utama ialah untuk meningkatkan prestasi *efficiency plus* urusan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, betul kah ada prosedur ini?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul kah ada prosedur ini?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Prosedur? Tidak, ini memang..

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** CMC ada bukan?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Memang ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul kah ada CMC ini?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Memang CMC memusatkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, memang ada?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, memang ada pengurusan memusatkan dan sebenarnya telah membelanjakan, membeli sistem komputer, *software*, *hardware*, bukanlah sampai RM200 juta, RM100 juta sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya *hardware* yang ada di KWSP adalah *hardware* yang lama dan sejak tahun 1998. Belum, tidak ditukar. Sekarang baru ditukar. RM100 juta dibelanjakan dengan *software* nya sekaligus tetapi perkara yang disebut ini saya harap mendapat perhatian daripada KWSP seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Saya harap mendapat perhatian oleh KWSPlah. Apa hal berlaku tentang *call centre* ini? Ini maklumat tambahan untuk Yang Berhormat bagi Kepong. Bilangan ahli yang tidak dituntut ialah sebanyak 46,235 orang. 46,235 orang - wang yang tidak dituntut. Satu jumlah hampir 46,235 orang yang jumlah kewangan RM119 juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** 100..?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** 119 juta?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Jumlah wang yang tidak dituntut ialah RM119 juta dan jumlah pencarum yang terlibat ialah 46,235 orang.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga..., tentang dakwaan caruman tertunggak oleh syarikat akhbar yang utama. Semakan menunjukkan tiada syarikat akhbar yang mempunyai caruman KWSP tertunggak setakat ini Tuan Yang di-Pertua. Ini maklumat yang telah diberi oleh .....

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya beritahu nama tersebutlah, surat khabar *Tamil Nesan*. Kalau mahu saya boleh bawa pekerja-pekerja dan juga di mana kes itu telah difailkan dan berapakah tunggakan tersebut...

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Baik, saya ambil perhatian.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya berani mencabar!

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tak payah cabarlah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Jawapan yang diberi itu adalah jawapan suatu jawapan yang, suatu penipuan kepada Dewan Yang Mulia ini. Kalau tak tahu, kita cakap tak tahu. Jangan kira mari, ingat saya bodoh...

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Kalau laporan ini tak betul, tak tepat, saya minta maaf.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Semestinya tidak benar.

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Kalau Yang Berhormat bagi maklumat, kita boleh siasat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya sudah beri maklumat sekarang.

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Okey.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Boleh dapat pengesahan tersebut dan sila ambil tindakan tatatertib kalau pegawai tersebut .....

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Bukan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Misleading the House* lah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah pun ambil maklum tentang maklumat daripada Yang Berhormat, dan pihak Yang Berhormat Menteri akan mengesahkan sama ada dakwaan itu betul atau tidaknya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, saya minta maklumat kemudianlah.

Okey, kemudian Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga mempertikaikan terhadap kesahihan jumlah pengeluaran boleh dibuat dalam tempoh 12 bulan sahaja.

Kesahihan ataupun ketepatan jumlah pengeluaran boleh disemak oleh ahli melalui penyata kira-kira yang diedarkan setiap tahun dan penyata juga boleh diperolehi setiap bulan melalui pejabat KWSP, laman web dan e-kiosk. Pertikaian terhadap pengesahan pengeluaran boleh dibuat dalam tempoh enam tahun Tuan Yang di-Pertua. Bukan satu tahun, enam tahun.

Tentang Ipoh Barat juga tentang rasional pelaburan KWSB ke dalam RHB. Prestasi MBSB telah pun kembali pulih dan bagi RHB pula, semua pihak membuat keputusan pelaburan dalam... KWSP berpendapat, RHB mempunyai potensi yang baik pada masa hadapan. Ini bermakna sekarang ini telah pun dipertimbangkan secara halus dan didapati memang ada potensi sebab itulah KWSP telah pun mengambil alih RHB ini.

Kebetulan pengambilan alih RHB ini Tuan Yang di-Pertua memang dahulu MBSB telah pun memasuki bidang yang mereka bukan pakar. Oleh sebab itu dia mengalami kerugian. Oleh sebab itu MBSB berhati-hati dalam perkara ini dan kini MBSB telah pun diarah untuk kembali balik kepada aktiviti yang asal mereka. Bukan lagi mengambil bahagian dalam hartanah kerana mereka tidak ada pengalaman dalam bidang itu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sedikit penjelasan. Sebenarnya pandangan sayalah. Dahulu MBSB rugi kerana tidak ada kepakaran. Saya kata inilah, RHB kerana komersial bank bila berbilion-bilion ringgit sudah rugi baru, dia kata, dia dapat kepakaran.

Dahulu MBSB kerugian kerana dia tidak ada kepakaran. Kepakaran ini bukan satu yang boleh diperolehi dalam beberapa masa. Itu adalah kelayakan dan kebolehan. Dan jika tidak ada kepakaran, tidak ada kepakaranlah. Jangan kita melabur kerana ada asas-asas yang selain daripada peniagaan. Itu cadangan saya, dan pandangan saya.

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih di atas pandangan itu dan sebab itulah kita mengambil perhatian serius dalam hal MMSB ini dan mereka telah diarah untuk kembali balik kepada aktiviti asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada maklumat tambahan untuk Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Tentang *Tamil Nesan* tadi. Pada mulanya memang ada caruman tertunggak tetapi telah

pun dijelaskan oleh majikan tersebut setelah tindakan diambil oleh pihak KWSP. Boleh *satisfy you?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, cukuplah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya difahamkan lagi, wang itu tertunggak kerana saya dapat telefon semalam mengatakan bayaran belum dibayar. Kita tahu pemunya *Tamil Nesan* adalah Yang Berhormat bagi Sungai Siput dan keluarga beliau. Saya difahamkan... kerana menyusahkan pekerja-pekerja di sana, berjuta-juta ringgit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat. Besok ada masa lagi kalau dapat penjelasan lebih lanjut lagi boleh diberikan, kalau ada.

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** *One more* untuk Seputeh. Ini maklumat tambahan lagi untuk Yang Berhormat bagi Seputeh. Dalam hal yang disebut tadi, takoh Tan Sri Halim ini, beliau sebenarnya tidak terlibat dalam keputusan pembelian bon Malakoff itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah terlibat dalam perbincangan ini dan saya amat berharaplah, pindaan ini dapat diluluskan oleh Dewan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi dalam jawatankuasa. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 9.06 malam.***